

**APLIKASI HADITH AMAL JAMA'I DALAM AL-
SAHIHAYN: KAJIAN TERHADAP USAHAWAN AL-
WAHIDA MARKETING SDN BHD**

MOHD NIZHO BIN ABD RAHMAN

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

**APLIKASI HADITH AMAL JAMA'I DALAM AL-S
AHIHAYN: KAJIAN TERHADAP USAHAWAN AL-
WAHIDA MARKETING SDN BHD**

MOHD NIZHO BIN ABD RAHMAN

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR
FALSAFAH**

**JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2015

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : MOHD NIZHO BIN ABDUL RAHMAN :

No. Pendaftaran / Matrik : IHA070074

Nama Ijazah : IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PhD)

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (Hasil Kerja)

”Aplikasi Hadith ‘Amal Jamā’ī Dalam Al-Ṣaḥīḥayn : Kajian Terhadap Usahawan Al-Wahida Marketing Sdn Bhd”.

Bidang Penyelidikan : Pengajian Hadith

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengakui bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis hasil kerja ini;
2. Hasil kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan dalam hasil kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan hasil kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja kepada Universiti Malaya (UM) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan;

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan isu berkaitan pengurusan Islam yang mampu mendorong kepada kesedaran tentang kehebatan sumber Islam yang pernah ditinggalkan oleh Nabi S.A.W. Berasaskan penyelidikan keperpustakaan dan lapangan, kajian ini dilakukan untuk menganalisis konsep *Amal Jama'i* (kerja berpasukan) dalam *al-Sahihayn* dan aplikasinya terhadap usahawan al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. Selalunya, ilmu yang berkaitan dengan pengurusan terutamanya *Amal Jama'i* hanya diangkat martabatnya oleh sarjana konvensional, malah terdapat sarjana Islam sendiri yang merasa kagum dengan teori yang diketengahkan oleh sarjana konvensional dalam kajian mereka. Walaupun sarjana konvensional memperkenalkan teori-teori mereka tentang *Amal Jama'i*, namun di sana terdapat perbezaan yang ketara disebabkan Islam tidak membincang sesuatu konsep itu hanya berdasarkan material semata-mata, malah penekanan juga diberikan dalam aspek spiritual. Selain itu, laporan akhbar tempatan menunjukkan sebahagian besar syarikat yang dikendalikan oleh usahawan MLM yang menjalankan operasi mereka tidak menepati syariat serta meragukan. Bagi memperjelaskan isi ini, kajian ini dibuat untuk melihat konsep *Amal Jama'i* dalam pengurusan Islam dan konvensional. Kajian ini juga, menganalisis *fiqh hadith* berkaitan *Amal Jama'i* dalam *al-Sahihayn*, disamping menilai kefahaman usahawan al-Wahida terhadap prinsip *Amal Jama'i* sebagai budaya kerja mereka. Bagi memperkukuhkan kajian yang dilakukan, metodologi yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif digunakan untuk melihat kejayaan pengurusan Islam yang melibatkan *Amal Jama'i* yang pernah dipraktik oleh Nabi S.A.W dan para Sahabat. Dalam masa yang sama, kajian dibuat untuk melihat perkaitannya dengan organisasi al-Wahida Marketing Sdn.Bhd yang menjalankan operasi mereka menurut kaedah pengurusan Islam. Justeru, sampel kajian yang melibatkan seramai 144 orang usahawan yang pernah mendapat anugerah daripada Syarikat HPA dijadikan bahan kajian. Responden yang dipilih adalah melibatkan usahawan yang berpangkat dan usahawan biasa dalam al-Wahida di seluruh Malaysia. Data kajian ini, dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 19.0*. Melalui pengukuran ini, maka wujudnya signifikan antara pola hubungan *Amal Jama'i* di zaman Nabi S.A.W dengan *Amal Jama'i* yang dilakukan oleh usahawan al-Wahida. Ianya wujud pada sesetengah pengurusan dan tidak pula pada sesetengah yang lain. Hasil kajian mendapati, *Amal Jama'i* merupakan aspek penting dalam pengurusan Islam. Manakala elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen adalah merupakan pengukuh kepada *Amal Jama'i* itu sendiri. Seterusnya, hasil kajian mendapati bahawa hadith hijrah adalah merupakan aspirasi kepada konsep *Amal Jama'i* dalam pengurusan Islam. Selain itu, kajian ini menjadikan hadith yang berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat (tingkah laku) sebagai pengukur kepada *Amal Jama'i*. Hasil kajian seterusnya, turut dilaporkan dalam bentuk deskriptif dan disokong dengan data-data yang dikumpul serta hujah dan dapatan kajian lalu.

ABSTRACT

This research focuses on issues related to management based on the Islamic perspective which bring to the awareness on the excellence of Islamic resources as guidelines originated from the legacies of the Prophet P.B.U.H. Based on field and archival studies, this research was conducted to analyze the concept of *AmalJama'I* (team work) in *al-Sahihayn* (authentic sources of Islamic faith after Al-Quran by Al-Bukhari and Muslim) and its applications on entrepreneurship by al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. Commonly, the knowledge regarding to management especially *AmalJama'i* is propagated by conventional scholars and some Muslims scholars have been impressed with the conventional theories. Even though conventional scholars had introduced their *AmalJama'i* theories but these are different from the Islamic approach to management because Islam does not discuss a certain concept merely on material gains but emphasize on the spiritual aspect as well. Apart from that, local newspapers reported that the business operations run by majority of MLM companies are not *syariah* compliance and doubtful. In an effort to explain this issue, this research is conducted to observe the concept of *AmalJama'i* in the Islamic and conventional business settings. It also analyzed *fiqh hadith* in the *al-Sahihayn*, as well as evaluated Al Wahida entrepreneurs' understanding on the *AmalJama'i* principles as their work culture. Both qualitative and quantitative methodologies were utilized to strengthen the research and to prove the effectiveness of the Islamic perspective management in regards to *AmalJama'I* which had been the practice of the Prophet P.B.U.H and his companions. At the same time, the research also tends to observe its relation to the al-Wahida Marketing Sdn.Bhd management which runs their business operations according to the Islamic perspective management. A sample of 144 entrepreneurs who had won awards from HPA Company was selected as research material. The respondents chosen represented from both high level and ordinary entrepreneurs in the al-Wahida business network throughout Malaysia. Data were analyzed with *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 19.0* software. Based on the results, there was a significant relationship pattern between *AmalJama'i* practiced during the time of the Prophet P.B.U.H with the *AmalJama'i* practiced by the al-Wahida entrepreneurs in certain areas of their business management. The research findings showed that *AmalJama'i* is an important aspect in the Islamic perspective management. Elements of trust, sharing and commitment are pillars of the *AmalJama'i* concept. The findings also showed that the *hadith* on *hijrah* (migration) also serves as an aspiration in this concept as well. In addition, this research has selected the *hadith* (tradition of the Prophet P.B.U.H) in the forms of words, actions, acknowledgments and behaviors as guidelines to assess the practice of *AmalJama'i*. Other findings of the research are also reported in a descriptive form supported by the data collected and arguments as well as previous research findings.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah dan selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W yang membawa rahmat ke seluruh alam. Sekelian keluarga Baginda S.A.W serta para sahabat yang mendapat pertunjuk serta hidayah dari Allah. Penulis amat bersyukur kepada Allah yang tidak terhingga di atas segala ruang dan kelapangan masa yang dianugerahkan olehNya bagi menyiapkan kajian dan penyelidikan ini dengan baik.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga buat penyelia saya Profesor Madya Dr. Ishak Hj Suliaman yang banyak membantu memberi idea, buah fikiran dan panduan kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan. Penghargaan juga ditujukan kepada kakitangan Universiti Malaya yang terlibat membantu memudahkan proses pendaftaran, surat menyurat, proses pembayaran yuran pengajian dan sebagainya seperti Institut Pengajian Siswazah, Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam, Jabatan al-Quran dan al-Hadith serta Jabatan Bendahari Universiti Malaya.

Seterusnya, penghargaan juga ditujukan kepada guru statistik saya, Dr Mohd Sobhi Ishak yang banyak membantu memahami penulis berkaitan dengan kajian yang melibatkan statistik. Tidak lupa juga penghargaan ditujukan kepada semua responden kajian dari kalangan usahawan al-Wahida samaada berpangkat ataupun tidak dalam kalangan PJS, PJE, Pengarah Pemasaran, usahawan biasa dan semua warga kerja HPA al-Wahida Makerting Sdn. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya kepada Pengarah Urusan Tuan Haji Ismail yang membenarkan saya menggunakan segala kemudahan, tempat dan sebagainya bagi menjayakan kajian ini. Tidak lupa penghargaan kepada 10 orang yang menjadi tulang belakang AWM HPA yang memberi kerjasama yang baik dalam menyiapkan kajian ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan buat Dr Monika @ Munirah Abd Razzak selaku Ketua Jabatan al-Quran & al-Hadith, pensyarah-pensyarah di Jabatan al-Quran & al-Hadith, Prof Madya Dr Fauzi Deraman, Dr Faisal Ahmad Shah dan Profesor Dato' Dr Zulkifli Bin Yaakob. Tidak lupa kepada rakan sepengajian penulis Dr Mohd Shukri Bin Hanafi dari Universiti Sains Malaysia yang banyak membantu memberi buah fikiran dan Dr Wan Nasaruddin Bin Wan Daud dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang sedikit sebanyak memberi nasihat dan motivasi bagi menjayakan penulisan ini.

Penghargaan buat isteri yang tercinta, Mariatul Kabariah Binti Suboh yang banyak membantu memberi motivasi dan dorongan sepanjang kajian dan penulisan ini dilakukan. Seterusnya, kepada kedua ibu bapa penulis (Udoh Binti Senapi dan Abdul Rahman Bin Abdullah) dan ibu bapa mentua penulis (Che Putih Binti Abu Bakar dan Suboh bin Md Noor) serta adik beradik dan semua ahli keluarga termasuk di sebelah ibu dan bapa mertua yang banyak memberi nasihat dan dorongan terhadap penulis bagi menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga penghargaan buat sahabat-sahabat yang banyak membantu di antaranya Dr Solahuddin Abdul Hamid, Dr Solahuddin Ismail, Dr Mahyuddin Abu Bakar, Prof Madya Dr Kamaruddin dan rakan-rakan sejabatan dengan penulis di UUM dan semua mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan kajian yang dilakukan ini

Akhir sekali, segala kerjasama yang diberikan dan sumbangan serta buah fikiran oleh kalian semua sudah pastinya mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T. Sesungguhnya Allah S.W.T sahaja yang layak membalas jasa baik kalian semua. Semoga kajian yang tidak seberapa ini dapat dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja bukan hanya dalam bidang akademik, tetapi menjadi panduan dan pengajaran kepada mereka yang terlibat dalam bidang pengurusan serta segenap lapisan masyarakat dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan Islam yang melibatkan Sunnah Nabawi.

Mohd Nizho Bin Abdul Rahman
Jabatan Al- Quran dan Al-Hadith
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
Kuala Lumpur
H/P: +6019-4315987

DAFTAR KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
DAFTAR KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xvi
 PENDAHULUAN	
0.1. Pengenalan	1
0.2. Latarbelakang Permasalahan Kajian	2
0.3. Persoalan Kajian	11
0.4. Objektif Kajian	11
0.5. Kepentingan Kajian	12
0.6. Skop Kajian	13
0.7. Ulasan Penulisan (Literature Review)	14
0.8. Metodologi Kajian	25
0.8.1. Metodologi Pengumpulan Data	26
0.8.1.1. Metodologi Penyelidikan Perpustakaan	27
0.8.1.2. Metodologi Dokumentasi	27
0.8.2. Metodologi Penyelidikan Lapangan	28
0.8.2.1. Metodologi Soal Selidik	28
0.8.2.2. Kesahan Kandungan	29
0.8.2.3. Metodologi Temubual	32
0.8.2.4. Populasi dan Persampelan Kajian	34
0.8.2.5. Analisis Penerokaan Data	35
0.8.2.6. Metodologi Pemerhatian	36
0.8.2.7. Kesahan Konstruk	36
0.8.2.8. Pra uji Kebolehpercayaan Konstruk	39
0.8.3. Metodologi Analisis Data	40
0.8.3.1. Metodologi Induktif	40
0.8.3.2. Metodologi Deduktif	41
0.8.3.3. Metodologi Kuantitatif	41
0.9. Sistematika Kajian	41
 BAB I: KONSEP 'AMAL JAMĀ'Ī	
1.1. Pendahuluan	44
1.2. Asas Dan Kefahaman Berkaitan 'Amal Jamā'ī	44
1.2.1. Konsep dan Pengertian 'Amal Jamā'ī	48
1.2.2. 'Amal Jamā'ī dari Sudut Bahasa	48
1.2.3. 'Amal Jamā'ī dari Sudut Istilah	50
1.3. Konsep 'Amal Jamā'ī Menurut Perspektif Islam	56

1.4.	Pandangan Sarjana Islam Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	64
1.5.	Diagram ' <i>Amal Jamā'ī</i> Menurut Perspektif Islam	68
1.6.	Definisi ' <i>Amal Jamā'ī</i> Menurut Perspektif konvensional	70
1.7.	Konsep ' <i>Amal Jamā'ī</i> Menurut Perspektif konvensional	72
1.8.	Elemen Utama ' <i>Amal Jamā'ī</i>	76
1.8.1.	Kepercayaan	79
1.8.2.	Perkongsian	81
1.8.3.	Komitmen	82
1.9.	' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam al-Quran	84
1.10.	Bilangan Ayat al-Quran Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	89
1.11.	Hadith Tematik Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	95
1.12.	Bilangan Hadith Tematik Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	103
1.13.	Kesimpulan	113

BAB II: PENGENALAN HADITH MAWḌŪ'Ī DAN HADITH-HADITH 'AMAL JAMĀ'Ī DALAM AL-SAHIHAYN

2.1.	Pendahuluan	116
2.2.	Definisi Hadith <i>Mawḍū'ī</i> (Tematik)	117
2.3.	Pengenalan Kepada Hadith <i>Mawḍū'ī</i> (Tematik) Dan Hubungkaitnya Dengan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	119
2.4.	Himpunan Hadith-Hadith ' <i>Amal Jamā'ī</i>	121
2.4.1.	Hadith ' <i>Amal Jamā'ī</i> di dalam Ṣaḥīḥ al-Bukhārī	130
2.4.2.	Hadith ' <i>Amal Jamā'ī</i> di dalam Ṣaḥīḥ Muslim	155
2.5.	Kesimpulan	183

BAB III: LATAR BELAKANG AL-WAHIDA MARKETING SDN BHD

3.1.	Pendahuluan	185
3.2.	Pemilihan Organisasi	185
3.3.	Sejarah Penubuhan Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	186
3.4.	Latar Belakang AWM	187
3.5.	Pengurusan Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	189
3.5.1.	Organisasi dan Staf Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	190
3.5.2.	Aktiviti Syarikat Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	191
3.5.2.1.	Produk Pemasaran Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	191
3.5.2.2.	Pemasaran	192
3.5.2.3.	Strategi Pemasaran	192
3.5.2.4.	Multi Level Marketing	192
3.5.2.5.	Promosi Melalui Media Masa	193
3.5.2.6.	Sistem Penghantaran	193
3.5.2.7.	Kaedah Penjualan	194
3.5.2.8.	Pesaing Dan Potensi Pelanggan	194
3.5.3.	Operasi Syarikat Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	196
3.5.4.	Bahan Mentah	196
3.5.5.	Bekalan Pekerja dan Kaedah Pengambilan	197
3.5.6.	Sijil Yang Diiktiraf	197
3.5.7.	Carta Proses Dari Kilang Ke Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	198
3.6.	MLM Syariah Dalam Al-Wahida	199
3.7.	Prinsip Utama MLM Syariah Al-Wahida	201
3.8.	Ciri-ciri MLM Syariah HPA	202
3.9.	Perbezaan MLM Dan Money Game	204

3.10.	Hukum Dan Fatwa MLM	207
3.11.	Prinsip AWM berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	208
3.12.	Sepuluh Prinsip Hidup Staf Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	209
3.13.	Pengiktirafan Terhadap HPA Di Bawah Kelolaan Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	209
3.14.	Konsep ' <i>Amal Jamā'ī</i> Yang Diamalkan Al-Wahida HPA	210
3.14.1.	' <i>Amal Jamā'ī</i> Yang Berbentuk Material	211
3.14.2.	' <i>Amal Jamā'ī</i> Yang Berbentuk Spiritual	213
3.14.3.	Kepercayaan	215
3.14.4.	Perkongsian	216
3.14.5.	Komitmen	217
3.15.	Kesimpulan	218

BAB IV: HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1.	Pendahuluan	221
4.2.	Bahagian Pertama: Dapatan Kajian Mengenai Konsep dan Penilaian Terhadap ' <i>Amal Jamā'ī</i>	222
4.2.1.	Objektif Pertama	222
4.2.2.	Objektif Kedua	224
4.3.	Bahagian Kedua: Aplikasi Konsep ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Kalangan Usahawan MLM Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	235
4.3.1.	Profil Responden	235
4.4.	Ciri-Ciri Usahawan MLM Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	238
4.4.1.	Pendapatan Tetap Bulanan	238
4.4.2.	Pengalaman Sebagai Usahawan	239
4.4.3.	Minat Dalam Bidang Usahawan	240
4.4.4.	Kedudukan Pencapaian Dalam HPA	240
4.5.	Penguasaan Kefahaman Terhadap MLM Syariah HPA	241
4.6.	Penelitian Konsep Kerja Berpasukan	241
4.6.1.	Elemen Kepercayaan dalam Kerja Berpasukan	242
4.6.2.	Elemen Perkongsian dalam Kerja Berpasukan	248
4.6.3.	Elemen Komitmen dalam Kerja Berpasukan	255
4.7.	Perbandingan Keutamaan Antara Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen Kerja Berpasukan	260
4.8.	Gambaran Kedudukan Tahap Penghayatan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Usahawan MLM al-Wahida Marketing Sdn. Bhd.	261
4.9.	Model ' <i>Amal Jamā'ī</i>	262
4.10.	Pandangan Peribadi Usahawan	263
4.10.1.	Kefahaman Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i> Dalam Kalangan Usahawan MLM Al-Wahida	263
4.10.2.	Pandangan Peribadi Usahawan Berhubung Dengan Kepercayaan, Perkongsian Dan Komitmen Mereka Dalam Pasukan	268
4.10.2.1.	Pandangan Peribadi Usahawan Berkaitan Dengan Kepercayaan	268
4.10.2.2.	Pandangan Peribadi Usahawan Berkaitan Dengan Perkongsian	273
4.10.2.3.	Pandangan Peribadi Usahawan Berkaitan Dengan Komitmen	279
4.11.	Kepentingan Membentuk Usahawan Berdasarkan Kepada Elemen Percaya, Kongsy Dan Komitmen	287
4.12.	Cadangan Penambahbaikan Bagi Memantapkan Kepentingan ' <i>Amal Jamā'ī</i> Kepada Al-Wahida Marketing Sdn Bhd	289
4.13.	Kesimpulan	291

BAB V: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1.	Pendahuluan	293
5.2.	Pencapaian Kajian	296
5.2.1.	Pencapaian Objektif Pertama	296
5.2.2.	Pencapaian Objektif Kedua	297
5.2.3.	Pencapaian Objektif Ketiga	298
5.3.	Cadangan Dan Saranan	299
5.3.1.	Pengkaji di Kalangan Pelajar Bidang Pengajian Islam dan Aliran Biasa	300
5.3.2.	Pihak Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia	301
5.3.3.	Pihak Berwajib yang Terdiri daripada Jabatan Kerajaan seperti JAKIM, Majlis Agama Islam dan lain-lain	302
5.3.4.	Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri	303
5.4.	Kesimpulan	304

BIBLIOGRAFI	305
--------------------	-----

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A : Surat-Surat Rasmi dan Pengesahan

- i. Surat sokongan dan pengesahan kajian
- ii. Surat Kebenaran menjalankan kajian
- iii. Surat Perlantikan Panel Penilai Soalselidik

Lampiran B : Borang Kaji Selidik
: Analisis (Out put)

Lampiran C : Contoh Soalan Temubual

SENARAI JADUAL

Bil.	Perkara	Halaman
Jadual 0.1	: Ujian Kesahan Konstruk Pemboleh Ubah Kepercayaan	37
Jadual 0.2	: Ujian Kesahan Konstruk Pemboleh Ubah Perkongsian	38
Jadual 0.3	: Ujian Kesahan Konstruk Pemboleh Ubah Komitmen	39
Jadual 0.4	: Prauji Nilai Kebolehpercayaan Konstruk Kajian	40
Jadual 1.1	: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Al-Qur'an	89
Jadual 1.2	: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Surah Tertentu Berkaitan Elemen Kepercayaan	91
Jadual 1.3	: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Surah Tertentu Berkaitan Elemen Perkongsian	92
Jadual 1.4	: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Surah Tertentu Berkaitan Elemen Komitmen	94
Jadual 1.5	: Hadith-hadith Tematik Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i>	103
Jadual 1.6	: Taburan Jumlah Bilangan Hadith-Hadith Tematik Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Riwayat yang Berbagai Berkaitan Elemen Kepercayaan	107
Jadual 1.7	: Taburan Jumlah Bilangan Hadith-Hadith Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Riwayat yang Berbagai Berkaitan Elemen Perkongsian	108
Jadual 1.8	: Taburan Jumlah Bilangan Hadith-Hadith Tematik Tentang ' <i>Amal Jamā'ī</i> dalam Riwayat Yang Berbagai Berkaitan Elemen Komitmen	111
Jadual 2.1	: Taburan Jumlah Bilangan Hadith Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i> yang terdapat di dalam Kitab <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	122
Jadual 2.2	: Taburan Jumlah Bilangan Hadith Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i> yang terdapat di dalam <i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	123
Jadual 2.3	: Gambaran Secara Keseluruhan Berkaitan Tiga Elemen Utama dalam <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i> dan <i>Muslim</i>	125
Jadual 2.4	: Taburan jumlah bilangan hadith berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i> Mengikut Bab yang terdapat di dalam <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	127
Jadual 2.5	: Taburan Jumlah Bilangan Hadith Berkaitan ' <i>Amal Jamā'ī</i> Mengikut Bab yang Terdapat di dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	128
Jadual 3.1	: Organisasi dan Staf AWM	190
Jadual 3.2	: Perbezaan MLM dan <i>Money Game</i>	205
Jadual 4.1	: Profil Responden Mengikut Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan	236
Jadual 4.2	: Profil Responden Mengikut Tahap Pendidikan	237
Jadual 4.3	: Ciri Keusahawanan Mengikut Pendapatan Tetap/Bulanan	239
Jadual 4.4	: Ciri Usahawan Mengikut Pengalaman Sebagai Usahawan	239
Jadual 4.5	: Ciri Usahawan Mengikut Minat Dalam Bidang Keusahawanan	240
Jadual 4.6	: Ciri Usahawan Mengikut Kedudukan Pencapaian Dalam HPA	241
Jadual 4.7	: Ciri Usahawan Mengikut Penguasaan Kefahaman Terhadap MLM Syariah HPA	241
Jadual 4.8	: Elemen Kepercayaan Dalam Kerja Berpasukan	247
Jadual 4.9	: Elemen Perkongsian Dalam Kerja Berpasukan	254

Jadual 4.10 :Elemen Komitmen Dalam Kerja Berpasukan	259
Jadual 4.11 :Perbandingan Keutamaan Antara Aspek Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen Dalam Kerja Berpasukan	261
Jadual 4.12 :Tahap Penghayatan Kerja Berpasukan dalam Kalangan Usahawan Al-Wahida yang melibatkan Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen	261
Jadual 4.13 :Taburan Kepercayaan Merupakan Motivasi kepada Kerja Berpasukan	270
Jadual 4.14 :Taburan Kepercayaan Merupakan Asas Utama kepada Kerja Berpasukan	270
Jadual 4.15 :Taburan Kepercayaan Pasukan Wujud Apabila Kebebasan Komunikasi Diberikan	271
Jadual 4.16 :Taburan Perkongsian Lahir daripada Kepercayaan yang Tinggi	275
Jadual 4.17 :Taburan Perkongsian Wujud Setelah Mendapat Kepercayaan Dari Rakan dan Ketua	276
Jadual 4.18 :Taburan Kesanggupan Berkongsi Kerana Islam	277
Jadual 4.19 :Taburan Kejayaan Akan Tercapai Apabila Wujud Perkongsian	277
Jadual 4.20 :Taburan Komitmen Apabila Memahami Matlamat Yang Jelas	280
Jadual 4.21 :Taburan Komitmen Lahir Dari Kepercayaan Dan Perkongsian	281

SENARAI RAJAH

Bil.	Perkara	Halaman
Rajah 2.1	:Carta Pei Menunjukkan Taburan Jumlah Bilangan Hadith ' <i>Amal Jamā'ī</i> Berkaitan Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen yang Terdapat di dalam <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	124
Rajah 2.2	:Carta Pei Menunjukkan Taburan Jumlah Bilangan Hadith-Hadith ' <i>Amal Jamā'ī</i> Berkaitan Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen yang Terdapat di dalam <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	125
Rajah 2.3	: Pemilihan Hadith Dalam <i>Ṣaḥīḥayn</i>	126
Rajah 3.1	: Carta Proses dari Kilang HPA ke AWM	198
Rajah 4.1	: Model ' <i>Amal Jamā'ī</i> Berdasarkan Elemen Kepercayaan, Komitmen dan Perkongsian	262

PANDUAN TRANSLITERASI

Panduan Transliterasi ini adalah berdasarkan *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi	Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ع	a, 'a	ط	t
ب	b	ظ	z
ت	t	ع	'
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	h	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	ه	h
س	S	و	w
ش	Sh	ي	y
ص	S	ة	h
ض	D		

Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
- (Fathah)	A	قنات	qanata
- (Kasrah)	I	سلم	salima
' (Dommah)	U	جعل	ju'ila

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ي \ ا	A	كبرى \ باب	bab / kubra
ي	I	وكيل	wakil
و	U	سورة	surah

Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
وْ	Aw	قول	qawl
ي -	Ay	خير	khayr
و -	Uww	قوة	quwwah
ي -	iy/i	عربي	'arabiy/i

SENARAI KEPENDEKAN

Kependekan

Kepanjangan

HPA	:	Herba Penawar al-Wahida
AWM	:	Al-Wahida Marketing Sdn Bhd.
MLM	:	Multi Level Marketing
eds.	:	Editor
MAHA	:	Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia
UIA	:	Universiti Islam Malaysia
UM	:	Universiti Malaya
UUM	:	Universiti Utara Malaysia
UPM	:	Universiti Putra Malaysia
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
USM	:	Universiti Sains Malaysia
ODQ	:	Organization Development Questionnaire
PJS	:	Pingat Jati Setia
PJE	:	Pingat Jati Emas
IKIM	:	Institut Kefahaman Islam Malaysia
Peny.	:	Penyunting
SAW	:	<i>Sallallah 'alaihi wa sallam</i>
S.W.T.	:	<i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
t.th.	:	Tanpa Tahun
terj.	:	Terjemahan
MBTI	:	Myers- Briggs Type Indicator
PIC	:	Perkongsian Ilmu Cemerlang
PBC	:	Perkongsian Bijak Cemerlang
R&D	:	Penyelidikan dan Pembangunan
MIS	:	Pengurus Besar Sistem Maklumat
HHC	:	Herbal Health Consultant
GMP	:	Good Manufacturing Practice
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
RFC	:	Radix Fried Chicken
SIRIM	:	Standards and Industrial Research Institute of Malaysia

PENDAHULUAN

0.1 Pengenalan

Kajian ilmiah yang dilakukan ini bertajuk “*Aplikasi Hadith ‘Amal Jamā’ī¹ Dalam Al-Ṣaḥīḥayn: Kajian Terhadap Usahawan Al-Wahida Marketing Sdn. Bhd.*” merupakan satu kajian dalam bidang hadith yang memberi tumpuan tentang analisis teks hadith Nabi Muhammad S.A.W secara tematik (bertajuk) sama ada pada lafaz ataupun pada makna. Kajian ini juga, bertujuan mengenengahkan sistem pengurusan Islam yang sudah sedia ada di zaman Nabi Muhammad S.A.W dan dikaitkan dengan sistem pengurusan semasa. Justeru, kajian yang dilakukan ini mengkaji sistem pengurusan semasa apakah ianya bertepatan dengan kehendak Islam dan selari dengan manhaj yang telah digariskan oleh Baginda Nabi Muhammad S.A.W. Tidak dapat dinafikan pengkajian dalam bidang hadith adalah luas, bukan sahaja tentang matan hadith, sanad, rawi dan sebagainya. Ianya juga melihat kepada sesuatu pengamalan dan penghayatan hidup Nabi Muhammad S.A.W yang akan dijadikan sebagai panduan hidup kepada umatnya. Firman Allah SWT:-

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Al-Aḥzab 33: 21

Terjemahan: Sesungguhnya bagi diri kamu terhadap Rasulullah adalah ikutan yang baik².

¹ ‘*Amal Jamā’ī*’ adalah perkataan dalam bahasa arab yang membawa maksud kerja berpasukan. Selepas ini perkataan ‘*Amal Jamā’ī*’ digunakan pada kebanyakan tempat kecuali pada tempat tertentu yang masih menggunakan perkataan kerja berpasukan.

² Terjemahan ayat al-Quran secara keseluruhannya adalah bersumberkan kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Syeikh Abdullah bin Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, cet. ke-6, (Kuala Lumpur : Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri, 1968)

Al-Ṭabarī menyatakan bahawa ayat di atas adalah merupakan suatu perintah terhadap orang-orang yang beriman supaya mengikuti Nabi Muhammad S.A.W dalam semua keadaan dan bersama Baginda di mana sahaja mereka berada serta tidak membelakangi Baginda Nabi Muhammad S.A.W.³ Ibn Kathīr menyatakan hendaklah menjadikan Nabi Muhammad S.A.W sebagai ikutan dan menjadikan Baginda sebagai idola di sebalik kesempurnaannya.⁴ Al-Qurtubi pula menyatakan bahawa mengikut Nabi Muhammad S.A.W adalah berdasarkan apa sahaja yang boleh dijadikan suri tauladan samada perbuatannya dan apa sahaja yang dilakukannya berdasarkan tindak tanduknya⁵.

Secara umumnya, bab pendahuluan ini akan menjelaskan perkara yang berkaitan hala tuju dan matlamat kajian. Oleh yang demikian, bab ini akan membincangkan tentang latar belakang dan permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif, kepentingan kajian, skop kajian, sorotan karya dan metodologi yang diguna pakai sepanjang kajian ini dilakukan serta sistematika penulisan. Berpandukan kaedah dan sistem ini, maka kajian yang dibuat dapat memberi gambaran yang jelas terhadap penyelidikan yang dijalankan.

0.2 Latar Belakang dan Permasalahan Kajian

Terdapat organisasi, usahawan dan peniaga yang menggunakan penjenamaan Islam sebagai asas kepada perniagaan, operasi dan gerak kerja mereka. Sebaliknya, apabila dilihat dari aspek pengurusan gerak kerja, perkara tersebut tidak berlaku sebagaimana yang

³ Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jāmi' al-Bayān Fī Ta'wil al-Qur'an*. (Riyadh: Muassasah al-Risālah, 2000), 20: 235.

⁴ Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Aẓīm* (Riyadh: Dār al-Tayyibah lī al-Naṣr wa al-Tawzi', 1999), 6:391.

⁵ Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *Tafsīr al-Qurṭubī* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 14:155.

dikehendaki dalam Islam. Kenyataan ini disokong dalam satu laporan akbar tempatan *Kosmo* yang mendedahkan tentang sebahagian besar daripada 1,411 syarikat MLM yang tidak menepati syariat Islam. Selain itu, apakah wujud kepercayaan, perkongsian dan komitmen usahawan dalam menjalankan perniagaan mereka. Dr. Zaharuddin Abd. Rahman berkata, kebanyakan daripada operasi syarikat MLM yang terdapat di negara ini berada dalam keadaan yang meragukan. Kita mendapati keraguan itu wujud daripada banyak sudut seperti kontrak, pelan, pemberian bonus, komisen, cara pemasaran dan melanggar adab-adab serta etika perniagaan⁶. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat apakah wujud keraguan seperti yang didakwa. Dari sudut yang lain, wujudnya logo-logo halal yang menjadi *Bench Mark* kepada usahawan yang menceburi bidang perniagaan, bertujuan mempamirkan apa yang di niagakan itu adalah berteraskan syarak.

Justeru, apakah perkara ini benar-benar menjadi kenyataan sepertimana yang dipamerkan. Menurut Mohd Asri Zainal Abidin, Islam dipergunakan untuk keuntungan peribadi, perniagaan, politik dan lain-lain. Malangnya, dalam masyarakat hari ini, banyak keadaan menunjukkan Islam itu tidak lebih daripada alat yang dipergunakan untuk kepentingan mereka. Islam diperlakukan oleh sesetengah pihak bagi pelaris kepada barang jualan. Oleh yang demikian, penggunaan imej Islam yang melibatkan produk tertentu dengan menjadikan nan-nas agama yang dieksploitasikan bertujuan mempengaruhi orang awam adalah suatu yang lari daripada matlamat asal agama. Ini kerana, imej Islam yang disandarkan kepada syarikat tertentu adalah untuk kepentingan peribadi bukannya untuk

⁶ Junhairi Alyasa, "MLM Tidak Patuh Syariat Islam" laman sesawang *Kosmo*, dicapai 5 April 2015, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=1004&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_10.htm

mendauletkan agama⁷. Justeru, subjek kajian yang akan dilakukannya seharusnya wujud unsur-unsur penghayatan terhadap sunnah Nabi Muhammad S.A.W. Justeru, sebuah syarikat bumiputera yang dikenali sebagai Al-Wahida Marketing Industries Sdn. Bhd. (Al-Wahida)⁸ yang mempunyai usahawan berkonsepkan pemasaran pelbagai peringkat (*multi level marketing* – MLM) yang dikatakan melaksanakan '*Amal Jamā'ī*' telah dijadikan sampel kajian kerana syarikat ini mendakwa menggunakan prinsip syariah dalam melaksanakan budaya kerja Islam secara berpasukan. Pendekatan yang digunakan dalam mengurus syarikat adalah berdasarkan prinsip yang dianjurkan oleh Islam bagi memilih kakitangan melaksanakan operasi mereka.⁹ Persoalannya, sejauhmanakah kerja berpasukan menjadi budaya kerja mereka bagi merealisasikan matlamat mewujudkan al-Wahida yang mampu melahirkan usahawan yang berjaya apabila Islam dijadikan sebagai panduan dan pegangan kepada operasi peniagaan mereka.

Maka, apakah benar sistem yang didokong dan dibentuk bersama itu menjadi suatu sistem yang menjadi pegangan mereka seperti menerapkan amalan Islam di dalam pekerjaan, produk halal tanggungjawab bersama, rawatan menurut Islam dan lain-lain. Inilah yang membezakan budaya kerja usahawan Al-Wahida seperti yang didakwa jika dibandingkan dengan usahawan yang lain. Keadaan ini sama seperti yang dinyatakan oleh Robbins (2001), tentang sesuatu budaya kerja yang dibina merujuk kepada sebuah sistem yang didokong dan dibentuk bersama oleh warga organisasi yang menyebabkan ianya berbeza

⁷ Mohd Asri Zainal Abidin, "Jangan Salahgunakan Agama Untuk Kepentingan", laman sesawang *Minda Tajdid*, artikel diterbitkan pada 21 September 2008, dicapai 5 April 2015, <http://drmaza.com/home/>.

⁸ Al-Wahida adalah merupakan anak syarikat HPA yang berfungsi memasarkan barangan keluaran HPA melalui konsep sistem Multi Level Marketing (MLM) dan ditubuhkan pada 10 Januari 1997 serta mendapat lesen di bawah Akta Jualan Langsung dari Kementerian Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

⁹ Ahmad Adnan bin Fadhil, *Soal Jawab MLM Syariah HPA* (Kuala Lumpur: Islamic Book Store Teknologi HPA Sdn. Bhd, 2010), 25.

dengan organisasi yang lain¹⁰. Selain itu, Ahmad Surianshah (2010) juga menyatakan bahawa budaya kerja yang dibentuk dan didukung bersama oleh sesuatu organisasi akan menjadi ciri khas yang mewarnai organisasi yang berkaitan dan ianya berbeza dengan organisasi yang lain meskipun operasi sesuatu organisasi itu sama¹¹. Masyarakat umumnya mengetahui bahawa apabila disebut HPA yang dikelola oleh usahawan Al-Wahida, mereka akan dikaitkan dengan produk barangan Islam, usahawan yang memperjuangkan barangan dan produk halal, budaya kerja dan nilai-nilai Islam dalam mengurus perniagaan mereka. Inilah yang dikatakan ciri-ciri khas yang mewarnai organisasi mereka dengan yang lain¹². Pengarah urusan HPA sendiri pernah mengeluarkan perutusan dengan menyatakan:

“Sesungguhnya perjuangan kita adalah jihad yang memerlukan karamah ‘istiqamah’. Kerja-kerja menyedarkan manusia agar kembali kepada produk halal bukanlah sekadar laungan atau tulisan di dalam media tetapi yang lebih penting mengadakan produk alternatif. Kita perlu kemahiran, industri dan kita memerlukan rangkaian serta kesedaran.”¹³

Kenyataan ini memaparkan budaya kerja yang dilaksanakan secara berpasukan menjadi keutamaan dan yang dilaung-laungkan. Justeru, budaya ‘*Amal Jamā’ī*’ dalam kalangan usahawan bolehlah disimpulkan sebagai cara pemikiran, sikap, norma dan kelakuan yang dimiliki oleh individu usahawan itu sendiri. Selalunya, gerak kerja secara berpasukan diukur dengan teori-teori konvensional. Oleh yang demikian, pengukuran tersebut tidak dapat lari daripada penilaian berdasarkan material, lantas untuk melihat pengukuran yang lebih menyeluruh maka sumber utama Islam iaitu al-Qur’an dan hadith dijadikan sebagai kayu ukur bagi membincangkan budaya kerja berpasukan berdasarkan dua unsur iaitu

¹⁰Robbins, S.P., *Organizational Behavior: Concept, Controversies And Applications* (London : Prentice Hall International, Inc, 2001), 81.

¹¹Ahmad Surianshah Bin Muhammad, *Model Budaya Kerja Berkualiti: Kajian Kes Di Universiti Lambung Mangkurat, Banjarmasin* (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2010), 66.

¹²Ismail Hashim, *HPA Satu Dekad 1997-2007* (Perlis: HPA Industries Sdn. Bhd, 2007), 31.

¹³Ismail bin Ahmad, “Cacatan Pengarah Urusan HPA”. laman sesawang *Inilah Jalan Kami*, dicapai 29 Ogos 2011, <http://www.facebook.com/notes/catatan-pengarah-urusan-hpa/bingkisan-hari- raya, 1>.

spiritual dan material. Ada pepatah menyebutkan; “yang berat sama di pikul, yang ringan sama dijinjing”¹⁴ dan sepatutnya ‘pikulan dan jinjingan’ itu diadaptasikan ke dalam budaya ‘*Amal Jamā’ī*. Oleh yang demikian, kajian hadith-hadith tentang ‘*Amal Jamā’ī*’ atau kerja berpasukan perlu dilakukan memandangkan para pengkaji dalam bidang pengurusan lebih memfokuskan teori-teori konvensional sebagai sandaran kepada kajian mereka. Sedangkan dalam masa yang sama, terdapat sumber di dalam hadith Nabawi yang menjelaskan gerak kerja secara ‘*Amal Jamā’ī*’ merupakan satu tuntutan dan kefarduan kepada seseorang. Apakah tidak ada sumber yang sahih dalam Islam berkaitan kerja berpasukan terutamanya dalam bidang pengurusan Islam?. Kesesuaian kajian yang berkaitan konsep ‘*Amal Jamā’ī*’ bersumberkan hadith Nabawi terutamanya dalam *al-Ṣaḥīḥayn* dijadikan sebagai fokus kajian kerana kedudukannya sebagai sumber yang paling berautoriti selepas al-Quran.

Baginda Nabi Muhammad S.A.W sendiri diutuskan sebagai Rasul mampu melaksanakan amanah sebagai ketua, pemimpin, usahawan, penggembala dan sebagainya sebagai contoh ikutan dan rujukan yang terbaik kepada umat manusia. Agak menghairankan apabila kita mengagungkan sumber konvensional, sedangkan sumber daripada Islam datangnya dari wahyu Allah SWT yang tidak ada keraguan padanya. Firman Allah SWT:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Al-Najm: 53:3-4

Terjemahan: Dan dia tidak memperkatakan sesuatu yang berhubung dengan agama Islam menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakan itu sama ada al-Quran atau hadith tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

¹⁴Tenas Effendy, *Kesatuan dan Semangat Melayu* (Kuala Lumpur: Tenas Effendy Foundation dan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2012), 158.

Imām Nasafī menyatakan, maksud ayat di atas menggambarkan bahawa setiap yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W melalui al-Qur'an bukanlah berdasarkan percakapannya semata-mata, yang bersandarkan kepada kehendak hawa nafsu dan pandangan peribadi. Apa yang diperkatakan oleh Nabi adalah bersandarkan kepada wahyu Allah¹⁵. Dr 'Abdullah al-Turkī menyatakan bahawa, tidaklah yang diucapkan oleh Nabi Muhammad S.A.W itu terbit dari kemahuan nafsunya semata-mata. Bahkan apa yang diwahyukan melalui al-Qur'an dan al-Sunnah itu adalah daripada Allah SWT kepada Nabi Muhammad S.A.W¹⁶. Imām Baghāwī pula menyebut bahawa, yang dimaksudkan dengan tafsiran ayat di atas adalah, ungkapan Nabi Muhammad S.A.W yang bukan bersandarkan kepada hawa nafsu dan perkara yang salah. Sebaliknya, Nabi Muhammad S.A.W bercakap berkaitan agama atau mengenai al-Quran yang bermatlamatkan apa yang diwahyukan Allah SWT kepadanya.¹⁷

Kini menjadi *trend* kejayaan sesebuah pasukan dalam sesebuah organisasi itu hanyalah diukur dari sudut fizikal, mental dan material semata-mata¹⁸ dengan berlandaskan teori tertentu tanpa melihat kepada aspek spiritual yang menjadi tunjang kepada kekuatan sesebuah pasukan. Ini dibuktikan melalui kajian sarjana Konvensional yang melihat perkara ini sebagai asas dalam melaksanakan kerja secara '*Amal Jamā'ī*'. Menurut Daft (1999), kerja berpasukan ('*Amal Jamā'ī*') merujuk kepada sekumpulan dua atau lebih

¹⁵ 'Abd Allāh bin Aḥmad Abū Barakāt al-Nasafī, *Tafsīr al-Nasafī: Madārik al-Tanzīl wa Haqā'iq al-Ta'wīl* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Ḥimāyah al-Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, t.t.), 3: 369.

¹⁶ 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, *Al-Tafsīr al-Muyassar* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Ḥimāyah al-Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, t.t.), 9:350.

¹⁷ Abu Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ud al-Baghāwī, *Tafsīr al-Baghāwī: Ma'alim al-Tanzil* (Riyadh: Dār al-Taiybah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1997), 7: 400.

¹⁸ Alauddin Sidal, *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Malaysia (INTAN), 2004), 29-30.

manusia yang berinteraksi dan menyelaraskan tugas atau kerja mereka bagi mencapai matlamat umum yang disasarkan bersama¹⁹.

Fields (1993), dalam kajiannya menunjukkan kualiti amat penting dalam sesebuah organisasi, dan kualiti tidak wujud dengan sendirian, kualiti adalah perubahan budaya yang mengutamakan proses menambah baik dan prinsip-prinsip yang berkualiti akan berkekalan.²⁰ Maddux (1993), membuktikan dalam kajian beliau bahawa peningkatan produktiviti semakin bertambah jika kerja dilakukan secara berpasukan berbanding kerja secara individu.²¹

Keadaan inilah yang perlu dilihat serta dikaji kini, malah merujuk kepada fenomena pada hari ini, ramai di kalangan individu yang kurang memahami konsep '*Amal Jamā'ī*' sedangkan ianya boleh mendatangkan banyak faedah dan kebaikan kepada mereka. Sejarah kegemilangan Islam telah menunjukkan kejayaan Rasulullah dan para Sahabat menjana organisasi mereka, hasil dari kerja berpasukan yang dirancang dengan strategi-strategi yang sistematik serta semangat persaudaraan yang tinggi. Agama Islam sendiri menggalakkan umatnya supaya bekerja dengan penuh komitmen. Perkara ini telah dinyatakan sendiri oleh Nabi Muhammad S.A.W. Aishah r.a berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - : إِذَا عَمِلَ عَمَلًا أَثْبَتَهُ

¹⁹Daft R.L, *Leadership: Theory and Practise* (Orlando FL: Har Court Brace College Publishers, 1999), 28.

²⁰Fields.J.C, *Total Quality For Schools: A Suggestion for American Schools* (Wisconsin: ASQC Quality Press, 1993), 36.

²¹Robert B. Maddux, *Membina Semangat Berpasukan: Latihan Kepimpinan* (Johor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd, 1993), 34.

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah S.A.W melakukan sesuatu kerja dia melakukan dengan penuh istiqamah (bersungguh-sungguh dan komitmen).²²

Situasi lain yang agak membimbangkan kini, generasi yang ada lebih bersikap mementingkan diri sendiri dalam kehidupan mereka.²³ Ini menyebabkan wujudnya generasi yang bakal membentuk dan melahirkan masyarakat yang tidak prihatin terhadap kepentingan sejagat yang akhirnya, akan melemahkan generasi tersebut serta menggugat kefahaman agama yang menjadi tunjang kepada kehidupan mereka. Kepentingan peribadi menjadi agenda utama apabila pangkat dan kedudukan dijadikan perebutan sehingga menghilangkan kepercayaan orang bawahan. Sikap mendahulukan kepentingan peribadi daripada *Amal Jamā'ī* amat ketara apabila sesuatu musibah atau masalah yang dihadapi tidak ditangani dan dikongsi bersama. Ini terjadi apabila permasalahan yang berlaku dalam kalangan usahawan AWM HPA tidak dikongsi bersama. Mereka menyembunyikan permasalahan yang berlaku seperti bekalan, stok, pekerja dan sebagainya, yang tidak dimaklumkan kepada pihak atasan (Pengarah Urusan)²⁴.

Individu lebih gemar bertindak secara bersendirian dalam menyelesaikan sesuatu masalah kerana dikatakan tidak selesa jika dibuat secara berpasukan. Terdapat sikap yang negatif ketika melakukan kerja sehingga sikap percaya, berkongsi dan komitmen hilang dalam pekerjaan dan organisasi mereka. Pembangunan ala-kapitalis sudah mulai menjajah kepercayaan semua agama. Penjajahan dari segi kepercayaan amatlah membahayakan kita dan masyarakat. Di mana kepercayaan individu terhadap individu lain telah semakin pudar

²² Hadis riwayat Imām Muslim, Kitāb Salat al-Musafirin wa Qasruh, Bāb Jami' Salat al-Lail wa Man Nam 'anh, no. hadith 1241. Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 1391.

²³ Alauddin Sidal, *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi*, 29-30.

²⁴ <http://www.carigold.com/portal/forums/archive/index.php/t-14729-p-10.html>

atau hilang. Ini kerana tiada lagi sikap jujur sesama mereka. Masing-masing lebih mementingkan diri dan berlumba-lumba untuk mencari kemenangan dan kekayaan.²⁵. Sedangkan elemen-elemen tersebut seperti kepercayaan, perkongsian dan komitmen adalah penting dalam kerja berpasukan. Apapun ketiga-tiga elemen tersebut telah dipraktikkan oleh para Sahabat r.a. Perkara ini telah dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran. Firman Allah SWT:

Firman Allah SWT:

وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Al-Hashr 59 : 9

Terjemahan: Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, meskipun mereka dalam serba kekurangan dan sangat-sangat berhajat.

Justeru, perkara ini perlu diteliti di dalam *al-Ṣaḥīḥayn* bagi melahirkan satu teori '*Amal Jamā'ī*' dalam aspek pengurusan yang melibatkan usahawan Islam. Ibn Kathīr menyatakan bahawa orang beriman (ayat ini diturunkan kepada sahabat di kalangan Ansar) di kalangan para Sahabat mendahulukan keperluan saudaranya lebih daripada keperluan mereka. Setiap keperluan dimulakan dengan mereka yang memerlukannya terlebih dahulu berbanding diri mereka sendiri.²⁶ Imām al-Baghāwī menyatakan bahawa orang Ansar melebihi orang Muhajirin tentang keperluan yang melibatkan harta benda dan rumah kediaman daripada diri mereka sendiri. Oleh yang demikian, mereka juga berkesanggupan membahagikan harta benda dan rumah mereka kepada kaum Muhajirin.²⁷ Al-Shawkānī menyatakan orang

²⁵Sunitha Bisan Gunasegaran, "Keuntungan Mendorong Kehidupan", Majalah Penita, November 2005, 8.

²⁶Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr, "*Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*", 8:70.

²⁷Abū Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd al-Baghāwī, *Tafsīr al-Baghāwī: Ma'alim al-Tanzil*, 9:76.

Ansar mengenepikan kemahuan nafsu dengan mengejar keuntungan akhirat berbanding keuntungan dunia²⁸.

0.3 Persoalan Kajian

Merujuk kepada latar belakang permasalahan kajian yang timbul seperti di atas, kajian ini dilakukan untuk menyelesaikan beberapa persoalan, iaitu:

1. Apakah terdapat konsep '*Amal Jamā'ī*' berdasarkan sumber pengurusan Islam dan konvensional yang menjadi teori dan sandaran para pengkaji bidang pengurusan kini?
2. Bagaimanakah analisis *Fiqh al-Ḥadīth* berkaitan '*Amal Jamā'ī*' di dalam *al-Ṣaḥīḥayn* yang melibatkan elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen?
3. Bagaimanakah bentuk aplikasi prinsip '*Amal Jamā'ī*' yang menjadi kefahaman dan penghayatan dalam kalangan usahawan Al-Wahida Marketing Industries Sdn. Bhd.?

0.4 Objektif Kajian

Bagi memastikan kajian yang dilakukan memenuhi kehendak dan realiti yang sebenar, beberapa objektif kajian telah digariskan agar kajian ini, bertepatan dengan persoalan kajian yang telah ditetapkan.

1. Mengenalpasti konsep '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat dalam pengurusan Islam dan konvensional serta penelitian terhadap elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

²⁸Muḥammad bin 'Alī al-Shawkānī, *Fath al-Qadīr* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Ḥimāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, t.t.), 5: 282.

2. Menganalisis *Fiqh Hadith* berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dalam *al-Ṣaḥīḥayn* dan penelitian terhadap aspek kepercayaan, perkongsian dan komitmen.
3. Menilai kefahaman dan penghayatan prinsip '*Amal Jamā'ī*' sebagai budaya kerja usahawan Al-Wahida Marketing Industries Sdn. Bhd.

0.5 Kepentingan Kajian

Pentingnya kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan beberapa sebab, iaitu:

1. Memberi penjelasan secara terperinci terhadap konsep '*Amal Jamā'ī*' seperti yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah dan para Sahabat di dalam hadith Baginda. Selain itu, menzahirkan kaedah kerja berpasukan yang pernah dipraktikkan oleh Nabi Muhammad S.A.W serta para Sahabat.
2. Membuktikan bahawa hadith Nabi Muhammad S.A.W adalah rujukan utama dalam bidang keilmuan termasuklah bidang pengurusan sebagai sumber fakta dan hujah. Ia juga, dapat menjadi sumber rujukan dan garis panduan kepada mana-mana agensi, badan kerajaan, ahli akademik dan lain-lain terhadap konsep '*Amal Jamā'ī*' yang pernah dilaksanakan oleh Rasulullah dan para Sahabat.
3. Memberi penjelasan tentang kehebatan pengurusan dan pentadbiran Islam melalui sumber yang sahih daripada hadīth Nabawi dan memberi sumbangan yang besar terhadap bidang pengurusan yang melibatkan usahawan dan organisasi kini.
4. Kajian ini penting bagi memperjelaskan konsep '*Amal Jamā'ī*' serta kaedah yang digunapakai oleh Nabi Muhammad S.A.W berlandaskan tiga elemen utama iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen dalam amalan pengurusan kini.

5. Kajian ini juga secara tidak langsung memberi manfaat kepada pecinta ilmu terutamanya yang berkaitan pengurusan Islam selain memberi panduan serta pengetahuan berkaitan pengurusan pentabiran Islam. Kajian ini, secara tidak langsung mengajak masyarakat agar kembali kepada kegemilangan sistem pentadbiran Islam sebagai alternatif kepada pengurusan yang melibatkan organisasi dan usahawan semasa.

0.6 Skop Kajian

Kajian ini hanya bersandarkan kepada dokumentasi yang telah sedia ada. Tumpuan akan diberikan kepada hadith '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat dalam *Sahih Bukhari* dan *Sahih Muslim*. Kajian yang dibuat merujuk kepada hadith '*Amal Jamā'ī*' berkaitan dengan tiga aspek utama iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen Tumpuan juga diberikan terhadap analisis hadith berdasarkan *Fiqh Ḥadīth* dengan merujuk kepada kitab *Sharḥ al-Ḥadīth* dan kitab yang lain agar dapatan kajian yang diperolehi dapat dipamerkan dengan jelas tentang konsep '*Amal Jamā'ī*' seperti yang pernah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W.

Penilaian yang dilakukan adalah berdasarkan kajian lapangan yang memberi tumpuan kepada soal selidik, pemerhatian dan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bagi memastikan konsep '*Amal Jamā'ī*' difahami dan dihayati dengan baik. Pemilihan Usahawan al-Wahida adalah disebabkan perlaksanaan operasinya yang memberi penekanan kepada aspek agama. Kajian yang dilakukan hanya memberi penumpuan dari tahun 2006 hingga 2009 sahaja kerana waktu tersebut adalah waktu kegemilangan dan kecemerlangan al-

Wahida. Keseluruhan data-data yang diperolehi dianalisis secara terperinci agar wujudnya teori dan praktis di antara '*Amal Jamā'ī*' yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W diaplikasikan dengan baik oleh usahawan al-Wahida sama ada berkaitan aspek spiritual dan juga material. Setelah diteliti dan dikaji, kaedah dan konsep yang digunapakai oleh usahawan maka keabsahan pengamalan seperti yang dilakukan oleh baginda dapat dinilai. Di akhir kajian, pengkaji dapat menilai secara terperinci kefahaman dan penghayatan mereka seperti yang dikehendaki oleh sumber pengurusan Islam.

0.7 Ulasan Penulisan (*Literature Review*)

Kajian secara terperinci berkaitan '*Amal Jamā'ī*' di dalam organisasi yang dikaitkan dengan hadith dan usahawan masih belum ada secara khusus. Tumpuan kajian yang dilakukan hanya melibatkan aspek dakwah dan gerakan Islam. '*Amal Jamā'ī*' yang dibentuk melalui organisasi, akhirnya membawa kepada terbinanya negara Islam seperti yang dirancang dan yang dicita-citakan. Selain itu, kajian yang dilakukan terhadap organisasi pula lebih tertumpu kepada teori konvensional dalam mengaitkan sesuatu permasalahan yang berlaku. Bahkan teori yang diketengahkan hanyalah berkisar tentang bagaimana hendak membentuk sebuah organisasi yang baik tanpa dilihat wujudnya hubungan kait kehidupan harian dengan ibadah dan akidah, begitu juga dari sudut pelaksanaan dan kefahamannya menurut hadith Nabawi. Oleh yang demikian, penyelidik telah melihat beberapa tesis, kertas kerja dan buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Berikut dikemukakan beberapa penulisan yang berkaitan, antaranya ialah:

Pertama, kajian yang mempunyai perkaitan dengan pengkaji adalah sepertimana yang dilakukan oleh Mohd Anuar Abdul Rahman yang bertajuk "*Keberkesanan Dan*

Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia”iaitu sebuah tesis peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.²⁹ Mohd Anuar telah membuat kajian berkaitan hubungan kerja berpasukan dan kepimpinan kerja berpasukan dengan empat aspek gelagat kumpulan iaitu kepuasan kerja, keamatan, komitmen dan prestasi. Kajian ini juga melihat kepada elemen keberkesanan kerja berpasukan dan elemen kepimpinan kerja berpasukan yang menjadi peramal kepada kepuasan kerja, keamatan, komitmen dan prestasi. Melalui penelitian pengkaji, kajian ini lebih memfokuskan kepada aspek keberkesanan dan kepimpinan dalam pasukan peringkat jabatan di sekolah menengah di Malaysia. Kajian ini banyak mengutamakan struktur organisasi seperti panitia mata pelajaran, bidang mata pelajaran atau dalam bentuk jawatankuasa, unit atau majlis seperti jawatankuasa kurikulum, unit hal ehwal pelajar, majlis sukan sekolah dan sebagainya.

Selain itu, kajian ini juga cuba mengenalpasti kepentingan kerja berpasukan dalam organisasi sekolah yang terdapat sistem, manusia, teknologi dan persekitaran yang saling bergerak untuk mencapai matlamat sekolah. Kajian ini seakan-akan sama dari sudut tema kerja berpasukan. Akan tetapi, terdapat perbezaan yang jelas dari sudut sumber rujukan dan skop kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pertama, pengkaji mengkaji kerja berpasukan yang terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim. Kedua, pengkaji melihat konsep kerja berpasukan dari perspektif Islam dan konvensional. Ketiga, sampel kajian yang dipilih pengkaji adalah tertumpu pada organisasi yang melibatkan usahawan yang bekerja dalam industri pemakanan halal Islam dan melihat pengaplikasian daripada yang berbentuk teori kepada yang berbentuk praktikal.

²⁹ Mohd Anuar Bin Abdul Rahman, “ Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007), 9.

Kedua, satu kajian dalam bidang pendidikan yang ditulis oleh Bibi Kasmawati Abdullah (1999) iaitu bertajuk “*Team Working As Practised By Personnel In The Sarawak State Service.*” Tesis ini membincangkan tentang pengamalan penjawat awam terhadap elemen-elemen kerja berpasukan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak. Tesis ini juga membincangkan tentang terdapatnya hubungan kerja berpasukan dengan demografi penjawat-penjawat awam yang terlibat. Beliau juga menggunakan kaedah *Organization Development Questionnaires* (ODQ) bagi mendapatkan keputusan kajian yang dilakukan. Hasil kajian mendapati bahawa keseluruhan kerja berpasukan dipraktikkan oleh penjawat-penjawat awam yang terlibat pada tahap yang memuaskan (tinggi) bermula daripada pegawai kanan N3 sehinggalah ke peringkat kumpulan sokongan. Ianya adalah berdasarkan elemen-elemen seperti rangkaian matlamat yang jelas, komitmen, perkongsian maklumat, kepercayaan, kepimpinan yang baik dan lain-lain elemen yang berkaitan.³⁰

Kajian ini hampir menyamai kajian pengkaji dari sudut elemen-elemen kerja berpasukan. Perbezaan kajian ini dengan pengkaji adalah dari sudut kajian kuantitatif kerana pengkaji tesis ini tidak menyentuh kajian kualitatif. Selain itu, pengkaji tesis ini hanya melihat pengamalan penjawat awam terhadap elemen-elemen kerja berpasukan sedangkan pengkaji melihat hadith-hadith berkaitan ‘*Amal Jamā’ī*’ dan dalam masa yang sama, pengkaji menggabungkan dua kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji juga melihat bagaimana aplikasi yang dilakukan oleh usahawan adakah bertepatan dengan garis panduan yang telah ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Perbezaan lain yang diketengahkan oleh pengkaji adalah menganalisis hadith-hadith ‘*Amal Jamā’ī*’ secara kualitatif dan kuantitatif bagi melihat bilangan dan jumlah hadith yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥayn*. Seterusnya,

³⁰ Bibi Kasmawati Abdullah, “Team Working As Practised By Personnel In The Sarawak State Service” (tesis sarjana, Universiti Putra Malaysia, Selangor, 1999), 60-64.

pengkaji juga mengenengahkan elemen-elemen rohani dan jasmani atau spiritual dan material bagi menggambarkan keperluan manusia bukan hanya kepada aspek material untuk berjaya malah aspek rohani juga perlu untuk memperkukuhkan jati diri manusia itu sendiri.

Ketiga, kajian tentang persepsi guru yang telah ditulis oleh Subberi bin Ramli yang bertajuk *“Persepsi Guru Terhadap Penentu-Penentu Kerja Berpasukan Dalam Organisasi Sekolah Di Daerah Kulim Kedah.”* Dalam tesis ini, banyak dibincangkan berkaitan persepsi guru terhadap penentu kejayaan kerja berpasukan dalam organisasi sekolah yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan jawatan yang disandang. Beliau telah melakukan kajian secara soal selidik bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan kajian yang dilihat dari sudut elemen-elemen tertentu seperti kursus Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan demografi guru-guru yang menjadi bahan kajian. Hasil kajian juga mendapati bahawa pemahaman guru-guru terhadap kerja berpasukan hanya untuk meringankan beban tugas dan menyelesaikan masalah. Selain itu hasil kajian juga mendapati tahap kesedaran guru-guru terhadap kerja berpasukan adalah rendah dan masih tidak jelas tentang tugas dan keperluan kepada pasukan kerja.³¹ Dimuatkan juga tokoh-tokoh sarjana konvensional sebagai penguat kepada kajian. Kajian ini adalah sama sekali berbeza dengan pengkaji kerana apa yang dikaji hanya melihat kepada persepsi guru yang terlibat berkaitan kerja berpasukan dalam organisasi sekolah sedangkan pengkaji melihat elemen kerja berpasukan di kalangan usahawan yang melibatkan organisasi dan sumber pendapatan melalui perniagaan. Pengkaji juga tidak hanya menjadikan soal selidik sebagai ukuran malah dalil-dalil serta fakta yang berbentuk skunder dan primer digunakan dalam

³¹Subberi Ramli, “Persepsi Guru Terhadap Penentu Kejayaan Kerja Berpasukan Dalam Organisasi Sekolah Di Daerah Kulim” (tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 1998), 94-95.

kajian ini. Selain itu, pengkaji mengemukakan tokoh-tokoh di kalangan sarjana Islam dan konvensional sebagai penyokong kepada kajian.

Keempat, kajian tentang pasukan kerja yang berkesan dilakukan oleh Nor Azmi Johari (2004) berkaitan “*A Study Of Team Effectiveness In The Police Department For The District Of Kangar, Perlis.*” Tesis ini cuba mendedahkan keberkesanan kerja berpasukan di dalam organisasi yang perlu diberi perhatian tentang kepentingannya bagi mencapai matlamat organisasi. Kajian juga mendapati bahawa kakitangan polis perlu diberi perhatian tentang pembangunan dan latihan kepada mereka di samping mewujudkan suasana kepuasan kerja agar keberkesanan kerja berpasukan dapat ditingkatkan pada masa akan datang. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa keberkesanan kerja berpasukan keseluruhannya tidak berkaitan secara langsung dengan ciri-ciri peribadi, matlamat, motivasi, konflik, komunikasi dan kepimpinan.³² Melihat kepada kajian yang dilakukan ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara tesis ini dengan pengkaji kerana apa yang cuba diketengahkan hanyalah untuk melihat keberkesanan kerja secara berpasukan dalam organisasi yang dikaji, sebaliknya pengkaji melihat kepada kerja berpasukan menurut hadith Nabawi. Penekanan yang diberikan dalam kajian ini juga hanya melihat kepada peningkatan mutu kerja dari aspek material semata-mata sedangkan apa yang diketengahkan oleh pengkaji adalah memperlihatkan kedua-dua aspek iaitu material dan spiritual. Pengkaji juga memperkenalkan pembangunan rohani sebagai tunjang kepada kekuatan seseorang insan dalam mengharungi kehidupan ini. Elemen keagamaan adalah penentu kepada perbezaan kajian ini dengan kajian penulis.

Kelima, kajian dalam bidang pengurusan pendidikan yang dilakukan oleh Salim bin Sulaiman yang bertajuk “*Peranan Pengetua dan Pasukan Kerja Untuk Meningkatkan*

³² Nor Azmi Johari, “A Study Of Team Effectiveness In The Police Department For The District Of Kangar, Perlis” (tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2004), 72-73.

Kecemerlangan Pendidikan: Kajian Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah di Daerah Kemaman.” Tesis ini menjelaskan tentang beberapa peranan yang perlu dikuasai oleh pengetua dan kakitangan yang terlibat dalam pasukan kerja bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Kajian juga mendapati bahawa kecemerlangan pendidikan berkait rapat dengan penglibatan guru-guru dengan aktiviti-aktiviti yang diatur oleh pihak sekolah. Selain itu, kefahaman tentang kepentingan kerja berpasukan perlu dikuasai oleh kakitangan dan kursus berkaitan perlu diperbanyakkan agar matlamat dan objektif pendidikan tercapai. Turut dimuatkan tokoh-tokoh sarjana Konvensional dalam bidang pengurusan bagi membantu penulisan yang dilakukan. Hasil kajian mendapati kecemerlangan pendidikan ada kaitannya dengan peranan dan pasukan kerja.³³ Tesis ini sama sekali tidak menyamai penyelidikan pengkaji kerana apa yang diketengahkan adalah merujuk kepada peranan yang perlu dikuasai oleh pengetua dan kakitangan dalam kerja berpasukan bagi meningkatkan kecemerlangan pendidikan. Ianya berbeza dengan pengkaji kerana hadith-hadith Nabi dalam *Ṣaḥīḥayn* dijadikan sebagai fokus utama kajian dan dalam masa yang sama pengaplikasian juga dilihat terhadap organisasi semasa sebagai bahan kajian bagi menentukan keselarasan di antara sumber utama dengan pengamalan dan penghayatan yang dilakukan oleh organisasi yang dipilih (Al-Wahida).

Keenam, Yasmin Kamaruddin pula, telah menggarap disertasi sarjana mengenai persoalan berkaitan “*Kajian Persepsi Para Guru dan Pengetua Terhadap Semangat Kerja Berpasukan Yang Efektif di Kalangan Guru di Kuala Lumpur.*” Kajian lebih memfokuskan terhadap persepsi para guru dan pengetua terhadap semangat kerja berpasukan. Dalam kajian ini, dipaparkan berkaitan elemen-elemen yang menyumbang kepada keberkesanan

³³ Salim bin Sulaiman, “Peranan Pengetua dan Pasukan Kerja untuk Meningkatkan Kecemerlangan Pendidikan: Kajian Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah di Daerah Kemaman” (tesis sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2005), 78-85

kerja berpasukan yang dilakukan oleh para guru dan pengetua terhadap perancangan yang telah dibuat. Kajian mendapati bahawa semangat kerja berpasukan boleh terhasil dengan baik apabila guru-guru diberi imbuhan terhadap kerja yang dilakukan.³⁴ Kajian ini mempersembahkan persepsi dan elemen-elemen yang menyumbang kepada semangat kerja berpasukan. Ini menunjukkan bahawa kajian ini sama sekali tidak menyamai penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji tidak hanya melihat persepsi dan elemen-elemen penyumbang kepada semangat kerja berpasukan dari sudut pandangan seseorang (soal selidik dan temu bual) yang terdapat dalam organisasi semata-mata malah menjadikan hadith sebagai salah satu rujukan utama kajian. Dalam masa yang sama, bukan hanya material yang menjadi ukuran malah elemen kerohanian sebagai penentu bagi memperkukuhkan organisasi apabila tuntutan agama dijadikan sebagai salah satu piawaian penting. Kelainan yang dipaparkan oleh pengkaji adalah mempersembahkan *Mardatillah* sebagai kayu ukur kepada kejayaan di dunia dan di akhirat.

Ketujuh, satu disertasi sarjana yang dilakukan oleh Abd Rahim Hamid,³⁵ bertajuk *“Hubungan Antara Elemen-Elemen Budaya Organisasi, Kepuasan Kerja dan Sistem Kerja Berpasukan di Kalangan Staf Sokongan Bank Pertanian Malaysia.”* Dalam kajian ini, pengkaji melihat hubungan dan pengaruh elemen-elemen budaya organisasi terhadap kepuasan kerja dan sistem kerja berpasukan di Bank Pertanian Malaysia. Kajian mendapati bahawa kepimpinan rakan sekerja mempunyai perhubungan dan pengaruh yang signifikan terhadap sistem kerja berpasukan. Dalam kajian juga didedahkan tindakan yang perlu

³⁴ Yasmin Kamarudin, “Kajian Persepsi Para Guru dan Pengetua Terhadap Semangat Kerja Berpasukan yang Efektif di Kalangan Guru Di Kuala Lumpur” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1998), 92-95.

³⁵ Ab Rahim Ab Hamid, “Hubungan Antara Elemen-Elemen Budaya Organisasi, Kepuasan Kerja dan Sistem Kerja Berpasukan di Kalangan Staf Sokongan Bank Pertanian Malaysia” (disertasi sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2002), 82-84.

dilakukan oleh usahawan kumpulan berkaitan perancangan dan menguasai hal-hal berkaitan dengannya. Selain itu, sikap pekerja itu sendiri mempengaruhi tindakan yang dilakukan. Pengkaji juga mendapati bahawa faktor kepimpinan yang kuat, berkomitmen dan berkarismatik dapat mempengaruhi usahawannya untuk melaksanakan tugas seperti yang diinginkan. Perbezaan di antara pengkaji dengan kajian ini adalah dari sudut tumpuan kajian. Pengkaji memfokuskan kajian yang melibatkan pengurusan hadith tentang kerja berpasukan, manakala kajian ini dibuat melibatkan elemen-elemen seperti budaya organisasi, kepuasan kerja dan sistem kerja berpasukan yang wujud pada staf sokongan Bank Pertanian.

Kelapan, satu jurnal yang ditulis oleh Abdul Ghafar et. al.³⁶ mengenai persoalan berhubung “*Kaitan Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Di Daerah Kluang.*” Kajian ini lebih memfokuskan kepada kepimpinan kerja berpasukan pengetua dengan ketua panitia di Sekolah Menengah Kebangsaan di Daerah Johor. Penumpuan yang diberikan dalam kajian ini adalah melibatkan penyelidikan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik *Teamwork KSA* (Stevens) serta tumpuan lebih terarah kepada organisasi sekolah. Selain itu, kajian ini memaparkan elemen-elemen pengurusan kepimpinan dan ciri-cirinya yang dilihat dapat mempengaruhi kepuasan kerja dan kerja berpasukan. Kajian ini jelas berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif secara serentak. Tumpuan pengkaji adalah kepada hadith-hadith berkaitan kerja berpasukan dan aplikasinya terhadap budaya kerja usahawan. Ini jelas menunjukkan perbezaan yang amat ketara di antara pengkaji dengan kajian ini. Kajian ini tertumpu kepada organisasi sekolah

³⁶ Abdul Ghafar.et.al, “Kaitan Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Di Daerah Kluang”. *Journal Of Educational Management* 1, no. 6 (2011), 1-16.

manakala pengkaji memberi penumpuan terhadap organisasi yang melibatkan perniagaan sebagai orientasi dan sampel kajian.

Kesembilan, kajian yang dilakukan oleh Yusof Bin Boon, Haron Khan & Bibi Sakinah (2001)³⁷, bertajuk “*Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat Muar.*” Kajian ini adalah kajian yang berbentuk kuantitatif yang melibatkan 55 orang responden di sebuah sekolah di Muar. Kajian yang berbentuk deskriptif ini juga, melihat tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan di kalangan guru sekolah terbabit. Selain itu juga, kajian turut melihat perbezaan di antara tahap pengetahuan dan tahap kerja berpasukan mengikut jantina dan pengalaman. Secara keseluruhan, kajian ini adalah bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kerja berpasukan di sekolah tersebut di samping mengekalkan sekolah tersebut sebagai sekolah cemerlang. Kajian ini amat berbeza dengan kajian pengkaji di mana pengkaji melihat hadith-hadith berkaitan kerja berpasukan dan pengaplikasiannya dalam budaya kerja usahawan al-Wahida. Pengkaji melihat ‘*Amal Jamā’ī*’ yang pernah dilakukan di zaman Nabi Muhammad S.A.W dan para Sahabat serta pengaplikasian yang dilakukan oleh usahawan yang terlibat dalam perniagaan yang berkonsepkan Islam dalam kerjaya mereka.

Secara keseluruhannya, kajian ini dan kajian yang sebelumnya banyak memberi tumpuan kepada persepsi, pengetahuan, hubungan, pengaruh, penyumbang dan keberkesanan kerja berpasukan dalam organisasi. Ianya berbeza apabila organisasi yang dikaji itu mempunyai latar belakang yang berbeza. Sebaliknya, apa yang didedahkan oleh pengkaji adalah memfokuskan aplikasi hadith ‘*Amal Jamā’ī*’ dalam *Ṣaḥīḥayn* dan

³⁷Yusof Boon, Haron Khan & Bibi Sakinah, “Kerja berpasukan dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan Parit Setongkat Muar” (satu kajian, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2011), 1-8.

kefahaman serta penghayatan usahawan terhadap kerja berpasukan, di samping elemen-elemen kerja berpasukan yang menjadikan perancangan gerak kerja itu mencapai matlamat yang ditetapkan. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berbeza dengan kajian yang telah dijalankan walaupun terdapat kajian yang hampir sama, namun kebanyakannya tertumpu kepada kajian kuantitatif sedangkan pengkaji menggabungkan kedua-dua elemen kualitatif dan kuantitatif dalam kajian. Pengkaji juga menggabungkan kedua-dua pandangan samada sarjana konvensional mahupun Islam dalam mengenengahkan konsep '*Amal Jamā'ī*'.

Selain itu, terdapat karya yang ditulis oleh sarjana Islam berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang membicarakan tentang pengertian, persoalan, kefardhuan (kewajipan), faktor-faktor kekuatan organisasi, organisasi yang sistematik dan anasir-anasir yang dapat melemahkan jamaah dan kepentingannya dalam gerakan Islam. Kebanyakan perbincangan lebih bersifat umum dan berbentuk *haraki* tentang '*Amal Jamā'ī*'. Antara penulisan yang menjadi bahan rujukan ialah Yusof al-Qaraḍawī (2000) "*Harakah Islamiyyah*,"³⁸ Muḥammad 'Abd Allah al-Khāṭib (2001) "*Risalah Ta'lim*,"³⁹ Abd al-Wahāb al-Daylāmī (1991) "*al-'Amal al-Jamā'ī Mahasinuh wa Jawānib al-Naqs fih*,"⁴⁰ Shaykh Mustafa Mashhur (2001) "*al-'Amal al-Jamā'ī*,"⁴¹ Sa'id Ḥawa (2006) "*Memahami Prinsip-Prinsip Amal Islami*,"⁴² Haron Taib (1992) "*Berbilang-bilang Jama'ah Sebab-sebab dan Beberapa Saranan Untuk*

³⁸ Yusof al-Qaraḍawī, *Harakah Islāmiyyah* (Beirut: Dār al-Fikr, 2000), 4-5.

³⁹ Muḥammad 'Abd Allah al-Khāṭib, *Risalah Ta'lim*, terj. Mohd Nizam (Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2001), 1-10.

⁴⁰ 'Abd Wahab Al-Daylāmī, *al-'Amal al-Jamā'ī* (Yaman: Dār al-Hijrah, 1991), 31-35.

⁴¹ Shaykh Muṣṭafā Mashhur, *al-'Amal Jama'i*, terj. Abū Riḍā (Jakarta: Al-I'tisom, 2001), 12-16.

⁴² Sa'id Ḥawa, *Memahami Prinsip-Prinsip Amal Islami*, terj. Darus Sanawi (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2006), 52-53.

Mengatasinya,”⁴³ dan ‘Abd Allah ‘Azzam (2003) “*Kewajipan Gerak Kerja Dalam Jama’ah Islam.*”⁴⁴

Penyelidik juga mendapati ada beberapa penulisan ilmiah yang ditulis dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang berkaitan ‘*Amal Jamā’ī*’ secara tidak langsung yang membincangkan perancangan, pentarbiahan, pergerakan pengurusan dan pentadbiran samada ketika perang ataupun ketika suasana aman. Karya yang dimaksudkan ialah karya Maḥmūd Shit Khaṭṭāb (1989) “*Al-Rasūl al-Qā’id*,”⁴⁵ Shaykh Rifā’ah Rāfi’ al-Ṭaḥṭawi (1990) “*Al-Dawlah al-Islāmiyyah Niẓamuh Wa ‘Umlatuh*”⁴⁶ dan karya Dr Muhammad Shafi’i Antonio (2007) “*The Super Leader Super Manager.*”⁴⁷ Hasil pengamatan pengkaji, karya-karya ini masih bersifat klasikal. Perbincangan khusus kualitatif dirujuk daripada *matan* hadith Nabawi S.A.W tetapi tidak dibincangkan dari sudut dua kaedah penyelidikan iaitu kualitatif dan kuantitatif.

Pengkaji juga mendapati terdapat kertas-kertas kerja yang membincangkan tajuk ‘*Amal Jamā’ī*’, antaranya ialah yang ditulis oleh Muhammad Uthman el-Muhammady (2005) “*Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*,”⁴⁸ Sidek Baba (2005) “*Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan*,”⁴⁹ dan Yusuf Hj Othman (2005) “*Struktur dan Prinsip*

⁴³ Haron Taib, *Berbilang-bilang Jamaah Sebab-sebab dan Beberapa Saranan Untuk Mengatasinya* (Selangor: Lajnah Tarbiah dan Latihan Kepimpinan Pas Pusat, 1992), 21-25.

⁴⁴ ‘Abd Allah ‘Azzam Al-Shahid, *Kewajipan Gerak Kerja Dalam Jama’ah Islam*. (Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn.Bhd, 2003), 13-19.

⁴⁵ Mahmud Shit Khaṭṭāb, *Al-Rasūl al-Qa’id* (Beirut : Dar al-Fikr, 1989), 22-23.

⁴⁶ Shaykh Rifa’ah Rafi’ al-Ṭaḥṭawi, *Al-Dawlah al-Islāmiyyah Niẓāmuh wa ‘Umlatuh* (Kaherah: Maktabah al-Adāb, 1990), 5-17.

⁴⁷ Muhammad Syafi’i Antonio, *The Super Leader Super Manager* (Jakarta: Tazkia Multimedia, 2007), 19-24.

⁴⁸ Muhammad Uthman el-Muhammady, “Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan” (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005).

⁴⁹ Sidek Baba, “Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan ” (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005).

Sebuah Pasukan.”⁵⁰ Pengkaji mendapati kertas kerja yang ditulis ini banyak membincangkan berkaitan kelebihan, kaedah, kekuatan, kefahaman, konsep keberkesanan dan kejayaan sesebuah pasukan. Perbincangan tidak pula menyentuh kedudukan kerja berpasukan menurut perspektif hadith Nabawi.

Berdasarkan paparan tesis, buku dan kertas kerja di atas jelaslah bahawa kebanyakan kajian dan penulisan hanya dilakukan berhubung dengan persoalan untuk meningkatkan kualiti kerja dan organisasi serta tumpuan terhadap persoalan dakwah dan pembentukan harakah dan daulah Islamiyyah. Pengkaji mendapati masih belum terdapat kajian secara terperinci berhubung kerja berpasukan yang dikaitkan dengan hadith Nabawi serta aplikasinya terhadap mana-mana organisasi yang melibatkan usahawan. Oleh yang demikian, tesis yang dilakukan ini ingin mendedahkan tentang perlu dan semestinya masyarakat Islam pada hari ini menjadikan hadith sebagai sumber rujukan dalam melaksanakan kerja harian mereka terutamanya yang melibatkan kerja secara berpasukan. Kajian ini juga memberi penumpuan terhadap kaedah pelaksanaan *‘Amal Jamā’ī* yang telah digariskan oleh Nabi S.A.W dalam hadith Nabawi.

0.8 Metodologi Kajian

Metodologi adalah satu bahagian yang penting dalam tesis kerana ianya membincangkan tentang reka bentuk penyelidikan yang akan digunakan dalam kajian ini. Oleh yang demikian, kajian yang akan dibuat adalah berdasarkan kepada dua bentuk kajian utama iaitu kualitatif dan kuantitatif.

⁵⁰Yusuf Hj Othman, “Struktur dan Prinsip Sebuah Pasukan ” (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005).

Dengan menggunakan kaedah ini, penyelidik mampu dan berupaya mendedahkan masalah penyelidikan secara menyeluruh serta mendapat informasi yang lebih lengkap. Patton telah mengesahkan bahawa kaedah kualitatif dan kuantitatif bukanlah sesuatu yang berbeza, kedua-duanya boleh diguna dan dikutip dalam kajian yang sama.⁵¹ Pengesahan ini disokong pula oleh Pfaffenberger yang mencadangkan bahawa kaedah kuantitatif adalah berkesan dalam menyelidiki isu yang spesifik atau mendapat pandangan yang boleh diberikan pilihan.⁵² Manakala kaedah kualitatif telah disahkan paling sesuai untuk kajian tinjauan. Kebaikan kaedah ini disokong oleh sarjana seperti Jones, Walker, Miles dan Huberman. Kaedah ini dibincang secara meluas oleh mereka.⁵³

Berikut adalah kaedah-kaedah yang akan digunakan di dalam penyelidikan ini:

- (i) Metodologi Pengumpulan Data.
- (ii) Penyelidikan Lapangan.
- (iii) Metodologi Analisis Data.

0.8.1 Metodologi Pengumpulan Data

Metodologi ini digunakan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan bagi penulisan kajian. Hasil dari pengumpulan data, maka pentafsiran data dan fakta dapat dilakukan.

Antara kaedah yang digunakan untuk mengumpul data adalah:

⁵¹ M.Q Patton, *Qualitative evolution and research methods* (2nd Edit). (London: Sage Pub, 1990), 14.

⁵² B Pfaffenberger, *Microcomputer application in Qualitative research* (California: Sage Pub, 1998), 26.

⁵³ Jones, S., "The Analysis of Depth Interview" dalam *Applied Qualitative Research*, ed. R. Walker (Hants: Gower, 1985), 56-70, Walker, R, "An Introduction To Applied Qualitative Research" dalam *Applied Qualitative Research*, ed. R. Walker, (Hants: Gower, 1985), 3-26, Miles, M.B. & Huberman, A.M., *Qualitative Data Analysis* (Beverly Hills: Sage Pup, 1984), 11-17.

0.8.1.1 Penyelidikan Perpustakaan

Penyelidikan perpustakaan merupakan bahagian yang penting dalam kajian ini. Penyelidikan ini merangkumi aktiviti pengumpulan data berkaitan dengan subjek kajian. Dokumen pensejarahan yang diperolehi membantu menyediakan maklumat serta fakta sejarah yang diperlukan dalam kajian ini.⁵⁴ Ini amat penting dalam proses penganalisaan terhadap latar belakang sejarah '*Amal Jamā'ī*' dalam hadith dan sirah Nabawi.

Pada peringkat awal, penyelidikan perpustakaan dimulakan dengan meninjau dan membongkar kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian. Setelah mendapati tajuk kajian seumpama ini belum pernah dilakukan, diikuti pula fasa kajian perpustakaan yang seterusnya bagi menyediakan secara mendalam bahan-bahan berkenaan tajuk yang dipilih, khususnya dalam merangka penyediaan landasan teori bab 1, 2 dan 3. Penyelidikan dilakukan di perpustakaan institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi mendapat bahan-bahan dan data yang bersesuaian dengan tajuk kajian. Data dan bahan definisi '*Amal Jamā'ī*' dan hasil yang berkaitan dengannya turut diperolehi melalui kaedah ini. Kebanyakan sumber rujukan diperolehi adalah daripada perpustakaan di institut pengajian tinggi awam seperti UM, UUM, UIA, UPM, UKM dan USM.

0.8.1.2 Metodologi Dokumentasi

Metodologi dokumentasi adalah salah satu kaedah yang diguna pakai bagi memperolehi maklumat dan keterangan daripada bahan dan dokumen samaada bercetak ataupun tidak.

⁵⁴Othman Lebar, *Penyelidikan Kuantitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod* (Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007), 37.

Oleh itu, bagi mendapatkan data yang relevan dengan tajuk kajian, metodologi dokumentasi adalah yang paling utama dalam kajian ini. Ianya memfokuskan kepada dokumen berkaitan masalah yang akan dikaji. Dokumen itu meliputi al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai rujukan utama dalam kajian. Selain itu, penulis juga mengkaji dokumen samada berbentuk penulisan kitab *sharh* hadith, tesis, majalah, kertas kerja, jurnal, risalah, kitab *takhrīj*, *Jarḥ wa Ta'dīl*, ensiklopedia, kamus istilah dan sebagainya yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

0.8.2 Metodologi Penyelidikan Lapangan

Kajian lapangan dilakukan terhadap Usahawan Al-Wahida Marketing Sdn Bhd. Di antara metodologi kajian lapangan yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik, observasi atau pemerhatian dan juga temubual. Langkah-langkah penyelidikan lapangan adalah seperti berikut:

0.8.2.1 Metodologi Soal Selidik

Sebelum menjalankan gerak kerja luar yang melibatkan kajian lapangan dengan menggunakan set soal selidik, maka pengkaji terlebih dahulu melakukan penilaian semula atau review terhadap borang kaji selidik daripada beberapa orang pakar yang berpotensi memberikan maklum balas yang baik. Kajian jenis ini melibatkan pencarian pendapat, penilaian atau pentaksiran semasa menyelidik sesuatu fenomena terhadap sesuatu permasalahan. Ia adalah kaedah terbaik bagi memperolehi data dan merupakan kaedah

yang digunakan secara meluas dalam bidang penyelidikan kuantitatif.⁵⁵ Kaedah ini adalah satu cara yang sistematik untuk mengumpul maklumat daripada responden bagi memahami dan membuat ramalan terhadap aspek kelakuan yang berkaitan sampel kajian.⁵⁶

Babbie dalam tulisannya menyokong pendekatan kaedah ini, di mana satu bancian akan diperolehi untuk menentukan produk baru, ramalan terhadap tindak balas responden yang ditentukan dan mengukur sikap sedia ada terhadap sesuatu isu yang timbul.⁵⁷ Oleh yang demikian, pengkaji telah meminta pandangan dan ulasan beberapa orang pakar yang mampu memberikan maklumat dan data-data bagi menyediakan satu set borang soal selidik yang mampu mencapai objektif kajian.

0.8.2.2 Kesahan Kandungan

Untuk itu, pengkaji telah berjumpa dan bertanyakan pandangan dan pendapat dua orang profesor dan seorang profesor madya yang berkemahiran dengan kaedah ini bagi mengesahkan soal selidik yang dibentuk. Mereka yang dimaksudkan ialah Profesor Dr Mohd Najib Marzuki, Profesor Dr Che Su Mustafa dari Universiti Utara Malaysia dan Profesor Madya Iran Herman dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain itu, pengkaji turut merujuk contoh borang soal selidik tesis PhD, Sarjana dan kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan kerja berpasukan. Setelah itu, pra uji dibuat kepada 42 orang responden yang dikira jumlahnya adalah bersesuaian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu⁵⁸.

⁵⁵D. Swetnam, *Writing Your Dissertation (3rd edit)* (Oxford: Howtobooks, 2004),60.

⁵⁶C Nachmias, & D. Nachmias, *Reserch Method In The Social Sciences (5th edit)* (London: Edward Arnold, 2000), 83.

⁵⁷E.Babbie, *The Practice Of Sosial Research (9th.ed)* (Belmont: Wadsworth, 2001), 258.

⁵⁸Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E , *Multivariate Data Analysis (7th ed)*, (Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, 2010), 2.

Seterusnya analisis kebolehpercayaan berdasarkan nilai *Alfa Cronbach* diperolehi hasil analisis menggunakan perisian SPSS versi 19.0. Item-item dalam set soal selidik ini, dibina sendiri hasil inspirasi daripada hadith Hijrah dan diadaptasi daripada kajian-kajian terdahulu yang melibatkan 6 set soal selidik.⁵⁹ Justeru, kesemua soalan dalam bahagian B hingga D diadaptasi dari kajian Mohd Anuar Abd Rahman,⁶⁰ Gurcharan Singh a/l Bulbir Singh,⁶¹ Shek Kwai Fun,⁶² Hisyam Talib,⁶³ Robert B. Muddux⁶⁴ dan Ab Aziz.⁶⁵

Justeru, data analisis yang diperolehi dibahagikan kepada lima bahagian yang dapat memaparkan gambaran yang jelas, terang dan mudah. Seterusnya analisis yang dibuat disertakan dalam bentuk jadual. Skala yang digunakan pada bahagian B hingga D adalah ujian bersifat piawai dengan menggunakan skala lima poin pilihan jawapan seperti yang dicadangkan oleh likert⁶⁶. Lima bahagian itu terbahagi kepada:-

1. Bahagian A yang menjelaskan tentang demografi responden yang merangkumi umur, jantina, pendidikan agama tertinggi, tahap pendidikan tertinggi, pendapatan bulanan, pengalaman sebagai usahawan, minat kepada usahawan, kedudukan dan pencapaian dalam HPA, kefahaman terhadap MLM Syariah HPA dan kefahaman

⁵⁹ Abu Bakar Sarpon, "Kajian Pengurusan Baitulmal Malaysia: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pertugas Daripada Perspektif Islam" (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2005), 25.

⁶⁰ Mohd Anuar Bin Abdul Rahman, "Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia" (tesis kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai , 2007), 9.

⁶¹ Gurcharan Singh a/l Bulbir Singh, "Semangat Berpasukan di Kalangan Pengawai Pengawai Perkhidmatan Pendidikan di negeri Perak" (tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 1997), 30.

⁶² Shek Kwai Fun, "Keberkesanan Kerja Berpasukan Dan Kepuasan Kerja Panitia Dalam Jabatan Bahasa Dan Sains Sosial Di Sekolah Menengah Daerah Pontian" (tesis sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007), 28.

⁶³ Hisyam al-Talib, *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*, terj. Wan Izzuddin Wan Sulaiman (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992), 135.

⁶⁴ Robert B. Muddux. *Membina Semangat Berpasukan: Latihan Kepimpinan* (Johor: Penerbit Pelangi Sdn. Bhd, 1993), 3-20.

⁶⁵ Ab. Aziz. Yusof, *Mengurus Pasukan Kerja Perstasi Tinggi* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn,Bhd, 2003), 1.

⁶⁶ R. Likert, (1932). *A Technique for The Measurement of Attitudes*. Archives of Psychology, vol. 22 (140), 1-55.

terhadap kerja berpasukan dalam AWM. Pemboleh ubah jantina, pendidikan agama tertinggi, tahap pendidikan tertinggi, pengalaman sebagai usahawan, minat kepada usahawan, kedudukan dan pencapaian dalam HPA, kefahaman terhadap MLM Syariah HPA diukur dengan menggunakan skala *nominal*. Skala *ratio* pula, digunakan untuk mengukur pemboleh ubah umur dan pendapatan bulanan. Seterusnya, skala *ordinal* digunakan untuk mengukur pemboleh ubah kefahaman terhadap kerja berpasukan.

2. Bahagian B yang mempunyai 24 item berhubung kepercayaan yang menjadi nadi penting dalam mana-mana organisasi dan diikuti dengan pandangan peribadi usahawan. Contoh soalan adalah seperti, “Kepercayaan adalah pembuka jalan kepada kerja berpasukan”.
3. Bahagian C yang mempunyai 20 item yang berhubung dengan perkongsian yang merupakan pemangkin kepada tahap perhubungan dalam organisasi dan diikuti dengan pandangan peribadi usahawan. Contoh soalan adalah seperti “Perkongsian wujud setelah saya mendapat kepercayaan daripada rakan saya dan ketua”.
4. Bahagian D yang mempunyai 20 item yang berhubung dengan komitmen pasukan yang merupakan pelengkap kepada kelangsungan dan keutuhan organisasi dan diikuti dengan pandangan peribadi usahawan. Contoh soalan adalah seperti “Komitmen lahir daripada kepercayaan dan perkongsian”. Kesemua ítem soal selidik bagi bahagian B, C, D boleh dirujuk dalam lampiran B.

Bagi mengukur bahagian B, C dan D, skala interval digunakan bagi mengukur semua pemboleh ubah kepercayaan, perkongsian dan komitmen berdasarkan skala likert lima tahap (1= sangat tidak setuju, 5= sangat setuju). Penganalisaan data dilakukan secara statistik deskriptif sahaja, berasaskan kekerapan dan peratusan bagi pemboleh ubah yang

diukur menggunakan skala *nominal*, *ordinal* dan *ratio*. Manakala min dan sisihan piawai digunakan untuk mengukur setiap item dalam elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Maklumat yang diperolehi daripada mereka ialah, pada sesi pertemuan bulanan yang diadakan bersama mereka di Sungai Petani bertempat di Dewan Umar HPA Cawangan Sungai Petani. Sesi temubual juga dilakukan bersama 10 orang *top ten* PJS (orang kuat) yang sudah lama berkecimpung dengan MLM al-Wahida Marketing.

0.8.2.3 Metodologi Temubual

Metodologi ini digunakan bagi mendapat data secara langsung menerusi sesi temubual berhadapan, melalui telefon, perbincangan dan seminar yang dihadiri. Satu temubual berstruktur diadakan bagi melengkapkan kekemasan soal selidik. Kaedah ini juga dikenali sebagai persampilan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu kumpulan tertentu sahaja yang hanya menjawab soalan yang diberikan ataupun yang dikemukakan.⁶⁷ Temu bual dilakukan adalah untuk menjelaskan soalan berkaitan serta mendapat maklumat tambahan. Sebanyak 6 soalan temubual disediakan bagi memenuhi tujuan kajian. Marans pernah menyatakan bahawa temubual bersemuka ada banyak kelebihanannya. Ianya bertujuan untuk menjelaskan kesukaran, menyemak jawapan dan tambahan kepada soalan yang lebih kompleks.⁶⁸

Metodologi ini dikhususkan bagi mendapatkan fakta yang berbentuk kefahaman dan penghayatan khususnya daripada mereka yang terlibat secara langsung dengan al-Wahida seperti pengarah eksekutif, pekerja, pembeli dan usahawan. Metodologi temu bual ini,

⁶⁷ A.M. Ayob, *Kaedah Penyelidikan Ekonomi (3 rd.ed)* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 135.

⁶⁸ R. W Marans, "Survey Research" (R. Betchel, et. al. eds), *Method In Environ And Behavioral Research* (New York: Van Nostrand Reinhold, 2007), 41-81.

dapat memperbaiki dan menambah data yang diperolehi, di samping mengukur keaslian sesuatu data serta mengetahui asam garam, kejayaan dan permasalahan yang dihadapi oleh usahawan berkaitan kerja berpasukan di bawah al-Wahida. Para usahawan yang berpengalaman dan mendapat pengiktirafan pada kedudukan yang terbaik turut ditemubual. Mereka dibenarkan untuk mengemukakan pendapat serta pandangan secara bebas selain mendapat seliaan bagi menjawab soalan yang diberikan. Ia merangkumi pandangan peribadi yang berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang menghendaki kepada kefahaman yang jelas terhadapnya, diikuti pula pandangan usahawan berkaitan elemen-elemen yang menjadi nadi, pemangkin dan kelangsungan organisasi seperti kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

Seterusnya pandangan berkaitan penambahbaikan bagi memantapkan lagi kepentingan '*Amal Jamā'ī*' dalam syarikat bagi merealisasikan hasrat serta matlamatnya. Oleh yang demikian, beberapa pendapat yang dikemukakan semasa perbualan boleh dianggap penting dan boleh diambil kira. Mereka juga hendaklah diberi jaminan tentang pendapat yang diberikan. Ini bagi memastikan pandangan yang lebih baik diperolehi dan berstatus sulit serta dirahsiakan agar tidak ada unsur-unsur politik yang boleh mengganggu mereka yang ditemubual.⁶⁹ Contoh soalan adalah seperti "Nyatakan pandangan anda berkaitan kepercayaan dalam pasukan yang melibatkan usahawan al-Wahida Marketing Sdn. Bhd.

⁶⁹ R. Fellows, & A. Liu, *Research Method For Cunstruction* (London: Blackwell Science, 1997), 94.

0.8.2.4 Populasi dan Persampelan Kajian

Populasi kajian adalah seramai 260 orang usahawan AWM di bawah HPA berdasarkan beberapa kriteria kajian iaitu mereka yang terlibat secara aktif semasa kemuncak perniagaan AWM di bawah HPA (2006-2009) terdiri daripada usahawan biasa dan usahawan berpangkat. Mereka juga mempunyai pengalaman melebihi 3 tahun. Kriteria ini perlu untuk memperolehi responden yang memenuhi konteks kerja berpasukan yang melibatkan elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Ini adalah berdasarkan kajian pragmatik yang melibatkan mereka yang berpengalaman dan pakar terhadap persoalan dan perbincangan yang dikemukakan dalam kajian⁷⁰. Berdasarkan jadual persampelan Krejcie dan Morgan⁷¹, jumlah saiz sampel yang diperlukan ialah 155 orang responden.

Teknik persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih responden. Sebanyak 260 nombor ditulis atas kertas kecil, digulung dan dimasukkan ke dalam sebuah bekas cabutan. Proses cabutan sebanyak 155 kali dibuat untuk mendapatkan 155 responden. Nombor cabutan diselaraskan dengan nombor yang sama dalam senarai nama peserta. Borang soal selidik diberi kepada responden yang dipilih melalui proses ini. Walau bagaimanapun, setelah disemak, hanya 144 borang soal selidik yang lengkap sahaja diterima dan digunakan dalam analisis. Oleh yang demikian, bahagian ini juga memfokuskan objektif yang keempat dimana hasil analisis secara kuantitatif meliputi beberapa aspek yang telah dikemukakan sepertimana di atas. Selain itu, analisis penerokaan data juga dilakukan bagi memastikan data memenuhi ciri-ciri kajian.

⁷⁰ P, C, Chan, D Scott, & Chan, .P,L, “*Factors Affecting The Success Of Constructroction Project*”. Technical notes from the *Journal of Construction Engineering And Management*, 130, no.1 (2004), 153-155.

⁷¹ Krejcie dan Morgan, *Educational and Psychological Measurement: Determining Sample Size For Research Activities* (United States: University of Minnesota & Texas University A & M, 1970), 608.

0.8.2.5 Analisis Penerokaan Data

Dalam kajian awalan atau penerokaan, jumlah responden untuk dibuat kajian tiada batasan terhadap apa dan siapa yang dikaji.⁷² Justeru analisis penerokaan terhadap data kajian dijalankan untuk menentukan sama ada wujud situasi data tidak lengkap (*missing data*), data ekstrem (*outlier*), dan kenormalan data (*normality*). Berdasarkan analisis awal ini, terdapat situasi data tidak lengkap dalam beberapa pemboleh ubah kajian. Hanya pemboleh ubah yang diukur menggunakan aras pengukuran interval sahaja ditumpukkan nilai median kumpulan kerana jumlah data tidak lengkap kurang daripada lima peratus dari keseluruhan data pemboleh ubah⁷³.

Analisis awal juga mendapati tiada data ekstrem yang wujud berdasarkan nilai 5% *trimmed mean* (103.53) tidak jauh berbeza dengan nilai *mean* asal (102.91). Analisis kenormalan berdasarkan kepencongan data (*skewness*) (melebihi ± 3) dan kurtosis (melebihi ± 7) dalam beberapa item pemboleh ubah yang menyebabkan pemboleh ubah tersebut menjadi tidak normal seperti yang dinyatakan oleh Pallant, Tabachnick & Fidell.⁷⁴ Penyelidik mengambil keputusan membuang item pemboleh ubah berkenaan untuk mengelakkan gangguan terhadap analisis lanjutan. Pada akhir analisis ini, pemboleh ubah kepercayaan kekal sebanyak 22 item, pemboleh ubah perkongsian kekal sebanyak 17 item dan pemboleh ubah komitmen pula, kekal sebanyak 12 item.

⁷²E.Babbie, *The Practice Of Sosial Research (9th.ed)* (Belmont: Wadsworth, 2001), 93.

⁷³Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E , *Multivariate Data Analysis (7th ed)* (Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, 2010), 2.

⁷⁴Pallant, J., *SPS: Survival Manual* (London: McGraw Hill, Open University Press, 2007), 151. Tabachnick B. G., & Fidell, L. S, *Using Multivariate Statistics (5th. Ed)* (Boston: Pearson Education, 2007), 60.

0.8.2.6 Metodologi Pemerhatian

Pengkaji juga melakukan kajian empirikal yang dilakukan melalui kaedah pemerhatian secara rawak. Kajian ini melibatkan kehadiran pengkaji ke pejabat pengurusan al-Wahida, bahagian atau jabatan yang ada, tempat kursus yang dijalankan, cawangan dan kilang bagi memperolehi maklumat yang lebih terperinci. Pengkaji juga adalah merupakan sebahagian daripada kelompok atau warga al-Wahida yang dikenali dalam kaedah penyelidikan yang disebut sebagai observasi turut serta atau '*participant observation*.' Kesimpulannya, pengumpulan data untuk kajian ini dijalankan melalui dua jenis penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan dan kajian lapangan. Kedua-dua jenis penyelidikan ini bergerak seiring sepanjang tempoh kajian sehingga tesis ini selesai ditulis.

0.8.2.7 Kesahan Konstruk

Kesahan konstruk dijalankan untuk menentukan bahawa konstruk yang dibina menepati konsep bagi konstruk tersebut berdasarkan penilaian statistik. Dalam kajian ini, tiga konstruk yang dibina diuji kesahannya iaitu konstruk kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Jadual 0.1 menunjukkan bahawa semua item konstruk kepercayaan mencapai nilai kesahan yang ditetapkan iaitu berdasarkan nilai pemberatan faktor yang signifikan ialah ± 0.3 bagi jumlah sampel kurang dari 150⁷⁵. Walau bagaimanapun, dua item konstruk berkenaan iaitu “tidak selesa bila kepercayaan diberi sepenuhnya” (-.123), dan “hilang semangat bila tak dipercayai lagi” (.001) tidak mencapai keperluan pengujian dan dikeluarkan dari kumpulan konstruk ini.

⁷⁵ Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E , *Multivariate Data Analysis*, 2.

Jadual 0.1. Ujian Kesahan Konstruk Pemboleh Ubah Kepercayaan

Bil	Item	Pemberatan faktor
1	kepercayaan pencetus sifat-sifat baik	.822
2	kepercayaan penting untuk wujudkan persekitaran produktif	.707
3	kepercayaan melahirkan kakitangan setia	.680
4	kepercayaan adalah keyakinan yang penuh terhadap sifat, sikap, keupayaan dan kekuatan seseorang	.640
5	kepercayaan asas utama kerja berpasukan	.636
6	kepercayaan satu cara menghormati orang lain	.626
7	setiap perkongsian lahir dari kepercayaan tinggi	.619
8	kepercayaan usahawan pasukan membolehkan saya dihargai	.615
9	kepercayaan pasukan wujud bila diberi kebebasan berkomunikasi	.611
10	kepercayaan dalam pasukan wujud melalui kepimpinan adil	.601
11	mempercayai kepimpinan yang matlamat jelas	.600
12	kepercayaan pembuka jalan kerja berpasukan	.584
13	kepercayaan usahawan pasukan membolehkan saya dihormati rakan-rakan	.582
14	kepercayaan dalam pasukan wujud bila ada penyeliaan peka kepada suasana persekitaran	.580
15	kepercayaan motivasi untuk teruskan kerja	.579
16	saya menghargai setiap kepercayaan yang diberi kepada saya	.579
17	saya membantu usahawan pasukan supaya mereka mempercayai satu sama lain	.567
18	akan gunakan sebaiknya peluang keemasan daripada kepercayaan yang diberikan	.549
19	percaya bahawa usahawan bekerja dlm satu pasukan bila mereka sedar diberi pengharapan dan kepercayaan	.541
20	kepercayaan rakan sekerja penting	.485
21	kepercayaan lahir dari keikhlasan seseorang	.461
22	menunaikan janji kerana kepercayaan yang diberikan	.347

Jadual 0.2 menunjukkan bahawa semua item konstruk perkongsian mencapai nilai kesahan yang ditetapkan iaitu berdasarkan nilai pemberatan faktor ± 0.3 ⁷⁶Walau bagaimanapun, lapan item konstruk berkenaan iaitu “lebih suka melihat dan meneliti sesuatu perkara sebelum berkongsi dengan seseorang” (.293), “sanggup berkongsi kerana Islam” (.272), dan “ramai orang berkongsi ketika senang” (.270), “amat menyukai sesuatu perkara yang dikongsi bersama” (.253), “kejayaan akan tercapai bila wujud perkongsian” (.204), “tidak

⁷⁶ Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E, *Multivariate Data Analysis*, 2.

guna berkongsi perkara-perkara yang mempunyai unsur-unsur bertentangan dengan Islam” (.191), “menentang rakan kongsi yang menyeleweng” (.086), dan “tidak akan berkongsi walau mendapat keuntungan jika Islam dipinggirkan” (.070) tidak mencapai keperluan pengujian dan dikeluarkan dari kumpulan konstruk ini.

Jadual 0.2. Ujian Kesahan Konstruk Pemboleh Ubah Perkongsian

Bil	Item	Pemberatan faktor
1	perkongsian wujud dalam bentuk material	.838
2	perkongsian wujud dalam bentuk spiritual	.758
3	perkongsian sesuatu yang memeritkan	.749
4	orang sanggup berkongsi disebabkan kekayaan saya	.687
5	perkongsian dalam syarikat satu retorik	.637
6	berkongsi dengan mana-mana individu walau terpaksa abaikan kepentingan diri	.521
7	perkongsian wujud setelah dapat kepercayaan dari rakan dan ketua	.504
8	berkongsi perkara yang kurang menyenangkan	.501
9	suka merealisasi kesusahan yang dikongsi bersama	.420
10	sanggup berkongsi dalam semua keadaan	.404
11	suka merealisasikan kesenangan yang dikongsi bersama	.323
12	perkongsian sesuatu nikmat dan rahmat	.302

Jadual 0.3 menunjukkan bahawa semua item konstruk komitmen mencapai nilai kesahan yang ditetapkan iaitu berdasarkan nilai pemberatan faktor ± 0.3 ⁷⁷. Walau bagaimanapun, tiga item konstruk berkenaan iaitu “kecewa jika komitmen diberi tidak diberi penghargaan oleh syarikat” (-.275), “sanggup tinggalkan syarikat jika tidak membalas komitmen” (-.254), dan “komitmen rujuk kepada perolehan yang dijanjikan” (-.135) tidak mencapai keperluan pengujian dan dikeluarkan dari kumpulan konstruk ini.

⁷⁷ Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E *Multivariate Data Analysis*, 2.

Jadual 0.3. Ujian Kesahan Konstruk Pemboleh Ubah Komitmen

Bil	Item	Pemberatan faktor
1	komitmen elemen penting dalam perniagaan MLM syariah	.841
2	komitmen terhadap barangan Islam mengatasi segala-gala	.791
3	komitmen perlu berterusan	.766
4	komitmen jalan terbaik capai kejayaan	.720
5	sanggup komitmen dalam semua perkara demi islam	.710
6	gembira jika komitmen yang diberi menaikan peniaga Islam	.696
7	komitmen lahir dari keimanan yang dalam	.693
8	keikhlasan nadi kepada komitmen seorang usahawan	.689
9	komitmen tinggi jika islam diutamakan	.606
10	memberi sepenuh komitmen kepada MLM Syariah HPA	.566
11	tidak memandang kepada bonus dalam memberi komitmen kepada MLM Syariah HPA	.564
12	komitmen terhadap perniagaan Islam mengatasi segala-gala	.513
13	kejayaan organisasi rujuk komitmen seseorang	.510
14	kejayaan tak tercapai tanpa komitmen	.505
15	komitmen lahir dari kepercayaan perkongsian	.500
16	komitmen amalan berterusan dalam hidup	.486
17	komitmen bila memahami matlamat yang jelas	.414

0.8.2.8 Pra Uji Kebolehpercayaan Konstruk

Semua konstruk yang telah memenuhi kesahan kemudiannya diuji kebolehpercayaan untuk memastikan wujud ketekalan dalaman di antara item-item soalan yang digunakan. Seramai 42 orang terlibat dalam pra uji kebolehpercayaan konstruk. Jadual 0.4 menunjukkan hasil ujian kebolehpercayaan konstruk berdasarkan nilai alfa cronbach. Hasil prauji mendapati kesemua konstruk mencapai nilai melebihi 0.7 sebagaimana yang dikehendaki⁷⁸.

⁷⁸ Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E *Multivariate Data Analysis*,2.

Jadual 0.4. Prauji Nilai Kebolehpercayaan Konstruk Kajian (n=42)

Bil	Konstruk	Nilai alfa cronbach
1.	Kepercayaan	.907
2.	Perkongasian	.798
3.	Komitmen	.890

0.8.3 Metodologi Analisis Data

Untuk menganalisis hasil, teknik-teknik statistik yang tertentu adalah dipilih. Setelah segala data dan fakta yang dikumpul daripada metodologi-metodologi di atas, penulis membuat pengolahan data dan menganalisiskannya dengan metodologi berikut:

0.8.3.1 Metodologi Induktif

Metodologi ini merupakan cara pola berfikir yang mencari pembuktian melalui perkara-perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil bersifat umum. Penggunaan metodologi ini adalah bertujuan untuk meninjau dan melihat data sejarah yang dikemukakan bagi memperjelaskan segala maklumat berkaitan kerja berpasukan di zaman Rasulullah dan latar belakang syarikat. Ia juga dikenali sebagai metodologi dikenali sebagai metodologi *Istinbat*. Penggunaan metodologi ini lebih tertumpu kepada Bab 1, Bab 2, Bab 3 dan Bab 4 dalam kajian ini.

0.8.3.2 Metodologi Deduktif

Metodologi deduktif ialah cara menganalisis dan melakukan penulisan yang berdasarkan pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus. Metodologi ini digunakan secara meluas dalam menganalisis data dalam setiap persoalan yang menjadi objek penyelidikan. Ia juga dikenali sebagai metodologi *al-Istintajī* di dalam bahasa Arab. Penggunaan metodologi ini adalah pada Bab 3, Bab 4 dan Bab 5 dalam kajian ini.

0.8.3.3 Metodologi Kuantitatif

Metodologi kuantitatif juga digunapakai dalam kajian ini bagi mendapatkan hasil kajian yang diaplikasikan terhadap usahawan dalam sebuah syarikat yang diambil sebagai bahan kajian. Kajian yang dijalankan adalah melibatkan kajian lapangan dan *percentage* yang menjadi ukuran kepada sejauh mana tahap kefahaman dan penghayatan yang telah dilaksanakan oleh usahawan HPA. Penggunaan perisian *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)* versi 19.0. digunapakai dalam kajian ini. Analisis data menggunakan statistik deksriptif iaitu kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai.

0.9 Sistematika Kajian

Penulisan ini secara keseluruhannya dibahagikan kepada 5 bab yang menjadi asas dan pelengkap kepada kajian yang dibuat. Pada bab pendahuluan kajian, penulis menjelaskan pengenalan, latar belakang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian,

kepentingan kajian, skop kajian, ulasan penulisan dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini.

Bab yang pertama menjelaskan tentang asas dan kefahaman berkaitan *Amal Jamā'ī*, definisi *Amal Jamā'ī*, konsep '*Amal Jamā'ī*' menurut perspektif Islam dan konvensional, ayat-ayat al-Quran berkaitan '*Amal Jamā'ī*', hadith-hadith Tematik berkaitan '*Amal Jamā'ī*' serta dikemukakan pandangan sarjana berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dan penjelasan tentang tiga elemen penting berkaitan '*Amal Jamā'ī*' iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

Bab yang kedua membincangkan secara khusus tentang hadith *Mawdu'i* dan hubungkaitnya dengan hadith yang berkaitan '*Amal Jamā'ī*', definisi hadith Tematik dan penumpuan terhadap *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*. Kemudian disenaraikan pula hadith berkaitan kepercayaan, perkongsian dan komitmen dalam *Sahihayn*. Seterusnya, dinyatakan pula penghuraian *Fiqh al-Ḥadīth* berkaitan '*Amal Jamā'ī*'.

Bab yang ketiga ini, dimuatkan tentang pemilihan organisasi sebagai bahan kajian, sejarah penubuhan al-Wahida HPA, pengurusan al-Wahida Marketing Sdn Bhd, begitu juga diketengahkan program dan aktiviti yang dijalankan serta prinsip-prinsip yang digunakan berkaitan '*Amal Jamā'ī*'. Turut dimuatkan konsep '*Amal Jamā'ī*' yang diamalkan oleh al-Wahida HPA sama ada yang berbentuk material dan yang berbentuk spiritual. Dinyatakan juga, tiga elemen '*Amal Jamā'ī*' yang difahami dan dihayati iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

Bab yang keempat menjelaskan dapatan kajian berkaitan konsep dan penilaian terhadap *'Amal Jamā'ī*. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu berkaitan hasil kajian tentang hadith *'Amal Jamā'ī* yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥayn*. Bahagian kedua pula memaparkan tentang aplikasi konsep *'Amal Jamā'ī* dalam kalangan Usahawan MLM al-Wahida. Hasil kajian juga, memaparkan objektif pertama menerangkan tentang konsep *'Amal Jama'i* dan kedua yang memuatkan analisis hadith-hadith *'Amal Jamā'ī* yang terdapat dalam *al-Ṣaḥīḥayn*. Seterusnya, dapatan kajian terhadap analisis konsep *'Amal Jamā'ī* dalam Syarikat AWM HPA, penelitian konsep *'Amal Jamā'ī* dan pandangan peribadi usahawan dalam organisasi. Hasil kajian juga mengenengahkan cadangan penambahbaikan bagi memantapkan kepentingan *'Amal Jamā'ī*.

Bab yang terakhir pula, dibawa rumusan dan cadangan kepada penemuan kajian yang dilakukan. Pengkaji menjelaskan pencapaian *'Amal Jamā'ī* berdasarkan objektif kajian. Seterusnya, dikemukakan cadangan dan saranan kepada pihak yang berwajib supaya diambil perhatian dan tindakan oleh mereka bagi mengenengahkan konsep *'Amal Jamā'ī* yang pernah mengangkat martabat generasi awal Islam suatu ketika dahulu dalam menyusun gerak kerja mereka.

BAB 1

KONSEP 'AMAL JAMĀ'Ī

1.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji mengenengahkan kajian yang berbentuk teori bagi menyatakan konsep 'Amal Jamā'ī menurut perspektif Islam dan *konvensional*. Perbahasan tertumpu kepada konsep 'Amal Jamā'ī dan maksud yang sebenarnya. Perbahasan juga melibatkan pengertian 'Amal Jamā'ī menurut bahasa dan istilah. Turut dimuatkan 'Amal Jamā'ī menurut al-Qur'an dan hadith yang berbentuk tematik dan dalam kitab hadith yang lain selain *al-Ṣaḥīḥayn*. Selain itu, dinyatakan juga pandangan sarjana Islam dan konvensional berkaitan 'Amal Jamā'ī. Seterusnya pengkaji menjelaskan elemen penting dalam 'Amal Jamā'ī. Oleh yang demikian, bab ini merupakan bab yang menggambarkan tujuan awal kajian dan konsep yang akan menjadi kesinambungan kajian pada bab yang seterusnya.

1.2 Asas dan Kefahaman Berkaitan 'Amal Jamā'ī

Kerja yang dilakukan secara berjemaah atau berpasukan lebih mendapat keuntungan, keberkatan dan juga faedahnya jika dibandingkan kerja secara bersendirian.¹ Di dalam hadith Nabi Muhammad S.A.W telahpun disebut perumpamaan yang jelas tentang kelebihan bermuafakat dalam jemaah serta kekuatannya, seolah-olah kawanan kambing

¹ Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd Allah al-Naysaburi al-Hakim, *Al-Mustadrak* (Kaherah : Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Ḥimāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 12 : 8.

yang tidak mampu dimakan serigala yang garang tetapi serigala tersebut mampu untuk makan serta membaham salah seekor daripada kawanan kambing tersebut yang terpisah daripada kelompoknya.² Pepatah Melayu juga ada menyebut tentang perumpamaan di antara kerja yang dilakukan secara berkumpulan dan berseorangan seumpama lidi yang satu, mudah untuk dipatahkan, sebaliknya lidi yang diikat susah untuk dipatahkan.³ Oleh yang demikian, konsep '*Amal Jamā'ī*' adalah sesuatu yang diakui oleh semua orang tentang kebbaikannya, jika dibandingkan dengan sesuatu kerja yang dilakukan secara bersendirian. Sejarah telah membuktikan bahawa umat terdahulu mengecapi kejayaan terhadap perancangan yang dibuat adalah secara berjemaah. Bahkan galakan itu dituntut supaya sentiasa berada dalam jemaah dalam apa keadaan sekalipun dan menepati apa yang dikehendaki Rasulullah S.A.W serta mereka yang diiktiraf di kalangan sahabat, tabiin dan para ulama⁴.

Para Nabi, ṣahābat, *salaf al-ṣaliḥ* dan para ulama melaksanakan kerja secara berjemaah sama ada ketika senang ataupun ketika menghadapi kesusahan. Penerapan konsep kerja secara '*Amal Jamā'ī*' yang diatur dengan penuh strategi memudahkan mereka menghadapi ujian dan dugaan hidup.⁵ Sebagai contoh, pakatan Nabi Musa dan Haron menghadapi Firaun seperti yang dirakamkan dalam al-Qur'an menggambarkan kesan kerja dan pemuafakatan yang memberi keputusan yang baik walaupun terpaksa berhadapan dengan keangkuhan Firaun yang zalim ketika itu. Setiap kerja yang dilaksanakan adalah

² Yahyā bin Sharaf al-Dīn al-Nawāwī, *Riyāḍ al-Ṣaliḥīn*, ed. Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī (Beirut: Maktabah al-Islāmiyyah, 1983), 379.

³ Tenas Affendy, H., *Kesatuan dan Semangat Melayu* (Riau: Tenas Effendy Foundation, 2012), 174.

⁴ Abī Na'im al-Aṣbahānī, *Tathbit al-Imāmah wa al-Tartīb al-Khilāfah, Mawqī' Jāmi' al-Hadith*. (Kaheerah : Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Ḥimāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, t.t.), 195.

⁵ 'Abdul Wahab al-Daylāmī, *Al-'Amal al-Jamā'ī* (Sana': Dār al-Hijrah, 1991), 22.

bersumberkan kepada wahyu Allah sebagai rujukan kepada mereka.⁶ Agama Islam semenjak daripada dahulu menjanjikan kejayaan kepada penganutnya yang sentiasa meletakkan sumber rujukan utama iaitu kitab dan panduan para Rasul bagi menghadapi kehidupan duniawi dan ukhrawi.⁷ Setiap pekerjaan yang dilakukan sudah semestinya ada tempat sandaran yang menjadi panduan mereka. Kedatangan para Rasul itu sendiri memperlihatkan umat ini amat memerlukan kepada panduan dan tunjuk ajar bagi merealisasikan kehidupan mereka sebagai manusia yang bertamadun. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Al-Aḥzab 21: 21

Terjemahan: Sesungguhnya pada diri kamu terhadap Rasulullah S.A.W sebagai ikutan yang baik.

Menurut al-Qurtūbī, yang dimaksudkan dengan *qudwah* (ikutannya) itu adalah merujuk kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai ikutan dalam semua keadaan sama ada yang melibatkan pekerjaan baginda mahupun percakapannya.⁸ Justeru, setiap perancangan dan strategi dalam sesebuah organisasi yang ada, tidak akan terlaksana tanpa wujudnya panduan yang jelas. Ini menggambarkan setiap pekerjaan yang dilakukan hendaklah dilaksanakan menurut sumber yang jelas dan berautoriti. Sebab itu setiap amalan yang dilakukan di dalam Islam dikira ibadah dan mendapat pahala, sebaliknya amalan yang

⁶ Abū Fida' Ismā'īl bin 'Umar Bin Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm* (Riyadh: Dār al-Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1999), 8:283.

⁷ Muḥammad bin Futūḥ al-Hamidi, *Al-Jam'u Bayna al-Ṣaḥīḥayn al-Bukhārī wa Muslim* (Beirut: Dār Bin Ḥazm, 2002), 2:277.

⁸ Muḥammad bin Ahmad bin Abū Bakar bin Farah al-Anṣārī al-Qurtūbī, *Al-Jāmi' al-Aḥkam al-Qur'an* (Riyadh : Dār al-'Alam al-Kutub, 2003), 12:154.

dilakukan tanpa merujuk kepada ketetapan syarak adalah sia-sia. Perkara ini dinyatakan oleh Allah di dalam al-Qur'an yang berbunyi:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ

Al-Nūr 24:39

Terjemahan: Dan amalan orang-orang kafir itu umpama fatamorgana.

Ini menggambarkan bahawa setiap amalan yang dilakukan walaupun baik tetapi membelakangi syariat adalah sia-sia serta tidak memberi sedikit manfaat pun kepada pelakunya.⁹ Oleh yang demikian, kefahaman terhadap *'Amal Jamā'ī* yang dinaungi syariat perlu untuk dipraktik, dihayati serta diamalkan oleh umat Islam. Justeru, dengan demikian mereka dapat memahami setiap kerja yang dilakukan itu adalah ibadah yang mendapat ganjaran duniawi dan ukhrawi¹⁰. Pengkaji memberi tumpuan kajian kepada tiga perbahasan utama, iaitu:

- (i) Konsep *'Amal Jamā'ī* menurut al-Qur'an dan al-Sunnah, pandangan sarjana Islam dan konvensional.
- (ii) Pemfokusan kajian terhadap tiga elemen penting dalam *'Amal Jamā'ī* iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen.
- (iii) Ayat al-Qur'an dan hadith tematik berkaitan *'Amal jamā'ī*.

⁹ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, 5: 202, Al-Qurṭūbī, *Al-Jāmi' al-Aḥkam al-Qur'an*, 12: 282.

¹⁰ Jalāl al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Maḥalli dan Jalāl al-Dīn 'Abd Raḥman bin Abū Bakr al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Jalālayn* (Kaherah: Dār al-Hadith, t.t.), 1: 465.

Ketiga-tiga perbahasan ini penting untuk difahami secara terperinci agar kajian yang dilakukan ini benar-benar mencapai maksudnya yang diharapkan.

1.2.1 Konsep dan Pengertian '*Amal Jamā'ī*'

Bagi memahami istilah '*Amal Jamā'ī*' dan konsepnya, perbahasan dilihat dari sudut bahasa dan istilah serta berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Seterusnya, pandangan dan saranan para sarjanawan Islam dan konvensional serta penghuraian dan perbahasan dari pihak pengkaji sendiri berdasarkan pemerhatian dan pengetahuan yang ada.

1.2.2 '*Amal Jamā'ī*' dari Sudut Bahasa

Amal menurut bahasa membawa maksud pekerjaan dan profesion, perkataan amal juga merujuk kepada makna yang pelbagai. Amal mengikut istilah ekonomi, pengurusan pejabat dan lain-lain membawa makna yang berbeza. Jika digunakan bagi pengurusan pejabat amal merujuk kepada sesuatu yang berada di bawah seliaan pejabat atau agensi berkaitan, juga dikatakan kampung lelaki itu berada di bawah pengawasan majlis daerah atau pejabat daerah tertentu. Amal jika dirujuk kepada ekonomi membawa maksud kesungguhan seseorang insan yang melakukan sesuatu kerja bagi mendapatkan manfaat.¹¹

Di dalam Kamus *Mawrīd* selain daripada maksud pekerjaan atau profesion, perkataan '*Amal* dan *Jama'i*' digabungkan dengan membawa maksud *Team Work* (kerja

¹¹ Ibrāhīm Mustafā et.al, *Al-Mu'jam al-Wasīṭ* (Istanbul: Dār al-Da'wah, 1980), 2:628.

Berpasukan).¹² Justeru, perkataan '*Amal Jamā'ī*' apabila dipecahkan kepada dua bahagian iaitu '*Amal dan Jamā'ī*' mempunyai maksud yang tersendiri. Amal merujuk kepada perwujudan dari sesuatu yang menjadi harapan jiwa, baik berupa ucapan, perbuatan anggota badan ataupun perbuatan hati. '*Amal* harus berdasarkan niat; tiada amal tanpa niat. Setiap '*Amal* dinilai oleh Allah berdasarkan niat. '*Amal* juga dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu amal jariah, amal ibadah dan amal saleh¹³. Secara umumnya, '*Amal* yang merujuk kepada ibadah, bermaksud semua kegiatan sama ada penulisan atau perbuatan, baik berupa ucapan mahupun tindakan yang nyata mahupun yang tersembunyi yang ditujukan dan diniatkan untuk berbakti kepada Allah. Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Al-Dhārīyāt 51:56

Terjemahan: Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk mengabdikan diri kepadaKu.

Syarat sah '*Amal* ada dua, pertamanya, ikhlas dan keduanya, '*Amal* ibadah dalam erti khusus, dilakukan sesuai dengan tuntutan al-Quran dan al-Hadith sedangkan '*Amal* yang umum hendaklah dilakukan, berdasarkan ilmu pengetahuan.¹⁴ Manakala perkataan *jama'ah* atau *jamā'ī* di ambil daripada perkataan Arab *jama'a*, yang bererti mengumpulkan sesuatu dari berpecah dan berselerak.¹⁵ Selain itu, daripada perkataan *jama'a* juga lahir perkataan *jama'ah* yang dikaitkan dengan sekumpulan manusia dan

¹² Rohi Al-Ba'labaki, *Al-Mawrīd Qāmus 'Arabī-Ingīdī* (Beirut: Dār al-'Ilmi li Almalāyin, 1995), 781.

¹³ Dewan Redaksi Ensiklopedia Islam, *Ensiklopedia Islam* (Jakarta: Ikhtiar Baru Van Hoeve, 1994), 1:131-132.

¹⁴ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1997), 9 : 400-401.

¹⁵ Dewan Redaksi Ensiklopedia Islam, *Ensiklopedia Islam*, 1:131-132.

merujuk kepada bilangan yang banyak. Disebut dalam *Lisān al-‘Arab* bahawa Allah memerintahkan orang beriman apabila melakukan sesuatu pekerjaan secara ‘*Amal Jamā’ī*’, mereka disuruh supaya mengikut arahan dan keizinan daripada Nabi Muhammad S.A.W.¹⁶ Justeru, perkataan ‘*Amal Jamā’ī*’ apabila digabungkan membawa maksud kerja yang dilakukan secara berpasukan.

1.2.3 ‘*Amal Jamā’ī*’ dari Sudut Istilah

Pengertian ‘*Amal Jamā’ī*’ dari sudut istilah dapat disimpulkan daripada pelbagai pendefinisian yang dikemukakan oleh para ulama dan sarjana Islam. Mustafa Mashhur dalam kitabnya *al-‘Amal al-Jamā’ī* menyebut bahawa yang dikatakan ‘*Amal Jamā’ī*’ itu ialah sesuatu yang dirancang oleh pasukan yang mempunyai peraturan, sistem yang rapi dan selaras dengan prinsip yang telah digariskan oleh pasukan bagi mencapai matlamat yang dicita-citakan.¹⁷ ‘*Amal Jamā’ī*’ adalah sesuatu kerja yang dilakukan oleh sekumpulan manusia yang bekerjasama dalam satu misi dan objektif yang sama bagi menjayakan matlamat organisasi.¹⁸ Bukan sekadar kualiti anggota sahaja yang diambil kira dalam ‘*Amal Jamā’ī*’, sebaliknya mempunyai organisasi yang tersusun dan berperaturan di semua peringkat dan aktiviti.

Terdapat pengertian yang berbeza bagi memahami ‘*Amal Jamā’ī*’. Ada pendefinisian yang hanya menyentuh tentang kerja berpasukan yang melibatkan aspek fizikal dan material.

¹⁶Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 9: 355-356.

¹⁷Mustafā Mashhūr, *al-‘Amal al-Jamā’ī*. terj. Abdullah Abd Hamid (Alor Setar: Pustaka Ikhwan, 1985), 11.

¹⁸Hisyam al-Talib, *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*, terj. Wan Izzuddin Wan Sulaiman (Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992), 136.

Sebaliknya, ada pendefinisian yang menyentuh aspek fizikal, material dan spiritual.¹⁹ Al-Shaṭībī mendefinisikan perkataan jemaah sebagai sekumpulan sahabat tetapi tidak termasuk generasi sesudahnya. Kumpulan sahabat ini adalah golongan yang menegakkan dan mengukuhkan agama serta tidak melakukan kesesatan.²⁰ Ibn Hajar al-ʿAsqalani mendefinisikan *al-Jamaʿah* dengan makna yang lebih luas, di mana merangkumi di dalam pengertiannya *ahl al-Fiqh* dan *ahl-al-Hadīth* di kalangan Mujtahidin.²¹ Ibn Athīr pula mendefinisikan jemaah sebagai satu kelompok yang besar *al-Suwad al-Aʿzam*, iaitu kumpulan manusia yang kebanyakannya bersepakat dalam mentaati pemerintah dan mengikut jalan yang lurus.²² K.H Sirajuddin Abbas pula mendefinisikan jemaah sebagai penganut *Iʿtiqad* sebagaimana *Iʿtiqad* atau kepercayaan Sahabat Nabi Muhammad S.A.W yang berhubung dengan hal-hal ketuhanan, kenabian dan keakhiratan.²³ Menurut Abd Wahab al-Daylamī, yang dimaksudkan *jamaʿah* ialah setiap kumpulan atau pasukan yang melaksanakan sesuatu pekerjaan bertepatan dengan kehendak Allah.²⁴ Jadi, setiap amalan yang dilakukan oleh pasukan bukan hanya dilihat dari aspek fizikal dan material semata-mata, sebaliknya turut dilihat dari sudut spiritual. Ikatan akidahlah merupakan satu-satunya elemen yang mampu mengikat diri seseorang dalam melaksanakan tugasnya secara *ʿAmal Jamāʿī* tanpa ada sifat-sifat yang tercela yang menjadi penghalang kepada gerak kerja

¹⁹ Alauddin Sidal *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Malaysia, (INTAN), 2004), 27.

²⁰ Abī Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Shāṭibī al-Gharnāṭī, *Al-Ibtisam*, ed. Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā (Kaherah: Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra, t.t.), 2:261.

²¹ Abu Fadl bin ʿAlī bin Hajar al-ʿAsqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Sahih al-Bukhārī* (Beirut: Dār Ihyaʾ al-Turath al-ʿArabī, 1985), 13:30-31

²² Majal al-Dīn Abī al-Saʿādah al-Mubārak bin Muḥammad al-Jazarī Ibn al-Athīr, *al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athār* (t.t.p: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1963), 2:419.

²³ K.H. Sirajuddin Abbas, *Iʿtiqad ahl al-sunnah Wa al-Jamāʿah* (Jakarta: Penerbit Pustaka Tarbiyyah, 2002), 16.

²⁴ ʿAbd al-Wahab al-Daylami, *al-ʿAmal al-Jamāʿī Mahasinuh wa Jawānib al-Naqs fih* (Sanaʾ: Dar al-Hijrah, 1991), 24.

'*Amal Jamā'ī*' yang dirancang perlaksanaannya. Konsep mengasihi saudaranya yang disandarkan dengan keimanan mampu mengikat seseorang dalam melakukan setiap kerja yang diamanahkan kepadanya. Daripada Anas ra, sabda Rasulullah S.A.W:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Tidak sempurna iman seseorang sehinggalah dia kasih kepada saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri.²⁵

Teks hadith di atas menjelaskan bahawa kesempurnaan iman seseorang itu adalah terletak kepada bagaimana individu itu mampu mendahului kepentingan diri sendiri ketika melakukan suatu ketaatan, kebajikan dan sebagainya menurut kehendak dan perintah Allah.²⁶ Justeru, seseorang yang mempunyai fikiran yang waras sudah tentu sentiasa menjaga dan memelihara dirinya daripada ditimpa kesusahan, sakit dan sebagainya. Ini menggambarkan seseorang itu akan berusaha sedaya upaya untuk memelihara dirinya daripada ditimpa sakit sehingga sanggup melakukan apa sahaja demi memastikan dirinya sihat dan cergas. Apabila perkara ini difahami tentang betapa pentingnya memelihara dan memberi perhatian terhadap diri sendiri. Maka kepada orang lain, sudah tentu ia sanggup berbuat demikian. Perkara ini dilakukan bukanlah kerana ganjaran yang berbentuk duniawi, sebaliknya mengharapkan ganjaran yang berbentuk ukhrawi. Kepercayaan

²⁵ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Min al-Iman an Yuhib li Akhihi ma Yuhib li Nafsihi, no hadith 13, dan Muslim, Kitab al-Iman, Bab Akhdha al-Halal wa al-Tark al-Syubhat, no hadis 107. Hadith ini disepakati oleh al-Muhadithsin tentang kesahihannya termasuk Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tarmidhi dan lain-lainnya. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", (Beirut: Dar Fikr, 2004), 1: 14 dan Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Sahih Muslim", (Beirut: Dar al-Turath al-'Arabi, 2004), 3:1219.

²⁶ Nuruddin bin 'Abd Hādī Abū Ḥasan al-Sindī, *Hāshiyah al-Sindī 'alā al-Nasā'ī* (Damshiq: Maktab al-Matba'ah al-Islamiyyah, 1986), 8:96 dan Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Sahih Muslim", dalam *al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. Abū Zakariyya Yahya bin Sharf al-Nawāwī (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-Arabi, 1994), 11:19-27.

kepada ganjaran tersebut sudahpun tertanam di dalam diri, hasil ikatan akidah yang mantap dan menebal dalam jiwanya.²⁷ Kehidupan sehariannya hanya memikirkan bagaimana hendak memastikan 'Amal Jamā'ī dapat memberi sumbangan terhadap organisasi dan ummahnya. Begitu juga, dirinya sentiasa memikirkan tentang tindakan yang sepatutnya diambil mengikut kesesuaian ahli pasukan demi merealisasikan kerja yang dilaksanakan.

Perumpamaan yang boleh digambarkan adalah seperti sebuah bangunan yang kukuh, dilengkapi dengan komponen yang sempurna dan baik. Sabda Nabi S.A.W:

الْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبَيْتَانِ ، يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

Terjemahannya: Seorang mukmin dengan mukmin yang lain, diumpamakan seperti satu binaan kukuh, yang sentiasa lengkap melengkapi di antara satu sama lain²⁸

Oleh yang demikian, 'Amal Jamā'ī merupakan suatu yang penting kerana dengannya akan lahir kelompok manusia yang bersatu padu, hidup dalam kesatuan dan saling kasih mengasihi di antara satu sama lain.²⁹ Justeru, sesuatu umat itu akan dipandang mulia disebabkan mempunyai keperibadian yang unggul dan akan dikenang sepanjang zaman. Oleh yang demikian, seseorang individu sudah pasti memahami peranannya dalam

²⁷ Muḥammad bin Ṣaliḥ bin Muḥammad al-'Uthaymin, *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣaliḥīn*, Bab Ta'dhim Hurumat al-Muslimin wa Bayan Huquqihim (Riyadh: Mawqī' Jami' al-Hadīth al-Nabawī, 2000), 1:270-271. Lihat Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbini, *Tafsīr Siraj al-Munir* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 4:175.

²⁸ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab Tarahum al-Mu'minin, no hadith 2585. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim" dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh: Dar Salam, 2000), 1130.

²⁹ Zain al-Dīn 'Abd al-Rauf al-Manawī, *Taysīr bi al-Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghir* (Riyadh: Maktabah Imām al-Shāfi'ī, 1988), 5:874.

pasukan dan tidak wujud perasaan mementingkan diri sendiri.³⁰ Maka menjadi tanggungjawab untuk membina generasi yang memahami tuntutan agama di dalam setiap pekerjaan yang diceburi. Ianya merangkumi keseluruhan aspek kehidupan sama ada keperluan fizikal mahupun keperluan spiritual. Generasi yang cemerlang sudah pasti lahir daripada 'Amal Jamā'ī yang bermatlamatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat.³¹ Beramal bukan hanya untuk menempa kemasyhuran, pujian dan sanjungan manusia semata-mata, sebaliknya untuk mencari keredaan Allah SWT. Firman Allah Taala:

وَالسَّابِقُونَ السَّابِقُونَ
 مِنَ الْمُهَاجِرِينَ وَالْأَنْصَارِ
 وَالَّذِينَ اتَّبَعُوهُمْ
 بِإِحْسَانٍ رَضِيَ اللَّهُ
 عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ
 وَأَعَدَّ لَهُمْ
 جَنَّاتٍ تَجْرِي
 تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
 خَالِدِينَ فِيهَا
 أَبَدًا ذَلِكَ
 الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Al-Tawbah 9:100

Terjemahannya: Orang-orang yang terdahulu, yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari kalangan orang Muhajirin dan Ansar dan yang menurut jejak langkah mereka dengan iman dan taat, Allah reda kepada mereka dan mereka reda kepadaNya (Allah) serta ia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selamanya; itulah kemenangan yang besar.

Manusia dilahirkan sebagai khalifah di bumi ini dan diberikan amanah oleh Allah untuk memakmurkan bumi ini. Sifat manusiawi itulah suatu yang penting bagi memakmurkan bumi ini.³² Justeru, gabungan tenaga dan kepakaran penting bagi melaksanakan amanah ini. Oleh yang demikian, kerja secara bersendirian untuk tujuan melaksanakan amanah tersebut, tidak akan tercapai tanpa wujudnya gabungan tenaga dan pasukan yang mantap.

³⁰ Ahmad bin Hanbal, Abū 'Abd Allāh al-Shaybānī, *Fadā'il al-Ṣaḥābah* (Beirut: Muassasah al-Risalah, 1983), 1:464.

³¹ Asmadi Mohammad Naim, *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2003), 43.

³² Abū Muḥammad 'Abd al-Raḥman bin Abī Ḥātim al-Rāzī, *Tafsīr Bin Abī Ḥātim* (Kaherah: Maktabah al-'Asriyyah, t.t.), 1:76.

Menjadi fitrah kejadian Allah, bahawa manusia itu dijadikan secara berpasang-pasangan. Ini menggambarkan kepada kita, setiap individu tidak boleh hidup bersendirian tanpa wujud orang lain yang membantu mengerakkan kerja yang dirancang dan diatur.

Tahap pembentukan hidup secara '*Amal Jamā'ī*' dapat dilihat dengan pembentukan diri, seperti hubungan persaudaraan yang dikaitkan dengan keimanan, diikuti keluarga yang memerlukan kerjasama daripada semua ahli keluarga yang bertindak mengikut tugas dan tanggungjawab masing-masing. Dengan adanya sistem kehidupan yang teratur, akhirnya dapat melahirkan keluarga yang bahagia serta wujud masyarakat yang penyayang dan mengambil berat tentang keperluan saudaranya. Keadaan ini lahir, hasil daripada semangat dan panduan agama yang meletakkan keimanan sebagai lambang dan pengikat kepada gerak geri insan di dalam mencari kehidupan mereka.³³ Dalam sejarah kehidupan manusia terbukti bahawa '*Amal Jamā'ī*' lebih mudah mencapai kejayaan daripada kerja berseorangan. Menurut Ab Aziz, melalui kerja secara '*Amal Jamā'ī*', organisasi mampu meningkatkan hasil tanpa melibatkan sumber, kerana '*Amal Jamā'ī*' melibatkan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dapat menghasilkan prestasi kerja yang lebih tinggi, berbanding kerja yang dilakukan secara bersendirian. Selain itu, setiap individu dalam pasukan bertindak sebagai perantara dan berinteraksi secara komited untuk berkongsi maklumat, keputusan, cabaran dan perolehan hasil dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah sepertimana yang telah ditetapkan³⁴.

³³ Muhammad Uthman el-Muhammady, "Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan" (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005).

³⁴ Aziz. Yusof, *Mengurus Pasukan Kerja Perstasi Tinggi* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2003), 2.

1.3 Konsep 'Amal Jamā'ī Menurut Perspektif Islam

Islam amat memberi penekanan kepada amalan berpasukan atau 'Amal Jamā'ī dalam kegiatan hidup sama ada bersifat keagamaan ataupun keduniaan. Gambaran terhadap kepentingan kerja secara 'Amal Jamā'ī menjadi suatu kemestian (wajib) apabila amalan yang diwajibkan kepada setiap individu juga, digalakkan supaya dilakukan secara berjemaah seperti solat, apatah lagi hal-hal yang melibatkan kehidupan harian.³⁵ 'Amal Jamā'ī yang perlu difahami dalam Islam bukan hanya dikaitkan dengan suatu kerja yang melibatkan peningkatan produktiviti serta pencapaian sesebuah organisasi semata-mata. Malah, konsep 'Amal Jamā'ī dalam Islam adalah luas dan tidak terhad kepada bekerja secara berpasukan untuk menaikkan nama organisasi semata-mata, sebaliknya menyentuh aspek kemanusiaan yang melahirkan insan berkualiti dari sudut keperibadian, pengamalan dan penghayatan sesuatu ibadat. Ia juga, melibatkan kehidupan harian yang dilalui dan ditempuhi, sepertimana para sahabat yang terdahulu. Perkara ini diakui oleh Nabi Muhammad S.A.W sendiri di dalam hadith Baginda:

أَرْحَمُ أُمَّتِي بِأُمَّتِي أَبُو بَكْرٍ ، وَأَشَدُّهُمْ فِي أَمْرِ اللَّهِ عُمَرُ ، وَأَصْدَقُهُمْ حَيَاءً عُثْمَانُ بْنُ عَفَّانَ ، وَأَعْلَمُهُمْ بِالْحَلَالِ وَالْحَرَامِ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ ، وَأَفْرَضُهُمْ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ ، وَأَقْرَوَهُمْ أَبِي بْنُ كَعْبٍ ، وَلِكُلِّ أُمَّةٍ أَمِينٌ ، وَأَمِينُ هَذِهِ الْأُمَّةِ أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ

Terjemahannya: Yang paling penyayang di kalangan umatku adalah Abu Bakar, yang paling tegas dalam urusan agama adalah 'Umar, yang paling pemalu di kalangan mereka adalah Uthman bin 'Affan, yang paling memahami tentang halal dan haram adalah Mu'az bin Jabal, yang paling mengerti tentang urusan faraid di kalangan mereka adalah Zayd bin Thabit, yang paling kemas bacaan al-Quran di kalangan mereka adalah Ubay bin Ka'ab, ketahuilah setiap umat itu ada seorang

³⁵ Muhammad Uthman el-Muhammady, *Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*, 3.

pemegang amanah dan yang paling amanah bagi umat ini adalah Abu 'Ubaydah bin Jarrah.³⁶

Mereka cemerlang dalam semua aspek yang diceburi dan pada masa yang sama mereka membawa prinsip hidup bahawa setiap amalan yang dilakukan tidak lain hanya kerana mencari keredaan Allah. Sesungguhnya, perbuatan mereka mendapat pengiktirafan dari Allah SWT yang juga menyifatkan mereka adalah orang yang beriman dan beramal soleh bahkan dijanjikan sebaik-baik tempat kepada mereka. Firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ
جَنَّاتٌ عَدْنٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ
وَرَضُوا عَنْهُ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ
Al-Bayyinah 98:7-8

Terjemahan: Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, mereka adalah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Allah ialah syurga 'Adn (disediakan kepada mereka tempat yang baik) yang mengalir di bawahnya sungai dan mereka itu kekal di dalamnya. Allah meredai mereka dan mereka reda (di atas nikmat pemberianNya) kepadaNya. Balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang sentiasa takut kepada tuhanNya.

Berkerja dengan fokus yang terarah dan menjurus kepada mengangkat martabat ummah adalah sesuatu yang dituntut. Tertegaknya tamadun Islam adalah berdasarkan 'Amal Jamā'i yang dirancang oleh sekelompok manusia yang mendapat pentarbiahan agama yang secukupnya. Maka, di sana tidak ada perasaan bekerja hanya untuk kepentingan peribadi sebaliknya memastikan sahabat-sahabat yang lain turut mengecapi kepuasan,

³⁶ Hadith riwayat Imam Ahmad, Kitab Musnad Ahmad, Bab Musnad Anas Bin Malik, no. Hadith 13242. Imam Ahmad mengatakan hadith ini adalah *Sahih*. Bin 'Asakir dan al-Baihaqi mengatakan hadith ini adalah bersambung sanadnya dan perawi-perawinya adalah *thiqah*. Al-Zahabi dan al-Iraqi mengatakan sanadnya adalah *Hasan*. Lihat Ahmad Bin Hanbal, *Musnad Ahmad* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Makriyyah, 2007), 27: 275.

keseronokan dan kejayaan dalam melaksanakan tugas yang telah direncanakan. Penghayatan sunnah Nabawi dalam kehidupan menyerlahkan lagi semangat dan kasih sayang di kalangan mereka. Kesemua ini dilakukan dengan penuh ikhlas, meskipun terpaksa mengadai kemahuan serta kepentingan peribadi mereka. Firman Allah Ta'ala:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Al-Hashr 59: 9

Terjemahan: Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan serba kekurangan dan sangat-sangat berhajat.

Sebenarnya, kesyumulan Islam itu sendiri meletakkannya sebagai sumber yang paling efisien yang boleh dijadikan ukuran untuk melihat sejauhmana keberkesanan *'Amal Jamā'i*. Islam tidak menilai sesuatu kejayaan itu hanya menurut persepsi, kelaziman, kebiasaan, pembudayaan dan pengalaman sesuatu bangsa. Sebaliknya, yang menilai kejayaan itu adalah berdasarkan panduan agama itu sendiri. Melalui al-Qur'an dan Hadith Nabawi, Islam meletakkan pembentukan masyarakat yang berjaya ialah mereka yang sentiasa mengutamakan hubungan dengan *Khaliq*, hubungan sesama manusia dan hubungan sesama makhluk lain sebagai asas kepada kekuatan ummah.

Konsep keimanan kepada Allah dan Rasulullah S.A.W mengikat setiap insan agar mengatur hubungan tersebut berasaskan tauhid, di mana setiap perlakuan mereka, sudah tentu dinilai disisi Allah, sama ada penilaian itu dalam bentuk rohani mahupun jasmani³⁷.

³⁷ Mohd Shukri bin Hanafi, "Tasawur Pembangunan Dalam al-Quran: Kajian Tafsir al-Mawdu'i" (tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2011), 42.

Menurut Sidek Baba, dalam pengurusan hidup, proses menyempurnakan amanah mestilah dikaitkan dengan elemen tauhid iaitu ihsan dan insan. Ihsan memerlukan hubungan yang berterusan dengan Allah, manakala insan pula, memerlukan hubungan sesama manusia³⁸. Ia akan melengkapkan sistem kehidupan manusia yang tidak lari daripada keperluan spiritual dan material. Justeru, dengan demikian lahirlah panduan yang jelas dan kaedah yang tepat terhadap matlamat kejadian manusia itu sendiri sebagai orang yang diamanahkan untuk memakmurkan bumi dengan agama. Oleh yang demikian, Islam meletakkan kebersamaan dalam melaksanakan kerja secara *'Amal Jamā'ī* adalah penting dan setiap keputusan dibuat secara bersama. Suruhan Allah SWT agar melaksanakan setiap kerja dan membuat keputusan, jelas disebut dalam Firmannya:

وَأْمُرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Al-Shūrā 25:38

Terjemahan: Dan segala urusan kerja mereka dilakukan secara bermesyuarat sesama mereka.

Keputusan yang dibuat sudah tentu diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT. Baginda Nabi Muhammad S.A.W menyebut di dalam hadithnya:

وَالْجَمَاعَةُ رَحْمَةٌ وَالْفُرْقَةُ عَذَابٌ

Terjemahan: Dan jemaah itu adalah rahmat sementara berpuak-puak itu adalah azab³⁹.

³⁸ Sidek Baba, "Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan" (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari-Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005), 2.

³⁹ Hadith riwayat Imam Ahmad, Kitab Musnad Ahmad, Bab Musnad Anas bin Malik, no. Hadith 13242. al-'Uqaylī, Kitab al-Du'afa' al-Kabir, no. hadith 429, Al-Mundhiri, Kitab al-Tarqib Wa al-Tarhib, no. hadith 103 dan Al-Haithami, Majma' al-Zawaid, no. Hadith 185. Shaykh Shu'ib al-Arnawut mengatakan kedudukan hadith ini adalah *Hasan*. Manakala al-Haythāmī mengatakan hadith ini, diriwayatkan oleh

Selain itu, Allah sentiasa melindungi jemaah dalam setiap gerak kerja yang mereka lakukan. Sabda Nabi S.A.W:

يَدُ اللَّهِ مَعَ الْجَمَاعَةِ

Terjemahan: Kekuasaan Allah bersama-sama dengan jemaah⁴⁰.

Allah sentiasa bersama orang yang inginkan kesejahteraan dalam hidup mereka mengikut acuan yang disediakan oleh Allah SWT. Setiap tindak tanduk mereka tidak lari daripada panduan yang ditetapkan melalui sumber yang diketahui umum, sama ada al-Qur'an, sunnah, ijmak dan qias. Seruan Allah di dalam al-Qur'an juga tidak memfokuskan kepada individu tertentu kecuali para Rasulnya, dan selebihnya disebut wahai orang beriman dengan lafaz jamak. Ini menjelaskan bahawa agama Islam lebih mengutamakan sesuatu kerja atau amal secara berjemaah. Oleh yang demikian, ummah ini dilihat sebagai ummah yang kuat seperti generasi terdahulu apabila setiap pekerjaan dilakukan dengan asas dan panduan yang kukuh daripada agama Islam. Justeru, kerja secara berjemaah adalah sebagai tuntutan hidup yang menjadi pemangkin bagi memastikan perancangan yang dibuat mencapai sasaran dan matlamat yang sebenar. Firman Allah SWT:

وَاَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Āli 'Imrān 3: 103

⁴⁰ ‘Abd Allāh bin Ahmad, al-Bazzar dan al-Tabranī, kesemua perawi-perawinya adalah *thiqah*. Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad* (Beirut: Dar al-Fikr, 1990), 37: 402.

⁴⁰ Hadith riwayat Tirmidhi, Kitab al-Jami' al-Sahih, Bab luzum al-Jama'ah, no. hadith 2166 dan al-Bayhaqi, Kitab al-Sha'b al-Iman, Bab fasl fi Fadl al-Jama'ah, no. Hadith, 7512. Imam Tirmidhi mengatakan hadith ini bertaraf *Hasan gharib*. Al-Haithami mengatakan hadith ini, diriwayatkan oleh al-Tabrani dan semua perawinya adalah *thiqah*. Al-Tirmidhi, Muhammad bin 'Isa, *al-Jami' al-Sahih Sunan al-Tirmidhi* (Beirut: Dar al-Fikr, 1980), 8:70.

Terjemahannya: Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah (agama Allah atau berjemaah di atas kebenaran) jangan kamu berpecah belah.

Ikatan akidah yang kuat dapat menyatukan umat ini dalam melaksanakan tugas harian mereka. Dalam sejarah, Islam membuktikan bahawa kejayaan sesebuah persatuan atau jemaah itu bukan hanya di atas semangat dan kekuatan material semata-mata, yang akhirnya melahirkan generasi yang gagal menemui kepuasan, kejayaan dan keseronokan dalam hidup mereka. Mereka yang bekerja secara *'Amal Jamā'ī* mempunyai kesanggupan untuk menghadapi kesukaran dan cabaran hidup walaupun berdepan dengan bahaya yang menanti. Perkara ini, terbukti berlaku kepada sahabat yang bernama Suhayib al-Rumi yang meninggalkan harta kekayaannya di Mekah setelah dihalang berhijrah⁴¹. Justeru, demi menjayakan misi hijrah bersama Nabi S.A.W, kebendaan ataupun material tidak bernilai di sisi mereka, sebaliknya janji yang berbentuk spiritual menjadi keutamaan dalam melaksanakan *'Amal Jamā'ī*. Setiap arahan dilaksanakan dengan sebaiknya, tanpa melihat kepada untung rugi sesuatu pekerjaan yang dilakukan.

Selain itu, Rasulullah S.A.W berjaya menenangkan para sahabat yang ditindas dengan janji yang diikat dengan akidah yang mantap. Rasulullah S.A.W menyakinkan mereka, setiap ujian dan cabaran hidup di Kota Makkah pasti akan menemui kejayaan setelah mengharungi kesusahan tersebut. Perkara tersebut terbukti, apabila mereka berjaya menegakkan negara Islam Madinah selepas itu. Sikap mereka mendapat pujian daripada Allah dalam firmanNya:

⁴¹ Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Zahabi, *Sayr 'Alam 'al-Nubala'*. (Riyadh: Muassasah al-Risalah, 2001) 2:23.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ

Al-Baqarah 2:207

Terjemahan: Dan di antara manusia, ada orang yang sanggup mengorbankan dirinya untuk mencari keredaan Allah.

Justeru, sikap yang ditunjukkan oleh para sahabat nampak jelas, apabila kesenangan yang diperolehi akan dinikmati bersama, sebaliknya setiap kepayahan yang dilalui akan diharungi bersama. Rasulullah S.A.W telah menceritakan sikap serta mengiktiraf mereka di dalam hadith Baginda yang berbunyi:

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْعَزْوِ ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ ، جَمَعُوا مَا كَانَ عِنْدَهُمْ فِي تَوْبٍ وَاحِدٍ ، ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِثْنَاءِ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ ، فَهُمْ مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya kaum al-Ash'ariyyin, apabila perempuan mereka menjadi janda disebabkan peperangan atau kekurangan makanan keluarga mereka di Madinah, maka mereka akan mengumpulkan apa sahaja yang ada di sisi mereka dalam sebuah kain, kemudian mereka bahagikan di kalangan mereka dalam satu bekas sama rata (agar dapat dinikmati bersama) lalu Nabi S.A.W mengatakan mereka adalah dari aku dan aku adalah dari kalangan mereka.⁴²

Kerja secara *'Amal Jamā'ī* yang dilakukan bukan hanya sekadar retorik semata-mata bahkan menjadi realiti dalam kehidupan. Islam meletakkan asas akidah, syariah dan akhlak sabagai pegangan kepada umat ini, jika mereka ingin mendapat kejayaan. Di atas kesatuan (Islam) dan hati, maka setiap kerja dilakukan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi agar matlamat duniawi dan ukhrawi dicapai oleh umat ini. Bertapaknya tiga asas penting

⁴² Hadith riwayat Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Min Faḍāil al-Ash'ariyyin, no. hadith 2500. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 4: 1944.

iaitu akidah, syariah dan akhlak dalam diri mereka, menguatkan lagi semangat dan kerjasama di kalangan mereka. Pemahaman yang betul dalam agama membuatkan mereka saling berpadu dalam melakukan tindakan. Kebersamaan dalam tindakan dan perlakuan dijadikan asas dan dilihat sebagai suatu kaedah yang penting dalam menjayakan cita-cita mereka. Perkongsian maklumat yang jelas menyerlahkan lagi tindakan mereka. Justeru, kerja secara '*Amal Jamā'ī*' adalah suatu tuntutan dalam Islam. Umat kini perlu melihat kembali kecemerlangan umat yang terdahulu adalah berasaskan kepada kerja secara '*Amal Jamā'ī*'. Sesuatu kebijaksanaan itu merupakan barang yang tercicir yang perlu diambil oleh ummah ini di mana sahaja didapatinya. Menjadi kerugian yang amat sangat apabila hak dan barang milik umat Islam ditinggalkan sebaliknya milik orang lain dijadikan panduan kepada mereka.

Tuntutan supaya bersama jemaah adalah sampai kepada tahap kita tinggal keseorangan walaupun jemaah atau pasukan yang dibentuk itu telah hilang matlamatnya yang asal. Namun, seruan supaya iltizam dengan jemaah masih lagi dituntut atas dasar yang telah dilaksanakan oleh jemaah yang wujud sebelum berlakunya penyelewengan. Nabi Muhammad S.A.W sendiri mendedahkan keperluan '*Amal Jamā'ī*' seperti hidup dalam sebuah kapal, yang memerlukan kerja sama daripada semua pihak agar pelayaran yang dibuat berjaya mencapai matlamatnya dan tidak terkandas dalam perjalanan. Tidak wujud individu yang mementingkan dirinya sendiri sehingga sanggup menebuk kapal yang akhirnya kesemua kelasi di atas kapal tersebut mati kelemasan. Ibarat yang mudah difahami seperti yang disebut ialah seseorang yang mengejar faedah peribadi yang segera

dengan melanggar peraturan dan disiplin akan menyebabkan institusi yang dibina gagal membangun dan mengalami kemerosotan, kerugian serta kehancuran.⁴³

1.4 Pandangan Sarjana Islam Berkaitan 'Amal Jamā'ī

'Amal Jamā'ī selalunya dikaitkan dengan unsur dakwah dalam menentukan keberkesanan aktiviti yang dilakukan. 'Amal Jamā'ī ini adalah salah satu entiti yang wujud dalam kerja amal Islami. Ianya merangkumi keseluruhan hidup manusia baik untuk kerja duniawi mahupun ukhrawi. Sesuatu perkara itu tidak akan sempurna melainkan dengan wujudnya 'Amal Jamā'ī maka ianya akan sempurna. Perkara ini ditegaskan oleh Rasulullah S.A.W dalam hadithnya yang berbunyi:

إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيُؤَمِّرُوا عَلَيْهِمْ أَحَدَهُمْ

Terjemahan: Apabila tiga orang keluar bermusafir maka hendaklah dilantik salah seorang dari mereka menjadi ketua⁴⁴.

Hadith di atas menggambarkan bahawa kesempurnaan sesuatu pekerjaan adalah terletak kepada kebersamaan dalam melakukan sesuatu tindakan. Bagi memenuhi keperluan ketika dalam perjalanan maka dilantik seorang ketua bagi memudahkan proses pengurusan gerak kerja. Justeru, di sini lahirlah 'Amal Jamā'ī yang diketuai oleh seorang pemimpin yang dipercayai untuk membuat setiap keputusan yang dibuat sepanjang perjalanan. Para Ulama

⁴³ Muhammad Uthman el-Muhammady, *Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*, 11.

⁴⁴ Hadith riwayat Abu Dawud, Kitab Jihad, Bab Fi al-Qawm Yusafirun Yuammirun Ahaduhum, no hadith 2610. Al-Haithamiy mengatakan hadith ini perawi-perawinya adalah *thiqah*. Imam al-Tabrani dan al-Bazzar mengatakan hadith ini *Sahih*. Lihat Sulayman bin Ash'ath al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Hīmāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 8: 54.

Islam banyak memberi pendapat berkaitan perkara ini, cuma perinciannya banyak tertumpu kepada hal-hal berkaitan dakwah. Perbincangan sesuatu yang lebih besar dengan sendirinya hal yang kecil termasuk dalam perbincangan tersebut. Ia adalah merupakan tuntutan yang dikehendaki oleh Islam. Sesuatu pengajaran itu diambil daripada peristiwa yang umum dan bukannya disebabkan peristiwa yang khusus. Mustafā Mashhūr berpendapat bahawa '*Amal Jamā'ī*' adalah suatu keputusan secara jemaah yang selaras dengan *manhaj* atau sistem yang ditentukan bersama bertujuan untuk mencapai matlamat yang dirancang bersama. Beliau menyatakan bahawa, '*Amal Jamā'ī*' itu tidak akan mampu dilakukan tanpa wujudnya jemaah yang menyelenggara serta memantau usaha-usaha persendirian yang digerakkan dan diatur melalui garis panduan tentang kaedah, cara dan daya kemampuan individu tersebut melakukan kerja yang diamanahkan.⁴⁵ '*Amal Jamā'ī*' menurut Sa'id Ḥawā tidak akan terlaksana jika wujudnya sifat mementingkan diri sendiri, tidak ada pengorbanan harta benda, jiwa dan tenaga dalam diri seseorang. Seseorang Muslim memerlukan sifat-sifat ini bagi melaksanakan '*Amal Jamā'ī*' yang mampu untuk mencapai matlamatnya.⁴⁶

Kefahaman tentang *Amal Jamā'ī* lahir daripada pemikiran yang jelas terhadap kepentingannya. Justeru, setiap yang jelas itu pula, akan melahirkan perasaan selesa dan berpuas hati terhadap kerja-kerja yang dilakukan secara '*Amal Jamā'ī*'. Menurut Abdullah Azam, setiap insan yang muslim semestinya bergerak dalam jemaah kerana misi jihad

⁴⁵ Mustafā Mashhūr, *Amal Jamā'ī*, terj. Abu Ridha (Jakarta:al-I'tisom, 2001), 11.

⁴⁶ Sa'id Ḥawā, *Memahami Prinsip-Prinsip Amal Islami*, terj. Darus Sanawi (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2006), 52.

tidak akan sempurna melainkan dilakukan melalui jemaah atau pasukan.⁴⁷ Yusūf al-Qaraḍāwī berpendapat bahawa, '*Amal Jamā'ī*' ini suatu keperluan bagi menghadapi tuntutan hidup, seperti menyuruh bekerjasama dalam melaksanakan perkara kebajikan dan ketaqwaan. Ia merupakan sebesar-besar kebajikan dan membawa kepada martabat taqwa paling tinggi. Penggabungan usaha dan tenaga bagi menyelaraskan sesuatu matlamat adalah merupakan elemen yang mampu mengukuhkan '*Amal Jamā'ī*'.⁴⁸ Sayed Muḥammad Nūh menyebut dalam kitabnya *Tawjihāt Nabawiyyah 'alā al-Ṭariq* tentang hadith yang menuntut supaya sentiasa bersama jemaah. Beliau menyatakan, menjadi suatu kemestian terhadap seseorang muslim dalam hidupnya, agar sentiasa bertindak dalam melaksanakan sesuatu kerja bersama jemaah. Sikap membelakangi jemaah dalam melakukan suatu kerja adalah dikira tercela. Kerja secara berjemaah akan mendapat rahmat dan keberkatan sebaliknya, meninggalkannya akan mengundang kecelaruan dan kerosakkan.⁴⁹

Haron Taib menyatakan sesuatu amal (pekerjaan) tidak mungkin dapat direalisasikan oleh orang perseorangan melainkan melalui jemaah yang mampu menggerakkan '*Amal Jamā'ī*' secara tersusun rapi dan sistematik.⁵⁰ Muhammad Uthman el-Muhammadi menyatakan bahawa '*Amal Jamā'ī*' adalah sesuatu kerja yang dituntut oleh Islam dan mampu menghasilkan keberkesanan dan kejayaan terhadap apa yang dirancang. Melalui ke '*Amal Jamā'ī*', setiap kerja yang dilakukan mendapat hasil yang lebih berkesan

⁴⁷ Abdullah Azam, *Kewajipan Gerak Kerja Dalam Islam*, terj. Hapiz Mahaiyadin (Kuala Lumpur: Al-Hidayah, 2003), 10.

⁴⁸ Yusūf al-Qaraḍāwī, *Harakah Islamiyyah Satu Tuntutan*, terj. Abdul Ghani Shamsuddin (Selangor: Institut Teknologi Mara, 1981), 1-2.

⁴⁹ Sayed Muḥammad Nūh, *Tawjihāt Nabawiyyah 'alā al-Ṭariq* (Manṣūrah: Dār al-Yaqīn, 1998), 357.

⁵⁰ Haron Taib, *Berbilang-bilang Jamaah Sebab-sebab dan Beberapa Saranan Untuk Mengatasinya* (Selangor : Lajnah Tarbiah dan Latihan Kepimpinan Pas Pusat, 1992), 76.

daripada kerja yang dilakukan oleh orang perseorangan. Ini adalah kerana terdapat kebolehan yang pelbagai dalam pasukan, hasil daripada kerjasama yang dilakukan secara bersama. Selain itu, *'Amal Jamā'ī* diharmonikan melalui tenaga orang perseorangan dan kepelbagaian dalam pemikiran yang mendatangkan faedah dalam menjayakan tugas.⁵¹ *'Amal Jamā'ī* memerlukan elemen-elemen yang mampu mengerakkan organisasi dengan baik, jika sikap kenal mengenali, percaya mempercayai, hormat menghormati, sayang menyayangi serta lindung melindungi antara satu sama lain yang perlu diterapkan dalam diri anggota pasukan. Selain daripada itu, perlu wujud satu perubahan sikap, latihan-latihan, teguran rakan-rakan, suasana kerja yang baik dan amalan-amalan serta ibadat yang berterusan dengan contoh tauladan dan motivasi yang sewajarnya. Menurut Sidik Baba, konsep manusia sebagai khalifah melahirkan insan yang memerlukan kerja secara *'Amal Jamā'ī*, di mana manusia perlu mengurus diri dan mengurus sistem kehidupannya yang lahir daripada amanah yang diberikan kepada mereka. Proses menyempurnakan amanah melahirkan dua suasana yang mesti dilalui oleh insan iaitu hubungan dengan Allah dan hubungan dengan manusia. Natijah daripada perkara tersebut, akan membuahkan hubungan yang berasaskan taqwa, keputusan yang dibuat berasaskan syura dan gerak kerja pula berasaskan usaha dan tawakkal.⁵²


Mohd Yusof Hj Othman berpendapat bahawa pasukan adalah merupakan suatu yang penting disebabkan keperluan terhadap tugas yang hendak dilaksanakan dalam bentuk *'Amal Jamā'ī* atau organisasi yang tidak mampu dilaksanakan tanpanya bagi menggerak

⁵¹ Muhammad Uthman el-Muhammady, *Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*, 11.

⁵² Sidik Baba, "Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan" (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005), 1-2.

masyarakat untuk mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan⁵³ Manakala Sharifah Hayati menyatakan bahawa, terdapat hikmah di sebalik bekerja sebagai satu pasukan di mana setiap usahawan dapat mengecapi kejayaan secara bersama dan dalam masa yang sama dapat melahirkan pekerja yang bertanggungjawab.⁵⁴

1.5 Diagram Tentang *Amal Jamā'ī* Menurut Perspektif Islam



Sumber: Diolah daripada buku *'Amal Jamā'ī* karangan Shaykh Mustafa Mashhur⁵⁵.

Gambaran diagram di atas, menunjukkan bahawa *'Amal Jamā'ī* menurut perspektif Islam.

Jika diteliti pada gambaran diagram tersebut, maka jelaslah bahawa setiap pekerjaan yang

⁵³Yusuf Hj Othman, "Struktur dan Prinsip Sebuah Pasukan" (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari-Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005), 2.

⁵⁴Sharifah Hayati binti Syed Ismail al-Qudsy, "Permasalahan Dalam Pasukan Langkah-Langkah Mengatasinya: Pendekatan Islam", (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari-Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005), 1.

⁵⁵Muṣṭafā Mashhur, *al-'Amal al-Jamā'ī*, terj. Abdullah Abd Hamid. (Alor Setar: Pustaka Ikhwan, 1985), 38.

dilakukan selagi tidak menyalahi syarak adalah dibolehkan dan yang mengawal setiap tindakan yang dilakukan adalah syarak. Justeru, setiap pekerjaan yang dilakukan dalam Islam mestilah menurut neraca yang betul. Gerak kerja yang dilakukan mestilah beroganisasi, keputusan dibuat secara berpasukan, kaedah khusus ditentukan, pencapaian matlamat dan diawasi oleh syarak. Inilah yang membezakan *'Amal Jamā'ī* menurut perspektif Islam dengan *'Amal Jamā'ī* menurut perspektif konvensional. Perspektif konvensional hanya menekankan kejayaan dari sudut material semata-mata. Sebaliknya, Islam mengutarakan konsep kerja sebagai ibadah yang dinilai kebaikannya bukan hanya di dunia malah di akhirat. Para ulama pula, memberi pendapat mereka dalam kerangka yang tidak lari daripada batas dan ketetapan yang dibenarkan oleh Islam. Justeru, Islam meletakkan setiap untung rugi segala pekerjaan adalah dikaitkan dengan apa yang telah ditetapkan oleh syarak. Firman Allah SWT:

وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ
وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ

Al-'Aşr 103:1-3

Terjemahan: Demi masa, sesungguhnya manusia berada dalam kerugian kecuali mereka yang beriman dan beramal soleh dan berpesan kepada kebenaran dan berpesan dengan kesabaran.

Oleh yang demikian, amalan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada amal soleh atau kerja berkebajikan yang mengawal setiap gerak geri kehidupan manusia. Bekerja secara *'Amal Jamā'ī* dalam Islam bermatlamatkan duniawi dan ukhrawi yang berkait di antara satu sama lain. Akhirnya, melahirkan insan yang sempurna hidupnya mencakupi

keseimbangan rohani dan jasmani. Islam meletakkan suruhan berbuat baik dan mencegah kemungkaran dalam kehidupan seseorang sebagai asas kepada apa sahaja pekerjaan yang ingin dilakukan.

1.6 Definisi '*Amal Jamā'ī*' Menurut Perspektif Konvensional

Perkataan *team* menurut Kamus Oxford membawa maksud pasukan, pemain atau sepasukan manusia yang bekerja bersama. Perkataan *team* apabila digabungkan dengan *work* membawa maksud kerjasama yang disusun.⁵⁶ Menurut Robbins, pasukan (*team*) atau dikenali sebagai kelompok atau kumpulan (*group*) yang merupakan satu kumpulan pekerja yang bekerjasama menjayakan matlamat jabatan atau organisasi.⁵⁷ Lussier dan Achua mendefinisikan kerja berpasukan sebagai satu pemahaman dan komitmen antara semua ahli dalam pasukan ke arah pencapaian matlamat pasukan itu sendiri.⁵⁸ Francis dan Young mendefinisikan kerja pasukan sebagai satu kumpulan manusia yang cergas, komited untuk mencapai matlamat yang sama, bekerjasama dengan baik dan seronok bekerja dalam pasukan serta menghasilkan keluaran yang berkualiti tinggi.⁵⁹ Michael A. West mendefinisikan kerja berpasukan sebagai satu pasukan yang dibentuk di kalangan manusia bagi menjayakan matlamat organisasi.⁶⁰ Greg L. Stewart, Charles C. Manz dan Henry P. Sims, Jr menyatakan kerja berpasukan adalah merujuk kepada dua atau lebih individu yang

⁵⁶ Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar* (Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2007), 397.

⁵⁷ S.P. Robbins, *Organizational Behavior* (New Jersey: Prentice Hall, International. Inc A Simon And Schuster Company, 1998), 30.

⁵⁸ R. N., Lussier, & C.F. Achua, *Leadership: Theory, Application, Skill* (Cincinnati, OH: South-Western College Publishing, 2000), 26.

⁵⁹ D. Francis, & D. Young, *Improving Work Group* (Tucson, AZ: University Associates, 1979), 41.

⁶⁰ Michael A. West, *Effective Teamwork* (United Kindom: MPG Books Ltd. Bodmin, 1994), 17.

bekerjasama untuk mencapai matlamat organisasi.⁶¹ Ab. Aziz menyatakan kerja berpasukan adalah gabungan sebilangan individu yang mempunyai kompetensi yang saling bergantung sama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan. Mereka masing-masing mempunyai akauntabiliti dan komitmen terhadap prestasi pasukan serta bersedia melaksanakan tugas yang mencabar.⁶²

Menurut Yeop Hussin, kerja pasukan bermaksud kerjasama antara pengurus ataupun ketua jabatan yang bertanggungjawab merancang dan kakitangan yang menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik.⁶³ Alauddin Sidal menyatakan, pasukan merupakan satu kelompok atau kumpulan pekerja yang saling bantu membantu, saling berkongsi, bertanggungjawab bersama dan sentiasa komitmen dengan kerja untuk memenuhi matlamat kerja dalam organisasi.⁶⁴ Greenberg dan Baron pula menyatakan pasukan boleh diertikan sebagai dua atau lebih individu yang saling bersandaran, berinteraksi dan saling mempengaruhi di antara satu sama lain untuk mencapai matlamat secara kolektif.⁶⁵ Menurut Devis dan Newston kerja berpasukan adalah satu proses sosial yang dibentuk untuk mendapat kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli dalam sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat.⁶⁶ Kenneth dan Allan mendefinisikan pasukan sebagai satu set

⁶¹ Greg L. Stewart, et. al, *Team Work And Group Dynamics* (United States: John Wiley & Sons, Inc, 1999), 3.

⁶² Ab. Aziz. Yusof, *Mengurus Pasukan Kerja Perstasi Tinggi* (Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2003), 1.

⁶³ Yeop Hussin Bidin, *Kerja Berpasukan* (Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2003), 2.

⁶⁴ Alauddin Sidal, *Kerja Berpasukan dalam Organisasi*, 39.

⁶⁵ Greenberg & Baron, *Behavior in Organization* (New Jersey: Prentice-Hall Inc, 1997), 17.

⁶⁶ Davis & Newston, *Human Behavior At Work: Organization Behavior* (New York: McGraw-Hill Internasional Edition, 1985), 3.

struktur hubungan sesama ahli bagi mencapai matlamat yang ditetapkan⁶⁷. Merujuk Zainal Ariffin, pasukan kadangkala dikenali sebagai kelompok atau kumpulan yang bekerjasama untuk mencapai matlamat spesifik jabatan atau organisasi.⁶⁸ Oleh yang demikian, kerja berpasukan menurut perspektif konvensional merujuk kepada satu bentuk susunan kerja yang dilaksanakan dalam pasukan bagi menjayakan matlamat serta cita-cita sesebuah organisasi, persatuan, jabatan, syarikat dan badan-badan yang dibentuk untuk tujuan itu. Kesemuanya bermatlamatkan kejayaan material yang ingin dikecapi dan diidam-idamkan. Satu bentuk sistem kerja yang teratur diperlukan bagi menjayakan matlamat yang telah digariskan.

1.7 Konsep 'Amal Jamā'ī Menurut Perspektif Konvensional

'Amal Jamā'ī merupakan suatu unit dalam organisasi yang berinteraksi untuk berkongsi maklumat dan keputusan bagi membantu ahli-ahli pasukan menjalankan tugas dalam ruang sempadan tanggungjawab yang telah ditetapkan.⁶⁹ 'Amal Jamā'ī juga, merupakan pra syarat yang amat penting bagi mencapai kejayaan sesebuah organisasi. Sesungguhnya misi dan matlamat organisasi akan dapat dicapai melalui 'Amal Jamā'ī dan ianya lebih berkesan dan mendapat natijah yang menyeluruh. Selain itu, melalui 'Amal Jamā'ī dapat

⁶⁷ Kenneth Stott dan Allan Walker, Team, *Teamwork and Teambuilding: The Manager's Complete Guide to Teams in Organization* (New York: Prentice Hall, 1996), 33.

⁶⁸ Zainal Ariffin Ahmad, *Perlakuan Organisasi* (Shah Alam: Fajar Bakti, 1998), 23.

⁶⁹ Shek Kwai Fun, *Keberkesanan Kerja Berpasukan Dan Kepuasan Kerja Panitia Dalam Jabatan Bahasa Dan Sains Sosial Di Sekolah Menengah Daerah Pontian* (tesis sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007), 28.

menjimatkan kos dan pembaziran tenaga. 'Amal Jamā'ī juga, mampu meningkat semangat serta daya motivasi untuk bekerja di kalangan ahli dapat ditingkatkan.⁷⁰

K. Smith, menegaskan bahawa kerja berpasukan lebih produktif daripada kerja secara individu.⁷¹ Menurut Ahmad Fadzli Yusof antara perkara penting dalam kerja secara berpasukan adalah pengagihan tugas dan pemeraksanaan yang mana setiap ahli pasukan mempunyai sasaran yang tinggi bagi melaksanakan sesuatu matlamat dan dalam masa yang sama setiap ahli pasukan diberi autoriti yang tinggi untuk membuat keputusan rutin tanpa perlu merujuk kepada pihak atasan setiap masa. Setiap ahli juga mempunyai kekuatan yang tersendiri dan saling melengkapi antara satu dengan yang lain.⁷² Kepentingan kerja berpasukan ini, dapat dibuktikan oleh sebuah kajian yang dibuat oleh *Creative Education Foundation*⁷³ yang telah membuat kajian ke atas 500 syarikat di Amerika tentang perbezaan kemahiran yang diperlukan pada era kini berbanding pada era 1970. Kajian mendapati bahawa kemahiran yang diperlukan oleh syarikat itu pada era 1970 adalah sebanyak sepuluh kemahiran dalam satu kerja berbanding pada era 2000, hanya satu kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan kerja dalam syarikat. Ini kerana penjimatan tenaga dan kemahiran diperlukan dalam melaksanakan sesuatu kerja. Justeru, kepentingan 'Amal Jamā'ī amatlah dititik beratkan dalam pengurusan organisasi di abad ke-21 kini.

⁷⁰ Mohd Anuar Bin Abdul Rahman, *Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia* (tesis kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007), 4.

⁷¹ K. Smith, *Teamwork Content*. ALL. (t.tp: Statistic Canada, 2000), 87.

⁷² Ahmad Fadzli Yusof, *Mengurus Kerja Berpasukan* (Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2004), 5.

⁷³ Creative Education Foundation, *Fortune 500 Company Job-Skills Required For The 21st Century Buffalo* (New York: Creative Education Foundation, 1990), 5.

Menurut Ahmad Zaharuddin pembentukan satu pasukan kerja adalah amat penting dalam mana-mana organisasi, pendekatan rakan sekerja dalam jabatan dan antara jabatan akan dapat membantu organisasi bergerak ke arah pencapaian matlamat organisasi dengan cepat.⁷⁴ Dengan ini, '*Amal Jamā'ī*' wujud apabila ahli dalam organisasi dapat merasakan bahawa mereka berada dalam satu pasukan dan diterima baik oleh anggota-anggota lain dalam pasukan tersebut. Mereka juga merasakan, ada sesuatu sumbangan yang boleh di berikan kepada pasukan. Selain itu, pandangan mereka diterima baik oleh anggota pasukan dan mereka rasa bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan kumpulan yang erat antara mereka. '*Amal Jamā'ī*' juga boleh merujuk kepada satu set nilai yang menggalakkan tingkah laku seperti mendengar dan memberi maklum balas yang membina terhadap pendapat orang lain, menjelaskan keraguan, serta memberi sokongan penuh kepada ahli. Ini termasuklah menghargai minat serta mengiktiraf pencapaian ahli pasukan yang lain.⁷⁵

Menurut G.E Huszczo, kerja berpasukan dapat mewujudkan hubungan interpersonal yang lebih baik. Dalam kerja berpasukan, terdapat tujuh pilihan yang biasa digunakan untuk menguruskan hubungan antara ahli pasukan.

- (i) Menggubal set peraturan dan prosuder yang mudah difahami dan diikuti oleh ahli pasukan.
- (ii) Mengumpulkan ahli yang memiliki kemahiran atau keperluan untuk mencapai sasaran kerja pasukan berasaskan matlamat yang telah ditetapkan.
- (iii) Tanggungjawab yang jelas dan terang.

⁷⁴ Ahmad Zahiruddin Idrus, *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti Transformasi Dan Cabaran UTM 2001* (Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001), 5.

⁷⁵ John R. Katzenbach dan Douglas K. Smith, *The Wisdom of the Team: Creating the High Performance Organization* (United State of Amerika: Mc Kinsey and Company, Inc, 1993), 29.

- (iv) Prosuder yang berkesan, berasas dan mudah difahami serta diaplikasikan.
- (v) Hubungan interpersonal yang konstruktif serta saling menghormati. Usahawan pasukan boleh menggunakan *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) untuk mengenal pasti masalah personaliti dan cara menanganinya.
- (vi) Peranan organisasi memberi ganjaran dan motivasi kepada kumpulan pekerja supaya sentiasa menghasilkan pasukan kerja yang berkesan dan dihargai.
- (vii) Hubungan konstruktif luaran yang positif iaitu membentuk lingkaran hubungan positif dengan pasukan lain dalam organisasi dan merentasi organisasi.⁷⁶ Bagi sarjana konvensional mereka melihat '*Amal Jamā'ī*' itu mencapai kejayaan jika sekiranya kerja tersebut dilakukan secara sistematik dan berpanduan kepada prosedur yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, Kazemark telah membangunkan Model Komprehensif dengan menyenaraikan 10 kriteria kerja pasukan yang berkesan iaitu:

- (i) Matlamat yang difahami dan dipersetujui.
- (ii) Konflik yang berlaku dapat ditangani dengan baik.
- (iii) Ahli berkongsi peranan kepimpinan.
- (iv) Keupayaan ahli digunakan sepenuhnya.
- (v) Komunikasi terbuka dan penglibatan di mana ahli tahu apa yang berlaku dalam pasukan.
- (vi) Ahli menyokong kawalan dan prosedur pasukan.
- (vii) Penglibatan dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan.

⁷⁶ G.E. Huszczo, *Tools for Team Excellence: Getting Your Team into High Gear and Keeping it There* (California: Davies Black Publishing, 1996), 92.

(viii) Pengujian dan kreativiti digalakkan.

(ix) Menilai fungsi dan proses dengan kerap.

(x) Setiap ahli memahami peranan dan tanggungjawab dan had kuasa masing-masing.⁷⁷

Gurcharan Singh dalam kajiannya mengemukakan tujuh elemen pasukan kerja iaitu:

(i) Kepercayaan.

(ii) Komunikasi.

(iii) Kerjasama.

(iv) Sokongan pemimpin.

(v) Pengendalian konflik.

(vi) Kebebasan pendapat.

(vii) Iltizam.⁷⁸

1.8 Elemen Utama 'Amal Jamā'ī

Dalam sesebuah pertubuhan ataupun organisasi, pengurusan adalah salah satu mekanisme penting bagi mencapai matlamat organisasi. Justeru, 'Amal Jamā'ī adalah merupakan salah satu elemen pengurusan yang menjadi pra syarat yang amat penting bagi mencapai kejayaan organisasi tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa 'Amal Jamā'ī mempunyai elemen yang utama dalam menjayakan matlamat dalam organisasi. Elemen tersebut merupakan asas yang penting dan menjadi teras yang kukuh dalam sesuatu kerja yang dilakukan secara 'Amal Jamā'ī. Elemen tersebut adalah melibatkan

⁷⁷E. Kazemark, *Ten Criteria for Effective Team Building* (t.tp: Health Care Financial Managemant, 1991), 38.

⁷⁸Gurcharan Singh a/l Bulbir Singh. *Semangat Berpasukan di Kalangan Pengawai Pengawai Perkhidmatan Pendidikan di Negeri Perak*. (tesis sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 1997), 30.

kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Elemen-elemen ini bukan hanya menjadi teras kepada *'Amal Jamā'ī* yang bermatlamatkan ganjaran yang berbentuk material, malah ganjaran yang berbentuk spiritual yang mampu memperkukuhkan sesebuah pasukan. Elemen-elemen tersebut mampu melahirkan pekerja cemerlang dalam *'Amal Jamā'ī*. Menurut Sharifah Hayati bagi melahirkan pekerja yang cemerlang melalui kerja berpasukan, maka pekerja mestilah mempunyai aspek-aspek berikut:-

- i) Peningkatan kualiti diri melalui ilmu, kemahiran dan pengalaman.
- ii) Peningkatan karisma kepimpinan dalam kerja berpasukan dengan menjadikan prinsip utama kepimpinan dalam Islam melalui amalan syura, adil dalam memimpin dan kebebasan menyuarakan pandangan demi kepentingan bersama.
- iii) Peningkatan nilai akhlak yang dipupuk melalui sikap dan pemikiran terbuka, positif, tabah, sabar, tolak-ansur dan saling bantu membantu.
- iv) Peningkatan komunikasi yang berkesan dalam Islam adalah melalui komunikasi secara sopan dan lemah lembut, membina, komunikasi pujian, sokongan dan kritikan.
- v) Peningkatan strategi kerja yang utama, seperti perancangan, pemantauan berterusan dan penambahbaikan yang berterusan.
- vi) Peningkatan pengabdian diri melalui sujud, doa, zikir dan tawakkal kepada Allah dalam melaksanakan tanggungjawab demi mendapat keredaan dan keberkatan Allah⁷⁹.

Hakikatnya adalah seperti mana yang dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W bersama Sahabatnya yang menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen ini adalah penting dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Pencapaian *'Amal Jamā'ī* yang dilakukan adalah

⁷⁹Sharifah Hayati binti Syed Ismail al-Qudsy, "Permasalahan Dalam Pasukan Langkah-Langkah Mengatasinya: Pendekatan Islam", 1-7.

berdasarkan pengetahuan yang melibatkan kemahiran dan pengalaman para Sahabat mengikut kebolehan masing-masing. Amalan perkongsian melalui syura dan kebebasan menyatakan pendapat terserlah, apabila setiap ahli mengemukakan cadangan pelaksanaan dan tindakan masing-masing. Nilai akhlak yang menjadi banteng kepada kekuatan iman, menandakan mereka telah mendapat didikan yang hebat daripada Rasulullah S.A.W. Kebijaksanaan berinteraksi sesama mereka juga, melancarkan perjalanan hijrah yang telah dirancang. Ini adalah disebabkan amanah yang diikat dengan iman dan amal yang menjanjikan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Setiap gerak kerja yang dilakukan penuh strategi dan sentiasa diteliti dan dibaiki agar perancangan yang dibuat mencapai matlamat.

Berdasarkan kepercayaan baginda yang kuat terhadap Abu Bakar dan ahli keluarganya menyebabkan baginda memilih beliau sebagai teman dalam perjalanan. Dalam masa yang sama, baginda mampu berkongsi maklumat dan idea merencanakan hijrah dengan teratur dan kemas. Justeru, semenjak dari awal lagi komitmen yang ditunjukkan oleh Abu Bakar terserlah apabila beliau membuat persediaan memelihara unta yang akan menjadi kenderaan kepada mereka semasa berhijrah selama empat bulan⁸⁰. Hasil kesinambungan di antara ketiga-tiga elemen ini, dapat memperkukuhkan kerja secara *'Amal Jamā'ī* yang pernah dilakukan oleh Baginda dan para Sahabat r.a. Apa yang membezakan *'Amal Jamā'ī* yang dikaji oleh sarjana konvensional ialah, mereka hanya memberi tumpuan kepada aspek material sahaja, sedangkan aspek spiritual juga penting dan merupakan faktor yang mengeratkan hubungan sesama insan dan dalam masa yang sama dapat melahirkan kekuatan iman dan amal. Melalui kajian konvensional yang telah dilakukan oleh Shek

⁸⁰ Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl bin Ibrahim bin Mughirah al-Bukhārī, *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih* (Beirut : Dār Tawq al-Najah, 2000), 58.

Kwai Fun mendapati bahawa, bekerja secara berpasukan akan memudahkan pertukaran maklumat dan idea. Ini dibuktikan dalam kajian yang telah dibuat terhadap Guru Kanan dan Ketua Panitia. Hasilnya, wujud perasaan saling mempercayai, mengukuhkan komunikasi dalam jabatan serta menuju ke arah peningkatan kualiti yang berterusan dalam organisasi sekolah. Mereka juga perlu saling bekerjasama, berkongsi idea, percaya mempercayai untuk memastikan keberkesanan kerja berpasukan terlaksana.⁸¹ Selain itu, pemimpin pasukan boleh menjelaskan dan memaklumkan matlamat jabatan dan prestasi pekerja bagi tujuan motivasi serta kejelasan matlamat dalam melakukan pekerjaan secara bersama. Semangat dan ransangan sahaja tidak cukup untuk melahirkan komitmen pasukan, sebaliknya perkongsian yang wujud, dengan sendirinya melibatkan motivasi yang berbentuk spiritual dan material. Ianya menjadi pelengkap kepada *'Amal Jamā'ī* dalam sesebuah organisasi. Justeru, hasil kajian mendapati penglibatan semua pihak dalam membuat keputusan akan meningkatkan komitmen mereka terhadap tugas. Hakikat ini sudah semestinya terjadi kerana komitmen kepada pasukan adalah merupakan satu iltizam ahli terhadap pasukannya.⁸²

Perincian mengenai elemen yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

1.8.1 Kepercayaan

Kepercayaan merupakan asas penting dalam muamalah seharian. Kepercayaan juga, merupakan tunjang kepada kedudukan seseorang di dalam masyarakat, organisasi, pertubuhan, syarikat dan sebagainya. Nabi Muhammad S.A.W sendiri menjadi manusia

⁸¹ Shek Kwai Fun, *Keberkesanan Kerja Berpasukan*, 13-14.

⁸² Ab. Aziz. Yusof, *Mengurus Pasukan Kerja Prestasi Tinggi*, 81.

yang dipercayai oleh masyarakat Quraish sehingga digelar dengan nama *Muhammad al-Āmin*.⁸³ Menjadi lumrah dan kebiasaan dalam kehidupan ini, masyarakat akan meletakkan harapan yang tinggi kepada seseorang yang boleh dipercayai bagi mengendalikan sesuatu perkara yang memerlukan penyelesaian segera ketika menghadapi sesuatu masalah. Rasulullah S.A.W juga pernah diberikan kepercayaan untuk menyelesaikan kemelut perletakan *Hajr Al-Aswad* ketika masyarakat Quraisy sedang bercakaran sesama sendiri bagi menentukan *Bani* yang mana lebih layak menyempurnakan perletakan batu tersebut⁸⁴. Ini menunjukkan kepercayaan adalah suatu yang penting dalam mengurus mana-mana organisasi ataupun persatuan. Imam Hasan al-Banna menyatakan kepercayaan (*thiqah*) adalah merupakan suatu yang penting di mana pengikut atau pekerja hendaklah berlapang dada terhadap pemimpin dengan penuh keikhlasan sehingga melahirkan perasaan kasih sayang, hormat-menghormati, saling menghargai di antara satu sama lain. Keadaan ini mampu melahirkan ketaatan kepada pekerja. Beliau meletakkan kepercayaan sebagai salah satu rukun bay'ah yang mampu memelihara keutuhan pasukan dan kesatuannya.

Justeru, kekuatan pasukan atau jemaah terletak kepada kepercayaan yang lahir dalam diri pemimpin dan pengikut. Ia mampu melahirkan sistem yang mampan, strategi yang berkesan dan kejayaan mencapai matlamat yang diinginkan.⁸⁵ Kepercayaan bukan hanya dilihat dengan merujuk kriteria lahiriyah sahaja, malah ikatan hati yang melibat hubungan rohani menjadi asas kepada kekuatan pasukan. Perkara inilah yang membezakan

⁸³ Muhammad al-Taib al-Najjar, *al-Qawl al-Mubīn fī Sirati Sayyid al-Mursalin* (Beirut: Dar al-Nadwah al-Jadīd, t.t.), 1:109.

⁸⁴ Muhammad bin Ishak, *al-Sirah al-Nabawīyyah* (Abu Dabbi : Mawqi' al-Awraq, t.t.), 1:33.

⁸⁵ Hasan al-Banna, *Majmu' al-Rasail* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2003), 1:378.

kepercayaan yang difahami oleh mereka yang berpegang dengan konsep konvensional dalam meletakkan syarat '*Amal Jamā'ī*' menurut pandangan mereka. Ini dapat dilihat dalam kajian Shek Kwai Fun yang menunjukkan apabila kakitangan mengamalkan semangat berpasukan, mereka akan secara langsung boleh mengukuhkan tiga elemen yang penting kepada proses peningkatan kualiti iaitu pertukaran maklumat dan idea-idea yang lebih meluas, semangat saling percaya-mempercayai di kalangan kakitangan dan komunikasi yang lancar dalam organisasi. Perasaan percaya-mempercayai yang ada dalam kalangan usahawan pasukan itu, seterusnya akan memudahkan proses komunikasi dalam jabatan. Dengan perasaan ini, individu akan merasa bebas dan lebih yakin untuk bertindak dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing.⁸⁶

1.8.2 Perkongsian

Perkongsian adalah satu proses kerjasama yang disepakati bersama bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Nabi Muhammad S.A.W pernah melahirkan para Sahabat yang sanggup berkongsi sesuatu dalam bentuk kesenangan, kesusahan, idea, spiritual dan material sewaktu Baginda sampai di Madinah. Baginda Nabi S.A.W mempertautkan hati mereka di Madinah dengan mengeratkan hubungan rohani dan jasmani dalam kalangan mereka. Hasilnya sesuatu yang tidak mampu dipraktikkan ketika ini, menggambarkan satu bentuk perkongsian yang menakjubkan pernah dilakukan oleh para Sahabat ketika itu. Satu peristiwa yang pernah berlaku di antara Sa'ad bin al-Rābi' dan Abdul Rahman bin 'Auf yang sanggup berkongsi harta, bahkan Sa'ad yang mempunyai dua orang isteri

⁸⁶ Shek Kwai Fun, *Keberkesanan Kerja Berpasukan*, 43.

menawarkan kepada Abdul Rahman agar memilih salah satu di antara dua isterinya yang beliau berkenan untuk dikahwininya.⁸⁷ Perkongsian yang dilakukan dalam bentuk material dan spiritual sekali gus menampakkan kehebatan dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh para Sahabat. Masalah-masalah yang dikongsi bersama boleh diselesaikan dengan cepat dan berkesan kerana cadangan yang dibuat oleh kakitangan secara berpasukan akan lebih mudah untuk dilaksanakan berbanding dengan cadangan yang dibuat oleh individu.⁸⁸ Menurut Owen R.G, kerjasama wujud melalui perkongsian matlamat antara usahawan dalam pasukan dan mereka turut bekerjasama secara berterusan. Dengan bergerak secara berpasukan akan menggambarkan keupayaan semua ahli organisasi itu berkhidmat untuk mencapai matlamat yang dikongsi bersama.⁸⁹

1.8.3 Komitmen

Komitmen apabila dikaitkan dengan organisasi ditakrifkan sebagai sifat hubungan antara individu dengan organisasi kerja, di mana individu mempunyai keyakinan diri terhadap nilai dan tujuan organisasi kerja, kerelaan untuk menggunakan usahanya secara bersungguh-sungguh demi kepentingan organisasi serta keinginan yang kuat untuk menjadi sebahagian daripada organisasi kerja. Ini kerana keperluan terhadap kakitangan yang komited terhadap organisasi diperlukan bagi menjayakan misi dan visi organisasi.⁹⁰

⁸⁷ Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh : Dar Salam, 2000), 160.

⁸⁸ Al-Nasā'ī, *Al-Sunan al-Kubrā*, 44.

⁸⁹ Owens. R.G, *Organizational Behaviour in Education* (Boston: Allyn and Bacon Inc, 1998), 33.

⁹⁰ Rusniyati Binti Mahiyaddin, "Hubungan Etika Kerja Islam Dengan Komitmen Organisasi: Kajian Di Kalangan Kakitangan Lembaga Urusan Tabung Haji" (disertasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2009), 4.

Justeru, menurut Shahrol Aman bin Ahmad⁹¹ dalam tesisnya yang mengemukakan bahawa terdapat empat perkara penting yang menunjukkan seseorang itu mempunyai komitmen yang baik dan berkesan:

- (i) Pekerja atau individu yang benar-benar komited kepada matlamat dan nilai sesebuah organisasi akan menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti organisasi.
- (ii) Pekerja atau individu yang mempunyai komitmen yang tinggi mempunyai keinginan yang kuat untuk kekal bersama dengan majikan serta mereka dapat terus menyumbang kepada pencapaian matlamat yang mereka ingini.
- (iii) Pekerja atau individu yang mempunyai komitmen yang tinggi akan bekerja bersungguh-sungguh di dalam pekerjaan mereka kerana pekerjaan tersebut merupakan mekanisme utama kepada mereka untuk menyumbang kepada pencapaian matlamat organisasi.
- (iv) Pekerja atau individu yang mempunyai komitmen yang tinggi mempunyai kesanggupan untuk menyumbang usaha dan tenaga bagi pihak organisasi.

⁹¹ Shahrol Aman Bin Ahmad, "Analisis Ke Atas Faktor-Faktor Penentu Kepada Komitmen Organisasi: Kajian Kes Di Pusat Matrikulasi Universiti Utara Malaysia" (disertasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 1997), 72.

1.9 'Amal Jamā'ī Dalam Al-Quran

Al-Quran meletakkan kewajiban setiap gerak kerja yang dilakukan secara berjemaah dan bersistematik adalah merupakan tuntutan yang mesti dipenuhi oleh setiap kalangan umat Islam. Firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ali 'Imrān 3:104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di kalangan kamu satu golongan yang menyeru ke arah kebaikan dengan menegakkan yang ma'ruf dan mencegah segala kemungkaran dan mereka adalah orang-orang yang beroleh kemenangan.

Selain itu, terdapat ayat al-Qur'an yang menyebut secara jelas tentang perintah supaya memelihara kesatuan dan melarang daripada berpecah belah. Ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengutamakan jemaah daripada individu dalam setiap perkara. Terdapat perintah khusus tentang kesatuan pasukan seperti firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَرْصُورٌ

Al-Saf 61:4

Terjemahan: Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berperang untuk menegakkan agamaNya di dalam satu jemaah yang tersusun rapi, seolah-olah seperti sebuah bangunan yang tersusun kukuh.

Tuntutan bekerja secara jemaah dalam peperangan diberi keutamaan dan dikasihi Allah, bagaimana pula dalam keadaan aman, sudah tentu tuntutan itu adalah merupakan suatu yang wajib. Mengikut kaedah usul fiqh, keadaan ini disebut sebagai *mafḥūm mukhālafah* yang menjelaskan bahawa semasa tidak aman pun disuruh berbuat demikian, sebaliknya jika dalam keadaan aman sudah tentu diberi keutamaan. Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Āli ‘Imran 3:103

Terjemahan: Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai.

Ayat yang ditujukan kepada ummah ini adalah merupakan lafaz jamak (menunjukkan ramai) yang menghendaki mereka berpegang, bersatu dan berpadu dengan agama dalam setiap tindak tanduk mereka ketika mengharungi kehidupan ini. Terdapat pula ayat yang khusus melarang mereka daripada berpecah belah, bercelaru dan bercerai berai dalam melakukan setiap pekerjaan mereka. Firman Allah SWT:

وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ تَفَرَّقُوا وَاخْتَلَفُوا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبَيِّنَاتُ وَأُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ

Āli ‘Imran 3:105

Terjemahan: Dan janganlah kamu menyerupai orang yang bercerai berai dan berselisih sesudah datangnya keterangan yang jelas kepada mereka dan bagi mereka akan ditimpa azab yang pedih.

Ayat ini dan yang sebelumnya dalam surah yang sama memperlihatkan kepada kita setiap suruhan Allah pasti ada larangan. Ini kerana sebagai manusia, sudah tentu mereka pasti ditempuhi ujian dan cubaan. Maka, setiap cubaan dan dugaan itu tidak akan mampu diatasi

jika sekiranya mereka tidak melakukannya secara 'Amal Jamā'ī. Suruhan dan larangan Allah juga dapat dikaitkan dengan keperluan bekerjasama menghadapinya. Kewajipan perpegang kepada agama juga diberi penekanan dan mempunyai kaitan dengan amalan yang dilakukan oleh seseorang. Al-Qur'an mengajar supaya tidak berbangga dengan setiap perkara yang ada pada mereka, yang mana perbuatan sedemikian boleh mengakibatkan lahirnya sifat-sifat yang tercela dalam diri dan jemaah mereka. Firman Allah SWT:

مُتَّبِعِينَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوهُ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُشْرِكِينَ مِنَ الَّذِينَ فَرَّقُوا دِينَهُمْ
وَكَانُوا شِيعًا كُلُّ حِزْبٍ بِمَا لَدَيْهِمْ فَرِحُونَ

Al-Rūm 30:31-32

Terjemahan: Hendaklah kamu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu sentiasa merujuk kepada Allah dengan mengerjakan amal-amal bakti), bertaqwalah kamu kepadanya dan dirikanlah solat dan janganlah kamu termasuk orang-orang menyekutukan Allah, iaitu mereka yang memecah belahkan agama dan menjadi beberapa golongan malah setiap golongan berbangga dengan apa yang ada pada mereka.

Justeru, di dalam al-Quran juga dimuatkan secara jelas kepada ummah ini, supaya mereka melaksanakan sesuatu mestilah tidak lari daripada tuntutan duniawi dan ukhrawi. Jika mereka menghendaki suatu formula atau tindakan dalam urusan mereka, maka kaedah permesyuaratan hendaklah dilakukan. Firman Allah SWT:

وَأْمُرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Al-Shūrā 42:38

Terjemahan: Mereka melakukan urusan mereka dengan bermesyuarat di kalangan mereka.

Oleh yang demikian mesyuarat yang hendak dilakukan sudah tentu dilakukan secara *'Amal Jamā'ī*. Amalan ini merupakan amalan yang dilakukan semenjak dahulu lagi oleh para sahabat r.a. Sebagai contoh, pernah berlaku di zaman Nabi Muhammad S.A.W suatu ketika para sahabat bermesyuarat tentang maksud Surah *al-Nasr* maka Saidina 'Umar membawa bersamanya ibn 'Abbās r.a, lalu dipertikai oleh sahabat yang lain kerana bagi mereka apalah sangat ada pada kanak-kanak ketika memberi pendapat. Di waktu itu, ibn 'Abbās masih kanak-kanak, tetapi pendapat yang diberikan olehnya adalah lebih tepat daripada Sahabat yang lain⁹². Ini menunjukkan di dalam Islam, ruang yang diberikan bagi menyelesaikan permasalahan yang berlaku adalah secara bermesyuarat dan bekerja sama sebagai satu pasukan. Ia merupakan satu tuntutan yang jelas meskipun melibatkan golongan kanak-kanak jika kanak-kanak tersebut mempunyai kebijaksanaan dalam memutuskan sesuatu perkara.

Setiap perkara yang melibatkan perselisihan faham atau suasana kritikal, umat ini dituntut supaya mencari kata sepakat dengan menjadikan agama sebagai sandaran mereka. Firman Allah SWT:

فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Al-Nisa' 4:59

Terjemahan: Jika kamu berselisih faham dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah dan Rasul, jika sekiranya kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi mu) dan lebih elok pula kesudahannya.

⁹²Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh : Dar Salam, 2000), 431.

Selain itu, juga terdapat larangan yang menunjukkan sesuatu umat itu akan hilang kekuatan serta lemah semangat mereka, apabila tidak ada kesepakatan dalam melaksanakan tugas harian mereka.

Firman Allah SWT:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ

Al-Anfāl 8:46

Terjemahan: Dan taatlah kamu kepada Allah dan Rasulnya, janganlah kamu berbantah-bantah, kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu kemudian bersabarlah menghadapi kesusahan dengan cekal hati. Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang bersabar.

Agama diambil sebagai panduan serta kerjasama dalam kumpulan sebagai ikatan, maka setiap langkah yang dibuat sudah pasti mengukuhkan lagi semangat berpasukan. Setiap ayat al-Quran yang diturunkan sudah pasti meletakkan asas kerjasama dan kerja secara 'Amal Jamā'ī sebagai ikatan dalam menyatukan ummah ini.

Oleh yang demikian, ummah ini dilihat sebagai ummah yang kuat seperti generasi terdahulu, apabila setiap pekerjaan dilakukan dengan panduan yang kukuh. Kerja yang dilakukan pula secara berjemaah sebagai tuntutan hidup. Kesemua ini dilaksanakan bagi memastikan perancangan yang dibuat mencapai sasaran dan matlamat yang sebenar. Ikatan akidah yang kuat dapat menyatukan umat ini dalam melaksanakan tugas harian mereka.

1.10 Bilangan Ayat al-Quran Berkaitan 'Amal Jamā'ī

Jadual di bawah menunjukkan taburan ayat-ayat berkaitan dengan 'Amal Jamā'ī yang telah dikodifikasikan (*taqnin*) melalui *al-Mu'jam al-Mawdhū'ī li ayāt al-Qur'an al-Karīm*⁹³ serta tafsiran para ulama tentang ayat-ayat yang menunjukkan perlunya bekerja secara 'Amal Jamā'ī dalam setiap amalan yang dilakukan. Bermula dengan paparan secara keseluruhan tentang 'Amal Jamā'ī mengikut apa yang terdapat dalam jadual yang dinyatakan di bawah. Turut dinyatakan bilangan surah, ayat al-Qur'an, nombor ayat dan perkataan yang membawa makna *Amal Jamā'ī* serta jumlah keseluruhan ayat yang signifikan dengan 'Amal Jamā'ī.

Jadual 1.1 Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang 'Amal Jamā'ī Dalam Al-Qur'an

Bil	Nama Surah	Jumlah Ayat Tentang 'Amal Jamā'ī	Nombor Ayat	Perkataan dan Makna 'Amal Jamā'ī
1	Surah al-Baqarah	1	218	Orang-orang yang berjihad
2	Surah Āli 'Imran	4	103, 104, 159, 195	Berpegang teguh, satu golongan yang berdakwah, bermesyuarat dan berperang mempertahankan agama
3	Surah al-Nisa'	3	59, 89, 100	Membuat keputusan bersama, tidak

⁹³ Subhi 'Abd al-Rauf 'Asr, *al-Mu'jam al-Mawdhū'ī li ayāt al-Qur'an al-Karīm*, (Kaherah : Dar al-Fadilah, 1990), 260-444.

				bersekongkol dan bersama pada perkara mungkar dan hijrah membela dan menegakkan Islam.
4	<i>Surah al-Māidah</i>	1	2	Tolong Menolong
5	<i>Surah al-Anfal</i>	3	72, 74, 75	Meminta pertolongan, bantu membantu dan kebersamaan
6	<i>Surah al-Aḥzab</i>	1	22	Terus beristiqamah
7	<i>Surah al-Nahl</i>	1	41	Hijrah kerana mempertahankan agama Allah
8	<i>Surah al-Kahf</i>	1	95	Tolong menolong dengan kekuatan tenaga
9	<i>Surah al-Naml</i>	2	29, 32	Berkongsi berita dan berkongsi maklumat
10	<i>Surah al-‘Ankabūt</i>	2	59, 69	Hijrah kerana mempertahankan agama, beristiqamah dan bersungguh-sungguh mempertahankan agama
11	<i>Surah al-Qaṣaṣ</i>	1	35	Beristiqamah
12	<i>Surah al-Saffat</i>	2	99, 173	Berkerjasama dan bermuwafakat
13	<i>Surah al-Zumar</i>	1	10	Berkongsi maklumat
14	<i>Surah Ghafir</i>	3	51, 55, 77	Bekerjasama, beristiqamah dan mempercayai
15	<i>Surah al-Shura</i>	1	38	Bermesyuarat
16	<i>Surah al-Fath</i>	2	27, 29	Kepercayaan terhadap janji yang pasti dan

				berkongsi maklumat dan berkasih sayang
17	<i>Surah al-Dhukhan</i>	1	21	Beristiqamah
18	<i>Surah al-Hujurat</i>	2	9, 10	Bermuwafakat dan percaya mempercayai
19	<i>Surah al-Dhariyat</i>	1	50	Beristiqamah
20	<i>Surah al-Mujadalah</i>	1	21	Berkerjasama
21	<i>Surah al-Hashr</i>	1	8	Berkongsi kesenangan
22	<i>Surah Mumtahinah</i>	1	10	Pengorbanan
23	<i>Surah al-Şaf</i>	2	4, 14	Berkerjasama, pengorbanan dan pertolongan
24	<i>Surah al-Talaq</i>	1	6	Kebersamaan
25	<i>Surah al-Muzammil</i>	1	20	Kebersamaan
26	<i>Surah al-Muddathir</i>	1	5	Komitmen terhadap perintah
Jumlah		41		

Terdapat sebanyak 41 ayat tentang *Amal Jamā'ī* dalam surah yang pelbagai menceritakan tentang perintah dan larangan dalam bentuk *jama'*. seperti jadual 1.1 di atas. Setelah dipaparkan jadual secara umum berkaitan '*Amal Jamā'ī*', pengkaji membahagikan pula jadual ini, kepada tiga elemen '*Amal Jamā'ī*' yang merangkumi elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

Jadual 1.2: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang '*Amal Jamā'ī*' dalam Surah Tertentu Berkaitan Elemen Kepercayaan

Bil	Nama Surah	Jumlah Ayat Tentang Kepercayaan	Nombor Ayat	Perkataan dan Makna ' <i>Amal Jamā'ī</i> '
-----	------------	---------------------------------	-------------	--

1	<i>Surah al-Anfal</i>	1	75	Kebersamaan dan percaya-mempercayai
2	<i>Surah al-Ahzab</i>	1	22	Bekerja di atas dasar kepercayaan
3	<i>Surah al-Saffat</i>	3	171, 172, 173	Kepercayaan terhadap kerja, keyakinan dan kesanggupan
4	<i>Surah Ghafir</i>	3	51, 55, 77	Kebersamaan dalam melakukan pekerjaan, kepercayaan terhadap janji yang berbentuk spiritual
5	<i>Surah al-Fath</i>	1	27	Kepercayaan terhadap janji yang pasti
6	<i>Surah al-Mujadalah</i>	1	22	Kepercayaan yang melibatkan amal perbuatan
7	<i>Surah al-Saf</i>	2	4, 14	Kepercayaan terhadap pembelaan agama dan kesanggupan yang tiada had terhadap agama
8	<i>Surah al-Talaq</i>	1	7	Kepercayaan terhadap janji
Jumlah Ayat		13		

Terdapat sebanyak 13 ayat al-Quran berkaitan elemen kepercayaan seperti yang dipaparkan dalam jadual 1.2 di atas.

Jadual 1.3: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang ‘Amal Jamā’ī dalam Surah Tertentu Berkaitan Elemen Perkongsian

Bil	Nama Surah	Jumlah Ayat Tentang Perkongsian	Nombor Ayat	Perkataan dan Makna ‘Amal Jamā’ī
-----	------------	---------------------------------	-------------	----------------------------------

1	<i>Surah Āli 'Imran</i>	2	103, 104, 159	Perkongsian material dan spiritual, perkongsian kebolehan dan berkongsi setiap perkara dalam pekerjaan
2	<i>Surah Yusuf</i>	1	54	Berkongsi kepakaran
3	<i>Surah al-Naml</i>	2	29, 32	Berkongsi maklumat dan berkongsi ilmu
4	<i>Surah al-Shura</i>	1	38	Berkongsi setiap urusan perkerjaan
5	<i>Surah al-Maidah</i>	1	2	Berkongsi kebaikan dan menentang kemungkaran
6	<i>Surah al-Kahf</i>	1	95	Berkongsi kesusahan dan kesenangan
7	<i>Surah al-Qasas</i>	1	35	Berkongsi kebolehan
8	<i>Surah al-Fath</i>	1	29	Berkongsi maklumat dan berkasih sayang
9	<i>Surah al-Hujurat</i>	2	9, 10	Perkongsian tindakan dan perkongsian iman
10	<i>Surah al-Anfal</i>	1	72	Perkongsian material dan spiritual
11	<i>Surah al-Nisa'</i>	1	59	Perkongsian masalah dan penyelesaiannya menurut Islam
Jumlah Ayat		14		

Terdapat sebanyak 14 ayat al-Quran berkaitan elemen perkongsian seperti yang dipaparkan dalam jadual 1.3 di atas.

Jadual 1.4: Taburan Jumlah Bilangan Ayat-Ayat Tentang 'Amal Jamā'ī dalam Surah Tertentu Berkaitan Elemen Komitmen

Bil	Nama Surah	Jumlah Ayat Tentang Komitmen	Nombor Ayat	Perkataan dan Makna 'Amal Jamā'ī
1	<i>Surah al-Baqarah</i>	1	218	Komitmen dalam melaksanakan tugas
2	<i>Surah Āli - 'Imran</i>	1	195	Komitmen yang mendalam dalam mempertahankan Islam
3	<i>Surah al-Nisa'</i>	2	89, 100	Komitmen terhadap tindakan
4	<i>Surah al-Anfal</i>	3	72, 74, 75	Komitmen dalam melaksanakan tindakan dan tugas
5	<i>Surah al-Nahl</i>	1	41	Komitmen terhadap perintah Allah
6	<i>Surah al-'Ankabut</i>	2	59, 69	Komitmen terhadap agama walaupun menempuhi ujian yang hebat
7	<i>Surah al-Dharyat</i>	1	50	Komitmen terhadap perintah Allah
8	<i>Surah al-Hashr</i>	1	8	Komitmen terhadap perintah Allah
9	<i>Surah al-Mumtahinah</i>	1	10	Komitmen terhadap perintah Allah
10	<i>Surah al-Muddathir</i>	1	5	Komitmen terhadap perintah Allah
Jumlah Ayat		14		

Terdapat sebanyak 14 ayat al-Quran berkaitan elemen komitmen seperti yang dipaparkan dalam jadual 1.4 di atas.

1.11 Hadith Tematik Berkaitan '*Amal Jamā'ī*'

Hadith Tematik berkaitan perintah dan suruhan agar bersama jemaah dalam melaksanakan setiap pekerjaan boleh didapati dalam pelbagai *Kitab Sunan*. Ini menggambarkan Islam meletakkan '*Amal Jamā'ī*' adalah suatu yang penting dalam kehidupan ini. Cuma, apa yang dipaparkan di dalam hadith di bawah, adalah berkaitan hadith Tematik yang berdasarkan tema (*Jama'ah*) yang lebih merujuk kepada hadith *Qawlī* (perkataan). Hadith yang berdasarkan tema ini, sering diperbahaskan oleh pengkaji hadith kontemporari. Paparan hadith dalam bab ini, bertujuan memperkukuhkan kajian penulis yang menjadikan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim* sebagai topik perbincangan khusus berkaitan hadith tematik yang berbentuk praktikal (perbuatan). Ianya lebih merujuk kepada sesuatu tajuk perbincangan dan perbahasan yang bertepatan dengan maknanya. Justeru, pemilihan *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim* adalah kerana merupakan sumber yang kedua selepas al-Quran.

Kajian ini secara langsung menolak tomanan dan kritikan yang menyatakan sumber pengurusan Islam bukanlah dari sumber yang utama. Selain itu, ianya bertujuan memaparkan kehebatan sumber rujukan Islam yang telah sedia ada selepas al-Quran. Oleh yang demikian, kaedah perbahasan dan pengolahan berkaitan hadith Tematik berdasarkan tema tidak dikesampingkan begitu sahaja, bahkan menjadi salah satu mekanisma kepada kaedah kajian tematik yang lebih luas skopnya. Pengolahan secara *mawḍū'ī* khususnya, bertujuan mencari pendekatan menangani tuntutan semasa berkaitan pengurusan, sama ada

yang melibatkan organisasi tertentu mahupun syarikat. Apapun pengolahan yang dilakukan mestilah tidak lari daripada konsep dan takrif hadith itu sendiri, iaitu merujuk kepada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian dan tingkah laku baginda S.A.W. Justeru, hadith *Qawlī* yang disenaraikan di bawah adalah merujuk kepada ungkapan yang berbentuk perintah, suruhan dan larangan daripada Rasulullah S.A.W dalam bentuk teori. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Al-Aḥzāb 33:21

Terjemahan: Sesungguhnya bagi diri kamu terhadap Rasulullah S.A.W adalah ikutan yang baik (tauladan).

Selain itu, terdapat di dalam ayat yang lain, perintah Allah SWT supaya menjadikan apa yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W sebagai pedoman dan panduan dalam melaksanakan pekerjaan mereka. Firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Al-Ḥashr 28:7

Terjemahan: Setiap apa yang dibawa (diperintah) oleh Rasulullah S.A.W hendaklah kamu ambil sebaliknya, setiap tegahan daripadanya hendaklah kamu tinggalkan.

Oleh yang demikian, apabila merujuk kepada hadith di bawah, didapati keseluruhan hadith memfokuskan kepada hadith *qawlī* sebagai teori yang menjadi sandaran dalam menetapkan sesuatu hukum. Ini menunjukkan Islam sebagai agama yang agung

meletakkan kerja bersama jemaah itu penting dengan pelbagai perumpamaan dan contoh yang bertepatan dengan keadaan semasa. Hadith berbentuk teori pun digambarkan dengan gaya bahasa yang mengheret pembaca supaya memahami faedah dan kepentingan 'Amal Jamā'ī sama ada berkaitan perkara yang berbentuk duniawi mahupun ukhrawi. Sebaliknya, ancaman kepada mana-mana individu yang merosakkan jemaah dan dianggap jahiliah, dosa dan dibalas dengan balasan azab neraka. Terdapat juga hadith yang dibawa dalam bentuk suruhan, galakan dan larangan. Daripada Ibn 'Abbas, Sabda Rasulullah S.A.W:

مَنْ عَمِلَ لِلَّهِ فِي الْجَمَاعَةِ فَأَصَابَ قَبِلَ اللَّهُ مِنْهُ وَإِنْ أَخْطَأَ غُفِرَ لَهُ

Terjemahan: Sesiapa yang beramal (melakukan sesuatu pekerjaan) secara berjemaah kerana Allah maka apabila benar amalan tersebut maka diterima Allah dan jika didapati salah maka diampun dosa tersebut.⁹⁴

Merujuk kepada hadith di atas, Rasulullah S.A.W meletakkan kebersamaan bersama jemaah itu adalah salah satu perkara yang penting bahkan menjadi satu kerugian kepada mereka yang tidak memilikinya. Ini menunjukkan bahawa bergerak secara jemaah untuk memantapkan Islam itu adalah satu tuntutan yang penting dan hendaklah diberikan keutamaan. Bukan itu sahaja, ianya juga dikaitkan dengan dosa pahala dan jaminan daripada Allah. Seterusnya, Nabi Muhammad S.A.W memberi galakan supaya mengurus kehidupan secara berjemaah. Daripada Abī Dhar, sabda Nabi S.A.W:

⁹⁴ Hadith riwayat al-Tabrani, Kitab Mu'jam al-Kabīr li al-Tabrani, Bab Ta', no. Hadith 12310. Imam al-Tabrani mengatakan hadith ini *Sahih*. Ibn Batah, Abu Na'im al-Asbahani, dan al-Khatib al-Baghdadi mengatakan sanadnya adalah *Hasan* dan perawi-perawinya adalah *thiqah*. Lihat Sulayman bin Ahmad bin Ayyub al-Tabrani, *Mu'jam al-Kabir li al-Tabrani* (al-Mawsul: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam, 1983), 10: 208.

اثنان خير من واحد وثلاث خير من اثنين وأربعة خير من ثلاثة فعليكم بالجماعة

Terjemahan: Daripada Abī Dhar daripada Nabi S.A.W bahawa dua orang lebih baik daripada seorang, tiga orang lebih baik daripada dua dan empat orang lebih baik daripada tiga maka hendaklah kamu bersama Jemaah.⁹⁵

Hadith di atas, menjelaskan kepentingan bergabung dalam jemaah. Keputusan yang melibatkan dua orang lebih baik daripada seorang, bahkan jumlah yang ramai itu lagi baik dan mendatangkan banyak faedah terutamanya dalam melakukan sesuatu pekerjaan dalam kehidupan ini. Kerja secara berpasukan dapat membentuk entiti yang kuat dan mampu menyelesaikan banyak masalah dengan mudah. Daripada Mu'az bin Jabal, sabda Nabi S.A.W:

إِنَّ الشَّيْطَانَ ذَنْبُ الْإِنْسَانِ كَذَنْبِ الْغَنَمِ يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ وَالنَّاحِيَةَ فَيَأْكُمُ
وَالشَّعَابَ وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَالْعَامَةِ وَالْمَسْجِدِ

Terjemahan: Daripada Mu'az bin Jabal bahawa Nabi S.A.W bersabda, Sesungguhnya syaitan adalah serigala kepada manusia seperti mana serigala dengan kawanan kambing yang berpecah, berpisah dari kumpulan. Maka berhati-hatilah dari berpuak-puak dan hendaklah kamu bersama jemaah dan bersama orang ramai dan sentiasa ke masjid.⁹⁶

Kepentingan berpasukan seperti yang digambarkan dalam hadith di atas, adalah jelas menunjukkan kekuatan sesuatu pekerjaan, amalan, organisasi dan sebagainya adalah

⁹⁵ Hadith riwayat Imam Ahmad, Kitab Musnad Ahmad, Bab al-‘Ashrah al-Mubasharin bi al-Jannah, no. Hadith 20776. Imam Ahmad mengatakan hadith ini *Sahih*. Ibn Batah, Abu Na'im al-Asbahani, dan al-Khatib al-Baghdadi mengatakan sanadnya adalah *Hasan* dan perawi-perawinya adalah *thiqah*. Lihat Ahmad Bin Hanbal, *Musnad Ahmad* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huqūq al-Makriyyah, 2007), 43:297.

⁹⁶ Hadith riwayat Ibn al-Jawzi, Kitab Talbis Iblis, Bab al-Awwal al-Amr bi luzum al-Sunnah wa al-Jama'ah, no. Hadith 9. Ibn al-Jawzi mengatakan hadith ini *Hasan*. Imam Tabrani mengatakan bahawa sanad hadith ini bersambung dan perawi-perawinya adalah *siqah*. Ibn Battah pula mengatakan hadith ini *Hasan*. Lihat Abi Faraj 'Abd Rahman bin 'Ali bin al-Jawzi, *Talbis Iblis*, (Beirut: Dar al-Qalam, 2011), 8.

terletak kepada keutuhan pasukan yang bergabung dengan kukuh dan mantap. Dalam masa yang sama, larangan daripada berpecah belah dalam jemaah juga diberi keutamaan, di samping motivasi menggalakkan kepada aktiviti yang membawa kepada penghayatan berjemaah itu sendiri. Daripada Umar, sabda Nabi S.A.W:

عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ ، وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةَ ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ ، وَهُوَ مِنَ الْاِثْنَيْنِ
أَبْعَدُ ، وَمَنْ أَرَادَ بُحْبُحَةَ الْجَنَّةِ فَعَلَيْهِ بِالْجَمَاعَةِ

Terjemahan: Berpeganglah kamu dengan *al-Jama'ah* dan berhati-hatilah dengan perpecahan. Sesungguhnya syaitan suka bersama orang yang bersendirian dan syaitan akan menjauhi dirinya jika terdapat dua orang individu bersama. Barang siapa ingin berada di tengah Syurga, maka berpeganglah pada *al-jama'ah*⁹⁷

Hadith di atas memberi perangsang supaya setiap orang mestilah bersama jemaah dan dalam masa yang sama, diberi peringatan agar tidak berpecah belah dalam kesatuan yang telah dibina. Justeru, tuntutan supaya memperkukuhkan jemaah adalah merupakan tanggungjawab dan kewajipan yang mesti dipikul oleh setiap Muslim. Oleh yang demikian, satu gambaran yang jelas telah ditunjukkan oleh Nabi S.A.W tentang pentingnya bilangan yang ramai dalam melakukan sesuatu pekerjaan, sebaliknya berseorangan itu mudah diperdaya oleh syaitan. Keutamaan bersama jemaah itu, diperkukuhkan lagi dengan ganjaran Syurga, jika perlaksanaan '*Amal Jamā'ī*' itu bertepatan dengan tuntutan dan kehendak syarak.

Daripada Ibn 'Umar, sabda Nabi S.A.W:

⁹⁷ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab Sunan al-Tirmidhī, Bab Ma Jaa fi Luzum al- Jama'ah, no. Hadith 2318. Imam al-Tirmidhī mengatakan hadith ini *Sahih*. Hadith ini juga *Sahih* disisi Imam Muslim. Lihat Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Makriyyah, 2007), 8:328.

لَا يَجْمَعُ اللَّهُ هَذِهِ الْأُمَّةَ عَلَى الضَّلَالَةِ أَبَدًا ، وَيَدُ اللَّهُ عَلَى الْجَمَاعَةِ ، فَمَنْ شَذَّ شَذَّ
فِي النَّارِ

Terjemahan: Tidak akan bersepakat umatku dalam kesesatan selamanya dan Allah sentiasa bersama jemaah maka siapa yang berpecah, perpecahan itu menjerumus ke Neraka.⁹⁸

Hadith di atas menunjukkan, satu jaminan daripada Nabi Muhammad S.A.W berkaitan kesepakatan umatnya dalam jemaah dan Allah sentiasa meredai kerja-kerja yang dilaksanakan secara berjemaah. Sebaliknya, mencela golongan yang berpecah belah dalam jemaah dan menjerumuskan mereka ke dalam api neraka. Larangan yang terdapat dalam hadith ini menunjukkan buruknya kelakuan orang yang tidak bersama-sama jemaah. Seterusnya, Nabi S.A.W menggambarkan Allah sentiasa bersama jemaah. Daripada ‘Arfajah, sabda Rasulullah S.A.W:

يَدُ اللَّهُ عَلَى الْجَمَاعَةِ وَالشَّيْطَانُ مَعَ مَنْ خَالَفَ الْجَمَاعَةَ يَرْكُضُ

Terjemahan: Allah sentiasa bersama jemaah dan syaitan sentiasa bersama orang yang membelakangi jemaah dan yang suka berpisah.⁹⁹

Orang yang menggabungkan dirinya bersama jemaah sentiasa berada di bawah pemeliharaan dan rahmat Allah, sebaliknya mereka yang meninggalkan jemaah berperanan

⁹⁸ Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-Fitan ‘an Rasulullah S.A.W, Bab Ma Jaa fi Luzum al-Jama’ah , no. Hadith 2167. Imam Al- al-Tirmidhī mengatakan hadith ini *Sahih*. Ibn ‘Abd Bar dan Abi ‘Asim menyatakan hadith ini adalah *Hasan* kerana terdapat padanya perawi yang *thiqah*. Lihat Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sawrah al-Tirmidhī, *Al-Sunan al-Tirmidhī* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Makriyyah, 2007), 5:322.

⁹⁹ Hadith riwayat al-Nasai, Kitab Tahrim al-Ddam, Bab Qatl Man Faraqa al-Jama’ah, no. Hadith 3979. Imam al-Nasai mengatakan hadith ini adalah *Hasan*. Imam Muslim mengatakan bahawa perawinya adalah *thiqah*. Imam Ahmad, al-Tabrani dan Abi ‘Awanah mengatakan hadith ini adalah *Hasan* kerana terdapat padanya perawi-perawi yang *thiqah*. Lihat Abu ‘Abd Rahman Ahmad bin Shu’aib al-Nasai, *Sunan al-Nasai* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Hīmāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7: 106.

menjadi sekutu syaitan yang suka mengadu domba serta memecahbelahkan manusia. Rasulullah S.A.W menggambarkan kepada kita bahawa, Islam mewajibkan penganutnya sentiasa bekerja dalam pasukan bagi setiap urusan kehidupan ini. Islam mencela perbuatan orang yang membelakangi jemaah yang berorganisasi di bawah naungan Agama. Daripada ‘Arfajah, sabda Rasulullah S.A.W:

سَيَكُونُ بَعْدِي هَنَاتٌ وَهَنَاتٌ، فَمَنْ رَأَيْتُمُوهُ فَارَقَ الْجَمَاعَةَ أَوْ يُرِيدُ أَنْ يُفَرِّقَ بَيْنَ
أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ وَأَمْرِهِمْ جَمِيعٌ، فَافْتُلُوهُ كَأَنَّا مَنْ كَانَ

Terjemahan: Akan lahir selepas aku kejahatan dan kerosakan. Maka sesiapa yang melihat mereka memecah belahkan jemaah atau mereka yang hendak memecah belahkan umat Muhammad dan segala urusan mereka maka hendaklah kamu peranginya dalam keadaan apa sekalipun.¹⁰⁰

Satu amaran keras daripada Nabi Muhammad S.A.W tentang wujudnya golongan yang suka melakukan kerosakan dan memecah belahkan masyarakat di akhir zaman. Justeru, Baginda menyatakan golongan ini layak untuk diperangi dengan menggunakan apa sahaja kaedah yang boleh dilakukan. Satu pengkhabaran daripada baginda tentang celanya perbuatan tersebut. Daripada Mu‘awiyah, sabda Rasulullah S.A.W:

مَنْ خَرَجَ مِنَ الْجَمَاعَةِ قَيْدَ شِبْرِ فَقَدْ خَلَعَ رِبْقَةَ الْإِسْلَامِ مِنْ عُنُقِهِ

¹⁰⁰Hadith riwayat Muslim, Kitab al-‘Imarah, Bab Hukm Man Faraqa Amr al-Muslimin, no. Hadith 3448. Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Ḥimāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 1391.

Terjemahan: Sesiapa yang memisahkan dirinya (keluar) daripada jemaah sekadar sejengkal, maka terlucutlah ikatan Islam dari lehernya.¹⁰¹

Hadith di atas, menjelaskan tentang celanya sesiapa yang berpisah dengan jemaah. Justeru, gambaran yang dimaksudkan dalam hadith adalah jelas dan terang. Sesiapa yang menolak jemaah dalam melaksanakan sesuatu tindakan adalah merupakan satu dosa yang menimpa orang yang mengamalkannya. Kesalahan yang dilakukan hanya sedikit, tetapi akibatnya boleh menyebabkan seseorang itu terkeluar daripada agama Islam. Setiap pekerjaannya tidak ada nilai disisi Allah dan Rasulnya. Daripada Abū Hurayrah, sabda Rasulullah S.A.W:

مَنْ خَرَجَ مِنَ الطَّاعَةِ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةَ ثُمَّ مَاتَ مَاتَ مِيتَةً جَاهِلِيَّةً

Terjemahan: Sesiapa yang tidak melakukan ketaatan kepada pemimpin dan memecah belahkan jemaah kemudian dia mati maka matinya dalam keadaan Jahiliyyah.¹⁰²

Hadith di atas, jelas menunjukkan sesiapa yang memisahkan diri daripada mentaati pemimpin yang berpegang dengan agamanya dan dalam masa yang sama menjadi golongan *bughah* (pelampau) yang memecah belahkan jemaah maka apabila ia mati, kematiannya dianggap sebagai Jahilliyah. Jemaah atau pasukan di sini adalah jemaah yang

¹⁰¹Hadith riwayat al-Hakim, Kitab al-‘Ilm, Bab Man Faraqa al-Jama’ah, no. Hadith 415. Imam al-Hakim mengatakan hadith ini *Sahih*. Imam Ahmad, al-Tirmidhi dan Ibn Khzaymah mengatakan hadith ini *Sahih*. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Abd Allah al-Naysaburi al-Hakim, *Al-Mustadrak* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 1: 372.

¹⁰²Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Wujub Mulazamah Jama’ah al-Muslimin ‘ind Dhuhur al-Fitan, no hadith 1848. Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah., 2007), 3: 1476.

melaksanakan sesuatu bertepatan dengan kehendak Allah dan Rasulnya. Kesatuan yang ditunjukkan adalah bersesuaian dengan al-Quran dan al-Sunnah¹⁰³.

1.12 Bilangan Hadith Tematik Berkaitan 'Amal Jamā'ī

Jadual di bawah menunjukkan taburan hadith Tematik berkaitan dengan 'Amal Jamā'ī yang telah dikumpul melalui *Mawsu'ah Usūl al-Fikr al-Siyāsī wa al-Ijtimā'ī wa al-Iqtisādī* karangan Khadijah al-Nabrawi.¹⁰⁴ *Mawsu'ah* ini, menghimpunkan hadith yang menceritakan tentang kewajipan bersama jemaah atau 'Amal Jamā'ī di dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Bermula dengan paparan secara keseluruhan tentang 'Amal Jamā'ī seperti yang dipaparkan dalam jadual 1.5 di bawah. Justeru, terdapat sebanyak 100 hadith yang menceritakan tentang 'Amal Jamā'ī. Turut dinyatakan perawi, jumlah hadith, jilid, muka surat, makna dan perkataan 'Amal Jamā'ī serta jumlah keseluruhan hadith yang signifikan dengan 'Amal Jamā'ī. Susunan perawi hadith yang dinyatakan dalam jadual di bawah adalah berdasarkan urutan abjad.

Jadual 1.5 Hadith Tematik Berkaitan 'Amal Jamā'ī

Bil	Riwayat	Jumlah Hadith	Jilid	Muka Surat	Makna dan perkataan 'Amal Jamā'ī
1	<i>Abū Dawūd</i>	3	2, 12, 13	545, 4353, 4758	Kepentingan solat ber <i>jama'ah</i> , kepentingan bersama <i>al-Jama'ah</i> dan keutuhan ber <i>jama'ah</i>
2	<i>Al-Albānī</i>	4	1, 2	667, 715,	Rahmat bersama <i>al-</i>

¹⁰³ Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Shatibi, *al-I'tisām* (Riyadh: Dar Ibn 'Affan, 1992), 1: 480.

¹⁰⁴ Khadijah al-Nabrawi, *Mawsu'ah Usul al-Fikr al-Siyāsī wa al-Ijtimā'ī wa al-Iqtisādī* (Kaherah : Dar al-Salam, 2008), 3:1557.

				983, 1912	<i>Jama'ah</i> , kepentingan bersama <i>al-Jama'ah</i> , kemestian bersama <i>al-Jama'ah</i> dan kelebihan solat ber <i>jama'ah</i>
3	' <i>Abd al-Razzaq</i>	3	1	3782, 3918, 18675	Kepentingan bersama <i>al-Jama'ah</i> , kepentingan solat ber <i>jama'ah</i> dan keperluan bersama <i>al-Jama'ah</i>
4	<i>Al-'Ajluniy</i>	1	2	488	Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i>
5	<i>Al-Bukhārī</i>	6	1, 2, 7, 9	23, 65, 313, 325, 383, 193	Kecaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> , Istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i> , Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> , celaan orang yang memecah belahkan <i>al-Jama'ah</i> dan kepentingan solat ber <i>jama'ah</i>
6	<i>Al-Bayhāqī</i>	6	2, 3, 7, 8	18, 61, 103, 156, 157, 477	Kepentingan solat ber <i>jama'ah</i> , kelebihan solat ber <i>jama'ah</i> , celaan orang yang memecah belahkan <i>al-Jama'ah</i> , istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
7	<i>Al-Baghdādī</i>	2	1, 2	164, 187	Pemecah belah <i>jama'ah</i> mestilah diperangi dan galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
8	<i>Al-Baghāwī</i>	3	1, 15, 9	14, 27, 400	Istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i> , dan galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
9	<i>Al-Dārimī</i>	1	1	289	Kelebihan solat ber <i>jama'ah</i>
10	<i>Al-Haythamī</i>	13	1, 2, 5, 8, 10	37, 38, 44, 46, 137, 177, 182, 217, 216, 218, 219, 220, 225,	Kelebihan berada dalam <i>jama'ah</i> , kelebihan solat ber <i>jama'ah</i> , galakan supaya bersama <i>jama'ah</i> , beramal bersama <i>jama'ah</i>

					mendapat pahala, celaan orang yang memecah belahkan <i>al-Jama'ah</i> , rahmat bersama <i>al-Jama'ah</i> , Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> dan istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
11	<i>Al-Hākim</i>	6	1, 4	77, 115, 117, 118, 247, 256	Kecaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> dan Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> ,
12	<i>Ibn Abī Shaybah</i>	1	15	71	Kecaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i>
13	<i>Ibn Majah</i>	5	1, 2, 4, 5, 12	7, 2534, 3979, 3992, 3993,	Ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> , keutuhan ber <i>jama'ah</i> , kelebihan bersama <i>al-Jama'ah</i> , Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> dan istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
14	<i>Ibn Hibban</i>	1	10	4408	Ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i>
15	<i>Ibn Khuzaymah</i>	1	2	383	Kepentingan solat ber <i>jama'ah</i>
16	<i>Ibn Hajar</i>	1	12	282	Dosa besar terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i>
17	<i>Ibn Sa'ad</i>	1	7	131	Kelebihan solat ber <i>jama'ah</i>
18	<i>Ibn Jawzī</i>	1	-	6	Istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
19	<i>Muslim</i>	3	3	53, 55, 1476	Ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> dan istiqamah

					bersama <i>al-Jama'ah</i>
20	<i>Musnad Ahmad</i>	12	1, 2, 3, 4, 5	382, 296, 97, 133, 145, 278, 180, 233, 225, 243, 229, 520	Ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> , kelebihan bersama <i>al-Jama'ah</i> , rahmat bersama <i>al-Jama'ah</i> , ternafi kelebihan ber <i>jama'ah</i> , kelebihan solat ber <i>jama'ah</i>
21	<i>Al-Munzirī</i>	4	1, 2	78, 108, 219, 271	Rahmat bersama <i>al-Jama'ah</i> , istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i> , kelebihan solat ber <i>jama'ah</i>
22	<i>Al-Nasā'ī</i>	2	7	4016, 123	Ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> ,
23	<i>Al-Shāfi'ī</i>	1	1	1836	Istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
24	<i>Al-Sayūfī</i>	2	2	92, 222	Kelebihan bersama <i>al-Jama'ah</i> ,
25	<i>Al-Tirmidhī</i>	4	8	1402, 2642, 2166, 2167	Ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i> , Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> dan kelebihan bersama <i>al-Jama'ah</i> ,
26	<i>Al-Ṭabrānī</i>	12	1, 3, 8, 10, 11, 12, 15, 17	41, 61, 89, 153, 154, 166, 205, 335, 343, 344, 350, 447	Kelebihan bersama <i>al-Jama'ah</i> , Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> , istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i> dan ancaman terhadap orang yang meninggalkan <i>al-Jama'ah</i>
27	<i>Al-Tibrizi</i>	1	1	184	Istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
Jumlah		100			

Seterusnya, kedudukan jadual ini dibahagikan pula kepada tiga elemen utama *'Amal Jamā'ī* yang merangkumi kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Turut dinyatakan perawi, jumlah hadith, jilid, muka surat serta makna dan perkataan *'Amal Jamā'ī* serta jumlah keseluruhan hadith yang signifikan dengan *'Amal Jamā'ī*.

Jadual 1.6: Taburan Jumlah Bilangan Hadith Tematik Tentang *'Amal Jamā'ī* Dalam Riwayat yang Berbagai Berkaitan Elemen Kepercayaan

Bil	Riwayat	Jumlah Hadith Tentang Kepercayaan	Jilid	Muka Surat	Makna dan perkataan <i>'Amal Jamā'ī</i>
1	<i>Al-'Ajluniy</i>	1	2	488	Segala urusan yang dilakukan oleh umat Nabi S.A.W diyakini akan sentiasa dilakukan bersama <i>jama'ah</i>
2	<i>Al-Haythāmī</i>	2	1, 5	177, 218	Allah sentiasa bersama <i>jama'ah</i> dan segala urusan yang dilakukan oleh umat Nabi S.A.W diyakini akan sentiasa dilakukan bersama <i>jama'ah</i>
3	<i>Al-Ḥakīm</i>	1	1	115	Allah sentiasa bersama <i>jama'ah</i>
4	<i>Musnad Aḥmad</i>	1	5	145	Allah sentiasa bersama <i>jama'ah</i>
5	<i>Al-Sayūfī</i>	2	2	92, 222	Allah sentiasa bersama <i>jama'ah</i> dan segala urusan yang dilakukan oleh umat Nabi S.A.W diyakini akan sentiasa dilakukan bersama <i>jama'ah</i>
6	<i>Al-Tirmidhī</i>	1	8	2167	Allah sentiasa bersama <i>jama'ah</i>
7	<i>Al-Ṭabrānī</i>	1	12	447	Segala urusan yang dilakukan oleh umat Nabi S.A.W diyakini akan sentiasa dilakukan

					bersama <i>jama'ah</i>
	Jumlah	9			

Terdapat sebanyak 9 hadith yang menceritakan tentang '*Amal Jamā'ī*' berkaitan elemen kepercayaan seperti jadual 1.6 di atas.

Jadual 1.7: Taburan Jumlah Bilangan Hadith Tentang '*Amal Jamā'ī*' dalam Riwayat yang Berbagai Berkaitan Elemen Perkongsian

Bil	Riwayat	Jumlah Hadith Tentang Perkongsian	Jilid	Muka Surat	Makna dan perkataan ' <i>Amal Jamā'ī</i> '
1	<i>Abū Dawūd</i>	3	2, 12,13	545, 4353, 4758	Perkongsian maklumat berkaitan kebaikan bersama <i>jama'ah</i> , perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> dan perkongsian muawafakat dalam <i>jama'ah</i>
2	<i>'Abd Al-Razzaq</i>	2	1	3782, 18675	Perkongsian dalam pasukan mestilah berpegang dengan <i>jama'ah</i> yang diktiraf dan perkongsian tentang keburukkan meninggalkan <i>jama'ah</i>
3	<i>Al-Albānī</i>	4	1, 2	667, 715, 983, 1912	Perkongsian tentang kebaikan bersama <i>jama'ah</i> dan perkongsian tentang keburukkan meninggalkan <i>jama'ah</i> ,
4	<i>Al-Bukhārī</i>	5	1, 2, 7	23, 193, 313, 325, 383,	Perkongsian tentang keburukkan meninggalkan <i>jama'ah</i> , perkongsian tentang kebaikan solat ber <i>jama'ah</i> dan perkongsian maklumat berkaitan

					kebaikan bersama <i>jama'ah</i>
5	<i>Al-Bayhāqī</i>	3	3, 7, 8	18, 61, 157	Perkongsian tentang keburukkan meninggalkan <i>jama'ah</i> dan perkongsian tentang kebaikan solat <i>jama'ah</i>
6	<i>Al-Baghdādī</i>	2	1, 2	164, 187	Perkongsian tentang tercelanya orang yang memecah belahkan <i>jama'ah</i> dan galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
7	<i>Al-Baghāwī</i>	1	9	27	Galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
8	<i>Al-Haythamī</i>	8	1, 2, 5, 8, 10	37, 38, 46, 182, 217, 219, 220, 225,	Perkongsian tentang kelebihan berada dalam <i>jama'ah</i> , perkongsian tentang <i>jama'ah</i> yang sentiasa diberkati oleh Allah, perkongsian tentang kebaikan solat <i>jama'ah</i> , rahmat bersama <i>al-Jama'ah</i> , galakan supaya bersama <i>jama'ah</i> dan perkongsian tentang keburukkan meninggalkan <i>jama'ah</i> ,
9	<i>Al-Ḥakīm</i>	5	1, 4	77, 117, 118, 256, 247	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> , perkongsian tentang <i>jama'ah</i> yang sentiasa diberkati oleh Allah dan perkongsian tentang orang yang meninggalkan <i>jama'ah</i> dan dinafikan daripada mendapat kebaikan
10	<i>Ibn Majah</i>	4	1, 2, 4, 5	7, 2534, 3992, 3993	Perkongsian tentang keburukkan meninggalkan <i>jama'ah</i> dan Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i>
11	<i>Ibn Ḥajar</i>	1	12	282	Perkongsian tentang <i>jama'ah</i> yang sentiasa diberkati oleh Allah

12	<i>Ibn Sa'ad</i>	1	7	131	Perkongsian tentang kebaikan solat <i>jama'ah</i>
13	<i>Ibn Hibban</i>	1	10	4408	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i>
14	<i>Ibn Abi Shaybah</i>	1	15	71	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> ,
15	<i>Ibn Khuzaymah</i>	1	2	383	Perkongsian muawafakat dalam <i>jama'ah</i>
16	<i>Muslim</i>	2	3	53, 55	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i>
17	<i>Musnad Ahmad</i>	9	1, 2, 3, 4, 5	382, 97, 133, 278, 180, 233, 243, 229, 520	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> , perkongsian tentang <i>jama'ah</i> yang sentiasa diberkati oleh Allah, galakan supaya bersama <i>jama'ah</i> , perkongsian dalam pasukan mestilah berpegang dengan <i>jama'ah</i> yang diktiraf, dan perkongsian tentang kebaikan solat <i>jama'ah</i>
18	<i>Al-Munzirī</i>	3	1, 2	78, 219, 271	Perkongsian tentang <i>jama'ah</i> yang sentiasa diberkati oleh Allah, galakan supaya bersama <i>jama'ah</i> dan perkongsian tentang kebaikan solat <i>jama'ah</i>
19	<i>Al-Nasā'ī</i>	2	7	4016, 123	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> , galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
20	<i>Al-Shāfi'ī</i>	1	1	1836	Perkongsian serta galakan supaya bersama

					<i>jama'ah</i>
21	<i>Al-Tirmidhī</i>	3	8	1402, 2642, 2166	Perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> , Perkongsian dalam pasukan mestilah berpegang dengan <i>jama'ah</i> yang diktiraf,
22	<i>Al-Ṭabrānī</i>	9	1, 3, 8, 10, 11, 15	89, 41, 61, 153, 154, 343, 335, 344, 350,	Perkongsian tentang kelebihan berada dalam <i>jama'ah</i> , Allah bersama-sama <i>al-Jama'ah</i> , perkongsian tentang mesti berpegang dengan <i>jama'ah</i> yang diktiraf, perkongsian tentang akibat yang buruk apabila meninggalkan <i>jama'ah</i> , perkongsian tentang kebaikan solat berjama'ah dan galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
23	<i>Al-Tibrizi</i>	1	1	184	Perkongsian tentang galakan supaya bersama <i>jama'ah</i>
Jumlah		72			

Terdapat sebanyak 72 hadith yang menceritakan tentang '*Amal Jamā'ī*' berkaitan elemen perkongsian seperti jadual 1.7 di atas.

Jadual 1.8: Taburan Jumlah Bilangan Hadith Tematik Tentang '*Amal Jamā'ī*' dalam Riwayat Yang Berbagai Berkaitan Elemen Komitmen

Bil	Riwayat	Jumlah Hadith Tentang Komitmen	Jilid	Muka Surat	Makna dan perkataan ' <i>Amal Jamā'ī</i> '
1	<i>'Abd al-Razzaq</i>	1	1	3918	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-Jama'ah</i>

2	<i>Al-Bukhārī</i>	1	9	65	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-Jama'ah</i>
3	<i>Al-Bayhāqī</i>	3	3	103, 477, 156	Galakan agar sentiasa komitmen dan Istiqamah bersama <i>al-Jama'ah</i>
4	<i>Al-Baghāwī</i>	2	1, 15	400, 14	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-Jama'ah</i>
5	<i>Al-Dārimī</i>	1	1	289	Galakan agar sentiasa komitmen bersama <i>al-Jama'ah</i> dalam melakukan sesuatu pekerjaan
6	<i>Al-Haythāmī</i>	3	2, 10	44, 137, 216	Galakan agar sentiasa komitmen bersama <i>al-Jama'ah</i> dalam melakukan sesuatu pekerjaan
7	<i>Ibn Majah</i>	1	12	3979	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-Jama'ah</i>
8	<i>Ibn Jawzī</i>	1	-	6	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-Jama'ah</i>
9	<i>Muslim</i>	1	3	1476	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-</i>

					<i>Jama'ah</i>
10	<i>Musnad Ahmad</i>	2	3, 4	225, 296	Galakan agar sentiasa komitmen bersama <i>al-Jama'ah</i> dalam melakukan sesuatu pekerjaan
11	<i>Al-Munziri</i>	1	1	108	Galakan agar sentiasa komitmen dengan <i>al-Jama'ah</i>
12	<i>Al-Tabrani</i>	2	3, 8	166, 205	Galakan agar sentiasa komitmen bersama <i>al-Jama'ah</i> dalam melakukan sesuatu pekerjaan
Jumlah		19			

Terdapat sebanyak 19 hadith yang menceritakan tentang '*Amal Jamā'ī*' berkaitan elemen komitmen seperti jadual 1.8 di atas.

1.13 Kesimpulan

Konsep '*Amal Jamā'ī*' dapat disimpulkan sebagai salah satu sistem pengurusan gerak kerja yang bersistematik dalam sesebuah organisasi. Ia adalah satu prosedur kerja yang dilakukan secara berpasukan, berpandukan ketetapan yang telah digariskan oleh organisasi. Pendefinisian '*Amal Jamā'ī*' juga, merujuk kepada pelbagai bidang seperti yang dibincangkan oleh para sarjana. Setiap yang dibincangkan, ada yang menyentuh aspek

material, fizikal dan spiritual. Sebaliknya, ada yang hanya memberi penumpuan kepada aspek fizikal dan material semata-mata. Justeru, konsep kerja berpasukan menurut perspektif Islam dan konvensional mempunyai persamaan dari sudut strategi gerak kerja dan pencapaian yang diperolehi. Namun, ianya berbeza dari sudut sumber rujukan, matlamat kerja, hubungan sesama insan, insan dan *Khaliq*nya. Sebenarnya, dalam menggerakkan sesebuah organisasi memerlukan banyak elemen yang menyokong pembentukan gerak kerja secara '*Amal Jamā'ī*'. Pengkaji mendapati, terdapat elemen yang saling memperkuat di antara satu dengan yang lain. Ianya bertindak sebagai pengukuh kepada kerja berpasukan. Sarjana Islam dan konvensional bersepakat tentang wujudnya elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen dalam kajian mereka. Oleh yang demikian, ketiga-tiga elemen tersebut merupakan suatu yang penting dalam organisasi. Sesuatu kejayaan itu akan dapat dikecapi apabila perancangan yang dibuat mendapat sokongan yang padu daripada orang bawahan, disamping pihak atasan sentiasa peka dengan keperluan semasa yang dikehendaki oleh orang bawahan.

Para sarjana Islam dan konvensional memperakui kepentingan elemen tersebut bagi mencapai matlamat yang dikehendaki oleh mana-mana organisasi. Ayat al-Quran dan hadith juga, sebagai penguat kepada konsep '*Amal Jamā'ī*' yang telah dinyatakan oleh para sarjana Islam. Banyak ayat-ayat al-Quran dan hadith menunjukkan tentang perlunya bekerja secara '*Amal Jamā'ī*'. Ayat yang berbentuk *jama'* ataupun *plural* menggambarkan setiap gerak kerja mestilah dilakukan secara berjemaah. Selain itu, kajian yang berbentuk tematik adalah merupakan satu kajian yang penting kini. Ianya berperanan menjawab isu-isu kontemporari yang memerlukan kepada sumber yang kukuh terutamanya hadith

sebagai sumber yang kedua selepas al-Quran. Justeru, sumber hadith yang berkonsepkan tematik ataupun bertajuk mengukuhkan lagi konsep kerja berpasukan yang dipaparkan dalam kajian ini.

University of Malaya

BAB 2

PENGENALAN HADITH *MAWDŪ'Ī* DAN HADITH-HADITH '*AMAL JAMĀ'Ī* DALAM AL-*ṢAḤĪḤAYN*

2.1 Pendahuluan

Bab ini, adalah merupakan penjelasan secara terperinci berkaitan dua sumber utama hadith iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* secara kualitatif. Penjelasan secara kualitatif ini membantu penyelidik mengenalpasti hadith '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat pada dua sumber tersebut. Justeru, bagi mencapai matlamat kajian, pengkaji mengemukakan pengenalan hadith *mawdū'ī* (tematik), definisi serta perkaitannya dengan tajuk kajian. Seterusnya, dinyatakan pula kategori, pembahagian kitab dan bab yang berkaitan dengan '*Amal Jamā'ī*'. Tujuan dinyatakan hadith *mawdū'ī* beserta huraian dalam bab ini, adalah untuk memperlihatkan bahawa hadith *mawdū'ī* tidak hanya merujuk kepada tema-tema tertentu sahaja, sebaliknya dilihat pada makna dan maksud yang merujuk kepada perbuatan Nabi S.A.W. dalam melakukan setiap pekerjaan dan amalan harian Baginda S.A.W.

Selain itu, pengkaji akan memilih, menyenaraikan dan menghuraikan berkaitan dengan himpunan hadith '*Amal Jamā'ī*' di dalam *Ṣaḥīḥayn* dalam bentuk jadual, rajah dan *bar chart*. Seterusnya, dinyatakan pula *matan* hadith-hadith tersebut secara ringkas atau disebut sebagai *Aṭraf al-Ḥadīth* bagi memperlihatkan secara jelas hadith berkaitan dengan '*Amal Jamā'ī*' yang boleh dijadikan panduan kepada ilmu pengurusan kini. Pengkaji turut menghuraikan *fiqh hadith* berkaitan kerja berpasukan yang memfokuskan tiga elemen utama dalam kerja berpasukan.

2.2 Definisi Hadith *Mawḍūʿī* / Tematik

Hadith *mawḍūʿī* / tematik adalah istilah moden yang telah meluas penggunaannya di kalangan penulis, pengarang, pengkaji dan para ulamak mutakhir ini. Ia adalah merupakan salah satu cabang ilmu hadith yang mempunyai kaedah yang tersendiri.

Definisi hadith *mawḍūʿī* yang dinyatakan di sini adalah definisi yang telah diolah dan diadaptasi dari rujukan berkenaan teori tafsīr *mawḍūʿī*. Walaupun rujukan mengenai tafsīr *mawḍūʿī* itu sendiri masih dirasai kekurangan bahannya di dalam perpustakaan Islam tetapi jauh terkehadapan berbanding rujukan dalam hadith *mawḍūʿī*.

Definisi hadith *mawḍūʿī*/tematik yang diolah daripada pandangan ulama adalah seperti berikut:

1. Ilmu yang memperbahaskan sesuatu permasalahan menurut semangat dan ruh Nabawi dengan melihatnya dari perspektif satu atau lebih hadith yang *Maqbul*.
2. Ilmu yang menghimpun riwayat-riwayat hadith yang pelbagai dari sumber utama hadith yang berkenaan dengan sesuatu tajuk perbincangan sama ada yang seiring dengan lafaz atau pada maknanya dan mengupas tajuk itu mengikut kaedah pengajian hadith.
3. Ilmu yang menghuraikan sesuatu tajuk dengan pencerahan sunnah Nabawiyyah berdasar satu atau lebih sumber hadith.
4. Ilmu yang memperjelaskan tajuk pemikiran, kemasyarakatan, perekonomian, alam semulajadi atau segala lapangan ilmu pengetahuan dan kehidupan dalam lingkungan

hadith Nabi Muhammad S.A.W yang berkaitan dengannya bertujuan memperolehi konsep kefahaman dan jalan penyelesaian menurut manhaj Nabawi.

5. Ilmu yang mengkhususkan himpunan dan kupasan hadith yang bersatu dan bersekutu pada sesuatu tajuk atau isu.¹

Melihat kepada definisi hadith *mawḍūʿī* di atas, jelaslah bahawa tidak semestinya hadith yang boleh dikategorikan sebagai *mawḍūʿī* /tematik hanya berlegar di bawah satu tajuk yang khusus bahkan ianya merujuk kepada sesuatu tajuk perbincangan dan penghuraian sama ada yang bertepatan dengan lafaz ataupun maknanya sahaja serta pengolahan tajuk itu mengikut kaedah pengajian hadith sepertimana takrif hadith itu sendiri yang merujuk kepada perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat kejadian dan tingkah laku baginda S.A.W.

Justeru, ianya adalah merupakan suatu ilmu yang memperbahaskan serta mengupas sesuatu permasalahan berpandukan semangat dan ruh Nabawi. Kajian hadith *mawḍūʿī* di ditinjau kekuatannya dari perspektif satu atau lebih hadith yang diterima pakai sebagai fakta yang pernah tertulis dalam Sunnah Nabi Muhammad S.A.W dan para Sahabat. Setiap berita yang disampaikan oleh Baginda S.A.W menurut takrif hadith adalah suatu ikutan yang boleh dijadikan panduan. Pakej panduan yang disediakan, adalah sebagai kaedah bagi melaksanakan setiap tuntutan. Perlaksanaannya pula, dilakukan dengan bergerak secara berpasukan dalam merealisasikan tanggungjawab yang diamanahkan melibatkan kerja-kerja duniawi dan ukhrawi. Oleh yang demikian, penghuraian hadith *mawḍūʿī* tidak hanya

¹Ramdan Ishak al-Zayyan, "al-Hadith al-Mawḍūʿī: Dirasah al-Nazariyyah", dalam *Majallah al-Jamʿiyyah al-Islamiyyah*, Ghazzah: Palastin, 1989), 213. Definisi-definisi ini diolah dari rujukan *Tafsir Mawḍūʿī*, dalam 'Abd Hayy al-Farmawi. *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawḍūʿī* (Kaherah: Matba'ah al-Hadarah al-'Arabiyyah, 1997), 52. Mustafa Muslim, *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawḍūʿī*. (Damshiq: Dar al-Qalam, 1989), 30. 'Abd al-Sattar Fath Allah Sa'id, *al-Madkhal fi al-Tafsir al-Mawḍūʿī*. (Kaherah: Dar al-Tiba'ah wa al-Nasr al-Islamiyyah, 2005), 20. 'Abd al-Jalil 'Abd al-Rahim, *Al-Tafsir al-Mawḍūʿī fi Kaffatay al-Mizan* ('Amman: Jordan 1992), 24.

terikat dengan tajuk-tajuk yang nyata semata-mata. Selain itu, hadith *Mawḍūʿī* adalah satu disiplin ilmu yang membahaskan serta menjelaskan tentang perkaitannya dengan tajuk-tajuk pemikiran, sosial, politik, kemasyarakatan, perekonomian, alam sejagat, alam maya atau mencakupi segala lapangan ilmu pengetahuan dan kehidupan dalam lingkungan hadith Nabi Muhammad S.A.W yang berkaitan dengannya bertujuan memperolehi konsep kefahaman yang jelas serta jalan penyelesaian menurut manhaj Nabawi.

2.3 Pengenalan kepada Hadith *Mawḍūʿī* dan Hubungkaitnya dengan '*Amal Jamāʿī*'

Terdapat usaha untuk memartabatkan hadith Nabawi sebagai sumber keilmuan yang menyeluruh menjadi cabaran kepada keserjanaan pencinta hadith kontemporari. Usaha dan kesungguhan ilmuan Islam khususnya, mengenengahkan bidang pengajian hadith bagi membuat satu lonjakan besar untuk mendepani cabaran yang selama ini hanya membataskan kefahaman nas hadith. Kebanyakan kajian, hanya membahaskan persoalan-persoalan yang berlegar dari perspektif akidah, perundangan hukum dan akhlak sahaja. Sedangkan, bidang pengurusan adalah merupakan satu keperluan umat kini yang perlu ditonjol melalui hadith tematik berdasarkan sunnah Nabawi. Ianya bertujuan, bagi membuahkan input-input yang boleh menjadi sandaran kepada bidang pengurusan. Oleh yang demikian, maka lahirlah panduan yang lebih menjurus kepada sumber Islam berdasarkan hadith yang berkaitan dengan '*Amal Jamāʿī*' berbanding sumber dari perspektif konvensional.

Muḥammad 'Alī Al-Ṣabūnī menyatakan bahawa, kandungan hadith Nabi Muhammad S.A.W ialah, menghimpunkan asas agama dan persoalan yang merangkumi aspek

kehidupan yang menyeluruh. Islam sebagai *al-Dīn* (cara hidup), sudah tentu mempunyai panduan, pesanan, tunjuk ajar dan keterangan dari Nabi Muhammad S.A.W kepada umatnya supaya berada di atas landasan yang betul. Keadaan yang gelap mendapat cahaya pertunjuk daripada kerasulannya umpama malam yang bertukar menjadi siang. Hanya manusia yang menempah kesengsaraan dan kepayahan hidup boleh meninggalkan sunnah sebagai panduan hidup.²

Seterusnya, menurut Muḥammad Luṭfī al-Sabbagh realiti kedudukan Sunnah masa kini sangat memerlukan perhatian dan penelitian golongan cendekiawan dan ulama Islam. Ini kerana, sudah wujud usaha memisahkan antara pedomam Nabawi dengan realiti kehidupan umat, sama ada dalam lapangan keilmuan, pemikiran, peradaban dan kemasyarakatan.³

Justeru, pengajian serta pengkajian berkaitan hadith *mawḍūʿī* / tematik adalah salah satu pendekatan yang diguna pakai dalam mempersembahkan teks-teks hadith dalam konteks semasa. Pendekatan ini bukan bermakna menyampingkan pendekatan tradisional dalam menghuraikan hadith yang berbentuk hadith *taḥlīlī*. Sebaliknya, hadith *taḥlīlī* tetap menjadi asas dan sumber asal sebelum berlakunya pengolahan secara *mawḍūʿī*. Ini adalah satu pendekatan khusus bagi menangani tuntutan semasa berkaitan pengurusan sama ada yang melibatkan organisasi tertentu mahupun syarikat. Proses melaksanakan tuntutan kehidupan ini sudah tentu memerlukan kerjasama yang melibatkan kerja secara *ʿAmal Jamāʿī* dalam melaksanakan misi dan visi sebagai khalifah yang diamanahkan untuk memakmurkan bumi ini.

²Muḥammad ʿAlī al-Sābūnī, *al-Sunnah al-Nabawīyyah: Qism min al-Waḥy al-Ilāhī al-Munazzal* (Makkah: Rabīṭah al-ʿĀlam al-Islāmī, 1989), 41.

³Muḥammad Luṭfī al-Sabbagh, *al-Hadīth: Mustalah wa Balaghatuh wa Kutubuh* (Beirut: al-Maktab al-Islami, 1990), 13.

2.4 Himpunan Hadith '*Amal Jamā'ī*

Hadith '*Amal Jamā'ī*' banyak terdapat dalam kitab hadith. Penulisan ini hanya memberi tumpuan kepada kitab *al-Ṣaḥīḥayn* sahaja. Ini kerana kedua-dua sumber ini adalah rujukan yang paling utama selepas al-Quran. Bagi memperkukuhkan kajian ini, penulis mengenengahkan sumber yang paling utama sebagai hujah kepada ilmu pengurusan kini, bertujuan menzahirkan kesempurnaan Islam dalam semua keadaan. Setelah diteliti dan disemak, terdapat 97 hadith berkaitan *Amal Jamā'ī* berdasarkan tiga elemen iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Ketiga-tiga elemen ini, merupakan tunjang kepada suatu gerak kerja secara '*Amal Jamā'ī*'. Ini kerana setiap gerak kerja yang dilakukan memerlukan kepada kepercayaan yang sepenuhnya daripada pihak pemimpin mahupun pekerja.

Sikap saling percaya mempercayai yang wujud di kalangan pemimpin dan pekerja dapat melahirkan kekuatan dan semangat yang mendorong seseorang itu untuk berkongsi setiap perkara, sama ada yang dirancang ataupun yang tidak dirancang. Setiap permasalahan yang berlaku mampu di pikul dan dikongsi bersama bagi menjayakan matlamat dan cita-cita. Dengan demikian, wujudlah komitmen dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan hasil daripada kepercayaan dan perkongsian sesama mereka. Jadual di bawah menjelaskan tentang hadith '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ al-Muslim*. Himpunan dilakukan mengikut kitab dan bab dalam *al-Ṣaḥīḥayn*. Penjelasan secara umum berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dalam *al-Ṣaḥīḥayn* ditunjukkan pada jadual 2.1 dan 2.2 di bawah.

Jadual 2.1. Taburan Jumlah Bilangan Hadith Berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat di dalam Kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Bil	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>'Amal Jamā'ī</i>	Bilangan Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Jihad wa al-Asayr</i>	6
2	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Manāqib</i>	18
3	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Libās</i>	1
4	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Tawḥīd</i>	5
5	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Tamanna</i>	2
6	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Muzara'ah</i>	2
7	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Shahādāt</i>	1
8	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Sulḥ</i>	1
9	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah</i>	1
10	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Kitab al-Adāb</i>	3
Jumlah			40

Terdapat kepelbagaian tajuk pada kitab dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang menjelaskan tentang '*Amal Jamā'ī*' seperti yang dipaparkan dalam jadual 2.1 di atas. Ini menampakkan bahawa tidak semestinya terdapat tajuk yang khusus membicarakan perkara sedemikian, sebaliknya setiap '*Amal Jamā'ī*' yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dijelaskan dalam kitab menerusi tajuk yang pelbagai. *Kitab al-Manāqib* dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* mendominasi tajuk '*Amal Jamā'ī*' dengan bilangan sebanyak 18 hadith berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dan sebanyak 6 hadith pula, dalam *Kitab al-Jihad wa al-Sayr*. Selebihnya, diikuti dengan kitab-

kitab yang lain dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan pelbagai tajuk dan himpunan hadith padanya.

Jadual 2.2. Taburan Jumlah Bilangan Hadith Berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Muslim*.


Bil	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>'Amal Jamā'ī</i>	Bilangan Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Jihad wa al-Sayr</i>	19
2	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Imārah</i>	14
3	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab Faḍail al-Sahabah</i>	9
4	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Faḍa'il</i>	1
5	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Īmān</i>	2
6	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Zakat</i>	4
7	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Bir wa al-Ṣilāh wa al-Adāb</i>	7
8	<i>Ṣaḥīḥ al-Muslim</i>	<i>Kitab al-Masajid wa Mawati'a al-Ṣalāh</i>	1
Jumlah			57

Apabila dilihat pada jadual 2.2 di atas, maka didapati kepelbagaian tajuk pada kitab dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* yang menjelaskan tentang '*Amal Jamā'ī*' seperti yang dipaparkan. Ini juga, menggambarkan tidak semua perlakuan Baginda S.A.W dipamirkan di bawah tajuk yang khusus, sebaliknya setiap '*Amal Jamā'ī*' yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W dijelaskan dalam kitab menerusi tajuk yang pelbagai. *Kitab al-Jihād wa al-Asayr* dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* mendominasi tajuk '*Amal Jamā'ī*' dengan bilangan sebanyak 19 hadith dan *Kitab al-Imārah*


dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* sebanyak 14 hadith. Selebihnya, diikuti dengan kitab-kitab yang lain dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* dengan pelbagai tajuk dan himpunan hadith padanya.

Justeru, terdapat 97 hadith yang berkaitan dengan '*Amal Jamā'ī*' dapat dikumpulkan dan dihimpunkan dalam *al-Ṣaḥīḥayn* melalui kitab pada tajuk yang pelbagai. Ini menjelaskan bahawa, terdapat dalil yang kuat berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dalam pengurusan kehidupan manusia yang boleh dikaitkan dengan pengurusan kini seperti '*Amal Jamā'ī*' dalam badan-badan kerajaan, organisasi, persatuan dan sebagainya yang melibatkan kerja secara berpasukan.

Rajah 2.1. Carta Pei Menunjukkan Taburan Jumlah Bilangan Hadith '*Amal Jamā'ī*' Berkaitan Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen yang Terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.



Rajah 2.2. Carta Pei Menunjukkan Taburan Jumlah Bilangan Hadith-Hadith '*Amal Jamā'ī*' (Kerja Berpasukan) Berkaitan Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen yang Terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.



Jadual 2.3. Gambaran Secara Keseluruhan Berkaitan Tiga Elemen Utama dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim*.


Bil	<i>al-Ṣaḥīḥayn</i>	Hadith Kepercayaan	Hadith Perkongsian	Hadith Komitmen	Bilangan Hadith
1	Hadith <i>al-Bukhārī</i>	8	17	15	40
2	Hadith <i>Muslim</i>	12	27	18	57
Jumlah		20	44	33	97

Rajah 2.1, 2.2 dan jadual 2.3 di atas, menunjukkan gambaran secara keseluruhan berkaitan tiga elemen utama dalam *al-Ṣaḥīḥayn*. Setelah dipecahkan kepada 3 elemen penting tentang '*Amal Jamā'ī*', terdapat sebanyak 97 hadith yang terdiri daripada 8 hadith (20%) berkaitan kepercayaan, 17 hadith (42%) berkaitan perkongsian dan 15 hadith (38%) berkaitan komitmen dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Manakala 12 hadith (21%) berkaitan kepercayaan, 27

hadith (47%) berkaitan perkongsian dan 18 hadith (18%) berkaitan komitmen dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Jika dihipunkan dalam *al-Ṣaḥīḥayn*, maka didapati sebanyak 20 hadith berkaitan kepercayaan, 44 hadith berkaitan perkongsian dan 33 hadith berkaitan komitmen. Justeru, terdapat sebanyak 40 hadith yang dihipun di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Sebaliknya, terdapat 57 hadith pula, dihipun di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Apabila dirujuk kepada sumber *al-Ṣaḥīḥayn*, jelas menunjukkan bahawa '*Amal Jamā'ī*' adalah suatu yang diberi penekanan dalam Islam. Meskipun masih terdapat banyak hadith yang boleh dikodifikasikan, namun apa yang dipaparkan telahpun menjawab objektif kajian.

Rajah 2.3. Pemilihan Hadith Dalam *Ṣaḥīḥayn*.



Sumber: Diolah dari tesis Mohd Shukri bin Hanafi yang bertajuk Tasawur Pembangunan Dalam al-Quran: Kajian Tafsir *al-Mawdu'ī*.

Rajah 2.3 di atas, menunjukkan bahawa pemilihan yang dilakukan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* adalah berdasarkan sampel yang mengandungi 17 bab daripada jumlah

keseluruhan 40 hadith dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan sampel yang mengandungi 30 bab daripada jumlah keseluruhan 57 hadith dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Jadual 2.4. Taburan jumlah bilangan hadith berkaitan 'Amal Jamā'ī mengikut bab yang terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

Bil	Hadith <i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	Bab	Bilangan Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab al-Bay'ah fī al-Ḥarb anla Yafirru</i>	1
2	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Haml al-Zad fī al-Ghazw</i>	2
3	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Manāqib al-Muhajirīn wa Faḍluhum</i>	2
4	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Qawl al-Nabī S.A.W law Kunt Mutkhizan Khalīlan</i>	1
5	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābih ilā al-Madīnah</i>	8
6	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Taqannu'ī</i>	1
7	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Ma jāu fī Du'āi al-Nabī S.A.W Ummatih ila Tawhid Allah.</i>	8
8	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Qawl al-Nabī S.A.W law Istiqbalt min Amrī</i>	2
9	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Muqaddam al-Nabī S.A.W wa Aṣḥābih al-Madīnah</i>	4
10	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Awqaf al-Nabī S.A.W wa Ard al-Kharaj</i>	1
11	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Ahya Ard Mawat</i>	1
12	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Man Basato lah fī al-Rizqī bi ṣilat al-Raḥīm</i>	2
13	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Itiham al-Qatī'</i>	1
14	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Hafr al-Khandaq</i>	2
15	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Qawl Imām li aṣḥābih izhabu bina Nusliḥ</i>	1
16	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Al-Ḥirathah fī al-Qazw fī Sabil Allah</i>	1
17	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Bab Qawl al-Nabi "Bu'tht bi Jawami' al-Kalim"</i>	1
Jumlah			40

Sebanyak 17 bab di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* menghuraikan tentang kerja berpasukan. *Bab Hijrah al-Nabī Muḥammad S.A.W* dan *Bab Ma jāu fī Du'āi al-Nabī S.A.W ilā Ummatih* mendominasi bab tentang '*Amal Jamā'ī*', iaitu sebanyak 8 hadith jika dibanding dengan bab yang lain. Seterusnya, diikuti *Bab Muqaddam al-Nabī Muḥammad S.A.W wa Aṣḥābih al-Madīnah* sebanyak 4 hadith tentang kerja berpasukan. Selebihnya terdapat antara 1 hingga 2 hadith dalam setiap bab menceritakan tentang '*Amal Jamā'ī*'. Sebanyak 40 hadith terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* menjelaskan tentang '*Amal Jamā'ī*' di dalam pelbagai tajuk dalam bab yang dipaparkan seperti jadual 2.4 di atas.

Jadual 2.5. Taburan Jumlah Bilangan Hadith Berkaitan '*Amal Jamā'ī*' Mengikut Bab yang Terdapat di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

Bil	Hadith <i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	Bab	Bilangan Hadith
1	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab al-Mubadarah bil-Ghazw wa al-Taqqim Ahamm al-Amrayn al-Muta'aridayn</i>	1
2	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab fī Ghazwah al-Hunayn</i>	2
3	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab fī Izalah al-Asnam hawl al- Ka'bah</i>	1
4	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Qatal Ka'ab ibn al-Ashrāf Taghut al-Yahūdī</i>	1
5	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ghazwah Khaybar</i>	1
6	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ghazwah al-Aḥzab</i>	6
7	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ghazwah dhi Ghard wa Khayriha</i>	1
8	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ghazwah al-Nisā' ma'a al-Rijāl</i>	2
9	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ghazwah Dhat al-Riqaq</i>	1
10	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Al-Nahyu 'an Ṭalab al-Imārah wa al-Harth 'Alayha</i>	2
11	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ghlaza Taḥrīm al-Ghulūl</i>	1
12	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Taḥrīm Hadāyā al-'Amal</i>	1
13	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Min Faḍāil 'Alī ibn Ṭālib</i>	4

14	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Min Faḍāil Ṭalhah wa al-Zubayr</i>	1
15	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Min Faḍāil Abī 'Ubaydah al-Jarrah</i>	3
16	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Min Faḍāil Ubay Ibn Ka'ab</i>	2
17	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Mā su'ila Rasullullah S.A.W Shay'ān Qat</i>	1
18	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Wujūb al-Imān bi Risālat al-Nabiyyan Muḥammad S.A.W</i>	1
19	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Wujūb Ittibā'ih S.A.W</i>	1
20	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Ibtinā' al-Masjid al-Nabī S.A.W</i>	1
21	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab al-Dalil 'alā anna Ḥubba al-Ansar Min al-Iman</i>	2
22	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Bayān Kawn al-Imān Billah Ta'ālā Afḍal al-A'māl</i>	1
23	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab al-Mubaya'ah ba'd Faṭḥ Makkah 'alā al-Islam wa al-Jihad wa al-Khayr</i>	2
24	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Bayān anna Ism al-Sadaqah Yaqa' 'alā kull Nau'ayn min al-Ma'ruf</i>	2
25	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Al-Istikhlaf wa Tarkuh</i>	1
26	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Wujūb Ta'ah al-Umara' fi Khayr Ma'siyyah wa Tahrimuha fi al-Ma'siyyah</i>	1
27	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Man Ahaqq bi al-Imāmah</i>	3
28	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Thubut al-Jannah li al-Shāhid</i>	2
29	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab al-Bai'ah 'ala al-Sam' wa al-Ta'ah Fi Mastata'</i>	1
30	<i>Ṣaḥīḥ Muslim</i>	<i>Bab Sulḥ al-Ḥudaybiyah</i>	1
Jumlah			57

Terdapat 30 bab di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* yang memaparkan tentang hadith '*Amal Jamā'ī*'. Sebanyak 6 hadith dalam *Bab Ghazwah al-Aḥzab* di dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* yang mendominasi bab-bab yang lain tentang '*Amal Jamā'ī*', diikuti *Bab Min Faḍāil 'Alī ibn Ṭalib* sebanyak 4 hadith dan sebanyak 3 hadith dalam *Bab Min Faḍāil Abī 'Ubaydah al-*

Jarah tentang '*Amal Jamā'ī*'. Selebihnya, di antara 1 hingga 2 hadith tentang '*Amal Jamā'ī*' dijelaskan dalam pelbagai bab yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Sejumlah 57 hadith terdapat dalam bab yang terletak di bawah tajuk yang pelbagai dalam kitab *Ṣaḥīḥ Muslim* yang menceritakan tentang '*Amal Jamā'ī*'. Perkara ini boleh dilihat pada jadual 2.5 di atas.

2.4.1 Hadith '*Amal Jamā'ī*' dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*

Setelah diteliti pada jumlah taburan hadith '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat dalam jadual 2.4 di atas, maka didapati 17 bab dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* berjaya dikumpulkan. Di sini, dinyatakan pula matan hadith-hadith tersebut secara ringkas atau disebut sebagai *Aṭraf al-Ḥadīth* bagi memperlihatkan secara jelas hadith berkaitan dengan '*Amal Jamā'ī*' yang boleh dijadikan panduan kepada ilmu pengurusan kini. Terdapat hadith dalam bab tertentu yang menjelaskan konsep '*Amal Jamā'ī*'. Hadith yang berkaitan disusun mengikut elemen yang utama seperti penjelasan yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu bermula dengan hadith kepercayaan, hadith perkongsian dan hadith komitmen. Hadith *Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābih ilā al-Madīnah* diulang tulis sebanyak 3 kali pada bahagian hadith kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Ini kerana, hadith tersebut mewakili ketiga-tiga elemen '*Amal Jamā'ī*'. Hadith yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

2.4.1.1 Hadith Kepercayaan

Hadith yang dipaparkan ini menggambarkan hadith yang berkaitan elemen kepercayaan. Ianya dimulakan dengan matan hadith berkaitan kepercayaan dan diikuti dengan penghuraian hadith bagi menjelaskan perkaitannya dengan elemen kepercayaan. Terdapat sebanyak 7 hadith yang menceritakan tentang elemen kepercayaan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

1. Bab Fadail Ashab al-Nabi

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ أُمَّتِي قَرْنِي ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يُلُونَهُمْ

Terjemahan: Daripada Abdullah r.a, beliau berkata: Sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W bersabda, sebaik-baik umatku adalah daripada kurunku, kemudian kurun selepas kurunku, kemudian kurun yang seterusnya⁴.

2. Bab Fadl Abu Bakar ba'd al-Nabi S.A.W

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ كُنَّا نُخَيِّرُ بَيْنَ النَّاسِ فِي زَمَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَخَيَّرَ أَبَا بَكْرٍ ثُمَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ ثُمَّ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ.

Terjemahan: Daripada Ibn 'Umar beliau berkata, kami telah memilih seorang insan di kalangan manusia pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, kami telah memilih Abu Bakar, kemudian 'Umar bin al Khaṭṭab kemudian 'Uthman bin Affan⁵

3. Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābih ilā al-Madīnah

قَالَ ابْنُ شِهَابٍ فَأَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْمُسْلِمِينَ إِنِّي أُرِيتُ دَارَ هِجْرَتِكُمْ ذَاتَ نَخْلٍ بَيْنَ لَابَتَيْنِ وَهُمَا الْحَرَّتَانِ فَهَاجَرَ مَنْ هَاجَرَ قَبْلَ الْمَدِينَةِ وَرَجَعَ عَامَّةٌ مَنْ كَانَ هَاجَرَ بِأَرْضِ الْحَبَشَةِ إِلَى الْمَدِينَةِ وَتَجَهَّزَ أَبُو بَكْرٍ قَبْلَ الْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رِسْلِكَ فَإِنِّي أَرْجُو أَنْ يُؤْذَنَ لِي فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَهَلْ تَرْجُو ذَلِكَ بِأَبِي أَنْتَ قَالَ نَعَمْ فَحَبَسَ أَبُو بَكْرٍ نَفْسَهُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ

⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Fadail Ashab al-Nnabi, Bab Fadail Ashab al-Nnabi, no. hadith 3650. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh : Dar Salam, 2000), 297

⁵ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Fadail Ashab al-Nabi, Bab Fadl Abu Bakar ba'd al-Nabi S.A.W, no. hadith 3655. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 297.

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَصْحَبَهُ وَعَلَفَ رَاحِلَتَيْنِ كَانَتَا عِنْدَهُ وَرَقَ السَّمَرِ وَهُوَ الْخَبْطُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ قَالَ عُرْوَةُ قَالَتْ عَائِشَةُ فَبَيْنَمَا نَحْنُ يَوْمًا جُلُوسٌ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ فِي نَحْرِ الظَّهِيرَةِ قَالَ قَائِلٌ لِأَبِي بَكْرٍ هَذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَقَنَّعًا فِي سَاعَةٍ لَمْ يَكُنْ يَأْتِينَا فِيهَا فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ فِدَاءُ لَهُ أَبِي وَأُمِّي وَاللَّهِ مَا جَاءَ بِهِ فِي هَذِهِ السَّاعَةِ إِلَّا أَمْرٌ قَالَتْ فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَ فَأُذِنَ لَهُ فَدَخَلَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي بَكْرٍ أَخْرِجْ مَنْ عِنْدَكَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّمَا هُمْ أَهْلُكَ يَا أَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَإِنِّي قَدْ أُذِنَ لِي فِي الْخُرُوجِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ الصَّحَابَةُ يَا أَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ أَبُو بَكْرٍ فَخُذْ يَا أَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِحْدَى رَاحِلَتَيَّ هَاتَيْنِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْثَمَنِ قَالَتْ عَائِشَةُ فَجَهَّزْنَاهُمَا أَحْتًا الْجِهَازِ وَصَنَعْنَا لَهُمَا سُفْرَةً فِي جِرَابٍ فَقَطَعَتْ أَسْمَاءُ بِنْتُ أَبِي بَكْرٍ قِطْعَةً مِنْ نِطَاقِهَا فَرَبَطَتْ بِهِ عَلَى فَمِ الْجِرَابِ فَبِذَلِكَ سُمِّيَتْ ذَاتُ النِّطَاقَيْنِ قَالَتْ ثُمَّ لَحِقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ بَعَارٍ فِي جَبَلٍ ثَوْرٍ فَكَمْنَا فِيهِ ثَلَاثَ لَيَالٍ بَيْتُ عِنْدَهُمَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ وَهُوَ غُلَامٌ شَابٌّ ثَقِفٌ لَقِنٌ فَبَدَّلُجُ مِنْ عِنْدِهِمَا بِسَحَرٍ فَيُصْبِحُ مَعَ قُرَيْشٍ بِمَكَّةَ كَبَائِتٍ فَلَا يَسْمَعُ أَمْرًا يُكْتَادَانِ بِهِ إِلَّا وَعَاهُ حَتَّى يَأْتِيَهُمَا بِخَبَرِ ذَلِكَ حِينَ يَخْتَلِطُ الظَّلَامُ وَيَرَعَى عَلَيْهِمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ مَوْلَى أَبِي بَكْرٍ مِنْحَةً مِنْ غَنَمٍ فَيُرِيْهُمَا عَلَيْهِمَا حِينَ تَذْهَبُ سَاعَةٌ مِنَ الْعِشَاءِ فَيَسْتَانِ فِي رِسْلٍ وَهُوَ لَبَنٌ مِنْحَتُهُمَا وَرَضِيْفُهُمَا حَتَّى يَنْعَقَ بِهَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ بَعْلَسٍ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ تِلْكَ اللَّيَالِي الثَّلَاثِ وَاسْتَأْجَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ رَجُلًا مِنْ بَنِي الدَّيْلِ وَهُوَ مِنْ بَنِي عَبْدِ بْنِ عَدِيٍّ هَادِيَا حَرِيَّتًا وَالْخَرِيْتُ الْمَاهِرُ بِالْهَدَايَةِ قَدْ غَمَسَ حِلْفًا فِي آلِ الْعَاصِ بْنِ وَائِلٍ السَّهْمِيِّ وَهُوَ عَلَى دِينِ كُفَّارِ قُرَيْشٍ فَأَمِنَاهُ فَدَفَعَا إِلَيْهِ رَاحِلَتَيْهِمَا وَوَاعَدَاهُ غَارَ ثَوْرٍ بَعْدَ ثَلَاثِ لَيَالٍ بِرَاحِلَتَيْهِمَا صُبْحَ ثَلَاثٍ وَأَنْطَلَقَ مَعَهُمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ وَالِدَيْلُ فَأَخَذَ بِهِمْ طَرِيقَ السَّوَاكِحِ.

Terjemahan: Ibn Shihāb berkata, Ibn ‘Urwah pernah memberitahu kepada aku bahawa A'ishah isteri Rasulullah S.A.W pernah meriwayatkan hadith baginda berkaitan peristiwa Hijrah. Beliau berkata bahawa Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda kepada orang-orang Islam pada hari-hari sebelum hijrah dengan menyebut “Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat negeri hijrah itu, ia adalah sebuah kebun yang terletak di antara dua kawasan berbatu hitam.” Setelah itu berhijrahlah sesiapa yang mahu berhijrah ke Madinah. Kebanyakan orang-orang yang telah berhijrah ke bumi Habsyah kembali ke Madinah. Abu Bakar juga ingin berangkat ke Madinah. Rasulullah S.A.W bersabda kepadanya, “Engkau tunggu dahulu kerana aku berharap sampai masanya akan diizinkan kepadaku untuk berhijrah”. Abu Bakar lantas berkata, “Aku tebus kamu dengan ayahku dan ibuku (Abu Bakar sanggup mengantikan ibu dan bapanya kerana Rasulullah S.A.W).” Adakah engkau berharap demikian?.” Jawab Baginda S.A.W ‘ya’. Oleh yang demikian, Abu Bakar menanggungkan perjalanannya ke Madinah kerana ingin bersama-sama Nabi Muhammad S.A.W nanti. Beliau memberi makan kepada dua ekor unta kepunyaannya dengan daun Samur selama 4 bulan. Ibnu Shihāb berkata, Ibn ‘Urwah memberitahu bahawa ‘Āishah terus bercerita, berkaitan peristiwa hijrah Baginda S.A.W dan Abu Bakar. Pada suatu hari, ketika kami sedang duduk-duduk di rumah Abu Bakar pada waktu tengah hari, tiba-tiba ada orang berkata kepada Abu Bakar, “Itu Rasulullah S.A.W datang pada waktu yang tidak pernah beliau berbuat demikian sebelum ini. “Abu Bakar berkata “Demi Allah? aku tebuskan ibu dan bapakku kerana engkau. Pasti ada perkara penting yang mendorong beliau datang pada waktu begini.” ‘Āishah menceritakan, Rasulullah S.A.W pun sampai. Baginda meminta izin untuk masuk. Lalu diizinkan kepada Baginda S.A.W untuk masuk seraya berkata kepada Abu Bakar, "Keluarkanlah sesiapa yang ada dalam rumahmu.” Abu Bakar menjawab tiada orang lain, mereka adalah ahli keluargaku. Ku tebuskan engkau dengan Ayahku wahai Rasulullah!” Rasulullah S.A.W pun berkata “sesungguhnya aku telah diizinkan untuk keluar berhijrah.” Abu Bakar pun membalas kata-kata Baginda S.A.W “Kutebuskan engkau dengan ayahku. Wahai Rasulullah S.A.W, Adakah engkau mahukan saya bersama kamu?” Rasulullah S.A.W menjawab, ‘Ya.’ Abu Bakar berkata, “ Kalau begitu ambillah salah satu dari dua ekor unta saya ini, wahai Rasulullah! Kutebus engkau dengan ayahku.” Rasulullah S.A.W berkata, ‘Dengan dibeli’. Aishah berkata, Kami pun menyediakan keperluan-keperluan perjalanan untuk mereka berdua dengan segera dan kami masukkan makanan untuk mereka ke dalam satu bungkusan. Asma’ membelah dua tali pinggangnya lalu mengikat bungkusan itu dengannya (satu untuk bungkusan bekalan makanan dan yang satu lagi untuk minuman) kerana itulah beliau dikenali dengan perempuan yang mempunyai dua tali pinggang (*Zātu al-Nithaqain*). Kata Aishah, “Kemudian Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar pun meneruskan perjalanan hingga sampai ke sebuah gua di Jabal Thūr. Disitulah mereka bersembunyi (mengatur strategi) selama

tiga malam dengan ditemani oleh Abdullah, salah seorang anak Abu Bakar. Ketika itu beliau masih muda belia, sangat pintas dan cerdas. Dia keluar dari tempat itu sebelum fajar. Di waktu pagi beliau sudah berada di Mekah bersama Quraisy, seolah-olah dia juga bermalam di Mekah. (Peranan beliau sebagai pengintip atau *Mukhabbarat*). Setiap berita yang boleh membawa ancaman kepada Rasulullah S.A.W dan ayahnya akan diceritakan kepada mereka di malam hari. Amir bin Fuhayrah, hamba kepada Abu Bakar pula menternak kambing dan melepaskannya ke kawasan itu pada waktu Isyak, dengan itu Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar bermalam dalam keadaan kenyang kerana meminum susu-susu kambing itu. Bila tiba waktu dinihari, Amir Bin Fuhairah menghalau kambing-kambing itu (ke kawasan lain). Demikianlah dilakukannya pada setiap tiga malam itu (Rasulullah dan Abu Bakar ketika di Gua Thūr). Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar telah mengupah seorang lelaki (Abdullah Bin Urayqit) dari Banī Dil sebagai pemandu jalan mereka. Dia merupakan sekutu keluarga 'As bin Wail al-Sahmi dan pada ketika itu, beliau masih beragama orang-orang Quraisy. Walaubagaimanapun beliau dipercayai oleh mereka dan mereka menyerahkan dua ekor unta kepadanya dengan perjanjian dia akan datang ke Gua Thsur. Pada pagi hari ketiga selepas itu, Amir bin Fuhayrah dan pemandu tadi berangkat bersama Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar. Mereka dibawa mengikut jalan tepian pantai⁶.

4. *Bab Ma jāa fī Du'āi al-Nabī S.A.W Ummatah ila Tawhid Allah.*

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ

Terjemahan: Daripada Ibn 'Abbas r.a sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W telah mengutuskan Muaz bin Jabal sebagai gabenor ke Yaman⁷.

5. *Bab Qawl Imām li aṣḥābih izhabu bina Nusliḥ*

⁶ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābih ilā al-Madīnah, no. hadith 3905. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 317.

⁷ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Tawhid, Bab Ma jāa fī Du'āi al-Nabī S.A.W Ummatah ila Tawhid Allah, no. hadith 7371. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 614.

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ أَهْلَ قُبَاءٍ اقْتَتَلُوا حَتَّى تَرَامَوْا بِالْحِجَارَةِ فَأُخْبِرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِذَلِكَ فَقَالَ اذْهَبُوا بِنَا نُصْلِحْ بَيْنَهُمْ

Terjemahan: Daripada Sahl bin Sa'ad bahawa sesungguhnya penduduk Quba' berkelahi di antara mereka sehinggakan ada yang melontar-lontar batu, kemudian dikhabarkan kepada Rasulullah S.A.W tentang keadaan mereka, maka Nabi Muhammad S.A.W pun bersabda, pergilah kepada mereka dan leraikanlah pergaduhan mereka.⁸

6. Bab Al-Ḥirathah fī al-Qazw fī Sabil Allah

عن عائشة رضي الله عنها تقول كان النبي صلى الله عليه وسلم سهر فلما قدم المدينة قال لئت رجلاً من أصحابي صالحاً يخرسني الليلة إذ سمعنا صوت سلاح فقال من هذا فقال أنا سعد بن أبي وقاص جئت لأخرسك وتام النبي صلى الله عليه وسلم

Terjemahan: Daripada Aisyah r.a, beliau berkata bahawa Nabi Muhammad S.A.W terjaga di suatu malam hari setelah beliau sampai ke Madinah, lalu Baginda Bersabda: “Mudah-mudahan ada seorang lelaki yang soleh di antara Sahabat-Sahabatku yang akan mengawalku pada malam ini.” Tiba-tiba kami terdengar bunyi senjata. Lalu Baginda bertanya siapakah itu?. Maka dijawab “Aku Saad bin Abi Waqas!, aku datang untuk mengawal kamu ya Rasulullah. Nabipun pada malam itu terus melelapkan matanya (tidur)⁹.

7. Bab Qawl al-Nabi “Bu’tht bi Jawami’ al-Kalim”

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنَ الْأَنْبِيَاءِ نَبِيٍّ إِلَّا أُعْطِيَ مِنَ الْآيَاتِ مَا مِثْلُهُ أَوْ مِنْ أَوْ آمَنَ عَلَيْهِ الْبَشَرُ وَإِنَّمَا كَانَ الَّذِي أُوتِيَتْ وَحْيًا أَوْ حَاهُ اللَّهُ إِلَيَّ فَأَرْجُو أَنِّي أَكْثَرُهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ

⁸Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Sulh, Bab Qawl Imām li aṣḥābih izhabu bina Nusliḥ, no. hadith 2693. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 214.

⁹Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Al-Ḥirathah fī al-Qazw fī Sabil Allah, no. hadith 2885. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 232.

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda: “Tidak ada seorang pun daripada Nabi-nabi kecuali diberikan kepada mereka beberapa mukjizat dengannya, dipercayai ke atasnya atau mempercayai ke atasnya oleh manusia dan sesungguhnya aku telah diberikan wahyu yang diwahyukan kepadaku oleh Allah sendiri maka aku berharap moga-moga pengikutku lah yang paling banyak di hari akhirat nanti.”¹⁰

Penghuraian Hadith

Hadith yang dipaparkan di atas, menjelaskan tentang sebaik-baik umat manusia seperti yang disebut oleh Baginda S.A.W. Ianya, menunjukkan suatu kepercayaan yang diberikan oleh Baginda S.A.W kepada para Sahabatnya dalam semua perkara tanpa ada batas sempadannya. Kepercayaan yang diberikan adalah selari dengan kehendak Agama. Ibn Hajar menyatakan bahawa kurun yang disebut oleh Nabi Muhammad S.A.W adalah merujuk kepada Sahabatnya.¹¹ Al-Nawāwī pula menyebut bahawa yang dimaksudkan dengan kurun itu merujuk kepada kurun yang Nabi Muhammad S.A.W berada padanya dan Sahabatlah orang yang berada bersama Nabi Muhammad S.A.W, diikuti Tabiin dan seterusnya *Atbā' al-Tābi'in*.¹²

Ibn 'Abbās menyatakan bahawa makna sebaik-baik kurunku adalah merujuk kepada lafaz yang umum akan tetapi makna yang khusus iaitu merujuk kepada para Sahabat Baginda S.A.W. Mereka adalah orang yang berhijrah dari Makkah ke Madinah, bersama-sama menyertai perang Badar, orang yang memeterai Perjanjian *Hudaybiyyah* dan lain-lain. Ini

¹⁰Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-'Itisam bi al-Kitab wa al-Sunnah, Bab Qawl al-Nabi “Bu'tht bi Jawami' al-Kalim”, no. hadith 7273. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 606.

¹¹Al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 5-6.

¹²Abu Zakariyya Yahya Bin Sharif Bin Muriy al-Nawawi, *al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1994), 16: 318-319.

menunjukkan kepercayaan Nabi Muhammad S.A.W adalah tinggi sehingga meletakkan mereka di tempat yang tidak mampu diteladani oleh orang lain dalam hal berkaitan hubungan sosial. Baginda sendiri memberi peringatan agar tidak ada orang yang menghina dan mencerca mereka. Sabda Nabi Muhammad S.A.W yang berbunyi:

لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي فَلَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ أَنْفَقَ مِثْلَ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا بَلَغَ مُدًّا أَحَدِهِمْ وَلَا نَصِيفَهُ

Terjemahan: Jangan kamu mencela Sahabat-Sahabatku, Jika sekiranya salah seorang daripada kamu menginfakkan emas sebesar gunung Uhud pun masih belum menyamai satu *mud* (cupak) infak salah seorang dari mereka dan tidak pula setengahnya (*mud*)¹³.

Tidak cukup pujian dan sanjungan yang disebut dalam hadith Baginda S.A.W. Ianya juga turut disebut di dalam al-Qur'an tentang kelebihan mereka. Firman Allah Ta'ālā:

لَا يَسْتَوِي مِنْكُمْ مَنْ أَنْفَقَ مِنْ قَبْلِ الْفَتْحِ وَقَاتَلَ أُولَئِكَ أَعْظَمُ دَرَجَةً مِنَ الَّذِينَ أَنْفَقُوا
مِنْ بَعْدُ وَقَاتَلُوا وَكُلًّا وَعَدَ اللَّهُ الْحُسْنَى وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Al-Ḥadīd 57:10

Terjemahan: Tidaklah sama di antara kamu, orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sebelum kemenangan (Nabi menguasai Makkah). Mereka itu lebih besar darjatnya daripada orang-orang yang membelanjakan hartanya serta turut berperang sesudah itu. Dan tiap-tiap satu puak dari keduanya, Allah janjikan (balasan) yang sebaik-baiknya. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu kerjakan.

Seterusnya, satu bentuk kepercayaan secara praktikal yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W terhadap Abu Bakar, 'Umar dan Uthman. Disebut dalam *Sunan*

¹³Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Fadail Ashab al-Nabi, Bab Qawl al-Nabī S.A.W law Kunt Mutkhizan Khalīlan, no. hadith 3673. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh : Dar Salam, 2000), 299.

Tarmidhi daripada riwayat Ibn Umar bahawa kami berkata tentang sebaik-baik manusia selepas baginda adalah Abu Bakar, kemudian Umar dan diikuti oleh Saidina Uthman, sedangkan pada waktu itu Baginda masih hidup. Baginda S.A.W mengakuinya sahaja tanpa membantah.¹⁴ Al-Ṭabranī juga meriwayatkan hadith yang sama dengan al-Tirmidhī, bahawa Rasulullah S.A.W mendengar perkara demikian tanpa mengingkarinya (akur yang demikian).¹⁵ Ini memperkukuhkan lagi bahawa seseorang yang dipercayai itulah yang perlu dilantik dan diberikan amanah untuk menerajui sesebuah organisasi, pertubuhan, persatuan dan lain-lainnya. Justeru, keterangan daripada paparan hadith juga, menjelaskan bahawa elemen utama dalam kerja berpasukan wujud di kalangan mereka yang bersama Nabi Muhammad S.A.W terutamanya ketika hijrah. Di sana jelas menggambarkan elemen kepercayaan merupakan pembuka jalan kepada kerja berpasukan. Ini kerana dengan kepercayaan yang tinggi di antara pimpinan dan orang yang berada di bawahnya, memperhebatkan lagi keberkesanan gerak kerja dan perancangan yang diatur oleh mereka. Nabi Muhammad S.A.W memerintahkan Abu Bakar mengeluarkan sesiapa sahaja yang berada di dalam rumahnya bagi memastikan perancangan mereka tidak dihidu oleh musuh. Oleh kerana kepercayaan dan jaminan yang sama diberikan oleh Abu Bakar, maka tidaklah seseorangpun pada ketika itu diperintah keluar dan wujudnya sikap saling mempercayai di antara satu dengan yang lain.

Selain itu, bagaimana sikap dan juga keikhlasan yang ditunjukkan oleh para Sahabat dalam melakukan gerak kerja, diyakini dapat melahirkan tahap pekerja yang berkualiti tinggi. Mereka tidak hanya bergantung kepada habuan dan kesenangan semata-mata, malah

¹⁴Muḥammad bin 'Isā al-Tirmidhī, *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan Tirmidhī* (Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, t.t.), 10:138.

¹⁵Badr al-Dīn al-'Aynī al-Ḥanafī, *'Umdah al-Qārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah, 2006), 24:248.

meyakini terdapat habuan yang lebih besar di akhirat nanti. Paparan hadith juga, dapat diperhatikan bagaimana kesanggupan seseorang pekerja mengorbankan segala-galanya bagi memastikan perancangan yang dirancang berjaya mencapai matlamat yang dituju. Kesanggupan ini, ditunjukkan melalui pengorbanan yang tinggi sehingga melibatkan orang yang tersayang iaitu ayah dan ibu sebagai penebus untuk melaksanakan tugas yang bakal diberikan. Seorang ketua yang bijak sudah tentu dapat memahami setiap gerak kerja yang hendak dilakukan oleh orang bawahan. Seorang ketua yang baik sudah tentu mempunyai perancangan yang rapi dan dalam masa yang sama, tidak lokek untuk berkongsi maklumat dengan orang bawahannya. Nabi Muhammad S.A.W juga, meletakkan kepercayaan kepada Sahabatnya apabila hendak melakukan sesuatu kerja. Justeru, sesuatu amanah yang hendak diberikan terlebih dahulu mestilah mendapat kepercayaan daripada seseorang yang hendak diberikan amanah tersebut. Inilah hubungan Nabi Muhammad S.A.W dengan para Sahabatnya. Seorang ketua memberikan sepenuh kepercayaan kepada pekerjaanya apabila yakin dan percaya bahawa kerja tersebut mampu dibuktikan oleh pekerja yang diamanahkan itu. Bukan sekadar itu sahaja, kepercayaan yang diberikan oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada Sahabatnya juga melibatkan hal yang berkaitan dengan hubungan sosial.

Sebagai seorang ketua, Baginda berbaik sangka dan menaruh kepercayaan yang tinggi kepada orang bawahannya dan dalam masa yang sama kerja secara '*Amal Jamā'ī*' berjaya diterapkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Selanjutnya, paparan hadith yang dikemukakan di atas menunjukkan para Sahabat sanggup mencurahkan segala tenaga demi mencari keredaan Allah serta mempereratkan hubungan sosial di antara mereka. Selain itu, wujudnya satu sikap yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W, di mana Baginda

memberi kepercayaan kepada semua orang sama ada di zaman Baginda S.A.W mahupun selepas Baginda. Nabi Muhammad S.A.W secara tidak langsung mendedahkan satu perkongsian spiritual dengan mereka yang mengikuti sunnahnya. Seorang ketua yang baik mampu memberikan kepercayaan yang sepenuhnya kepada orang bawahan bukan hanya melalui arahan, malah dengan menggunakan gaya komunikasi dan bahasa yang menyenangkan hati orang bawahannya.

2.4.1.2 Hadith Perkongsian

Hadith yang dipaparkan ini menggambarkan hadith yang berkaitan elemen perkongsian. Ianya dimulakan dengan matan hadith berkaitan perkongsian dan diikuti dengan penghuraian hadith bagi menjelaskan perkaitannya dengan elemen perkongsian. Terdapat sebanyak 7 hadith yang menceritakan tentang elemen perkongsian dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

1. Bab Haml al-Zad fi al-Ghazw

عَنْ أَسْمَاءَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ صَنَعْتُ سَفْرَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ حِينَ أَرَادَ أَنْ يُهَاجَرَ إِلَى الْمَدِينَةِ قَالَتْ فَلَمْ نَجِدْ لِسُفْرَتِهِ وَلَا لِسِقَائِهِ مَا نَرْبِطُهُمَا بِهِ فَقُلْتُ لِأَبِي بَكْرٍ وَاللَّهِ مَا أَجِدُ شَيْئًا أَرْبِطُ بِهِ إِلَّا نِطَاقِي قَالَ فَشُقِّيهِ بَانَتَيْنِ فَارْبِطِيهِ بِوَاحِدِ السَّقَاءِ وَبِالْآخِرِ السَّفْرَةَ فَفَعَلْتُ فَلِذَلِكَ سُمِّيَتْ ذَاتَ النَّطَاقَيْنِ

Terjemahan: Daripada Asmā', beliau berkata, "aku telah menyediakan bekalan makanan kepada Rasulullah S.A.W di rumah Abu Bakar ketika mana mereka hendak keluar berhijrah ke Madinah, Asma' menambah bahawa, kami tidak dapati sesuatupun yang boleh mengikat bekalan makanan dan bekalan minuman untuk mereka berdua, lalu aku pun berkata kepada Abu Bakar, demi Allah tidak ada bagiku sesuatu untuk mengikat bekalan itu, melainkan sehelai kain yang mengikat pinggangku sahaja, lalu Abu Bakar berkata kepada Asma' carikkan

kain itu kepada dua bahagian, sehelai untuk diikatkan pada bekalan makanan dan yang satu lagi pada bekalan minuman. Aku pun melakukan apa yang diperintah olehnya, semenjak itu, aku dikenali sebagai pemilik dua kain ikatan pinggang¹⁶.

2. Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābih ilā al-Madīnah

قَالَ ابْنُ شِهَابٍ فَأَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْمُسْلِمِينَ إِنِّي أُرِيتُ دَارَ هِجْرَتِكُمْ ذَاتَ نَخْلٍ بَيْنَ لَابَتَيْنِ وَهُمَا الْحَرَّتَانِ فَهَاجَرَ مَنْ هَاجَرَ قَبْلَ الْمَدِينَةِ وَرَجَعَ عَامَّةٌ مَنْ كَانَ هَاجَرَ بِأَرْضِ الْحَبَشَةِ إِلَى الْمَدِينَةِ وَتَجَهَّزَ أَبُو بَكْرٍ قَبْلَ الْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رِسْلِكَ فَإِنِّي أَرْجُو أَنْ يُؤْذَنَ لِي فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَهَلْ تَرْجُو ذَلِكَ بِأَبِي أَنْتَ قَالَ نَعَمْ فَحَبَسَ أَبُو بَكْرٍ نَفْسَهُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَصْحَبَهُ وَعَلَفَ رَاِحِلَتَيْنِ كَانَتَا عِنْدَهُ وَرَقَ السَّمُرِ وَهُوَ الْخَبَطُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ قَالَ عُرْوَةُ قَالَتْ عَائِشَةُ فَبَيْنَمَا نَحْنُ يَوْمًا جُلُوسٌ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ فِي نَحْرِ الظَّهِيرَةِ قَالَ قَائِلٌ لِأَبِي بَكْرٍ هَذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَقَنَّعًا فِي سَاعَةٍ لَمْ يَكُنْ يَأْتِينَا فِيهَا فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ فِدَاءُ لَهُ أَبِي وَأُمِّي وَاللَّهِ مَا جَاءَ بِهِ فِي هَذِهِ السَّاعَةِ إِلَّا أَمْرٌ قَالَتْ فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَ فَأُذِنَ لَهُ فَدَخَلَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي بَكْرٍ أَخْرِجْ مَنْ عِنْدَكَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّمَا هُمْ أَهْلُكَ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَإِنِّي قَدْ أُذِنَ لِي فِي الْخُرُوجِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ الصَّحَابَةُ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ أَبُو بَكْرٍ فَخَذْتُ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِحْدَى رَاِحِلَتِي هَاتَيْنِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالثَّمَنِ قَالَتْ عَائِشَةُ فَجَهَّزْنَاهُمَا أَحْتَّ الْجِهَازِ وَصَنَعْنَا لَهُمَا سُفْرَةً فِي جِرَابٍ فَقَطَعَتْ أَسْمَاءُ بِنْتُ أَبِي بَكْرٍ قِطْعَةً مِنْ نِطَاقِهَا فَرَبَطَتْ بِهِ عَلَى فَمِ الْجِرَابِ فَبِذَلِكَ سُمِّيَتْ ذَاتُ النِّطَاقَيْنِ قَالَتْ ثُمَّ لَحِقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ بَغَارٍ فِي جَبَلٍ ثَوْرٍ فَكَمْنَا فِيهِ ثَلَاثَ لَيَالٍ يَبِيتُ عِنْدَهُمَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ

¹⁶Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Haml al-Zad fi al-Ghazw, no. hadith 2979. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh : Dar Salam, 2000), 239.

أَبِي بَكْرٍ وَهُوَ غُلَامٌ شَابٌّ ثَقِفٌ لَقِنٌ فَيُدْلِجُ مِنْ عِنْدِهِمَا بِسَحَرٍ فَيُصْبِحُ مَعَ قُرَيْشٍ بِمَكَّةَ كَبَائِتٍ فَلَا يَسْمَعُ أَمْرًا يُكْتَادَانِ بِهِ إِلَّا وَعَاهُ حَتَّى يَأْتِيَهُمَا بِخَبَرِ ذَلِكَ حِينَ يَخْتَلِطُ الظَّلَامُ وَيَرْعَى عَلَيْهِمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ مَوْلَى أَبِي بَكْرٍ مَنَحَهُ مِنْ غَنَمٍ فَيُرِيحُهَا عَلَيْهِمَا حِينَ تَذْهَبُ سَاعَةٌ مِنَ الْعِشَاءِ فَيَسْتَانِ فِي رَسُولٍ وَهُوَ لَبَنٌ مَنَحَتْهُمَا وَرَضِيَتْهُمَا حَتَّى يَنْعَقَ بِهَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ بَعْلَسٍ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ تِلْكَ اللَّيَالِي الثَّلَاثِ وَاسْتَأْجَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ رَجُلًا مِنْ بَنِي الدَّيْلِ وَهُوَ مِنْ بَنِي عَبْدِ بْنِ عَدِيِّ هَادِيَا حَرِيَّتًا وَالْخَرِيْتُ الْمَاهِرُ بِالْهَدَايَةِ قَدْ غَمَسَ حِلْفًا فِي آلِ الْعَاصِ بْنِ وَائِلِ السَّهْمِيِّ وَهُوَ عَلَى دِينِ كُفَّارِ قُرَيْشٍ فَأَمِنَاهُ فَدَفَعَا إِلَيْهِ رَاِحِلَتَيْهِمَا وَوَاعَدَاهُ غَارَ ثَوْرٍ بَعْدَ ثَلَاثِ لَيَالٍ بِرَاِحِلَتَيْهِمَا صَبَحَ ثَلَاثٍ وَانْطَلَقَ مَعَهُمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ وَالِدَيْلٍ فَأَخَذَ بِهِمْ طَرِيقَ السَّوَاحِلِ.

Terjemahan: Ibn Shihāb berkata, Ibn ‘Urwah pernah memberitahu kepada aku bahawa A’ishah isteri Rasulullah S.A.W pernah meriwayatkan hadith baginda berkaitan peristiwa Hijrah. Beliau berkata bahawa Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda kepada orang-orang Islam pada hari-hari sebelum hijrah dengan menyebut “Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat negeri hijrah itu, ia adalah sebuah kebun yang terletak di antara dua kawasan berbatu hitam.” Setelah itu berhijrahlah sesiapa yang mahu berhijrah ke Madinah. Kebanyakan orang-orang yang telah berhijrah ke bumi Habsyah kembali ke Madinah. Abu Bakar juga ingin berangkat ke Madinah. Rasulullah S.A.W bersabda kepadanya, “Engkau tunggu dahulu kerana aku berharap sampai masanya akan diizinkan kepadaku untuk berhijrah”. Abu Bakar lantas berkata, “Aku tebus kamu dengan ayahku dan ibuku (Abu Bakar sanggup mengantikan ibu dan bapanya kerana Rasulullah S.A.W).” Adakah engkau berharap demikian?.” Jawab Baginda S.A.W ‘ya’. Oleh yang demikian, Abu Bakar menanggungkan perjalanannya ke Madinah kerana ingin bersama-sama Nabi Muhammad S.A.W nanti. Beliau memberi makan kepada dua ekor unta kepunyaannya dengan daun Samur selama 4 bulan. Ibnu Shihāb berkata, Ibn ‘Urwah memberitahu bahawa ‘Āishah terus bercerita, berkaitan peristiwa hijrah Baginda S.A.W dan Abu Bakar. Pada suatu hari, ketika kami sedang duduk-duduk di rumah Abu Bakar pada waktu tengah hari, tiba-tiba ada orang berkata kepada Abu Bakar, “Itu Rasulullah S.A.W datang pada waktu yang tidak pernah beliau berbuat demikian sebelum ini. “Abu Bakar berkata “Demi Allah? aku tebuskan ibu dan bapaku kerana engkau. Pasti ada perkara penting yang mendorong beliau datang pada waktu begini.” ‘Āishah menceritakan, Rasulullah S.A.W pun sampai. Baginda meminta izin untuk masuk. Lalu diizinkan kepada Baginda S.A.W untuk masuk seraya berkata kepada Abu Bakar, "Keluarkanlah sesiapa yang ada dalam rumahmu.”

Abu Bakar menjawab tiada orang lain, mereka adalah ahli keluargaku. Ku tebuskan engkau dengan Ayahku wahai Rasulullah!” Rasulullah S.A.W pun berkata “sesungguhnya aku telah diizinkan untuk keluar berhijrah.” Abu Bakar pun membalas kata-kata Baginda S.A.W “Kutebuskan engkau dengan ayahku. Wahai Rasulullah S.A.W, Adakah engkau mahukan saya bersama kamu?” Rasulullah S.A.W menjawab, ‘Ya.’ Abu Bakar berkata, “ Kalau begitu ambillah salah satu dari dua ekor unta saya ini, wahai Rasulullah! Kutebus engkau dengan ayahku.” Rasulullah S.A.W berkata, ‘Dengan dibeli’. Aishah berkata, Kami pun menyediakan keperluan-keperluan perjalanan untuk mereka berdua dengan segera dan kami masukkan makanan untuk mereka ke dalam satu bungkusan. Asma’ membelah dua tali pinggangnya lalu mengikat bungkusan itu dengannya (satu untuk bungkusan bekalan makanan dan yang satu lagi untuk minuman) kerana itulah beliau dikenali dengan perempuan yang mempunyai dua tali pinggang (*Zātu al-Nithaqain*). Kata Aishah, “Kemudian Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar pun meneruskan perjalanan hingga sampai ke sebuah gua di Jabal Thūr. Disitulah mereka bersembunyi (mengatur strategi) selama tiga malam dengan ditemani oleh Abdullah, salah seorang anak Abu Bakar. Ketika itu beliau masih muda belia, sangat pintas dan cerdas. Dia keluar dari tempat itu sebelum fajar. Di waktu pagi beliau sudah berada di Mekah bersama Quraisy, seolah-olah dia juga bermalam di Mekah. (Peranan beliau sebagai pengintip atau *Mukhabbarat*). Setiap berita yang boleh membawa ancaman kepada Rasulullah S.A.W dan ayahnya akan diceritakan kepada mereka di malam hari. Amir bin Fuhayrah, hamba kepada Abu Bakar pula menternak kambing dan melepaskannya ke kawasan itu pada waktu Isyak, dengan itu Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar bermalam dalam keadaan kenyang kerana meminum susu-susu kambing itu. Bila tiba waktu dinihari, Amir Bin Fuhairah menghalau kambing-kambing itu (ke kawasan lain). Demikianlah dilakukannya pada setiap tiga malam itu (Rasulullah dan Abu Bakar ketika di Gua Thūr). Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar telah mengupah seorang lelaki (Abdullah Bin Urayqit) dari Banī Dil sebagai pemandu jalan mereka. Dia merupakan sekutu keluarga ‘As bin Wail al-Sahmi dan pada ketika itu, beliau masih beragama orang-orang Quraisy. Walaubagaimanapun beliau dipercayai oleh mereka dan mereka menyerahkan dua ekor unta kepadanya dengan perjanjian dia akan datang ke Gua Thsur. Pada pagi hari ketiga selepas itu, Amir bin Fuhayrah dan pemandu tadi berangkat bersama Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar. Mereka dibawa mengikut jalan tepian pantai¹⁷.

¹⁷ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābīh ilā al-Madīnah, no. hadith 3905. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawṣu‘at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 317.

3. Bab Qawl al-Nabī S.A.W law Istiqbalt min Amrī

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ حَدَّثَنِي عُرْوَةُ أَنَّ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ اسْتَقْبَلْتُ مِنْ أَمْرِي مَا اسْتَدْبَرْتُ مَا سَقَتُ الْهَدْيَ وَلَحَلَلْتُ مَعَ النَّاسِ حِينَ حَلُّوا

Terjemahan: Daripada Ibn Shihāb bahawa 'Urwah menceritakan kepada aku bahawa sesungguhnya Aisyah telah berkata, Rasulullah S.A.W telah bersabda, sekiranya aku tahu sebelum ihramku, apa yang aku tahu sesudahnya, maka aku tidak akan membawa binatang korban dan aku akan bertahlul bersama kalian.¹⁸

4. Bab Awqaf Ashab al-Nabī S.A.W wa Ard al-Kharaj wa Muzara'atihim wa Mu'amalatihim

عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ قَالَ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ لَوْلَا آخِرُ الْمُسْلِمِينَ مَا فَتَحْتُ قَرْيَةً إِلَّا قَسَمْتُهَا بَيْنَ أَهْلِهَا كَمَا قَسَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْبَرَ

Terjemahan: Daripada Zaid bin Aslam, beliau mengambil riwayat daripada bapanya. Bapanya telah berkata, Umar pernah berkata, “Jika tidak ada orang Islam terakhir, tidaklah aku akan membuka penempatan melainkan akanku agih-agihkan kepada penghuni-penghuninya sepertimana Nabi mengagih-agihkannya kepada penduduk Khaibar.”¹⁹

5. Bab Ahya Ard Mawat

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَعْمَرَ أَرْضًا لَيْسَتْ لِأَحَدٍ فَهُوَ أَحَقُّ

¹⁸Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Tamanniy, Bab Qawl al-Nabī S.A.W law Istiqbalt min Amrī ma Itadabt , no. hadith 7229. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 603.

¹⁹Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Harth wa al-Muzara’ah, Bab Awqaf Ashab al-Nabī S.A.W wa Ard al-Kharaj wa Muzara’atihim wa Mu’amalatihim, no. hadith 2334. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 183.

Terjemahan: Daripada Aisyah, Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda: “Barang sesiapa yang menghidupkan satu tanah (yang terbiar) yang tidak bertuan, maka ia menjadi hak miliknya.”²⁰

6. Bab Man Busita lah fi al-Rizq li şilat al-Raḥīm

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُسَيِّطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

Terjemahan: Daripada Ibn Syihab, bahawa Anas bin Malik telah memberitahu kepadaku sesungguhnya Rasulullah S.A.W telah bersabda barang siapa yang hendak meluaskan rezekinya dan menggandakannya supaya berkat (melimpah ruah pada rezekinya) hendaklah ia menghubungkan silatulrahim.²¹

7. Bab Man Busita lah fi al-Rizq li şilat al-Raḥīm

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُسَيِّطَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

Terjemahan: Daripada Ibn Syihab, bahawa Anas bin Malik telah memberitahu kepadaku sesungguhnya Rasulullah S.A.W telah bersabda barang siapa yang hendak meluaskan rezekinya dan menggandakannya supaya berkat (melimpah ruah pada rezekinya) hendaklah ia menghubungkan silatulrahim.²²

Penghuraian Hadith

Paparan hadith di atas menggambarkan bahawa wujudnya konsep perkongsian bagi menyempurnakan matlamat gerak kerja yang dirancang oleh Baginda S.A.W. Seseorang pekerja yang baik akan sentiasa peka dengan kehendak majikannya. Di sini dapat

²⁰Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Harth wa al-Muzara’ah, Bab Aḥya Ard Mawat, no. hadith 7335. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 183.

²¹Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Adab, Bab Man Busita lah fi al-Rizq li şilat al-Raḥīm, no. hadith 5985. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 507.

²²Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Adab, Bab Man Busita lah fi al-Rizq li şilat al-Raḥīm, no. hadith 5985. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd ‘Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 507.

dibuktikan dengan persiapan dan persediaan yang telah pun dibuat oleh para pekerja dalam melaksanakan tugas. Ia juga, menggambarkan kefahaman seseorang terhadap tugas dan tanggungjawabnya serta bersiap sedia terhadap apa yang perlu dilakukan. Justeru, kerjasama yang terjalin antara orang bawahan dan atasan dalam melaksanakan tugas menggambarkan '*Amal Jamā'ī*' yang dilakukan adalah dengan penuh teliti dan teratur. Al-Būṭī menyatakan bahawa kekuatan rohani yang terpahat di dalam aqidah yang sihat dan agama yang benar itu sebagai pengawal kepada kekuatan *material* mereka. Kekuatan *material* mereka seiring dengan kekuatan *spiritual* yang menjadi pasak dalam kehidupan. Keutamaan aqidah dan kesucian agama dikongsi dan dipertaruhkan lebih dari yang lain, demi memastikan agama Islam ditegakkan dalam kehidupan²³. Selain itu, terdapat juga perkongsian kerja terhadap matlamat yang ingin dicapai, di mana orang bawahan dan atasan sering bekerjasama dalam mengurus sesuatu kerja tidak kira sama ada kerja tersebut adalah kecil ataupun sebaliknya. Dalam masa yang sama, komitmen sentiasa dicurahkan seiring dengan kepercayaan dan perkongsian yang diberikan oleh orang atasan. Selain itu, paparan hadith turut menjelaskan bahawa perkongsian yang dilakukan oleh Nabi S.A.W dan para Sahabat menggambarkan jalinan '*Amal Jamā'ī*' yang hebat di kalangan mereka demi mencapai matlamat yang ingin dituju.

Seterusnya, apa yang dapat dilihat daripada riwayat yang dipaparkan ialah, bagaimana perkongsian yang berlaku menunjukkan satu permuafakatan yang dipimpin dalam diri para Sahabat ketika melaksanakan tugas serta amanah yang diberikan. Ia juga adalah motivasi terhadap mereka yang bersegera melakukan ketaatan kepada perintah Allah dan Rasulnya. Jika dilihat pada hadith yang diriwayatkan oleh Aishah di atas, menunjukkan Nabi

²³Muḥammad Sa'īd Ramadhān al-Buṭī, *Fiqh al-Sīrah*, terj. Mohd Darus Sanawi Ali (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2000), 1:258-259.

Muhammad S.A.W berkongsi masalah dengan para Sahabat dalam melaksanakan satu-satu tuntutan dalam kehidupan ini. Sebagai seorang ketua, Baginda menjelaskan secara tepat dan padat perkara yang hendak dilakukan oleh para Sahabatnya atau umatnya. Justeru, seorang ketua akan melaksanakan sesuatu dengan teliti agar dapat diikuti oleh orang bawahannya dengan baik. Oleh yang demikian, kerja yang dilaksanakan dapat dikongsi dan dihayati dengan baik. Paparan yang seterusnya, menunjukkan para Sahabat mampu mengikuti jejak langkah Nabi Muhammad S.A.W dalam melaksanakan kerja dan saling berkongsi kelebihan yang diberikan sama ada ketika senang mahupun susah. Perkongsian di antara mereka berlaku ketika melaksanakan tuntutan agama dalam kehidupan mereka. Justeru, perkongsian yang dilakukan tidak terkeluar daripada petunjuk sunnah sebagai garis panduan kepada mereka. Selanjutnya, hadith yang dipaparkan menunjukkan bahawa Nabi Muhammad S.A.W memberikan dorongan kepada para Sahabat agar rajin bekerja. Perkongsian maklumat dan kelebihan material juga mampu dimiliki oleh mana-mana individu yang rajin bekerja. Seorang ketua akan sentiasa peka dengan suasana dan keadaan semasa agar orang bawahan mendapat bimbingan yang sewajarnya dalam melakukan setiap pekerjaan.

Perkongsian pengetahuan penting, agar setiap perkara yang dilakukan boleh mendatangkan faedah yang baik dan dinikmati bersama. Nabi Muhammad S.A.W berkongsi maklumat dengan para Sahabat agar sentiasa berkongsi kesenangan yang berbentuk material dan dalam masa yang sama yakin dengan balasan baik yang berbentuk spiritual. Baginda juga, memberi galakkan agar para Sahabat sentiasa mengeratkan hubungan tali persaudaraan di kalangan mereka. Inilah simbol keimanan yang mantap dan kerjasama yang cuba diketengahkan oleh Nabi S.A.W kepada para Sahabat agar mereka sentiasa menghayati dan

mempraktikkannya. Hadith di atas juga, menggambarkan kedudukan orang yang tidak mahu berkongsi kasih sayang, cinta mencintai dan hormat-menghormati dalam berhubungan sesama insan. Perbuatan yang sedemikian, menyebabkan mereka terhalang daripada memasuki syurga Allah. Nabi S.A.W memotivasikan para Sahabat agar berkongsi maklumat berkaitan sifat-sifat yang menjadi penghalang kepada seseorang daripada mendapat nikmat Allah. Ini kerana, sikap dan perangai yang tidak baik akan mendatangkan kemudaratan kepada diri seseorang dan membuahkan benih yang tidak baik, lantas suka memutuskan hubungan persaudaraan. Perkongsian ini juga bertujuan mengikat hati sesama insan agar melaksanakan kerja tidak hanya untuk kesenangan sementara bahkan untuk kesenangan yang kekal abadi di akhirat nanti.

2.4.1.3 Hadith Komitmen

Hadith yang dipaparkan ini menggambarkan hadith yang berkaitan elemen komitmen. Ianya dimulakan dengan matan hadith berkaitan komitmen dan diikuti dengan penghuraian hadith bagi menjelaskan perkaitannya dengan elemen komitmen. Terdapat sebanyak 5 hadith yang menceritakan tentang elemen kepercayaan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*,

1. *Bab al-Bay'ah fi al-Ḥarb anla Yafirru*

عَنْ نَافِعٍ قَالَ قَالَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا رَجَعْنَا مِنَ الْعَامِ الْمُقْبِلِ فَمَا اجْتَمَعَ مِنَّا
اثنانِ عَلَى الشَّجَرَةِ الَّتِي بَايَعْنَا تَحْتَهَا كَانَتْ رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ فَسَأَلْتُ نَافِعًا عَلَى أَيِّ
شَيْءٍ بَايَعَهُمْ عَلَى الْمَوْتِ قَالَ لَا بَلْ بَايَعَهُمْ عَلَى الصَّبْرِ

Terjemahan: Daripada Nāfi', beliau berkata, suatu hari Ibn Umar r.a telah bercerita tentang *bai'ah*, beliau berkata, “kami telah pulang dari mengerjakan haji dan berkumpul dua orang daripada kami di bawah

pohon yang mana berlakunya *bai'ah* dibawahnya dan ia merupakan rahmat dari Allah, aku telah bertanya kepada Nāfi' di atas apakah mereka ber*bai'ah* apakah tentang kematian? jawabnya tidak, tetapi mereka telah ber*bai'ah* di atas kesabaran²⁴.

2. Bab al- Taqannu'

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ هَاجَرَ نَاسٌ إِلَى الْحَبَشَةِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَتَجَهَّزَ أَبُو
بَكْرٍ مُهَاجِرًا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رِسْلِكَ فَإِنِّي أَرْجُو أَنْ يُؤْذَنَ لِي
فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ أَوْ تَرْجُوهُ بِأَبِي أَنْتَ

Terjemahan: Daripada Aisyah berkata ia: telah berhijrah orang-orang Islam ke Habshah dan bersedialah Abu Bakar untuk berhijrah bersama-sama mereka, kemudian bersabda Nabi Muhammad S.A.W untuk menjadikan Abu Bakar sebagai teman “Engkau tunggu dahulu kerana aku berharap sampai masanya akan diizinkan kepadaku untuk berhijrah.” Abu Bakar lantas berkata, “Aku tebus kamu dengan ayahku (Abu Bakar sanggup menggantikan bapanya kerana Rasulullah S.A.W)

²⁵”

3. Bab Hafr al-Khandaq

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَعَلَ الْمُهَاجِرُونَ وَالْأَنْصَارُ يَحْفَرُونَ الْخَنْدَقَ حَوْلَ
الْمَدِينَةِ وَيَنْقُلُونَ التُّرَابَ عَلَى مُتُونِهِمْ وَيَقُولُونَ نَحْنُ الَّذِينَ بَايَعُوا مُحَمَّدًا عَلَى الْإِسْلَامِ
مَا بَقِينَا أَبَدًا وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُجِيبُهُمْ وَيَقُولُ اللَّهُمَّ إِنَّهُ لَا خَيْرَ إِلَّا خَيْرُ
الْآخِرَةِ فَبَارِكْ فِي الْأَنْصَارِ وَالْمُهَاجِرَةِ

Terjemahan: Daripada Anas, dia telah berkata orang-orang Muhajirin dan Ansar membuat parit di sekeliling Madinah dan memindahkan tanah-tanah di atas bahu-bahu mereka lalu mereka berkata “kami adalah orang yang ber*bai'ah* dengan Nabi Muhammad S.A.W di atas

²⁴ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Jihad wa al-Sayr, Bab al-Bay'ah fi al-Harb anla Yafirru, no. Hadith 2958. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh : Dar Salam, 2000), 238.

²⁵ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Manaqib al-Ansar, Bab al- Taqannu', no. hadith 5807. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 495.

agama Islam, moga kami kekal di dalamnya selamanya.” Nabi Muhammad S.A.W menjawab kepada mereka dengan berdoa “Ya Allah, sesungguhnya tidak ada sebarang kebaikan melainkan kebaikan akhirat, maka berikanlah keberkatan kepada orang-orang Ansar dan Muhajirin”²⁶

4. Bab Maqdam al-Nabī S.A.W wa Aṣḥābih al-Madīnah

حَدَّثَنَا شُعْبَةُ قَالَ أَتَيْنَا أَبَا إِسْحَاقَ سَمِعَ الْبَرَاءَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَوَّلُ مَنْ قَدِمَ عَلَيْنَا مُصْعَبُ بْنُ عُمَيْرٍ وَابْنُ أُمِّ مَكْتُومٍ ثُمَّ قَدِمَ عَلَيْنَا عَمَّارُ بْنُ يَاسِرٍ وَبِلَالٌ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ

Terjemahan: Telah bercerita Syukbah kepada kami bahawa Abu Ishak telah mendengar cerita daripada al-Barra' yang berbunyi 'orang yang paling awal datang ke Madinah adalah Mus'ab bin 'Umayr dan Ibn Ummi Makhtum kemudian selepas itu datang pula Ammar bin Yasir dan seterusnya Bilal bin Rabah r.a.'²⁷

5. Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābih ilā al-Madīnah

قَالَ ابْنُ شِهَابٍ فَأَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْمُسْلِمِينَ إِنِّي أُرِيتُ دَارَ هِجْرَتِكُمْ ذَاتَ نَخْلٍ بَيْنَ لَابَتَيْنِ وَهُمَا الْحَرَّتَانِ فَهَاجَرَ مَنْ هَاجَرَ قَبْلَ الْمَدِينَةِ وَرَجَعَ عَامَّةٌ مَنْ كَانَ هَاجَرَ بِأَرْضِ الْحَبَشَةِ إِلَى الْمَدِينَةِ وَتَجَهَّزَ أَبُو بَكْرٍ قَبْلَ الْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رِسْلِكَ فَإِنِّي أَرْجُو أَنْ يُؤْذَنَ لِي فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَهَلْ تَرْجُو ذَلِكَ بِأَبِي أَنْتَ قَالَ نَعَمْ فَحَبَسَ أَبُو بَكْرٍ نَفْسَهُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَصْحَبَهُ وَعَلَفَ رَاحِلَتَيْنِ كَانَتَا عِنْدَهُ وَرَقَ السَّمُرِ وَهُوَ الْخَبْطُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ قَالَ عُرْوَةُ قَالَتْ عَائِشَةُ فَبَيْنَمَا نَحْنُ يَوْمًا جُلُوسٌ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ فِي نَحْرِ الظَّهْرِ قَالَ قَائِلٌ لِأَبِي بَكْرٍ هَذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

²⁶ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Wasaya, Bab Hafr al-Khandaq , no. hadith 3835. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 228.

²⁷ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Maqdam al-Nabī S.A.W wa Aṣḥābih al-Madīnah, no. hadith 3924. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 320.

مُتَقَنَّعًا فِي سَاعَةٍ لَمْ يَكُنْ يَأْتِينَا فِيهَا فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ فِدَاءٌ لَهُ أَبِي وَأُمِّي وَاللَّهِ مَا جَاءَ بِهِ فِي هَذِهِ السَّاعَةِ إِلَّا أَمْرٌ قَالَتْ فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَ فَأُذِنَ لَهُ فَدَخَلَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي بَكْرٍ أَخْرِجْ مَنْ عِنْدَكَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّمَا هُمْ أَهْلُكَ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَإِنِّي قَدْ أُذِنَ لِي فِي الْخُرُوجِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ الصَّحَابَةُ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ أَبُو بَكْرٍ فَخُذْ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِحْدَى رَاِحِلَتَيَّ هَاتَيْنِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالثَّمَنِ قَالَتْ عَائِشَةُ فَجَهَّزْنَاهُمَا أَحْتَّ الْجِهَارِ وَصَنَعْنَا لَهُمَا سَفْرَةَ فِي حِرَابٍ فَقَطَعَتْ أَسْمَاءُ بِنْتُ أَبِي بَكْرٍ قِطْعَةً مِنْ نِطَاقِهَا فَرَبَطَتْ بِهِ عَلَى فَمِ الْحِرَابِ فَبِذَلِكَ سُمِّيَتْ ذَاتُ النِّطَاقَيْنِ قَالَتْ ثُمَّ لَحِقَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ بَعَارٍ فِي جَبَلٍ ثَوْرٍ فَكَمْنَا فِيهِ ثَلَاثَ لَيَالٍ بَيْتُ عِنْدَهُمَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ وَهُوَ غُلَامٌ شَابٌّ ثَقِفُ لَقِنُ فَيُدْلِجُ مِنْ عِنْدِهِمَا بِسَحَرٍ فَيُصْبِحُ مَعَ قُرَيْشٍ بِمَكَّةَ كَبَابِتٍ فَلَا يَسْمَعُ أَمْرًا يُكْتَادَانِ بِهِ إِلَّا وَعَاهُ حَتَّى يَأْتِيَهُمَا بِخَبَرِ ذَلِكَ حِينَ يَخْتَلِطُ الظَّلَامُ وَيَرَعَى عَلَيْهِمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ مَوْلَى أَبِي بَكْرٍ مِنْحَةً مِنْ غَنَمٍ فَيُرِيحُهَا عَلَيْهِمَا حِينَ تَذْهَبُ سَاعَةٌ مِنَ الْعِشَاءِ فَيَبِيتَانِ فِي رِسْلٍ وَهُوَ لَبَنٌ مِنْحَتُهُمَا وَرَضِيفُهُمَا حَتَّى يَنْعَقَ بِهَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ بَعْلَسٍ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ تِلْكَ اللَّيَالِي الثَّلَاثِ وَاسْتَأْجَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ رَجُلًا مِنْ بَنِي الدَّيْلِ وَهُوَ مِنْ بَنِي عَبْدِ بْنِ عَدِيٍّ هَادِيَا خَرِيتَا وَالْخَرِيتُ الْمَاهِرُ بِالْهَدَايَةِ قَدْ غَمَسَ حِلْفًا فِي آلِ الْعَاصِ بْنِ وَائِلٍ السَّهْمِيِّ وَهُوَ عَلَى دِينِ كُفَّارِ قُرَيْشٍ فَأَمِنَاهُ فَدَفَعَا إِلَيْهِ رَاِحِلَتَيْهِمَا وَوَاعَدَاهُ غَارَ ثَوْرٍ بَعْدَ ثَلَاثِ لَيَالٍ بِرَاِحِلَتَيْهِمَا صُبْحَ ثَلَاثٍ وَأَنْطَلَقَ مَعَهُمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ وَالِدَّيْلُ فَأَخَذَ بِهِمْ طَرِيقَ السَّوَا حِلٍ.

Terjemahan: Ibn Shihāb berkata, Ibn ‘Urwah pernah memberitahu kepada aku bahawa A'ishah isteri Rasulullah S.A.W pernah meriwayatkan hadith baginda berkaitan peristiwa Hijrah. Beliau berkata bahawa Nabi Muhammad S.A.W pernah bersabda kepada orang-orang Islam pada hari-hari sebelum hijrah dengan menyebut “Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat negeri hijrah itu, ia adalah sebuah kebun yang terletak di antara dua kawasan berbatu hitam.”

Setelah itu berhijrahlah sesiapa yang mahu berhijrah ke Madinah. Kebanyakan orang-orang yang telah berhijrah ke bumi Habsyah kembali ke Madinah. Abu Bakar juga ingin berangkat ke Madinah. Rasulullah S.A.W bersabda kepadanya, “Engkau tunggu dahulu kerana aku berharap sampai masanya akan diizinkan kepadaku untuk berhijrah”. Abu Bakar lantas berkata, “Aku tebus kamu dengan ayahku dan ibuku (Abu Bakar sanggup menggantikan ibu dan bapanya kerana Rasulullah S.A.W).” Adakah engkau berharap demikian?.” Jawab Baginda S.A.W ‘ya’. Oleh yang demikian, Abu Bakar menanggungkan perjalanannya ke Madinah kerana ingin bersama-sama Nabi Muhammad S.A.W nanti. Beliau memberi makan kepada dua ekor unta kepunyaannya dengan daun Samur selama 4 bulan. Ibnu Shihāb berkata, Ibn ‘Urwah memberitahu bahawa ‘Āishah terus bercerita, berkaitan peristiwa hijrah Baginda S.A.W dan Abu Bakar. Pada suatu hari, ketika kami sedang duduk-duduk di rumah Abu Bakar pada waktu tengah hari, tiba-tiba ada orang berkata kepada Abu Bakar, “Itu Rasulullah S.A.W datang pada waktu yang tidak pernah beliau berbuat demikian sebelum ini. “Abu Bakar berkata “Demi Allah? aku tebuskan ibu dan bapakku kerana engkau. Pasti ada perkara penting yang mendorong beliau datang pada waktu begini.” ‘Āishah menceritakan, Rasulullah S.A.W pun sampai. Baginda meminta izin untuk masuk. Lalu diizinkan kepada Baginda S.A.W untuk masuk seraya berkata kepada Abu Bakar, "Keluarkanlah sesiapa yang ada dalam rumahmu.” Abu Bakar menjawab tiada orang lain, mereka adalah ahli keluargaku. Ku tebuskan engkau dengan Ayahku wahai Rasulullah!” Rasulullah S.A.W pun berkata “sesungguhnya aku telah diizinkan untuk keluar berhijrah.” Abu Bakar pun membalas kata-kata Baginda S.A.W “Kutebuskan engkau dengan ayahku. Wahai Rasulullah S.A.W, Adakah engkau mahukan saya bersama kamu?” Rasulullah S.A.W menjawab, ‘Ya.’ Abu Bakar berkata, “ Kalau begitu ambillah salah satu dari dua ekor unta saya ini, wahai Rasulullah! Kutebus engkau dengan ayahku.” Rasulullah S.A.W berkata, ‘Dengan dibeli’. Aishah berkata, Kami pun menyediakan keperluan-keperluan perjalanan untuk mereka berdua dengan segera dan kami masukkan makanan untuk mereka ke dalam satu bungkusan. Asma’ membelah dua tali pinggangnya lalu mengikat bungkusan itu dengannya (satu untuk bungkusan bekalan makanan dan yang satu lagi untuk minuman) kerana itulah beliau dikenali dengan perempuan yang mempunyai dua tali pinggang (*Zātu al-Nithaqain*). Kata Aishah, “Kemudian Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar pun meneruskan perjalanan hingga sampai ke sebuah gua di Jabal Thūr. Disitulah mereka bersembunyi (mengatur strategi) selama tiga malam dengan ditemani oleh Abdullah, salah seorang anak Abu Bakar. Ketika itu beliau masih muda belia, sangat pintas dan cerdas. Dia keluar dari tempat itu sebelum fajar. Di waktu pagi beliau sudah berada di Mekah bersama Quraisy, seolah-olah dia juga bermalam di Mekah. (Peranan beliau sebagai pengintip atau *Mukhabbarat*). Setiap berita yang boleh membawa ancaman kepada Rasulullah S.A.W dan ayahnya akan diceritakan kepada mereka di malam hari. Amir bin

Fuhayrah, hamba kepada Abu Bakar pula menternak kambing dan melepaskannya ke kawasan itu pada waktu Isyak, dengan itu Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar bermalam dalam keadaan kenyang kerana meminum susu-susu kambing itu. Bila tiba waktu dinihari, Amir Bin Fuhairah menghalau kambing-kambing itu (ke kawasan lain). Demikianlah dilakukannya pada setiap tiga malam itu (Rasulullah dan Abu Bakar ketika di Gua Thūr). Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar telah mengupah seorang lelaki (Abdullah Bin Urayqit) dari Banī Dil sebagai pemandu jalan mereka. Dia merupakan sekutu keluarga 'As bin Wail al-Sahmi dan pada ketika itu, beliau masih beragama orang-orang Quraisy. Walaubagaimanapun beliau dipercayai oleh mereka dan mereka menyerahkan dua ekor unta kepadanya dengan perjanjian dia akan datang ke Gua Thsur. Pada pagi hari ketiga selepas itu, Amir bin Fuhayrah dan pemandu tadi berangkat bersama Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar. Mereka dibawa mengikut jalan tepian pantai²⁸.

Penghuraian Hadith

Paparan hadith tentang *Bai'ah* (janji taat setia) yang boleh dikaitkan dengan komitmen Sahabat terhadap Baginda S.A.W. Justeru, Ibn Hajar menjelaskan makna hadith yang bermaksud (tidak, mereka berbai'ah di atas kesabaran), menunjukkan para Sahabat Nabi Muhammad S.A.W sangat komited dalam pekerjaan mereka. Komitmen yang ditunjukkan adalah merupakan suatu yang membanggakan. Ini kerana natijah yang bakal diperolehi daripada hasil bai'ah (taat setia itu), boleh mendatangkan akibat kepada diri mereka sendiri sama ada menemui ajal mahupun memperolehi kemenangan.²⁹ Al-Nāfi' menghimpunkan makna kesabaran itu, merujuk kepada kemenangan dan juga kematian. Sikap mereka yang *istiqamah* dan sentiasa komitmen dalam perjuangan adalah menjadi keutamaan walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran.³⁰

²⁸ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Manaqib al-Ansar, Bab Hijrah al-Nabi S.A.W wa Aṣḥābīh ilā al-Madīnah, no. hadith 3905. Lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub Sittah*, ed. Salih bin 'Abd 'Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar Salam, 2000), 317.

²⁹ Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986), 6:118.

³⁰ Abū al-Ḥasan 'Alī bin Khalaf bin Abd al- Malik bi Baṭal, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭl* (Riyadh : Maktabah al-Rushd, 2003), 5:129.

Para Sahabat Nabi Muhammad S.A.W bukan hanya istiqamah dan komitmen dalam melaksanakan tugas, malah mereka sanggup melakukan tugas yang diberikan, meskipun mereka menempa suatu yang boleh mendatangkan bahaya dan kemudaratan kepada diri mereka. Ini menunjukkan bahawa kekuatan rohani mereka memperlihatkan mereka sebagai pekerja yang bukan hanya melakukan tugas berdasarkan kepada nilai material semata-mata, tetapi membolehkan mereka melaksanakan suatu kerja dengan baik. Mereka sentiasa berterusan dalam *jama'ah*, meskipun dihipit dengan berbagai-bagai tekanan, ujian dan kesengsaraan. Inilah antara elemen-elemen yang dipraktikkan dalam kehidupan sebenar para Sahabat. Mereka tidak hanya mengejar satu-satu matlamat yang terpampang di hadapan mereka, sebaliknya keyakinan terhadap janji yang pasti daripada Allah Ta'ālā. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ

Fāṭir 35:5

Terjemahan: Wahai umat manusia, sesungguhnya janji Allah (membalas amal kamu) adalah benar; maka janganlah kamu diperdayakan oleh kemewahan hidup di dunia dan janganlah Syaitan yang menjadi sebesar-besar penipu itu berpeluang menyebabkan kamu terpedaya dengan (kemurahan) Allah (lalu kamu lalai dan menderhaka).

Selain itu, paparan hadith juga menjelaskan tentang bagaimana komitmen yang ditunjukkan oleh Abu Bakar ketika membuat persediaan untuk melakukan hijrah ketika orang ramai telah pun berhijrah ke Habsyah. Rasulullah S.A.W sendiri menaruh kepercayaan kepada beliau apabila memilihnya sebagai Sahabat yang akan menemani baginda ketika berhijrah ke Madinah. Kepercayaan yang diberikan oleh Baginda S.A.W dipegang dan dihayati

dengan penuh komitmen sehingga sanggup menggantikan segala apa yang ada. Jika ibu bapa boleh digantikan, maka beliau akan mengantikannya dengan Rasulullah.

Pengguna istilah *بأبي أنت* satu perpatah Arab yang menunjukkan kesungguhan seseorang dalam melaksanakan sesuatu kerja yang bakal dilakukan. Justeru, komitmen yang diberikan oleh para Sahabat dalam melakukan kerja secara berjemaah membolehkan mereka mencapai kejayaan demi kejayaan dalam hidup mereka. Selain itu, Baginda S.A.W juga bertindak memberi perangsang dan semangat dalam melakukan kerja-kerja seperti menggali parit bersama para Sahabat. Baginda S.A.W sendiri menunjukkan komitmen kerja berpasukan walaupun kerja yang dilakukan itu adalah kerja yang kebiasaanya dilakukan oleh orang bawahan. Contoh tauladan yang ditunjukkan oleh Baginda S.A.W kepada para Sahabat membuatkan mereka merasa segan dan hormat kepada Baginda S.A.W. Inilah nilai komitmen yang berpaksikan kepada keimanan yang mendalam dalam diri seorang mukmin.

2.4.2 Hadith '*Amal Jamā'ī*' di dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*

Terdapat sebanyak 57 hadith berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang dihimpunkan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Daripada jumlah tersebut, hanya 30 bab telah dikumpulkan setelah proses mengkodifikasi dilakukan terhadap matan-matan hadith yang terdapat dalam hadith Muslim. Setelah itu, dinyatakan pula matan hadith-hadith tersebut secara ringkas atau disebut sebagai *Aṭraf al-Ḥadīth* bagi memperlihatkan secara jelas hadith berkaitan dengan '*Amal Jamā'ī*' yang boleh dijadikan panduan kepada ilmu pengurusan kini. Terdapat hadith dalam bab tertentu yang menjelaskan konsep '*Amal Jamā'ī*'. Hadith yang berkaitan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* turut disusun mengikut elemen yang utama seperti penjelasan yang telah

dinyatakan sebelum ini iaitu bermula dengan hadith kepercayaan, hadith perkongsian dan hadith komitmen. Hadith-hadith yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

2.4.2.1 Hadith Kepercayaan

Hadith yang dipaparkan ini menggambarkan hadith yang berkaitan elemen kepercayaan. Ianya dimulakan dengan matan hadith berkaitan kepercayaan dan diikuti dengan penghuraian hadith bagi menjelaskan perkaitannya dengan elemen kepercayaan. Terdapat sebanyak 5 hadith yang menceritakan tentang elemen kepercayaan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

1. Bab Min Faḍāil ‘Alī ibn Abi Ṭālib

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ قَالَ خَلَّفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلِيَّ بْنَ أَبِي طَالِبٍ فِي غَزْوَةِ تَبُوكَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ تُخَلِّفُنِي فِي النِّسَاءِ وَالصِّبْيَانِ فَقَالَ أَمَّا تَرْضَى أَنْ تَكُونَ مِنِّي بِمَنْزِلَةِ هَارُونَ مِنْ مُوسَى غَيْرَ أَنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِي

Terjemahan: Daripada Saad bin Abi Waqas beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W pernah memberi tugas kepada Saidina Ali ketika peperangan *Tabuk* (untuk menjaga golongan wanita dan kanak-kanak di Madinah), lalu beliau berkata kepada Baginda S.A.W: “Wahai Rasul S.A.W engkau hanya memberikan tugas kepadaku menjaga golongan wanita dan kanak-kanak di rumah?”. Maka Baginda S.A.W menjawab: “Tidakkah engkau mahu mendapatkan kedudukan disisiku seperti kedudukan Harun di sisi Musa, hanya kerana tidak ada Nabi selepasku.”³¹

2. Bab Min Faḍāil Ṭalhah wa al-Zubayr

³¹Hadith riwayat Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Min Faḍāil ‘Alī ibn Abi Ṭālib, no. hadith 6371. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7: 120.

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ سَمِعْتُهُ يَقُولُ نَدَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّاسَ
يَوْمَ الْخَنْدَقِ فَاتَّذَبَّ الزُّبَيْرُ ثُمَّ نَدَبَهُمْ فَاتَّذَبَّ الزُّبَيْرُ ثُمَّ نَدَبَهُمْ فَاتَّذَبَّ الزُّبَيْرُ فَقَالَ
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِكُلِّ نَبِيٍّ حَوَارِيٌّ وَحَوَارِيُّ الزُّبَيْرِ

Terjemahan: Daripada Jabir bin Abdullah beliau berkata: aku telah mendengarnya berkata: telah mewakilkan Rasulullah S.A.W kepada orang ramai pada hari berlakunya peperangan Khandak, maka mereka memilih al-Zubayr, kemudian mereka memilih lagi, maka mereka pun memilih al-Zubayr lagi kemudian mereka memilih lagi, maka mereka pun memilih al-Zubayr lagi, setelah itu, Rasulullah S.A.W berkata: “Setiap Nabi ada pengikut setianya dan pengikut setiaku adalah al-Zubayr.”³²

3. Bab Min Faḍāil Abī ‘Ubaydah al-Jarrah

عَنْ أَبِي قِلَابَةَ قَالَ قَالَ أَنَسُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ لِكُلِّ أُمَّةٍ أَمِينًا
وَإِنَّ أَمِينَنَا أَيْتُهَا الْأُمَّةُ أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ الْجَرَّاحِ

Terjemahan: Daripada Abī Qilābah beliau berkata, Anas bin Malik pernah berkata pada suatu hari: Rasul S.A.W bersabda, “sesungguhnya setiap umat ada orang yang boleh dipercayai dan orang yang boleh dipercayai daripada ummat ini ialah Abu ‘Ubaydah bin Jarrah.”³³

4. Bab Min Faḍāil Ubay Ibn Ka’ab

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ إِنَّ اللَّهَ
أَمَرَنِي أَنْ أَقْرَأَ عَلَيْكَ لَمْ يَكُنْ الَّذِينَ كَفَرُوا قَالَ وَسَمَّانِي قَالَ نَعَمْ قَالَ فَبَكَى

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik beliau berkata: Rasulullah S.A.W pernah bersabda kepada Ubai bin Kaab “sesungguhnya Allah telah memerintahkan keatasku supaya dibaca kepada kamu ayat dalam surah al-Baiyyinah yang bermaksud; (orang-orang yang kafir tidak akan terlepas daripada amalan dan kepercayaan masing-masing)

³²Hadith riwayat Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Min Faḍāil Ṭalhah wa al-Zubayr, no. hadith 6396. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7:127.

³³Hadith riwayat Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Min Faḍāil Abī ‘Ubaydah al-Jarrah, no. Hadith 6405. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7:129.

berkata Ubai bin Kaab: ianya menamakanku? Jawab Rasulullah S.A.W: ‘Ya’ lalu dia pun menangis teresak-esak.³⁴

5. Bab al-Dalil ‘alā ann Ḥubb al-Ansar Min al-Iman

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ جَبْرِ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسًا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آيَةُ الْمُنَافِقِ بُغْضُ الْأَنْصَارِ وَآيَةُ الْمُؤْمِنِ حُبُّ الْأَنْصَارِ

Terjemahan: Daripada Abdullah bin Abdullah bin Jabr beliau berkata: Aku telah mendengar Anas berkata: Rasulullah S.A.W bersabda: “tanda-tanda orang munafiq adalah membenci orang-orang Ansar dan tanda orang-orang yang beriman adalah mengasihi orang-orang Ansar³⁵.

Penghuraian Hadith

Paparan hadith dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* di atas, menunjukkan bahawa satu pengiktirafan yang diberikan oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada para Sahabatnya. Kepercayaan yang paling tinggi diberikan oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada para Sahabat dengan meletakkan mereka pada tahap kesempurnaan iman, apabila mereka mengasihi saudara mereka. Baginda bersabda di dalam hadithnya yang berbunyi:

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Terjemahan: Tidak sempurna iman seseorang sehinggalah dia kasih kepada saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri.³⁶

³⁴ Hadith riwayat Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Min Faḍāil Ubay Ibn Ka‘ab, no. hadith 6497. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7:129.

³⁵ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab al-Dalil ‘alā ann Ḥubb al-Ansar Min al-Iman, no. hadith 244. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 1:60.

³⁶ Hadis riwayat al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Min al-Iman an Yuhib li Akhii ma Yuhib li Nafsih, no hadith 13, dan Muslim, Kitab al-Iman, Bab Akhdha al-Halal wa al-Tark al-Syubhat, no hadis 107. Hadith ini disepakati oleh al-Muhadithsin tentang kesahihannya termasuk Imam al-Bukhari, Muslim, al-Tarmidhi dan lain-lainnya. Lihat Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, (Beirut: Dar

Kepercayaan yang diberikan itu, tidaklah hanya berbentuk material semata-mata malah kepercayaan yang berbentuk spiritual. Kepercayaan yang digambarkan adalah merupakan amanah yang perlu ditunaikan sama ada dalam mengurus diri mahupun mengurus organisasi³⁷. Para Sahabat dipercayai oleh Baginda S.A.W apabila sering memberikan perumpamaan yang menggambarkan hubungan akrab berlaku dalam kalangan mereka sepertimana Baginda S.A.W dengan para Nabi yang lain. Semangat setiakawan dipertunjukkan oleh Nabi S.A.W yang memperlihatkan hubungan yang erat memperhebatkan lagi *'Amal Jamā'ī* dalam organisasi mereka³⁸. Seterusnya Nabi Muhammad S.A.W memotivasikan para Sahabat dengan menyatakan setiap Nabi dan Rasul ada pengikut setia dan pengikut setia Nabi S.A.W adalah di kalangan para Sahabat yang mendampingi Baginda. Satu kepercayaan yang mampu memotivasikan orang bawahan untuk terus dipercayai ketuanya dengan sepenuh hati. Tidak timbul sebarang keraguan terhadap arahan yang diberikan kerana orang bawahan telah diberikan keyakinan yang pasti terhadap apa sahaja tindakan dan kerja yang diarahkan. Melaksanakan arahan dengan sepenuh hati dan kepercayaan yang tinggi termasuk dalam pengertian taat kepada pemimpin³⁹. Kepercayaan Baginda bukan sekadar pada penglihatan mata kasar, malah kepercayaan diikat dengan keimanan yang mendalam. Kepercayaan Nabi Muhammad S.A.W kepada Sahabatnya merupakan satu pengiktirafan yang melibatkan hubungan seorang ketua yang sentiasa memahami kehendak dan kemahuan orang bawahannya, dan

Fikr, 2004), 1: 14 dan Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, "Sahih Muslim", (Beirut: Dar al Turath al-'Arabi, 2004), 3:1219.

³⁷Sidek Baba, *Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan*. 1.

³⁸Nik Mustafa bin Nik Hassan, "Etika dan Profesionalisme Dalam Pembangunan Kerjaya " (kertas kerja, Bengkel Islam Hadhari-Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan, Pusat Perundingan dan Latihan IKIM (PPLI) Peringkat Kebangsaan, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 14-15 Jun 2005).

³⁹Shaykh Muṣṭafā Mashhur, *al-'Amal al-Jamā'ī*. 19.

dalam masa yang sama orang bawahan juga mampu memahami Baginda. Sikap yang ditunjukkan membolehkan perancangan yang dibuat mencapai maksud dan matlamat⁴⁰. Orang bawahan merasakan diri mereka dihargai, dipercayai dan disanjung, meskipun pengiktirafan tersebut bukanlah matlamat terakhir⁴¹.

2.4.2.2 Hadith Perkongsian

Hadith yang dipaparkan ini menggambarkan hadith yang berkaitan elemen perkongsian. Ianya dimulakan dengan matan hadith berkaitan perkongsian dan diikuti dengan penghuraian hadith bagi menjelaskan perkaitannya dengan elemen perkongsian. Terdapat sebanyak 13 hadith yang menceritakan tentang elemen perkongsian dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

1. *Bab al-Mubadarah bil-Ghazw wa al-Taqdim Ahamm al-Amrayn al-Muta'aridayn*

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ نَادَى فِينَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ انْصَرَفَ عَنْ
الْأَحْزَابِ أَنْ لَا يُصَلِّيَنَّ أَحَدُ الظُّهْرِ إِلَّا فِي بَنِي قُرَيْظَةَ فَتَخَوَّفَ نَاسٌ فَوَتَ الْوَقْتَ
فَصَلُّوا دُونَ بَنِي قُرَيْظَةَ وَقَالَ آخَرُونَ لَا نُصَلِّي إِلَّا حَيْثُ أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَإِنْ فَاتَنَا الْوَقْتُ قَالَ فَمَا عَنَّفَ وَاحِدًا مِنَ الْفَرِيقَيْنِ

Terjemahan: Daripada Abdullah beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W telah memanggil serta menyuruh kami pada hari kami pulang daripada peperangan Ahzab agar tidak menunaikan solat fardu zohor (asar) kecuali di perkampungan Bani Quraizah. Oleh yang demikian, timbul kebimbangan di antara kami kerana dikuatiri luputnya waktu solat, maka mereka pun solat sebelum sampai ke perkampungan Bani Quraizah, ada setengah daripada mereka tidak solat sepertimana yang diperintahkan oleh Rasulullah S.A.W walau luput waktu solat itu, lalu

⁴⁰ Yasir Faruq Husain, *Mut'ah al-'Amal Ma'an* (Kaherah: Dar al-Nashr liljami'at, 2009), 54.

⁴¹ Muhammad Uthman el-Muhammady, *Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*. 9.

Rasulullah S.A.W bersabda: “tidak ada yang salah pun daripada dua kumpulan ini.”⁴²

2. Bab fī Ghazwah al-Hunayn

وَقَسَمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَنَائِمَهُمْ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ

Terjemahan: Rasulullah S.A.W telah mengagih-agihkan harta rampasan perang di antara kaum muslimin⁴³.

3. Bab Ghazwah Khaybar

عَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ قَالَ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى خَيْبَرَ
فَتَسَيَّرْنَا لَيْلًا فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ لِعَامِرِ بْنِ الْأَكْوَعِ أَلَا تُسْمِعُنَا مِنْ هُنَيْهَاتِكَ وَكَانَ
عَامِرٌ رَجُلًا شَاعِرًا فَتَزَلَ يَحْدُو بِالْقَوْمِ يَقُولُ اللَّهُمَّ لَوْلَا أَنْتَ مَا اهْتَدَيْنَا

Terjemahan: Daripada Salamah bin Akwa', beliau telah berkata pada suatu hari kami telah keluar bersama-sama Rasulullah S.A.W ke medan peperangan Khaibar, kami berjalan di sebelah malam, pada ketika itu berkata seorang lelaki daripada satu kaum kepada Amir bin Akwa': "bolehkah kami mendengar sesuatu daripada kamu buat seketika dan Amir itu adalah seorang penyair, maka dia pun turun menghiburkan mereka seraya berkata "Ya Allah ya Tuhanku jika tidak kerana kamu kami tidak akan mendapat hidayah."⁴⁴

3. Bab Ghazwah al-Nisā' ma'a al-Rijāl

⁴²Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab al-Mubadarah bil-Ghazw wa al-Taqdim Ahamm al-Amrayn al-Muta'aridayn, no. hadith 4701. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:162.

⁴³Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab fī Ghazwah al-Hunayn, no. hadith 4719. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:169.

⁴⁴Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Ghazwah Khaybar, no. hadith 4769. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:185.

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَغْزُو بِأُمَّ سُلَيْمٍ
وَنِسْوَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ مَعَهُ إِذَا غَزَا فَيَسْقِيْنَ الْمَاءَ وَيُدَاوِينَ الْجَرْحَى

Terjemahan: Daripada Anas bin Malik beliau telah berkata: sesungguhnya Rasulullah S.A.W, pergi berperang bersama-sama dengan Ummu Sulaym dan wanita-wanita Ansar. Apabila perang meletus, mereka memberi minuman dan mengubati luka para pejuang.

45

5. Bab Al-Nahy ‘an Ṭalab al-Imārah wa al-Harth ‘Alayha

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ دَخَلْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَا وَرَجُلَانِ مِنْ بَنِي
عَمِّي فَقَالَ أَحَدُ الرَّجُلَيْنِ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَمَرْنَا عَلَى بَعْضِ مَا وَلَّاكَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَقَالَ
الْآخَرُ مِثْلَ ذَلِكَ فَقَالَ إِنَّا وَاللَّهِ لَا نُؤَلِّي عَلَى هَذَا الْعَمَلِ أَحَدًا سَأَلَهُ وَلَا أَحَدًا حَرَصَ
عَلَيْهِ

Terjemahan: Daripada Abī Māsā r.a beliau berkata: “Aku telah masuk mengadap Nabi Muhammad S.A.W, dan bersamaku dua orang lelaki dari kaum bapa saudaraku, berkatalah salah seorang dari mereka, wahai Rasul S.A.W lantiklah kami menjadi ketua dengan apa yang diturunkan kepada kamu oleh Allah dan berkata seorang lagi seperti yang pertama tadi, jawab Rasul S.A.W; sesungguhnya kami tidak melantik seseorang yang memohon jawatan dan orang yang bercita-cita untuk mendapatkannya.”⁴⁶

6. Bab Ghilza Tahrīm al-Ghulūl

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَامَ فِينَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَذَكَرَ الْغُلُولَ
فَعَظَّمَهُ وَعَظَّمَ أَمْرَهُ ثُمَّ قَالَ لَا أُلْفِينَ أَحَدَكُمْ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ بَعِيرٌ لَهُ

⁴⁵Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Ghazwah al-Nisā’ ma’a al-Rijāl, no. hadith 4785. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:196.

⁴⁶Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Al-Nahy ‘an Ṭalab al-Imārah wa al-Harth ‘Alayha, no. hadith 4821. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6: 6.

رُعَاءُ يَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي فَأَقُولُ لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ لَا أُلْفِينَ أَحَدَكُمْ
يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ فَرَسٌ لَهُ حَمْحَمَةٌ فَيَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي فَأَقُولُ لَا
أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ لَا أُلْفِينَ أَحَدَكُمْ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ شَاةٌ لَهَا
نُعَاءُ يَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي فَأَقُولُ لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ لَا أُلْفِينَ أَحَدَكُمْ
يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ نَفْسٌ لَهَا صِيَاخٌ فَيَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي فَأَقُولُ لَا
أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ لَا أُلْفِينَ أَحَدَكُمْ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ رِقَاعٌ
تَخْفِقُ فَيَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي فَأَقُولُ لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ لَا أُلْفِينَ
أَحَدَكُمْ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ صَامِتٌ فَيَقُولُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَغْنِنِي فَأَقُولُ لَا
أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا قَدْ أَبْلَعْتُكَ

Terjemahan: Daripada Abī Hurayrah beliau berkata suatu hari Rasulullah S.A.W berdiri ditengah-tengah kami lalu menyebut-nyebut tentang korupsi (rasuah) dan membesarkan perkara itu (keburukannya) dan celaan terhadap perbuatan itu kemudian beliau bersabda: “Jangan sampai pada hari Qiamat ada di kalangan kamu yang datang dengan memikul unta dalam keadaan mengemboh (bunyi unta) lalu dia berkata ”ya Rasulullah S.A.W tolonglah aku!!! Maka aku menjawab, “Aku tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kamu ketika ini.” Sesungguhnya aku telah sampaikan mengenainya di dunia kepada kamu (maksudnya harta benda dunia tidak dapat menebus korupsi yang dilakukan oleh golongan yang melakukan perbuatan ini di dunia). “Jangan sampai pada hari Qiamat ada di kalangan kamu yang datang dengan memikul kuda dalam keadaan merengik-rengik (bunyi kuda) lalu dia berkata “Ya Rasulullah S.A.W tolonglah aku!!! Maka aku menjawab, “Aku tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kamu ketika ini”. Sesungguhnya aku telah sampaikan mengenainya di dunia kepada kamu. “Jangan sampai pada hari Qiamat ada di kalangan kamu yang datang dengan memikul kambing dalam keadaan mengembik-gembik (bunyi kambing) lalu dia berkata “ya Rasulullah S.A.W tolonglah aku!!! Maka aku menjawab, “Aku tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kamu ketika ini.” Sesungguhnya aku telah sampaikan mengenainya di dunia kepada kamu. “Jangan sampai pada hari Qiamat ada di kalangan kamu yang datang dengan memikul orang dalam keadaan meraung-raung (bunyi manusia berteriak) lalu dia berkata “ya Rasulullah S.A.W tolonglah aku!!! Maka aku menjawab, “Aku tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kamu ketika ini”. Sesungguhnya aku telah sampaikan mengenainya di dunia kepada kamu. “Jangan sampai pada hari Qiamat ada di kalangan kamu yang datang dalam keadaan membawa selembar kain yang berkibar-kibar dibahunya, lalu dia berkata “ya Rasulullah S.A.W tolonglah aku!!!

Maka aku menjawab, “Aku tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kamu ketika ini.” Sesungguhnya aku telah sampaikan mengenainya di dunia kepada kamu. “Jangan sampai pada hari Qiamat ada di kalangan kamu yang datang kepadaku dengan memikul harta kekayaan berupa emas dan perak dibahunya, lalu dia berkata “ya Rasulullah S.A.W tolonglah aku!!! Maka aku menjawab, Aku tidak boleh berbuat apa-apa untuk menolong kamu ketika ini. Sesungguhnya aku telah sampaikan mengenainya di dunia dahulu kepada kamu.⁴⁷

7. Bab *Mā su’ila Rasullullah S.A.W Shay’ān Qat*

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ عَلِيٍّ قَالَ سَمِعْتُ جَابِرَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ وَزَادَ أَحَدُهُمَا عَلَى الْآخَرِ قَالَ
قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَوْ قَدْ جَاءَنَا مَالُ الْبَحْرَيْنِ لَقَدْ أَعْطَيْتُكَ هَكَذَا
وَهَكَذَا وَهَكَذَا وَقَالَ بِيَدَيْهِ جَمِيعًا فَقَبِضَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ أَنْ يَجِيءَ
مَالُ الْبَحْرَيْنِ فَقَدِمَ عَلَى أَبِي بَكْرٍ بَعْدَهُ فَأَمَرَ مُنَادِيًا فَنَادَى مَنْ كَانَتْ لَهُ عَلَى النَّبِيِّ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِدَّةٌ أَوْ دَيْنٌ فَلْيَأْتِ فَقُمْتُ فَقُلْتُ إِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ قَدْ جَاءَنَا مَالُ الْبَحْرَيْنِ أَعْطَيْتُكَ هَكَذَا وَهَكَذَا وَهَكَذَا فَحَتَّى أَبُو بَكْرٍ
مَرَّةً ثُمَّ قَالَ لِي عُدَّهَا فَعَدَدْتُهَا فَإِذَا هِيَ خَمْسُ مِائَةٍ فَقَالَ خُذْ مِثْلَهَا

Terjemahan: Daripada Muhammad bin Ali beliau berkata: Aku telah mendengar Jabir bin Abdullah dan menambah salah seorang akan yang lain lalu ia berkata: Rasulullah S.A.W bersabda jikalau sekiranya datang kepada kami harta dari Bahrain aku akan bahagikan kepada kamu sebanyak ini dan ini dan ini. Nabi Muhammad S.A.W bersabda sambil mengangkat tanganya semua. Maka, selepas itu Nabi Muhammad S.A.W wafat sebelum datangnya harta Bahrain itu. Pada zaman Abu Bakar, harta itu sampai selepas itu lalu beliau menyuruh seseorang mengkhabarkan berita itu kepada orang ramai dengan berkata, barang sesiapa yang mempunyai janji atau hutang terhadap Nabi Muhammad S.A.W, maka datanglah ke hadapan, aku pun bangun dan berkata: sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W telah berkata kepada ku, jikalau datang kepada kami harta dari Bahrain aku akan bahagi-bahagikan kepada kamu sebanyak ini dan ini dan ini. Maka memanggil Abu Bakar kali yang kedua dengan berkata kepadaku: kirakan harta itu, maka aku pun mengiranya, ternyata ianya berjumlah

⁴⁷Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Ghilaza Tahrim al-Ghulul, no. hadith 4839. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6:10.

lima ratus, lalu Abu Bakar menyuruh supaya diambil dua bahagian daripada harta itu.⁴⁸

8. Bab Wujūb al-Imān bi Risālah Nabiyyina Muḥammad S.A.W

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ
بِيَدِهِ لَا يَسْمَعُ بِي أَحَدٌ مِنْ هَذِهِ الْأُمَمَةِ يَهُودِيٍّ وَلَا نَصْرَانِيٍّ ثُمَّ يَمُوتُ وَلَمْ يُؤْمِنْ
بِالَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ إِلَّا كَانَ مِنْ أَصْحَابِ النَّارِ

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah beliau berkata: Rasulullah S.A.W bersabda, Demi sesungguhnya diri Muhammad berada di bawah kekuasaannya, aku tidak pernah mendengar terdapat seseorang yang hidup di kalangan umat ini Yahudi atau Nasrani yang kemudiannya mati dan mereka tidak beriman dengan kerasulan aku, kecuali mereka adalah ahli neraka.⁴⁹

9. Bab Wujūb Ittibā'ih S.A.W

عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ الزُّبَيْرِ حَدَّثَهُ أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ خَاصِمَ الزُّبَيْرِ
عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي شِرَاجِ الْحَرَّةِ الَّتِي يَسْقُونَ بِهَا النَّخْلَ فَقَالَ
الْأَنْصَارِيُّ سَرَّحَ الْمَاءَ يَمُرُّ فَأَبَى عَلَيْهِمْ فَاخْتَصَمُوا عِنْدَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلزُّبَيْرِ اسْقِ يَا زُبَيْرُ ثُمَّ أُرْسِلَ الْمَاءُ إِلَى
جَارِكَ فَغَضِبَ الْأَنْصَارِيُّ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْ كَانَ ابْنُ عَمَّتِكَ فَتَلَوْنَ وَجْهَ نَبِيِّ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ قَالَ يَا زُبَيْرُ اسْقِ ثُمَّ أَحْبَسَ الْمَاءَ حَتَّى يَرْجِعَ إِلَى الْجَدْرِ
فَقَالَ الزُّبَيْرُ وَاللَّهِ إِنِّي لَأَحْسِبُ هَذِهِ الْآيَةَ نَزَلَتْ فِي ذَلِكِ { فَلَا وَرَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ
حَتَّى يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لَا يَجِدُوا فِي أَنْفُسِهِمْ حَرَجًا }

⁴⁸ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Fadail, Bab Mā su'ila Rasullullah S.A.W Shay'ān Qat, no. hadith 6165. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7:75.

⁴⁹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab Wujūb al-Imān bi Risālah Nabiyyina Muḥammad S.A.W, no. hadith 403. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 1:93.

Terjemahan: Daripada 'Urwah bin Zubayr bahawa Abdullah bin Zubayr meriwayatkan sebuah hadith katanya, sesungguhnya terdapat pergaduhan antara seorang lelaki Ansar dengan Zubayr di hadapan Nabi Muhammad S.A.W di “*Shirajil Harrah*” yang merupakan tempat pengairan air untuk kebun-kebun kurma. Orang Ansor itu berkata: lepaskan air itu mengalir, lalu Zubair enggan berbuat demikian, lalu berlaku pergaduhan di hadapan Rasulullah S.A.W: Bagindapun mengarahkan kepada Zubair supaya dialirkan air-air itu ke kebunnya kemudian alirkan air itu kepada jirannya, maka marahlah lelaki Ansor itu lantas berkata: Ini anak saudara kamukan!!! maka berubahlah wajah (muka) Nabi Muhammad S.A.W lantas bersabda "wahai Zubair alirkan air-air itu ke tanamanmu kemudian tahan sehingga ianya melimpahi tanamanmu. Zubairpun berkata, demi Allah aku kira bahawa turunya ayat al-Quran disebabkan peristiwa ini (Maka demi tuhanmu, mereka tidak beriman sebelum mereka menjadikan engkau (Muhammad) sebagai hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan sehingga kemudian tidak ada rasa keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang engkau berikan dan mereka menerima dengan sepenuhnya).⁵⁰

10. Bab *Ibtinā' al-Masjid al-Nabī S.A.W*

عَنْ أَبِي التَّيَّاحِ الضُّبَيْيِّ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدِمَ الْمَدِينَةَ فَنَزَلَ فِي غُلُوِّ الْمَدِينَةِ فِي حَيٍّ يُقَالُ لَهُمْ بَنُو عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ فَأَقَامَ فِيهِمْ أَرْبَعَ عَشْرَةَ لَيْلَةً ثُمَّ إِنَّهُ أَرْسَلَ إِلَى مَلِكِ بَنِي النَّجَّارِ فَجَاءُوا مُتَقَلِّدِينَ بِسُيُوفِهِمْ قَالَ فَكَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رَاحِلَتِهِ وَأَبُو بَكْرٍ رِذْفُهُ وَمَلَأَ بَنِي النَّجَّارِ حَوْلَهُ حَتَّى أَلْقَى بِفِنَاءِ أَبِي أَيُّوبَ قَالَ فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُصَلِّي حَيْثُ أَدْرَكَتُهُ الصَّلَاةُ وَيُصَلِّي فِي مَرَابِضِ الْغَنَمِ ثُمَّ إِنَّهُ أَمَرَ بِالْمَسْجِدِ قَالَ فَأَرْسَلَ إِلَى مَلِكِ بَنِي النَّجَّارِ فَجَاءُوا فَقَالَ يَا بَنِي النَّجَّارِ ثَامِنُونِي بِحَائِطِكُمْ هَذَا قَالُوا لَا وَاللَّهِ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ قَالَ أَنَسُ فَكَانَ فِيهِ مَا أَقُولُ كَانَ فِيهِ نَخْلٌ وَقُبُورُ الْمُشْرِكِينَ وَخَرِبٌ فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالنَّخْلِ فَقُطِعَ وَبِقُبُورِ الْمُشْرِكِينَ فَنَبِشَتْ

⁵⁰Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Fadail, Bab Wujūb Ittibā'ih S.A.W, no. hadith 6258. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 7:90.

وَبِالْخَرْبِ فَسُوِّيتَ قَالَ فَصَفُّوا النَّخْلَ قِبْلَةً وَجَعَلُوا عِصَادَتِيهِ حِجَارَةً قَالَ فَكَأَنُّوا
يَرْتَجِرُونَ وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَعَهُمْ وَهُمْ يَقُولُونَ اللَّهُمَّ إِنَّهُ لَا خَيْرَ إِلَّا
خَيْرُ الْآخِرَةِ فَانْصُرِ الْأَنْصَارَ وَالْمُهَاجِرَةَ

Terjemahan: Daripada Abī Attaiyyah Adduba’i mengatakan, Anas bin Malik telah meriwayatkan hadith daripada Nabi Muhammad S.A.W katanya: sesungguhnya Nabi Muhammad S.A.W tiba di Madinah dan Baginda berhenti di hujung Kota Madinah pada sebuah perkampungan yang diberi nama kampung Banu Amru bin Auf. Baginda tinggal di situ selama 14 malam, kemudian setelah itu baginda menghantar utusan kepada kaum Bani Najjar, maka datang mereka dengan pedang-pedang mereka seraya dia (Anas) berkata: seolah-olah aku melihat Rasulullah S.A.W dalam perjalanannya dan Abu Bakar berada di sebelahnyanya dan pasukan Bani Najjar berada di sekeliling mereka sehingga sampai ke halaman rumah Abi Ayyub, Anas berkata: Rasulullah S.A.W bersolat ketika masuknya waktu solat dan baginda menunaikan solat di kandang kambing kemudian Rasulullah mengarahkan Sahabat-Sahabat membina masjid di situ, maka baginda pun menghantarkan utusan kepada Bani Najjar, lalu mereka pun datang. Rasulullah S.A.W bersabda: wahai Bani Najjar jualkanlah padaku tanah ini, mereka menjawab demi Allah, tidak sama sekali, kami tidak berkehendakkan wangnya tetapi yang kami mahu ianya diinfaqkan untuk jalan Allah, berkata Anas disinilah apa yang aku katakan terdapat kebun-kebun kurma, kubur-kubur orang musyrikin dan kesan berbonggol-bonggol. Rasulullah S.A.W pun memerintahkan supaya pohon-pohon kurma itu dipotong, kubur-kubur musyrikin digali dan bonggol-bonggol itu diratakan, Baginda S.A.W pun mengarahkan supaya disusun batang-batang kurma mengikut qiblat dan dijadikan dahan-dahannya sebagai dinding dan Rasulullah S.A.W bersama-sama dengan mereka menyiapkannya dan mereka berkata “ya Allah sesungguhnya tidak ada kebaikan kecuali kebaikan akhirat. Bantulah ya Allah (berikanlah kemenangan) kepada orang-orang Ansar dan Muhajirin.”⁵¹

11. Bab Bayān Kawn al-Imān bi Allah Ta’ālā Afḍal al-A’māl

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ
إِيمَانٌ بِاللَّهِ قَالَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ قَالَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ حَجٌّ مَبْرُورٌ

⁵¹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi’ al-Salah, Bab Ibtinā’ al-Masjid al-Nabī S.A.W, no. hadith 1201. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 2: 65.

Terjemahan: Daripada Abū Hurayrah beliau berkata: telah ditanya kepada Rasulullah S.A.W apakah pekerjaan yang terbaik? Jawab Baginda, beriman kepada Allah, lalu dia bertanya lagi: selepas itu apa? Jawab Baginda jihad di jalan Allah lalu dia bertanya sekali lagi: selepas itu apa? jawab baginda: haji yang mabrur yakni yang diterima Allah.⁵²

12. Bab Man Ahaqq bi al-Imāmah

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْأَنْصَارِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقَوْمِ
أَقْرَوْهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ فَإِنْ كَانُوا فِي الْقِرَاءَةِ سَوَاءً فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنَّةِ فَإِنْ كَانُوا فِي السُّنَّةِ
سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةَ فَإِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءً فَأَقْدَمُهُمْ سِلْمًا وَلَا يُؤْمِنُ الرَّجُلُ
الرَّجُلَ فِي سُلْطَانِهِ وَلَا يَقْعُدُ فِي بَيْتِهِ عَلَى تَكْرِمَتِهِ إِلَّا بِإِذْنِهِ

Terjemahan: Daripada Abī Mas'ud al-Anṣārī beliau berkata: Rasulullah S.A.W bersabda; Orang yang lebih berhak menjadi imam bagi satu kaum itu adalah orang yang paling pandai membaca al-Quran. Kalau mereka juga sama, maka dipilih orang yang lebih pandai tentang hadith (sunnah nabi). Kalau mereka juga sama, maka pilih orang yang lebih dahulu berhijrah. Kalau sama masa hijrahnya, pilih orang yang lebih tua usianya. Janganlah seseorang daripada kamu menjadi imam bagi orang lain di lingkungan kekuasaannya dan jangan pula ia duduk di tempat khas di rumah orang lain kecuali dengan izinnya.⁵³

13. Bab al-Bai'ah 'ala al-Samu' wa al-Ta'ah Fi Mastata'

حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ وَهُوَ ابْنُ جَعْفَرٍ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ دِينَارٍ أَنَّهُ سَمِعَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ
يَقُولُ كُنَّا نُبَايِعُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ يَقُولُ لَنَا فِيمَا
اسْتَطَعْتَ

⁵² Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Iman, Bab Bayān Kawn al-Imān bi Allah Ta'ālā Afḍal al-A'māl, no. hadith 258. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 1: 62.

⁵³ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Masajid wa Mawadi' al-Salah, Bab Man Ahaqq bi al-Imāmah, no. hadith 1564. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 2:133.

Terjemahan: Ismail telah menceritakan kepada kami di mana beliau adalah Ibn Jaafar. Ia berkata Abdullah bin Dinar memberitahu kepada aku, bahawa sesungguhnya dia telah mendengar Abdullah bin Umar berkata: kami adalah orang yang berbai'ah dengan mendengar dan mentaati perintah Rasulullah S.A.W yang disampaikan kepada kami sekadar yang termampu.⁵⁴

Penghuraian Hadith

Paparan hadith di atas menjelaskan tentang perkongsian maklumat dan komitmen para Sahabat terhadap Rasulullah S.A.W. Mereka mampu mendengar dan patuh, bukan sekadar perkara yang boleh dilihat oleh mata, malah perkara-perkara *Ghaibiyat* yang belum dapat disaksikan lagi oleh pancaindera. Sebaliknya perkara tersebut disaksikan dengan cahaya keimanan yang lahir dalam diri mereka. Rasulullah S.A.W mengajak para Sahabat berkongsi permasalahan semasa yang berlaku. Konsep '*Amal Jamā'ī*' yang diperkenalkan oleh Baginda S.A.W bertujuan agar para Sahabat dapat berkongsi maklumat dan sentiasa bekerjasama bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan⁵⁵. Justeru, sesuatu amalan yang dibuat menjadi sia-sia apabila tidak dipraktikkan ataupun tidak diamalkan mengikut ketetapan syarak. Selain itu, perkongsian yang berbentuk motivasi juga sentiasa diberi keutamaan oleh Nabi Muhammad S.A.W terhadap kerja yang berkaitan dengan ibadat khusus.

Perkongsian yang melibatkan makanan yang berbentuk rohani mampu mengseimbangkan makanan yang berbentuk jasmani. Dengan demikian, ia dapat melahirkan manusia yang

⁵⁴ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab al-Bai'ah 'ala al-Samu' wa al-Ta'ah fi Mastata', no. hadith 4943. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6: 29.

⁵⁵ Zalika Adam & Faridah Kassim, *Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*, (Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008), 2.

berkebolehan untuk berdedikasi dalam melakukan pekerjaan. Justeru, lahirilah para Sahabat yang sanggup berkongsi dengan Rasulullah S.A.W dalam *'Amal Jamā'ī* terutamanya dalam soal pengurusan pentadbiran Madinah. *'Amal Jamā'ī* juga berfungsi sebagai pelengkap kepada keperluan yang dikendaki bersama⁵⁶. Komitmen para Sahabat juga jelas dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Apa yang lebihnya, dalam tarbiah yang diperkenalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W ialah kesanggupan dan pengorbanan mereka yang tidak dapat dibeli dengan nilai wang ringgit. Sebaliknya, nilai keimanan yang mantap amat berharga kepada para Sahabat Baginda. Hadith yang memaparkan tentang bagaimana Nabi S.A.W berperanan sebagai seorang ketua mengajak Sahabat yang bergaduh serta berselisih faham itu, agar sama-sama bertolak ansur dan berkongsi setiap keperluan yang ada, agar dapat dinikmati bersama. Memahami tentang pemilikan sesuatu itu, perlu untuk dikongsi secara bersama. Perkara ini turut ditunjuki oleh Baginda S.A.W kepada para Sahabat. Kepercayaan terhadap kebolehan berkongsi permasalahan diletakkan kepada para Sahabat dan dalam masa yang sama bersikap tegas terhadap arahan yang diberikan. Para Sahabat memahaminya dengan baik, apabila lontaran idea yang diberikan dapat dimanfaatkan secara bersama. Namun, kebijaksanaan seorang ketua dengan sikap menaruh kepercayaan kepada orang bawahannya, maka permasalahan dapat diatasi dengan baik⁵⁷. Nabi S.A.W menunjukkan kaedah menyelesaikan sesuatu permasalahan lalu dikongsikan dengan para Sahabat. Setiap tindak tanduk yang hendak dilakukan perlu ada pencerahan serta penjelasan agar tidak berlaku perbalahan dalam pasukan. Seterusnya, Nabi Muhammad S.A.W cuba menggambarkan keadaan mereka yang tidak beriman dengan kerasulannya akan mendapat akibat yang buruk di akhirat kelak. Perkongsian maklumat disampaikan kepada para Sahabat dan umatnya dengan menjelaskan bahawa, walau sehebat

⁵⁶ Yasir Faruq Husain, *Mut'ah al-'Amal Ma'an*, 54.

⁵⁷ Sharifah Hayaati Binti Syed Ismail al-Qudsy, *Permasalahan Dalam Pasukan dan Langkah-Langkah mengatasinya: Pendekatan Islam*, 1.

mana kedudukan seseorang itu, mereka yang berketurunan para Nabipun tidak akan selamat daripada azab Allah.

Justeru, jika mereka tidak komited dengan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W, maka setiap amalan yang dilakukan tidak membawa apa-apa erti dalam kehidupan ini. Perkongsian Nabi Muhammad S.A.W dengan para Sahabat dalam bentuk material juga diberi keutamaan. Ini menunjukkan bahawa, seorang ketua yang baik akan berkongsi kesenangan dengan orang bawahannya meskipun keuntungan yang berbentuk harta dan kemewahan itu terpampang di hadapan mata. Semangat yang ditunjukkan oleh para Sahabat, menzahirkan kefahaman mereka terhadap *'Amal Jamā'ī* apabila amalan perkongsian yang ditinggalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W diwarisi oleh mereka selepas kewafatan Baginda. Rasulullah S.A.W juga, sentiasa berkongsi maklumat dengan situasi mereka yang terlibat dalam gejala sosial seperti rasuah.

Seorang pemimpin yang hebat akan menyampaikan sebab dan akibat dari perbuatan yang dilakukan oleh orang bawahan yang terlibat dengan gejala yang tidak bermoral. Perkongsian yang wujud terhadap orang bawahan adalah melibatkan motivasi dan penerangan agar sentiasa berwaspada terhadap setiap pekerjaan yang dilakukan. Baginda S.A.W menyampaikannya secara tegas tentang betapa jijiknya amalan dan perbuatan rasuah yang tidak bermoral itu. Seterusnya, Nabi Muhammad S.A.W berkongsi dengan Sahabat tentang maklumat organisasi yang dipimpinnya. Mereka diberikan teguran disebabkan ada di kalangan Sahabat yang memohon jawatan dalam organisasi mereka. Baginda S.A.W menggambarkan bahawa jawatan adalah satu amanah dan hanya diberikan kepada mereka

yang mampu melaksanakan tugas yang diamanahkan. Ada di kalangan Sahabat yang tidak sesuai dengan jawatan yang dipohon.

Justeru, seorang ketua yang baik akan sentiasa bertegas tanpa dipengaruhi oleh suasana dan keadaan sekeliling. Seorang ketua yang agresif, akan memastikan bahawa jawatan dan kebolehan seseorang itu diberikan sesuai dengan kemampuannya. Paparan hadith turut menjelaskan tentang peranan wanita ketika di zaman Nabi Muhammad S.A.W. Apa yang dapat dilihat secara jelas adalah, perkongsian yang melibatkan pertaruhan nyawa dalam menghadapi musuh. Para petugas mampu berkongsi tenaga serta pemikiran dalam suasana yang terancam dan mencemaskan. Selain itu, seorang ketua juga memberi kepercayaan kepada petugasnya untuk melaksanakan kerja secara '*Amal Jamā'ī*' tanpa melihat kepada status gender mereka. Kesanggupan para wanita berkongsi tenaga dan terlibat dalam membantu golongan lelaki ketika menghadapi saat yang getir dalam peperangan menafikan tomanan yang mengatakan wanita tidak dihormati dan tidak diberikan kedudukan kepada mereka. Jika di saat yang getirpun, mereka diberi penghormatan, apatah lagi ketika suasana aman dan tenteram. Pelbagai kaedah yang digunakan oleh Baginda S.A.W semasa berkongsi maklumat dengan para Sahabat. Baginda memperkenalkan '*Amal Jamā'ī*' yang melibatkan semua individu berperanan dan mempunyai matlamat yang sama. Mereka diajak berkerjasama dan berkongsi setiap perkara, agar misi dan matlamat organisasi tercapai⁵⁸.

Terkadang Baginda S.A.W menggunakan pendekatan berhibur bagi mengembirakan para Sahabat yang penat dan letih semasa di medan perang. Selain itu, Rasulullah S.A.W juga

⁵⁸ Hisyam al-Thalib, *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*, 136.

berkongsi dengan para Sahabat tentang harta rampasan perang. Ini menunjukkan Baginda S.A.W sentiasa prihatin terhadap keperluan orang lain. Tuntutan duniawi tidak dilupakan, di samping tuntutan ukhrawi. Keperluan material adalah motivasi yang mampu menambahkan komitmen seseorang terhadap tugas yang diberikan. Oleh yang demikian, pengukuhan kerja secara '*Amal Jamā'ī*' dalam sesebuah organisasi dapat dipertingkatkan..

2.4.2.3 Hadith Komitmen

Hadith yang dipaparkan di bawah ini, menggambarkan hadith yang berkaitan elemen komitmen. Ianya dimulakan dengan matan hadith berkaitan komitmen dan diikuti dengan penghuraian hadith bagi menjelaskan perkaitannya dengan elemen komitmen. Terdapat sebanyak 12 hadith yang menceritakan tentang elemen komitmen dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*.

1. Bab fī Izalah al-Asnam hawl al-Ka'bah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ دَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَكَّةَ وَحَوْلَ الْكَعْبَةِ ثَلَاثُ مِائَةٍ
وَسِتُّونَ نَصَبًا فَجَعَلَ يَطْعُنُهَا بِعُودٍ كَانَ بِيَدِهِ وَيَقُولُ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ
الْبَاطِلَ كَانَ زَهُوقًا جَاءَ الْحَقُّ وَمَا يُبْدِئُ الْبَاطِلُ وَمَا يُعِيدُ

Terjemahan: Daripada Abdullah, beliau telah berkata bahawa Nabi Muhammad S.A.W telah masuk ke Kota Mekah dan disekeliling Kaabah terdapat 360 buah berhala, lalu Nabi Muhammad S.A.W pun meruntuhkannya dengan menggunakan kayu yang berada di tangan Baginda seraya membaca ayat al-Quran yang berbunyi “Telah datang kebenaran (agama Islam) dan lenyaplah kebatilan, sesungguhnya kebatilan pasti akan lenyap” Baginda juga membaca ayat dalam surah Saba', "Telah datang kebenaran dan perkara yang salah tidak memberi sebarang kebaikan di dunia, usahkan pula hendak mengulanginya di akhirat.”⁵⁹

⁵⁹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab fī Izalah al-Asnam hawl al-Ka'bah, no. hadith 4725. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:173.

2. Bab Qatl Ka'ab ibn al-Ashrāf Taghut al-Yahūd

عَنْ عَمْرِو سَمِعْتُ جَابِرًا يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِكَعْبِ بْنِ الْأَشْرَفِ فَإِنَّهُ قَدْ آذَى اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَالَ مُحَمَّدُ بْنُ مَسْلَمَةَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَتُحِبُّ أَنْ أَقْتُلَهُ قَالَ نَعَمْ

Terjemahan: Daripada ‘Amru, beliau telah mendengar Jabir menceritakan kepadanya bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda “Sesungguhnya Kaab bin al-Asyraf adalah musuh Allah dan Rasulnya, lalu Muhammad bin Maslamah menyampuk, “wahai Rasulullah S.A.W adakah kamu mahu aku membunuhnya? jawab Rasulullah S.A.W: ya.”⁶⁰

3. Bab Ghazwah al-Ahzab Wahiya al-Khandaq

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى وَابْنُ بَشَّارٍ وَاللَّفْظُ لِابْنِ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي إِسْحَقَ قَالَ سَمِعْتُ الْبَرَاءَ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْأَحْزَابِ يَنْقُلُ مَعَنَا التُّرَابَ وَلَقَدْ وَارَى التُّرَابُ بَيَاضَ بَطْنِهِ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَوْ لَا أَنْتَ مَا اهْتَدَيْنَا * وَلَا تَصَدَّقْنَا وَلَا صَلَّيْنَا * فَأَنْزَلَنَ سَكِينَةً عَلَيْنَا * إِنَّ الْأُلَى قَدْ أَبَوْا عَلَيْنَا قَالَ وَرُبَّمَا قَالَ إِنَّ الْمَلَائِكَةَ قَدْ أَبَوْا عَلَيْنَا إِذَا أَرَادُوا فِتْنَةً أَيْبْنَا وَيَرْفَعُ بِهَا صَوْتَهُ

Terjemahan: Muhammad bin al-Muthanna dan Ibn Bashir telah meriwayatkan kepada kami dan lafaz hadith adalah melalui Ibnu al-Muthanna, mereka berdua berkata: Muhammad bin Ja'far telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'bah telah meriwayatkan kepada kami daripada Abi Ishaq beliau berkata: Saya telah mendengar al-Bara' berkata: “Rasulullah S.A.W pada hari Ahzab ketika beliau memungkah tanah bersama-sama kami dan tanah telah pun menutupi putih perutnya sambil Baginda mengucapkan: “Demi Allah! Jika tidak kerana-Mu nescaya kita tidak mendapat petunjuk dan kita tidak tahu bersedekah, tidak tahu bersembahyang. Turunkanlah ketenangan kepada kami, sesungguhnya mereka itu enggan menerima kami”. Perawi berkata: “Kadang-kadang Nabi berkata: “Pembesar-pembesar

⁶⁰ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab al Qatl Ka'ab ibn al-Ashrāf Taghut al-Yahūd, no. hadith 4765. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:184.

Quraisy enggan menerima kami, bila mereka mahu melakukan fitnah (kekufuran), kami tidak mahu menerimanya.” Dalam keadaan Nabi mengangkat suaranya.⁶¹

4. Bab Ghazwah dhi Ghard wa Khayriha

عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي عُبَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ سَلَمَةَ بْنَ الْأَكْوَعِ يَقُولُ خَرَجْتُ قَبْلَ أَنْ يُؤَذَّنَ بِالْأُولَى وَكَانَتْ لِقَاحُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَعَى بِذِي قَرَدٍ قَالَ فَلَقَيْنِي غُلَامٌ لِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ فَقَالَ أَخَذْتُ لِقَاحُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْتُ مَنْ أَخَذَهَا قَالَ غَطَفَانُ قَالَ فَصَرَخْتُ ثَلَاثَ صَرَخَاتٍ يَا صَبَاحَاهُ قَالَ فَأَسَمِعْتُ مَا بَيْنَ لَابَتَيِ الْمَدِينَةِ ثُمَّ انْدَفَعْتُ عَلَى وَجْهِي حَتَّى أَدْرَكْتُهُمْ بِذِي قَرَدٍ وَقَدْ أَخَذُوا يَسْتَقُونَ مِنَ الْمَاءِ فَجَعَلْتُ أَرْمِيهِمْ بِبَنَلِي وَكُنْتُ رَامِيًا وَأَقُولُ أَنَا ابْنُ الْأَكْوَعِ وَالْيَوْمُ يَوْمُ الرُّضْعِ فَأَرْتَجِزُ حَتَّى اسْتَنْقَذْتُ اللَّقَاحَ مِنْهُمْ وَاسْتَلَبْتُ مِنْهُمْ ثَلَاثِينَ بُرْدَةً قَالَ وَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالنَّاسُ فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنِّي قَدْ حَمَيْتُ الْقَوْمَ الْمَاءَ وَهُمْ عَطَاشٌ فَابْعَثْ إِلَيْهِمُ السَّاعَةَ فَقَالَ يَا ابْنَ الْأَكْوَعِ مَلَكَتْ فَأَسْجِحْ قَالَ ثُمَّ رَجَعْنَا وَيُرْدِفُنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى نَاقَتِهِ حَتَّى دَخَلْنَا الْمَدِينَةَ

Terjemahan: Daripada Yazid bin Abī Ubayd, beliau berkata; saya telah mendengar Salamah bin al-Akwa' berkata: “Aku keluar sebelum dilaungkan azan pertama lagi. Unta-unta Nabi S.A.W yang menyusu dilepaskan untuk makan makanannya di Zi Qarad”. Salamah berkata: “Selepas itu, seorang hamba Abd Rahman bin ‘Auf bertemu dengan aku, lalu menceritakan: “Unta-unta Rasulullah S.A.W yang memberi susu telahpun dibawa pergi/dilarikan.” Saya pun berkata: “Siapa yang mengambilnya”. Dia menjawab: “Golongan Ghatafan”. Salamah berkata: “Aku pun bertempik tiga kali: “يَا صَبَاحَاهُ” (Wahai malapetaka menimpa) sehingga aku perdengarkan suaraku kepada orang-orang yang berada di antara kawasan berbatu hitam di Madinah (keseluruhan Madinah). Kemudian aku terus pergi sampai aku sempat mengejar mereka di Zi Qarad. Ketika itu mereka mula minum air di tempat itu. Aku pun terus memanah mereka dengan anak panah dan aku adalah

⁶¹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Ghazwah al-Ahzab Wahiya al-Khandaq, no. hadith 4771. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:187.

seorang pemanah yang hebat sambil berkata: “Aku anak Akwa’, hari ini adalah hari ‘*ruḍāeī*’ (hari yang mana seseorang teruji kehebatannya)”. Aku mengucapkan rajaz/syair itu sehingga aku melepaskan unta-unta itu dari cengkaman mereka dan aku mendapat tiga puluh helai kain selimut daripada mereka. Salamah berkata: Nabi S.A.W pun datang bersama-sama orang lain lalu aku berkata: “Ya Nabi Allah! Aku telah menghalang puak-puak itu daripada mendapat air, mereka dalam keadaan dahaga, hantarlah pasukan sekarang juga (untuk menangkap mereka).” Nabi S.A.W pun berkata: “Hai Ibn al-Akwa’! Engkau sudah menang, cukuplah.” Salamah berkata: Kemudian kami pulang. Rasulullah S.A.W memboncengkan aku di atas untanya sehingga kami memasuki Madinah.”⁶²

5. Bab Ghazwah Dhat al-Riqaq

عَنْ أَبِي مُوسَى قَالَ خَرَجْنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزَاةٍ وَنَحْنُ سِتَّةُ
نَفَرٍ بَيْنَنَا بَعِيرٌ نَعْتَقِبُهُ قَالَ فَتَقَبَّتْ أَقْدَامُنَا فَتَقَبَّتْ قَدَمَايَ وَسَقَطَتْ أَظْفَارِي فَكُنَّا نُلْفُ
عَلَى أَرْجُلِنَا الْخِرْقَ فَسُمِّيَتْ غَزْوَةُ ذَاتِ الرِّقَاقِ

Terjemahan: Daripada Abī Mūsā beliau berkata: Kami berjumlah enam orang pernah berangkat bersama Rasulullah S.A.W dalam satu peperangan. Kami hanya memiliki seekor unta yang kami tunggangi secara bergantian hingga terkelupaslah kulit-kulit tapak kaki kami begitu juga dengan kedua tapak kakiku bahkan kuku-kukuku banyak yang tanggal. Lalu kami pun membalut kaki-kaki kami dengan potongan kain, maka disebutlah perang Zaturriqa’ (*riqa*’ = potongan-potongan kain).⁶³

6. Bab Taḥrīm Hadāyā al-‘Amal

عَنْ عَدِيِّ بْنِ عَمِيرَةَ الْكِنْدِيِّ قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ
اسْتَعْمَلَنَاهُ مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ فَكَتَمْنَا مَخِيطًا فَمَا فَوْقَهُ كَانَ غُلُولًا يَأْتِي بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

⁶² Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Ghazwah dhi Ghard wa Khayriha, no. hadith 4778. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:189.

⁶³ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Ghazwah Dhat al-Riqaq, no. hadith 4802. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5: 200.

قَالَ فَقَامَ إِلَيْهِ رَجُلٌ أَسْوَدُ مِنَ الْأَنْصَارِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَيْهِ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَقْبَلَ عَنِّي
عَمَلِكَ قَالَ وَمَا لَكَ قَالَ سَمِعْتُكَ تَقُولُ كَذَا وَكَذَا قَالَ وَأَنَا أَقُولُهُ الْآنَ مَنْ اسْتَعْمَلَنَاهُ
مِنْكُمْ عَلَى عَمَلٍ فَلْيَجِئْ بِقَلِيلِهِ وَكَثِيرِهِ فَمَا أُوتِيَ مِنْهُ أَخَذَ وَمَا نُهِِيَ عَنْهُ انْتَهَى

Terjemahan: Daripada Adiy bin ‘Amirah al-Kindi beliau berkata, “Aku pernah mendengar Rasul S.A.W bersabda: ”Barangsiapa yang di antara kamu yang kami tugaskan untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan (urusan) lalu dia sembunyikan dari kami sebatang jarum atau lebih dari itu, maka ia adalah pengkhianat (korupsi) yang akan dia bawa pada hari kiamat kelak Adiy berkata: Maka seorang lelaki berkulit hitam dari kalangan Ansar berdiri menghadap Rasulullah S.A.W, seolah-olah aku melihatnya, lalu ia berkata, Wahai Rasulullah S.A.W, kalau begini cacatlah jabatanku yang engkau tugaskan” Nabi Muhammad S.A.W bertanya: Adakah engkau bermaksud sesuatu? Dia menjawab, Aku mendengar engkau berkata demikian-demikian (maksudnya perkataan di atas) Baginda S.A.W pun bersabda, "Aku sebutkan sekarang (sepertimana tadi) bahawa barangsiapa di antara kamu yang kami tugaskan untuk sesuatu pekerjaan (urusan) maka hendaklah dia membawa seluruh hasilnya sama ada sedikit mahupun banyak. Kemudian apa-apa yang diberikan kepadanya, dia boleh mengambilnya dan apa-apa yang dilarangnya daripadanya hendaklah ditinggalkan.⁶⁴

7. Bab al-Mubaya'ah ba'd Fath Makkah 'alā al-Islam wa al-Jihad wa al-Khayr

عَنْ أَبِي عُثْمَانَ التَّهْدِيِّ حَدَّثَنِي مُجَاشِيْعُ بْنُ مَسْعُودٍ السُّلَمِيُّ قَالَ أَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبَايَعُهُ عَلَى الْهَجْرَةِ فَقَالَ إِنَّ الْهَجْرَةَ قَدْ مَضَتْ لِأَهْلِهَا وَلَكِنْ عَلَى
الْإِسْلَامِ وَالْجِهَادِ وَالْخَيْرِ

Terjemahan: Daripada Abī ‘Uthman al-Nahdi, bahawa telah meriwayatkan kepadaku Mujashiyyi’ bin Mas’ud al-Salami di mana beliau berkata: Aku telah datang kepada Nabi Muhammad S.A.W untuk berbai’ah dengan melakukan hijrah, maka Nabi Muhammad S.A.W bersabda: sesungguhnya hijrah telah berlalu pergi bersama-sama dengan orang-orangnya akan tetapi berbai’ah kerana Islam, jihad dan kebaikan masih ada.⁶⁵

⁶⁴ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Tahrim Hadāyā al-‘Amal, no. hadith 4848. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6:12.

⁶⁵ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab al-Mubaya'ah ba'd Fath Makkah 'alā al-Islam wa al-Jihad wa al-Khayr, no. hadith 4933. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6: 27.

8. Bab Istihbab Talaqah al-Wajh ‘ind al-Liqa’

عَنْ أَبِي ذَرٍّ قَالَ قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَحْقِرَنَّ مِنَ الْمَعْرُوفِ شَيْئًا
وَلَوْ أَنَّ تَلَقَّى أَحَاكَ بِوَجْهِ طَلَّقِي⁶⁶

Terjemahan: Daripada Abī Dhār beliau berkata: Nabi Muhammad S.A.W telah bersabda kepada ku: jangan kamu memperkecil-kecilkan benda yang baik dengan sesuatu walaupun hanya melemparkan senyuman manismu ketika bertemu saudaramu.

9. Bab Al-Istikhlaf wa Tarkuh

عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ حَضَرْتُ أَبِي حِينَ أُصِيبَ فَأَنْتَنُوا عَلَيْهِ وَقَالُوا جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا فَقَالَ
رَاغِبٌ وَرَاهِبٌ قَالُوا اسْتَخْلِفْ فَقَالَ أَتَحْمِلُ أَمْرَكُمْ حَيًّا وَمَيِّتًا لَوَدِدْتُ أَنَّ حَظِّي مِنْهَا
الْكَفَافُ لَا عَلَيَّ وَلَا لِي فَإِنْ أُسْتَخْلِفَ فَقَدْ اسْتَخْلَفَ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي يَعْنِي أَبَا بَكْرٍ
وَإِنْ أَتْرَكُكُمْ فَقَدْ تَرَكْكُمْ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنِّي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ
عَبْدُ اللَّهِ فَعَرَفْتُ أَنَّهُ حِينَ ذَكَرَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ غَيْرَ مُسْتَخْلِفٍ

Terjemahan: Daripada Ibn ‘Umar, ia berkata : "Aku turut hadir ketika ayahku ditimpa musibah (ditikam oleh seseorang). Para Sahabat beliau yang hadir ketika itu turut menghibur serta memujinya. Mereka berkata: “Semoga Allah membalas kamu dengan kebaikan”. Umar menjawab: “Aku sangat mengharap yang demikian dan juga turut merasa bimbang”. Mereka berkata: “Tunjukkanlah kepada kami pengganti kamu (sebagai Khalifah)!!!”. Umar menjawab : “Apakah aku juga, mesti bertanggungjawab terhadap urusan pemerintahan kamu waktu hidup dan matiku?, Aku berharap tugasku (tanggungjawab) sudah selesai, tidak berkurangan dan tidak pula berlebih-lebihan. Jika aku tunjukkan penggantikmu, maka itu pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik daripadaku, iaitu Abu Bakr Al-Siddiq, dan jika sekiranya aku tiada, itu aku serahkan kepada kamu, Perkara ini pun, (menyerahkan urusan pemilihan khalifah) pernah dilakukan oleh orang yang lebih baik dari aku, iaitu Rasulullah S.A.W." Abdullah berkata,

⁶⁶ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, Bab Istihbab Talaqah al-Wajh ‘ind al-Liqa’, no. hadith 6857. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 8:37

"Dari perkataannya itu, tahulah aku bahwa dia tidak akan memilih penggantinya untuk menjadi Khalifah."⁶⁷

10. Bab Wujūb Ta'ah al-Umara' fi Khayr Ma'siyyah wa Tahrimuha fi al-Ma'siyyah

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ حَدَّثَنَا لَيْثٌ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Terjemahan: Daripada Ibn Umar beliau meriwayatkannya daripada Rasulullah S.A.W bahawa sesungguhnya Baginda bersabda: wajib atas seseorang itu dengar dan taat pada benda yang disukai atau dibenci kecuali apabila diperintahkan melakukan maksiat maka jika diperintahkan melakukan maksiat tidak boleh dengar dan taat lagi ketika itu.⁶⁸

11. Bab Thubut al-Jannah li shāhid

عَنْ عَمْرِو سَمِعَ جَابِرًا يَقُولُ قَالَ رَجُلٌ أَيْنَ أَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنْ قُتِلْتُ قَالَ فِي الْجَنَّةِ فَأَلْقَى تَمَرَاتٍ كُنَّ فِي يَدِهِ ثُمَّ قَاتَلَ حَتَّى قُتِلَ وَفِي حَدِيثٍ سُويِدٍ قَالَ رَجُلٌ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ أُحُدٍ

Terjemahan: Daripada Amru beliau telah mendengar Jabir berkata: seorang lelaki telah bertanya: “di mana aku wahai Rasulullah S.A.W jika aku terbunuh? jawab Rasulullah S.A.W: “kamu di Syurga, lalu dia pun melempar beberapa biji tamar yang berada di tangannya lalu bingkas bangun pergi berperang (jihad di jalan Allah) sehingga dia terbunuh. Pada riwayat Suwait lelaki itu bertanya perkara yang demikian kepada Rasulullah S.A.W di hari peperangan uhud.

12. Bab Sulh al-Hudaybiyah

⁶⁷ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Al-Istikhlaf wa Tarkuh, no. hadith 4817. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6:4.

⁶⁸ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Wujūb Ta'ah al-Umara' fi Khayr Ma'siyyah wa Tahrimuha fi al-Ma'siyyah, no. hadith 4869. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6:15.

⁶⁹ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Imarah, Bab Thubut al-Jannah li Shāhid, no. hadith 5022. Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 6:43.

عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ قَامَ سَهْلُ بْنُ حُنَيْفٍ يَوْمَ صِفِّينَ فَقَالَ أَيُّهَا النَّاسُ اتَّهَمُوا أَنْفُسَكُمْ لَقَدْ كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْحُدَيْبِيَّةِ وَلَوْ نَرَى قِتَالًا لَقَاتَلْنَا وَذَلِكَ فِي الصُّلْحِ الَّذِي كَانَ بَيْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبَيْنَ الْمُشْرِكِينَ فَجَاءَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ فَأَتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَلَسْنَا عَلَى حَقٍّ وَهُمْ عَلَى بَاطِلٍ قَالَ بَلَى قَالَ أَلَيْسَ قِتَالُنَا فِي الْجَنَّةِ وَقِتَالُهُمْ فِي النَّارِ قَالَ بَلَى قَالَ فَفِيمَ نُعْطِي الدِّيَّةَ فِي دِينِنَا وَنَرْجِعُ وَلَمَّا يَحْكُمِ اللَّهُ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ فَقَالَ يَا ابْنَ الْخَطَّابِ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ وَلَنْ يُضَيِّعَنِي اللَّهُ أَبَدًا قَالَ فَأَنْطَلِقَ عُمَرُ فَلَمْ يَصْبِرْ مُتَعِظًا فَأَتَى أَبَا بَكْرٍ فَقَالَ يَا أَبَا بَكْرٍ أَلَسْنَا عَلَى حَقٍّ وَهُمْ عَلَى بَاطِلٍ قَالَ بَلَى قَالَ أَلَيْسَ قِتَالُنَا فِي الْجَنَّةِ وَقِتَالُهُمْ فِي النَّارِ قَالَ بَلَى قَالَ فَعَلَامَ نُعْطِي الدِّيَّةَ فِي دِينِنَا وَنَرْجِعُ وَلَمَّا يَحْكُمِ اللَّهُ بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمْ فَقَالَ يَا ابْنَ الْخَطَّابِ إِنَّهُ رَسُولُ اللَّهِ وَلَنْ يُضَيِّعَهُ اللَّهُ أَبَدًا قَالَ فَتَزَلِ الْقُرْآنُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْفَتْحِ فَأَرْسَلَ إِلَى عُمَرَ فَأَقْرَأَهُ إِيَّاهُ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْ فَتَحْ هُوَ قَالَ نَعَمْ فَطَابَتْ نَفْسُهُ وَرَجَعَ

Terjemahan: Daripada Abī Wa'il beliau berkata: Satu hari pada peperangan *Siffin* bangun Sahl bin Hunaif lalu berkata: “wahai manusia, kamu sekalian telah ditohmah, sesungguhnya kami ketika bersama Rasulullah S.A.W pada hari perjanjian *Hudaybiyyah*, jikalau berlaku peperangan kami akan bersama-sama berganding bahu melawan musuh, akan tetapi pada ketika itu perdamaian telah berlaku di antara Rasulullah S.A.W dengan orang-orang musyrik Mekah. Maka disuatu ketika telah datang Umar bin al-Khatab lalu beliau berjumpa dengan Rasulullah S.A.W lantas berkata: “Wahai Rasulullah!!!, tidakkah kita di atas kebenaran? dan mereka berada di atas kebatilan? Jawab Rasulullah S.A.W: benar, Umar berkata lagi tidakkah orang yang terbunuh di kalangan kita masuk syurga dan yang terbunuh di kalangan mereka masuk neraka? Jawab Rasulullah S.A.W: benar, Umar meneruskan perbicaraannya lagi: kenapa kita meletakkan kerendahan pada agama kita dan kita kembali ke tempat kita begitu sahaja dan perkara ini berlaku ketika kita boleh melaksanakan hukum Allah di antara kita dan mereka? Jawab Rasulullah S.A.W: wahai Ibn al-Khattab, aku ini adalah Rasulullah, Allah tidak akan menyempitkan urusanku selama-lamanya, lalu Umar bingkas pergi dari situ dan beliau tidak tahan sabar di atas kemarahannya, kemudian beliau pergi pula berjumpa Abu Bakar lalu bertanya kepadanya: “Tidakkah kita di atas kebenaran dan mereka di atas kebatilan : Jawab Abu Bakar: Benar. Umar bertanya lagi: Tidakkah orang yang terbunuh di kalangan orang-

orang Islam masuk syurga dan yang terbunuh di kalangan Musyrik Makkah masuk neraka? Jawab Abu Bakar: benar, lalu beliau bertanya lagi: “kenapa kita meletakkan kerendahan pada agama kita dan kita kembali ke tempat kita begitu sahaja dan perkara ini berlaku ketika kita boleh melaksanakan hukum Allah di antara kita dan mereka?. Jawabnya: “Sesungguhnya Baginda adalah Rasulullah dan Allah tidak akan menyempitkan urusan agamanya selama-lamanya, setelah itu turunlah ayat tentang pembukaan Kota Mekah, maka ayat itu dibacakan kepada Umar, lantas berkata Umar kepada Rasulullah S.A.W: ayat pembukaan Kota Mekah? (kemenangan) Jawab Baginda Ya, maka Umarpun menyesali sikapnya (perbuatannya) dahulu dan bertaubat kepada Allah.⁷⁰

Penghuraian Hadith

Paparan hadith yang dikemukakan di atas, jelas menunjukkan komitmen para Sahabat ketika menghadapi peperangan dan ketika menghadapi suasana perdamaian. Bukan sekadar komitmen yang diberi, malah komitmen orang bawahan terhadap orang atasan juga tidak berbelah bahagi ketika melakukan sesuatu tindakan. Mereka juga sering berkongsi maklumat, walaupun timbul perasaan kurang senang hati disebabkan semangat mereka yang berkobar-kobar dalam mencari kebenaran. Ketaatan kepada kepimpinan dapat dikongsi bersama walaupun terpaksa melalui satu keputusan yang tidak memihak kepada kemahuan dan kehendak diri mereka. Setiap ujian hidup yang dilalui, menambahkan lagi komitmen mereka terhadap Islam. Ia juga menguatkan keyakinan diri, ketaatan serta pengukuhan amal ibadat mereka⁷¹. Agama Islam juga mengajar penganutnya supaya percaya, berkongsi dan komitmen atas setiap suruhan dan larangan yang merupakan dasar kepada perintah Allah.

⁷⁰ Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Jihad wa al-Sayr, Bab Sulh al-Hudaybiyah, no. hadith 4733. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 5:175.

⁷¹ Abd Wahab Al-Daylāmī, *al-‘Amal al-Jamā’i*, 38.

Oleh yang demikian, komitmen para Sahabat adalah hasil ransangan rohani Rasulullah S.A.W terhadap mereka. Ia menyebabkan nilai kedunian tidak memberi kesan kepada para Sahabat. Seorang pekerja bukan sahaja memahami pekerjaan itu satu tuntutan, malah nilai yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar juga menjadi rangsangan untuk melaksanakan amanah yang diberikan. Rasulullah S.A.W juga, cuba menarik perhatian Sahabat agar melakukan kerja dengan penuh komitmen, meskipun kerja yang dilakukan itu amat kecil nilainya di sisi manusia. Selain itu, Baginda S.A.W turut mengajak para Sahabat agar sentiasa memberi komitmen yang padu dalam melaksanakan ketaatan, meskipun perkara yang hendak dilakukan itu sesuatu yang membosankan mereka. Melaksanakan tanggungjawab itu penting, kerana setiap perkara yang dilakukan mestilah dilaksanakan berlandaskan batasan yang telah ditetapkan oleh Islam.

Para Sahabat juga, begitu komitmen bagi menyatakan taat setia kepada pemimpin mereka. Nabi Muhammad S.A.W pula tidak menghampakan Sahabatnya dengan mengemukakan alternatif yang berbeza sesuai dengan kemampuan mereka untuk memberi komitmen dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Perkara ini, dipraktikkan secara langsung apabila perancangan awal tidak mencapai maksud dan tujuan yang dikehendaki. Seterusnya, paparan hadith menunjukkan ketegasan Nabi Muhammad S.A.W dalam memimpin Sahabat melaksanakan '*Amal Jamā'ī*' di kalangan mereka. Ia dilaksanakan dengan penuh komitmen. Baginda juga, mengajar para Sahabat bagaimana cara dan kaedah yang mesti digunakan agar komitmen yang diberikan mendapat ganjaran yang baik, sama ada di dunia mahupun di akhirat. Mereka diperintahkan supaya menjadi manusia yang amanah dalam pekerjaan tanpa ada sebarang penipuan dan penyelewengan⁷².

⁷² 'Abd Allah 'Azzam Al-Shahid, *Kewajipan Gerak Kerja Dalam Jama'ah Islam*, 10.

Perkongsian yang melibatkan komitmen para Sahabat disampaikan kepada mereka secara spontan dan bersahaja. Ianya bertujuan, agar para Sahabat melakukannya dengan sepenuh hati tanpa ada unsur paksaan. Interaksi yang berlaku dalam kalangan mereka adalah penuh bermakna. Semangat yang ditunjukkan oleh mereka, menggambarkan kekuatan rohani dan jasmani mereka hebat. Komitmen yang ditunjukkan oleh mereka tidak boleh dinilai dengan wang ringgit, meskipun menghadapi kesusahan yang amat berat untuk ditanggung. Mereka sentiasa komited dengan matlamat pasukan bagi mencapai kejayaan yang dicita-citakan⁷³. Selain itu, hadith yang dipaparkan juga menjelaskan tentang komitmen Sahabat dalam melaksanakan tugas menjaga kepentingan organisasi. Ibn Akwa' adalah salah seorang petugas yang berwibawa dan komited. Keberanian yang ada padanya, menjadikan beliau mampu melaksanakan tugas tersebut hasil daripada kefahaman yang mendalam terhadap ganjaran ukhrawi yang dijanjikan. Kepercayaan dan motivasi seorang ketua kepada petugasnya terus diungkapkan agar semangat perjuangan itu terus mengalir dengan diresapi iman yang menebal.

Justeru, komitmen mereka bersama Nabi Muhammad S.A.W dalam melakukan kerja secara *'Amal Jamā'ī* agak unik, kerana dalam kepenatan melaksanakan kerja mereka masih lagi diberi perangsang agar sentiasa komited dalam melaksanakan tugas mereka. Paparan hadith juga, menunjukkan tentang komitmen Nabi Muhammad S.A.W memerangi kekufuran. Seorang ketua bersikap tegas tanpa ada kompromi dengan sesiapaupun dalam melakukan kerja terutamanya menentang kekufuran. Kesanggupan orang bawahan juga ketika memberi komitmen amat membanggakan. Ini kerana, komitmen terhadap arahan yang

⁷³ Yasir Faruq Husain, *Mut'ah al-'Amal Ma'an*, 50.

diberikan oleh Rasulullah S.A.W disahut dengan penuh istiqamah sehingga mereka menemui ajal. Bukan sekadar komitmen sahaja, setiap arahan yang disampaikan dapat difahami dengan baik oleh pekerja terhadap kehendak dan kemahuan seorang ketua.

2.5 Kesimpulan

Kajian berkaitan hadith tematik banyak dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Namun, kajian yang dilakukan oleh mereka lebih memfokuskan tumpuan kajian kepada tema yang khusus berkaitan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengenengahkan kajian tematik yang memfokuskan kajian berdasarkan hadith yang berkenaan dengan sesuatu tajuk perbincangan sama ada yang seiring dengan lafaz ataupun pada makna hadith itu sendiri. Pemilihan terhadap hadith *Ṣaḥīḥayn* adalah berdasarkan takrif sunnah itu sendiri. Ia adalah merujuk kepada hadith yang berbentuk perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat (tingkah laku). Hasil pemilihan yang dilakukan didapati terdapat tiga elemen penting yang menjadi tunggak kepada '*Amal Jamā'ī*' seperti mana yang terdapat dalam hadith yang menceritakan tentang hijrah Nabi S.A.W dan para Sahabat ke Madinah.

Setiap himpunan hadith '*Amal Jamā'ī*' dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* memaparkan ketiga-tiga elemen penting yang menggambarkan '*Amal Jamā'ī*' yang pernah dilakukan oleh Nabi S.A.W. Setelah diteliti hadith berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dalam kedua-dua hadith, maka dapat disimpulkan bahawa baginda S.A.W adalah seorang yang sememangnya mengambil berat tentang '*Amal Jamā'ī*'. '*Amal Jamā'ī*' yang dipraktikkan adalah merujuk kepada persoalan yang mencakupi keseluruhan kehidupan. Jika dilaksanakan kerja dalam organisasi, baginda S.A.W mengambil kira kesemua perkara

sama ada berkaitan soal material ataupun spiritual. Kepercayaan menjadi tunggak kepada setiap pekerjaan, diikuti perkongsian menjadi pengikat kepada kerja-kerja tersebut. Oleh yang demikian, komitmen terhadap '*Amal Jamā'ī*' yang dilakukan dapat dilaksanakan dengan baik dan berkekalan. Ini adalah hasil daripada keikhlasan yang lahir dari diri mereka yang mendapat didikan yang sempurna daripada Baginda S.A.W.

BAB 3

LATAR BELAKANG AL-WAHIDA MARKETING SDN BHD

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan tentang syarikat al-Wahida yang menjadi subjek kajian. Pengkaji akan mengenengahkan beberapa subtopik yang menggambarkan syarikat ini secara terperinci. Sub topik tersebut merangkumi sejarah awal penubuhan awal AWM, operasi AWM, dan kejayaan yang dicapai. Seterusnya, kajian ini memperlihatkan AWM sebagai sebuah syarikat yang memaparkan misi, visi, objektif syarikat, aktiviti syarikat dan aktiviti staf dan prinsip serta konsep yang digunakan oleh syarikat dalam merealisasikan '*Amal Jamā'ī*' dalam syarikat mereka.

3.2 Pemilihan Organisasi

Al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. (AWM) adalah sebuah syarikat yang berada di bawah kelolaan HPA yang pernah memenangi anugerah MAHA 2008 pada bulan Oktober 2008. Al-Wahida dipilih sebagai subjek kajian disebabkan mempunyai ciri-ciri sepertimana yang telah disebut dalam bab pendahuluan. Ini kerana syarikat ini mempunyai kaedah pengurusan yang mengambil kira dua perkara penting, iaitu habuan yang berbentuk material dan spiritual dalam menjalankan operasi perniagaan mereka. Pemilihan syarikat ini adalah kerana terdapat elemen-elemen yang unik dan bersepadu yang dilihat menjadi rangkaian syarikat serta perniagaan yang dijalankan, bukan hanya mementingkan pekerjaan

harian semata-mata, malah kerja-kerja kebajikan sebagai pelengkap kepada kehidupan harian mereka. Persaingan yang wujud juga menggambarkan bahawa Islam tidak menolak betapa perlunya menguasai ekonomi tetapi hendaklah dilakukan atas dasar kesatuan dan kerja secara berjamaah dalam mengangkat martabat umat ini.

3.3 Sejarah Penubuhan Al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. (AWM)

Al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. (AWM) adalah salah satu anak syarikat yang berfungsi memasarkan barangan Herba Penawar Al-Wahida Industries Sdn. Bhd. (HPA) yang telah diasaskan oleh seorang anak muda yang bernama Ismail bin Ahmad, yang berasal dari Kampung Changkat Lada, Mata Air, Perlis. Berikutan dengan itu, AWM pada 1 Februari 1996 dengan nombor pendaftaran 376131-A, mendapat lesen di bawah Akta Jualan Langsung dari Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berfungsi melalui konsep sistem *Multi-Level Marketing*. Sebagai anak syarikat HPA, AWM berperanan memastikan setiap barang keluarannya sampai kepada kumpulan sasaran. Oleh yang demikian, tujuan utama syarikat ini ditubuhkan adalah untuk memasarkan produk-produk HPA ke seluruh Malaysia. Syarikat ini pada awalnya, dikenali sebagai Perubatan Tradisional Al-Wahida, beroperasi secara kecil-kecilan sejak bulan September 1987. Justeru, pengasasnya yang dilahirkan pada 1 Jun 1963 adalah merupakan anak petani yang membesar dalam sebuah keluarga yang sederhana.¹ Pengasas syarikat al-Wahida Marketing HPA, Ismail bin Ahmad juga merupakan anak muda yang berkelulusan sarjana muda dalam bidang Botani di Universiti Pertanian Malaysia (sekarang Universiti Putra Malaysia), telah pun melakukan penyelidikan dalam bidang tersebut ketika di universiti. Berbekalkan ilmu

¹ <http://hpa.com.my/08/h.1>.

dan pengalaman serta tunjuk ajar dari gurunya (yang juga bapa saudaranya), beliau sangat berkeyakinan penuh terhadap perubatan berasaskan herba. Pernah diceritakan oleh bapa saudaranya bahawa beliau semenjak dari kecil lagi mempunyai minat tentang perubatan herba dan sering mengikuti beliau ke mana sahaja sehingga ke sempadan merentasi gunung bagi mencari dan mengenal pasti akar kayu yang boleh dijadikan herba bagi tujuan perubatan. Hasil daripada kesungguhan itulah, maka beliau menyahut cabaran dalam bidang perubatan herba dan berada di tengah-tengah gelanggang perubatan negara. Sejarah juga telah menyaksikan bagaimana beliau dengan segala usaha menempuh rintangan dalam memperjuangkan serta memartabatkan perubatan JAWI.² Hasil kesungguhannya, telah melangkah lebih jauh ke hadapan, bukannya hanya produk herba semata-mata malah mempunyai impian untuk mengenengahkan produk kegunaan harian yang berupa makanan, minuman dan barang keperluan harian. Kesemua ini dibuktikan dengan wujudnya produk yang baru dari semasa ke semasa.³

3.4 Latar Belakang AWM

Syarikat yang berasaskan herba ini, beroperasi dan terlibat sepenuhnya dalam perniagaan Multi Level Marketing (MLM) sejak 1 Ramadan 1417 Hijrah bersamaan 1 Februari 1996.⁴ Berbekalkan lesen yang sah, maka setiap barangan HPA dipasarkan ke seluruh Malaysia. Pemasaran barangan ini juga, telah diperluaskan sehingga ke pasaran Indonesia, Brunei dan

² Perkataan JAWI merujuk kepada; J yang merujuk kepada nama sebuah daerah kecil di negeri Perlis, tempat perubatan ini dikembangkan. A merujuk kepada makna 'Alamiah' yang merujuk kepada bahan-bahan alamiah atau semulajadi sebagai salah satu sumber perubatan. W bermakna *Watan* yang merujuk kepada negeri atau tempat dalam bahasa Arab. Ini bermaksud perubatan yang menggunakan bahan-bahan semulajadi yang berasal dalam negeri di mana penyakit itu dijangkiti. I bermakna *Ilahiyyah* yang merujuk kepada meletakkan unsur-unsur Ilahiyyah sebagai suber perubatan. Sumber yang dimaksudkan ialah al-Quran dan al-Sunnah.

³ Ismail Hashim, *HPA Satu Dekad 1997-2007* (Perlis: HPA Industries Sdn. Bhd, 2007), 31.

⁴ Ismail Hashim, *HPA Satu Dekad 1997-2007*, 39.

Singapura. Kini AWM, mempunyai keusahawanan sebanyak 500,000 usahawan di seluruh Malaysia. AWM beroperasi melalui program-program yang diatur seperti Perkongsian Ilmu Cemerlang (PIC) dan Perkongsian Bijak Cemerlang (PBC) bersama stokis, usahawan dan para pengguna yang berminat di dalam perniagaan. Katalog juga adalah merupakan salah satu kaedah yang digunakan bagi memperkenalkan produk. Melalui program dan kaedah yang berkesan semua informasi mengenai produk dapat disalurkan dengan baik melalui perancangan sistem yang diatur. Sehingga kini terdapat 142 buah cawangan AWM di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, AWM telahpun melebarkan perniagaannya sehingga ke Indonesia sehinggalah tertubuhnya enam cawangan di bawah PT Al-Wahida International. Perniagaan MLM AWM HPA telah mendapat pengiktirafan sebagai MLM Syariah daripada Biro Konsultansi Majlis Ulama Indonesia dan juga mempunyai Panel Syariah sendiri yang bertindak memantau segala aktiviti perniagaan AWM HPA dari segi penyediaan produk dan konsep perniagaan yang digunakan.

Ahli panel ini terdiri daripada ahli akademik, pensyarah, profesor dan tokoh agama.⁵ Sebagai salah satu daripada berbagai syarikat bumiputera yang menampilkan produk halal, maka keperluan untuk memasarkan produk tersebut dengan menggunakan kaedah perniagaan MLM ini, dilakukan bagi memperkenalkan produk dan juga memberi rangsangan kepada pengedar, penjual, stokis dan pengguna. Selain itu, dengan adanya rangkaian yang kukuh, maka matlamat yang diinginkan oleh AWM HPA akan tercapai. Antara matlamat tersebut ialah mempromosikan produk halal, perhebatkan jualan agar barangan halal HPA dikenali ramai, mengekalkan prestasi pengguna, pengedar dan penjual dengan barangan bermutu dari HPA. Melalui sistem yang berlandaskan syariah ini, ianya

⁵ <http://www.duniaherba.net/default.asp>

dapat mempermudah operasi perniagaan, malah terbukti keberkesanan dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat tempatan dan luar negara. Tujuan utama penubuhan syarikat ini ialah untuk memberi pendedahan mengenai perubatan herba tradisional sebagai satu rawatan alternatif kepada masyarakat, bukan sahaja memberi kesihatan yang baik dan terjamin malah dapat mengecapi kemakmuran dan memperkayakan kehidupan.

3.5 Pengurusan AWM

Pihak pengurusan mengutamakan pelanggan dalam amalan pengurusan mereka. Bagi memastikan AWM berjalan dengan lancar, terdapat beberapa bahagian yang penting diwujudkan bagi memastikan barangan halal keluaran bumiputera menjadi barangan, makanan dan keperluan yang diberi keutamaan oleh pengguna. AWM sebagai salah sebuah anak syarikat yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap produk-produk keluaran HPA, maka mereka yang terlibat dalam pengurusan organisasi adalah terdiri daripada Pengarah Urusan, iaitu Tuan Haji Ismail Bin Haji Ahmad dan Tuan Haji Fisal Bin Ahmad Tajuddin sebagai Pengarah Urusan II serta dibantu oleh empat orang Pengurus Besar iaitu Pengurus Besar, Pengurus Besar Akaun dan Kewangan, Pengurus Besar Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan Pengurus Besar Sistem Maklumat (MIS). Ketika berada di zaman kemuncak antara tahun 2006-2009 jumlah keseluruhan staf dalam AWM adalah sebanyak 838 orang dan penambahan pekerja berlaku antara 50 hingga 100 orang dalam sebulan. Pecahan staf mengikut lokasi, bahagian dan zon operasi adalah merujuk kepada Jadual 3.1 berikut. AWM telah membuka beberapa cawangan di semua negeri bagi memastikan proses pemindahan maklumat dapat disalurkan dengan sempurna dan semua pelanggan dapat membeli produk dengan senang dan cepat. Antara aktiviti yang berlaku di

peringkat cawangan adalah penjualan produk di samping penyebaran maklumat produk melalui inisiatif seperti brosur, pamflet, *flyers* dan kursus mingguan yang dianjurkan.

3.5.1 Organisasi dan Staf Al-Wahida Marketing Sdn Bhd

Jadual di bawah memaparkan organisasi dan staf al-Wahida di seluruh Malaysia.

Keterangan berkaitan organisasi dan staf adalah seperti berikut:-

Jadual 3.1. Organisasi dan Staf AWM

Lokasi	Bahagian	Jumlah Staf
Ibu Pejabat	Pengarah	2
	Pemasaran	4
	Akaun	10
	Latihan & Promosi	95
	Belian	2
	Pentadbiran	15
	Sumber Manusia	4
	Audit Dalaman	24
	Sistem Maklumat Pengurusan	45
Jumlah		201

Lokasi	Bahagian	Jumlah Staf
Gudang Induk (Tunjang)	Gudang	38
Jumlah		38

Lokasi	Zon Operasi	Jumlah Staf
Sungai Petani	Zon Utara	165
Ipoh	Zon Tengah	149
Kluang	Zon Selatan	115
Kuala Krai	Zon Timur	141
Kuching	Zon Borneo	29
Jumlah		599
Jumlah Keseluruhan		838

3.5.2 Aktiviti Syarikat AWM

Aktiviti yang dilaksanakan oleh syarikat AWM adalah melibatkan proses yang merangkumi perkara berikut;-

3.5.2.1 Produk Pemasaran AWM

AWM mempunyai lebih kurang 261 jenis produk yang telah dipasarkan. AWM di bawah HPA menitik beratkan kualiti dan proses pengeluaran yang menjamin mutu produk sentiasa konsisten. Bekalan bahan herba diusahakan sendiri di ladang-ladang milik syarikat. Pengawasan yang rapi diberi terhadap bahan utama bagi menjamin mutu keluaran yang tinggi. Semua bahan herba lain juga melalui kawalan mutu yang ketat dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

3.5.2.2 Pemasaran oleh AWM

Pemasaran adalah satu proses yang menyatukan kemampuan sesebuah syarikat dengan permintaan pelanggan atau pengguna. AWM di bawah HPA mementingkan proses perhubungan dengan pelanggan kerana ia mempunyai kesan terhadap setiap aspek organisasi terutamanya aspek penyelidikan dan pembangunan produk dan ia juga adalah salah satu strategi untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti produk serta meningkatkan kesediaan orang awam untuk menggunakan produk-produk AWM HPA.

3.5.2.3 Strategi Pemasaran AWM

Semua aktiviti dan strategi pemasaran yang diatur pihak AWM melalui HPA semakin mendapat perhatian dari pengguna contohnya sistem jualan langsung MLM, penambahan cawangan setiap tahun di seluruh Malaysia dan peningkatan usaha-usaha promosi melalui media massa.

3.5.2.4 Multi-Level Marketing AWM

AWM di bawah HPA menggunakan kaedah pemasaran yang sesuai dengan semasa bagi memastikan semua produk-produk AWM HPA dipasarkan ke seluruh Malaysia dan mencapai hasrat untuk menguasai pasaran global. AWM sentiasa membantu mempromosi dan memperkenalkan produk keluaran HPA di seluruh Malaysia, malah turut memperluaskan pasaran ke Indonesia, Brunei dan Singapura. Kini, AWM telah mengeluarkan katalog, menganjurkan program *Herbal Health Consultant* (HHC), program

Perkongsian Bijak, program Perkongsian Cemerlang bersama-sama dengan stokis-stokis, usahawan-usahawan dan pengguna-pengguna yang berminat di dalam perniagaan.

3.5.2.5 Promosi Melalui Media Massa

Setiap tahun HPA telah memperuntukkan sejumlah wang tertentu untuk tujuan promosi produk keluarannya melalui AWM di media elektronik dan media cetak, contohnya pengiklanan di surat akhbar Harian Metro pada setiap hujung minggu, iklan komersial di TV9 dan TV3, iklan di stesen radio ikim.fm dan lain-lain. Usaha-usaha ini telah menunjukkan peningkatan jualan yang mendadak dan permintaan yang tinggi terhadap barangan keluaran AWM HPA terutamanya produk *killer* AWM HPA iaitu Kopi Pra-campuran Radix yang mempunyai tahap permintaan yang tinggi sehingga menjangkau 300,000 unit jualan sebulan.

3.5.2.6 Sistem Penghantaran

AWM mempunyai sistem penghantaran sendiri bagi mengedarkan barangan buatan HPA. Bagi memastikan produk dipasarkan kepada pelanggan kenderaan seperti lori dan van digunakan untuk mengedar barangan ke seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, AWM juga menggunakan perkhidmatan penghantaran cepat (*courier service*).

3.5.2.7 Kaedah Penjualan

HPA menjual semua produk-produk kepada AWM untuk dipasarkan. AWM pula mengamalkan kaedah penjualan jualan langsung melalui stokis-stokis, usahawan-usahawan dan melalui cawangan-cawangan di seluruh negeri. Bilangan usahawan kini sebanyak 500,000 orang.

3.5.2.8 Pesaing dan Potensi Pelanggan

AWM di bawah HPA mempunyai beberapa pesaing yang juga mengeluarkan produk-produk kesihatan berasaskan herba dan kebanyakan daripada mereka adalah pengeluar-pengeluar bukan bumiputera. Produk-produk yang dikeluarkan sentiasa dikenalpastikan mengandungi bahan-bahan yang halal bermula dari proses bahan mentah sehingga proses produk siap dan semua kakitangan operasi adalah seratus peratus beragama Islam. Selain itu, potensi pelanggan AWM HPA adalah pelanggan yang berminat dengan perniagaan MLM, pelanggan yang menitikberatkan hal-hal kesihatan, dan pengguna-pengguna Muslim yang mengutamakan produk halal di dalam penggunaan harian mereka. Sasaran mereka adalah golongan wanita yang bekerja dan suri rumah, golongan lelaki yang bekerja, remaja dan kanak-kanak serta mereka yang mengutamakan kesihatan.

AWM HPA mengeluarkan produk-produk yang suci dan selamat dimakan kerana telah diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia melalui pengiktirafan Amalan Pengilangan Baik atau GMP di mana HPA merupakan syarikat Melayu kedua yang mendapat pengiktirafan ini pada tahun 1996. Semua proses pengilangan produk-produk dilakukan oleh HPA sendiri yang juga telah mendapat pengiktirafan HALAL dari Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia⁶ (JAKIM) dan ISO 9001:2000 dari SIRIM QAS International, kini dalam proses untuk mendapatkan ISO 22000⁷. Semua produk ubatan herba telah melalui proses pengujian kadar kelembapan, Ph, brix dan ujian pengecaian dan juga menghantar sampel ke makmal luar yang diiktiraf oleh SIRIM untuk ujian mikrob, ujian had logam berat dan ujian nutrisi. Setiap proses pengeluaran akan dipantau oleh bahagian kawalan kualiti untuk memastikan setiap produk siap yang dihasilkan adalah terjamin selamat, suci dan tiada kerosakan.

Masyarakat kini kian terdedah dengan pelbagai risiko kesihatan berpunca dari pengambilan makanan yang tidak seimbang dan tidak berkhasiat, kandungan bahan kimia yang tinggi di dalam makanan dan kurang penjagaan kesihatan. Ubatan herba traditional adalah satu kaedah penyelesaian untuk mengatasi risiko-risiko tersebut kerana ubatan herba tidak mempunyai bahan kimia dan mempunyai penawar untuk menghilangkan penyakit. Jadi, HPA percaya bahawa penggunaan ubatan herba secara berterusan dapat meningkatkan tahap kesihatan individu tersebut. AWM di bawah HPA, percaya mempunyai peluang yang cerah di dalam industri pemakanan dan minuman. Ini kerana produk yang dipasarkan mampu bertahan sehingga kini seperti produk Kopi Pra-Campuran Radix yang telah mendapat tempat di hati penggemar minuman kesihatan di Malaysia. Malaysia adalah antara negara penggemar kopi tertinggi di dunia. Jadi dengan formulasi yang ada, AWM yakin dapat menguasai pasaran tempatan secara lebih meluas⁸.

⁶ Dunia Herba HPA. net, HPA Online, *Perniagaan Rangkaian Produk Halal Muslim HPA*, dicapai 2 Ogos 2010, <http://www.duniaherbahpa.net/>

⁷ ISO 22000, adalah satu standard *Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan- Ianya satu keperluan untuk mana-mana organisasi dalam rangkaian makanan sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa.*

⁸ Faisol Abdul Rahman (Pengurus Besar, al-Wahida Marketing Sdn. Bhd, Kompleks HPA, Jejawi Dalam, Perlis), dalam temubual dengan penulis, 3 Jun 2009.

3.5.3 Operasi Syarikat AWM

Syarikat AWM menjalankan operasi setiap hari melibatkan produk-produk perubatan herba ubatan traditional, minyak dan teh, kopi pra-campuran, kordial pegaga, kordial roselle dan kordial kurma, biskut radix, barangan kosmetik dan juga barangan kegunaan kebersihan seperti sabun dan ubat gigi. Produk keperluan harian juga, dipasarkan kepada semua pengguna seperti ayam, daging lembu, daging kambing, makanan berasaskan ikan seperti bebola ikan, kek ikan, naget ikan, Radix Fried Chicken (RFC), pencuci tangan, pencuci pinggan, syampu, serbuk pencuci pakaian, biskut radix dan sebagainya. AWM mensasarkan untuk mencapai jualan RM20 juta sebulan pada tahun 2010. Oleh itu, jumlah pengeluaran bulanan akan bertambah sebanyak 300 peratus dari tahun-tahun sebelumnya. Pada bulan Julai 2009, AWM telah mencatat sejarah penjualan RM15 juta sebulan.

3.5.4 Bahan Mentah

Setakat ini, AWM sentiasa mempunyai bekalan bahan mentah yang mencukupi kerana semua stok sentiasa dikawal dan dipantau oleh bahagian pengeluaran dan bahagian ladang. Hal ini juga berikutan perancangan teliti yang telah diatur dan penanaman bahan mentah oleh AWM HPA sendiri. AWM percaya stok bahan mentah sentiasa cukup kerana AWM mempunyai jalinan hubungan yang baik dengan semua pembekal bahan mentah dan menetapkan satu bahan mentah harus mempunyai sekurang-kurangnya tiga pembekal tetap bagi mengimbangi stok semasa.

3.5.5 Bekalan Pekerja dan Kaedah Pengambilan

AWM mempunyai bahagian pentadbiran dan sumber manusia yang berfungsi untuk mengendalikan pengambilan dan penempatan kakitangan dan hal-hal disiplin kakitangan. Setakat ini, bekalan pekerja adalah mencukupi. AWM di bawah HPA, memberi peluang kepada semua bumiputera yang sedang menganggur dan berkelulusan SPM ke atas untuk berkhidmat dengan HPA. Selain itu, penyediaan pelbagai insentif kepada kakitangan seperti pemberian bonus tahunan, insentif peningkatan jualan, pelbagai elaun dan kenaikan gaji. AWM di bawah HPA juga, memberi keistimewaan kepada kakitangan untuk membeli pelbagai produk-produk dengan harga yang lebih rendah, menyediakan klinik panel untuk rawatan kesihatan kakitangan, mengadakan hari warga untuk meraikan kakitangan dan pelbagai keistimewaan lain yang diberi seperti sumbangan.

3.5.6 Sijil Yang Diiktiraf

Sebagai sebuah organisasi yang menghasilkan produk makanan dan penggunaan harian yang berkualiti, AWM di bawah HPA telah berjaya mendaftar dan memperolehi beberapa pengiktirafan. Antaranya ialah:


1. Sijil Pendaftaran HPA Industries Sdn. Bhd. dan Al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
2. Sijil Halal daripada Halal Industry Development Corporation (HDC).
3. Sijil Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
4. Skim Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2000) daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
5. Sijil Penghargaan Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) daripada SIRIM Berhad.

6. Semua kilang menghasilkan produk HPA yang dipasarkan AWM mendapat penarafan Amalan Pengilangan Baik atau *Good Manufacturing Practice* (GMP), yang dikeluarkan oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Kesihatan Malaysia.
7. Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti.

3.5.7 Carta Proses dari Kilang HPA ke AWM

Carta di bawah menunjukkan gambaran berkaitan proses pengeluaran produk bermula dari kilang HPA sehinggalah AWM memasarkannya ke sasaran yang dituju.

Rajah 3.1. Carta Proses dari Kilang HPA ke AWM



Sumber: Panduan Pekerja HPA Industries Sdn Bhd, 1 Januari 2006.

3.6 MLM Syariah dalam AWM

Menjadi tanggungjawab HPA memastikan bahawa barangan yang dikeluarkan oleh syarikatnya yang dikelola oleh AWM adalah menepati syariat Allah. Dengan slogan “Produk Halal Tanggungjawab Bersama” adalah matlamat perniagaan HPA, maka al-Wahida yang bertanggungjawab memasarkan barangan HPA sentiasa memastikan setiap barangan yang dipasarkan sampai kepada sasaran.

Oleh yang demikian, AWM melalui penggunaan kaedah secara MLM⁹ adalah digunapakai dalam memasarkan produknya dengan memposisikan pelanggan syarikat serta menjadikan mereka sebagai tenaga pemasar. Justeru, konsep yang digunakan adalah dengan menyalurkan produk atau perkhidmatan yang membuka peluang kepada pengguna untuk melibatkan diri sebagai penjual dan memperolehi keuntungan melalui garis panduan kemitraannya. Ianya adalah sistem rangkaian yang memiliki ciri-ciri yang khusus dan berbeza dengan sistem pemasaran yang sedia ada. Di antara ciri-ciri khusus tersebut ialah:

1. Mempunyai banyak tingkat atau level.
2. Merekrutkan anggota baru.
3. Mempunyai penjualan produk.
4. Mempunyai skim latihan.
5. Mewujudkan bonus pada setiap level.¹⁰

⁹ MLM adalah singkatan daripada Multi Level Marketing yang bermaksud satu sistem pemasaran jaringan pengedar yang dibangunkan secara bertangga (Level). Ianya biasa dikenali dengan istilah ‘Upline’ (tingkat atas) dan ‘Downline’ (tingkat bawah). Secara automatik ‘Upline’ akan disebut jika seseorang itu mempunyai ‘Downline’.

¹⁰ Ahmad Adnan bin Fadhlil, *Soal Jawab MLM Syariah HPA* (Kuala Lumpur: Islamic Book Store Teknologi HPA Sdn. Bhd., 2010), 14.

Justeru, MLM Syariah adalah merupakan satu sistem pemasaran/pengedaran berlevel (bertingkat) bagi memasarkan barangan yang dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip Muamalah Syariah dalam semua keadaan. Komponen utama MLM terdiri daripada empat perkara, iaitu:

1. Barangan/produk pemasaran.
2. Pendaftaran/penajaan usahawan untuk pembinaan rangkaian.
3. Perancangan pemasaran/pengedaran.
4. Untung, bonus dan insentif¹¹.

Bagi mendapat pengiktirafan Syariah, semua komponen yang dinyatakan di atas mestilah menepati kehendak syariah. Selain itu segala aktiviti AWM yang berlandaskan MLM syariah seperti pengeluaran barang, pembungkusan, pengedaran, pengiklanan, penajaan, penjualan, latihan/kursus, khidmat pelanggan, pemberian bonus dan sebagainya mestilah menepati garis panduan yang terdapat dalam Muamalah.

Suatu sistem perniagaan perlu dilihat dalam ruang lingkupnya yang menyeluruh barulah boleh dipastikan ianya mengikut syariah ataupun tidak. Selain itu, perlu dilihat pula status produknya, kaedah jualan, sistem pemasarannya, kaedah yang dipakai dalam pemberian bonusnya dan sebagainya direalisasikan serta dipraktikkan itu menepati hukum syarak. Hukum syarak pula tidak boleh dibatasi dengan hanya dilihat pada nama dan istilah semata-mata tetapi dilihat kepada realiti yang sebenar ketika mempraktikkannya¹².

¹¹ Ahmad Adnan, *Soal Jawab MLM Syariah HPA*, 25.

¹² *Ibid.*

3.7 Prinsip-Prinsip Utama MLM Syariah dalam AWM

MLM Syariah telah dirumuskan oleh panel Syariah yang dilantik di kalangan ilmunan dan usahawan akademik. Rumusan tersebut mengambil kira perkara-perkara berikut:

1. Hukum melakukan urusan niaga dalam Islam adalah harus selagi ianya tidak dicemari oleh perkara-perkara yang menyalahi syarak. Mengikut kaedah yang disepakati oleh ulamak bahawa hukum melaksanakan urusan yang berkaitan dengan muamalah adalah harus selagi tidak ada fakta yang menunjukkannya haram. Kaedahnya adalah:

الأصل في المعاملات الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Terjemahan: “Hukum asal bagi sesuatu urusan muamalah dalam Islam adalah harus sehinggalah wujudnya fakta/dalil menunjukkan kepada pengharamannya.”¹³

2. Memastikan bahawa prinsip *fiqh* (hukum asal sesuatu muamalah adalah harus) itu hendaklah bertepatan dengan syarak dan tidak terdapat unsur-unsur yang dilarang oleh syarak ketika mengendalikan sistem perniagaan dan urusan niaga yang dijalankan.
3. Sesuatu akad yang dilakukan hendaklah memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak yang merangkumi:
 - a. Penjual dan pembeli.
 - b. Barangan/produk.
 - c. Harga.
 - d. *Ijab* dan *Qabul*.¹⁴

¹³ ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakar bin Muhammad al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Nazair*, (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983), 60.

¹⁴ Panel Syariah HPA, *MLM Syariah HPA Sdn. Bhd.* (Perlis: Hpa Industries Sdn. Bhd., 2009), 13.

4. Hendaklah proses jual beli atau urus niaga terbina atas prinsip *al-Tarāḍī*¹⁵ (saling rela merelai) antara pihak yang berurusan.
5. Perniagaan yang sah menurut Islam mestilah memenuhi syarat prinsip-prinsip asas seperti:
 - a. Akad yang saling reda-meredai antara penjual dan pembeli.
 - b. Memenuhi syarat dan rukun yang telah ditetapkan oleh syarak dalam sesuatu urusan jual-beli.
 - c. Bebas sepenuhnya dari perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak¹⁶.

3.8 Ciri-Ciri MLM Syariah AWM

Panel Syariah telah membuat keputusan bahawa ciri MLM Syariah AWM mestilah mengenal pasti perkara-perkara berikut¹⁷:

1. Produk yang dipasarkan hendaklah benar-benar halal, Tayyib (berkualiti) dari semua aspek dan keadaan dan tidak ada sebarang keraguan atau *syubhah*.
2. Akad dilakukan antara pembeli dan penjual atas dasar suka sama suka serta tidak ada paksaan dan manipulasi (mengambil kesempatan di atas kejahilan pengguna/pembeli).
3. Hukum fiqah dijadikan rujukan dalam sistem urus niaga yang melibatkan rukun dan syarat jual beli.
4. Jual beli adalah berdasarkan harga barangan/produk yang setara serta wajar sebagaimana harga pasaran mengikut kualiti yang sebenar.

¹⁵ Maksud *al-Tarāḍī* ialah pembeli merelai barangan/produk yang diambilnya dan penjual atau diterimanya manakala penjual pula merestui harga jualannya. Akad yang dilakukan bersih daripada unsur-unsur penipuan atau paksaan. Syarak sebagai penentu kepada keredaan dan kerelaan tersebut.

¹⁶ Panel Syariah HPA, *MLM Syariah HPA Sdn. Bhd.*, 6.

¹⁷ *Ibid.*

5. Sistem perniagaan mestilah terhindar daripada skim piramid atau *money game* yang berniaga hanya berselindung di sebalik barangan/produk. Barangan/ produk mestilah wujud dan dilaksanakan menurut perniagaan yang sebenar.
6. Sistem yang berlandaskan syarak dan terhindar daripada sebarang penipuan, gimik yang melampau, retorik serta manipulasi barangan terhadap pembeli
7. Beriltizam dengan adab-adab atau etika pengedar yang memenuhi tuntutan syariat Islam.
8. Pengurusan syarikat hendaklah memiliki panel syariah dan dipantau oleh mereka yang mahir serta memahami masalah ekonomi.
9. Mengamalkan prinsip *al-Ta'āwun* seperti mana yang dituntut oleh Islam
10. Matlamat yang jelas dengan memperjuangkan barangan halal dan membangunkan ekonomi ummah serta bebas daripada unsur menekan pengguna dan pengedar.
11. Bonus berkongsepkan prinsip *Ju'ālah* yang diharuskan oleh syarak dan mengamalkan keuntungan bersama iaitu di antara syarikat dan para pengedarnya.
12. Yuran yang diambil tidak membebankan pengguna dan tidak diikat dengan syarat-syarat yang menyebabkan berlakunya dua akad dalam satu masa.
13. Pemantauan yang dilakukan oleh panel yang dilantik dan mempunyai sistem pemasaran yang jelas, telus dan adil.
14. Perjalanan urus niaga berteraskan MLM yang diterajui sepenuhnya oleh orang Islam keseluruhannya dan mengemukakan alternatif produk halal dalam semua kategori sama ada barangan keperluan harian dan lain-lain.
15. Perniagaan MLM yang mendidik usahawan menjadi pengguna, pengedar dan penjual yang diredai Allah SWT¹⁸.

¹⁸*Ibid.*, 107

16. Perjalanan perniagaan yang berteraskan ilmu yang mencakupi ilmu syariat, ilmu perniagaan dan pengubatan herba Islam.¹⁹
17. Memastikan pengedar-pengedarnya mempunyai akhlak yang baik dan tersemat di dalam jiwa mereka sifat mahmudah dan mengenyahkan sifat-sifat mazmumah.²⁰

3.9 Perbezaan MLM dan *Money Game* (Permainan Wang/Skim Pyramid)

Terdapat perbezaan yang ketara di antara MLM yang diamalkan oleh AWM dan *Money Game*. MLM ialah pemasaran dengan sistem jualan langsung dari pengeluar produk (syarikat) kepada pengguna melalui multi (banyak) level (tingkatan) jaringan. Jadi, perkara asas MLM ialah pada perkataan “Marketing” (pemasaran) bukan multi levelnya. Sebaliknya, *Money Game* tertakluk kepada jenis permainan itu sendiri.

Melalui MLM, keuntungan atau inisiatif yang akan diperolehi oleh para pengedar atas nama bonus, insentif atau sebagainya adalah berdasarkan jumlah produk yang berjaya dijual kepada pengguna melalui hasil usaha mereka menjual, bekerja dan peranan yang dilakukan oleh pengedar. Manakala *Money Game*, keuntungan adalah berdasarkan sejauh mana orang yang terlibat berjaya merekrutkan orang lain yang memasukkan sejumlah wang sehingga terbentuk satu format piramid. Keuntungan dalam MLM diperolehi dari usaha memasarkan serta menjual produk sedangkan *money game* hanya diperolehi daripada usaha memperbanyakkan *downline* atau merekrutkan usahawan baru.²¹ Perbezaan antara MLM dan *Money Game* boleh dilihat secara mudah melalui jadual berikut:

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ Ahmad Adnan, *Soal Jawab MLM Syariah HPA*, 15.

²¹ *Ibid.*

Jadual 3.2. Perbezaan MLM dan *Money Game*

Kegiatan	MLM	Money Game/Piramid
Pendaftaran	Seseorang menjadi usahawan dan membayar yuran. Yuran tidak terlalu mahal dan boleh diterima akal berdasarkan proses dan pemberian benda yang munasabah dengan pendaftaran.	Seorang menjadi usahawan dan kena membayar serta membeli barang. Yuran yang dikenakan sangat tinggi, selalunya disertakan dengan pembelian produk dan menampakan unsur paksaan (dua akad dalam satu masa). Harganya juga sangat mahal dan keterlaluan.
Produk	Seseorang tidak diwajibkan membeli barangan. Boleh memiliki barang apabila hendak menjual atau keperluan diri dan keluarga. Justeru, wujudnya produk/barangan yang diniagakan. Setiap produk/barangan mempunyai kualiti yang standard dan dipertanggungjawabkan tentang kualitinya.	Menetapkan syarat apabila menjadi usahawan hendaklah membeli barang. Produk/barangan yang dijual tidak wujud hanya berselindung disebalik MLM atau gimik. Kualitinya turut dipersoalkan dan tidak dipertanggungjawabkan.
Peluang Berjaya	Seseorang yang menjual barang akan memperolehi komisen.	Seseorang yang menjadi usahawan akan menyebabkan orang atas.

	Semua peserta mempunyai kelebihan serta peluang yang sama bagi mendapat habuan dan kejayaan.	mendapat komisyen. Peserta yang mendaftar awal mempunyai kelebihan dan peluang yang tinggi untuk mendapat keuntungan hasil daripada keusahawanan anggota yang mendaftar kemudian.
Penentu keuntungan/ kejayaan	Seseorang mencari usahawan dan orang yang dicari tersebut menjadi usahawan serta dilatih untuk menjual produk/barangan dan orang yang mencari usahawan tadi dapat komisyen dari jualannya Berdasarkan kepada hasil penjualan produk/barangan yang nyata dan secara jelas tanpa penyelewengan. Perkembangan jaringan yang berterusan.	Seseorang menjadi usahawan kemudian mencari usahawan yang baru dan orang yang di bawahnya mesti membeli barang jika hendak menjadi usahawan dan jika berlaku sebaliknya, seseorang itu tidak akan memperolehi komisyen. Ada unsur paksaan dan terikat di antara usahawan dan barangan. Ianya tertakluk kepada banyaknya wang yang dikumpul melalui penajaan. Tidak perlu berpenat lelah dan melakukan kerja berat. Hanya mengumpul peserta sahaja

Sumber: Jadual ini diadaptasi melalui buku Panel Syariah HPA, 30 November 2009.

3.10 Hukum dan Fatwa MLM

Hukum muamalah dalam Islam adalah berbeza dengan hukum ibadah. Ini kerana ibadah yang dilakukan hendaklah tertakluk kepada cara atau kaedah yang ditetapkan oleh syarak. Tidak timbul persoalan seseorang mestilah kreatif dalam melaksanakan ibadah melainkan hanya melalui ketetapan syarak. Sebaliknya, muamalah dalam Islam adalah harus melalui kaedah atau cara yang ditetapkan selagi tidak bertentangan dengan syarak²². Boleh berlaku pembaharuan atau disebut kreatif dalam muamalah terutamanya dalam urusan perniagaan atau ekonomi yang dijalankan. Harus mengadakan akad ataupun bentuk muamalat baru selagi tidak bercanggah dengan mana-mana larangan syarak. Sebenarnya, hak untuk menentukan halal dan haram adalah milik Allah Ta'ala. Tidak ada sesiapa pun yang layak menentukan halal dan haram sesuka hati. Apa yang halal disisi Allah maka perkara tersebut adalah halal, sebaliknya apa yang diharamkan Allah adalah haram.²³

Panel Syariah yang telah dibentuk oleh HPA telah memutuskan bahawa harus menjalankan peniagaan melalui sistem MLM ini dengan syarat-syarat tertentu.²⁴ Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-72 yang bersidang pada 23 Januari 2006 telah mengadakan perbincangan hukum Sistem Jualan Langsung (*Multi Level Marketing-MLM*) menurut Islam adalah harus. Dalam perbincangan tersebut, Majlis Fatwa memutuskan bahawa konsep, struktur dan undang-undang perniagaan MLM yang diluluskan oleh kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan

²² 'Abd al-Rahman bin Abi Bakar bin Muhammad al-Suyuti, *al-Ashbah wa al-Nazair*, 60.

²³ Yūsuf al-Qarḍawī, *Al-Halal wa al-Harām fil Islam* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1991), 17.

²⁴ Panel Syariah HPA, *MLM Syariah HPA Sdn. Bhd.*, 5.

Islam.²⁵ Seterusnya, fatwa yang dikeluarkan oleh *Dār al-Iftā'* Kaherah turut mengharuskan sistem MLM untuk dilaksanakan dalam muamalah kini dengan syarat-syarat tertentu. Majlis Fatwa yang diketuai oleh Muhammad Ali Jum'ah telah memutuskan perkara ini pada 26 Mac 2007 dalam fatwa yang bernombor 523 tentang keharusan sistem MLM ini yang giat di pasaran kini²⁶.

3.11 Prinsip AWM Berkaitan '*Amal Jamā'ī*'

AWM sebagai salah sebuah anak syarikat HPA yang mengutamakan gerak kerja yang dituntut oleh syarak, maka AWM menjadikan kerja secara berjamaah (*'Amal Jamā'ī*) sebagai amalan harian mereka. Setiap tindakan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada beberapa prinsip yang tidak menyimpang daripada panduan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh yang demikian, kerja berpasukan yang dilakukan oleh usahawan AWM ialah, memastikan setiap prinsip berikut mencakupi keperluan material dan spiritual usahawan dan pengguna.

1. Produk-produk yang dikeluarkan adalah halal sama ada makanan, minuman dan produk kegunaan harian.
2. Membantu sesama muslim dengan melahirkan usahawan yang berjaya.
3. Memacu manusia ke arah kejayaan dunia dan akhirat²⁷.

²⁵ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Hukum Jualan Langsung Menurut Perspektif Islam," Laman sesawang *e-Fatwa*, *Portal Rasmi Fatwa Malaysia* kali 72 pada 23 Januari 2006, dicapai 23 Julai 2010, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-sistem-jualan-langsung-mlm-menurut-islam>.

²⁶ Portal Dār al-Iftā' al-Misriyyah, "Hukm al-Ta'amul Maa' Sharikah Shinil al-Siniyyah (MLM)," Laman sesawang *Dār al-Iftā'*, dicapai 23 Ogos 2010, <http://www.Dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=523&text=MLM>.

²⁷ Panduan Pekerja, HPA Industries Sdn Bhd, 1 Januari 2006.

3.12 Sepuluh Prinsip Hidup Staf dan Usahawan AWM

1. Mengambil berat tentang Syariat.
2. Mempunyai roh (semangat) perjuangan Islam termasuk membangun ekonomi ummah dan memperkenalkan produk halal kepada masyarakat.
3. Melaksanakan amanah yang diberi sebaik mungkin.
4. Berdisiplin dalam segala hal.
5. Menjaga penampilan diri sebagai seorang muslim dalam segala aspek.
6. Menjaga kejelasan niat dan keikhlasan, iaitu sentiasa mengharap keredaan Allah.
7. Menjaga roh persaudaraan ukhuwwah sesama staf sebagai satu keluarga.
8. Memberi perhatian kepada ilmu dan pembinaan saksiah diri.
9. Menghormati orang yang lebih atas dan mengasihi orang yang di bawah.
10. Pengamalan Pengilangan Islam oleh pekerja muslim soleh²⁸.

3.13 Pengiktirafan Terhadap HPA Di Bawah Kelolaan AWM

Menurut Haji Ismail, Anugerah Perdana Menteri merupakan satu penghargaan kerajaan kepada HPA sebagai penjana sektor pertanian yang memberikan keuntungan kembali kepada rakyat. Berapa ramai mereka yang mendapat manfaat daripada kewujudan AWM HPA. Justeru, AWM dibawah kelolaan HPA menjadikan peniagaan MLM sebagai pilihan, hasil dokongan kuat para usahawan-usahawannya²⁹. Pengiktirafan yang tinggi daripada kerajaan dijadikan sumber motivasi dalam mengembangkan perniagaan AWM HPA, terutamanya bagi meluaskan pasaran eksport.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Mohd Zahir Ghazali (Pengarah Jati Setia , al-Wahida Marketing Sdn. Bhd, Kompleks HPA, Jejawi Dalam, Perlis), dalam temubual dengan penulis, 3 Julai 2009.

AWM sebagai sebuah anak syarikat HPA yang bertanggungjawab memasar kopi Radix, telah dianugerahkan Anugerah Perdana Menteri Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2008. Dengan kemenangan itu, HPA menerima hadiah wang tunai RM50,000, piala dan sijil. Selain dianugerahkan pemenang kategori yang baru diperkenalkan, HPA turut memenangi kategori Anugerah Pemasar Tani Jaya Kebangsaan 2008 yang menjadikan hadiah keseluruhan bernilai RM80,000, selain sijil dan trofi, yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas pelancaran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2008, di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (Maeps). Pada tanggal 25 Jun 2009, HPA sekali lagi diiktiraf oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan memperolehi Anugerah Inovasi Jaya bersempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Perlis Tahun 2009.³⁰ Anugerah disampaikan oleh Dato' Noh Omar selaku Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

3.14 Konsep '*Amal Jamā'ī*' yang diamalkan Al-Wahida

Konsep '*Amal Jamā'ī*' adalah merupakan amalan yang dipraktikkan oleh usahawan AWM HPA bagi menjamin kualiti dan kesepaduan di antara rohani dan jasmani seseorang pengguna. AWM amat komited terhadap stafnya, usahawan dan pengguna produk. AWM adalah satu-satunya anak syarikat yang sentiasa mengambil berat terhadap usahawan, pengguna dan stafnya samada berkaitan kebajikan yang berbentuk material dan juga santapan rohani. Ianya bertujuan untuk melahirkan masyarakat yang bekerja atau bersosial bukan hanya mencari wang dan kemudahan untuk keperluan keluarga, malah sebagai

³⁰<http://duniaherbahpa.com/2009/06/hpa-terima-anugerah-inovasi-jaya-2009/>

ibadah dan kewajipan terhadap mereka terutamanya dalam mengurus soal makan minum yang menjadi sumber tenaga kepada manusia. Oleh yang demikian, konsep '*Amal Jamā'ī*' adalah merupakan satu perkara yang diberi perhatian dan sentiasa dipraktikkan bagi memastikan perniagaan yang dijalankan mendapat berkat dan rahmat daripada Allah.³¹ Terdapat dua konsep '*Amal Jamā'ī*' yang diamalkan oleh AWM HPA bagi melancarkan lagi operasi syarikatnya, iaitu '*Amal Jamā'ī*' berbentuk material dan '*Amal Jamā'ī*' berbentuk spiritual. Selain itu, AWM juga mempraktikkan elemen-elemen seperti kepercayaan, perkongsian dan komitmen yang menjadi tunjang kepada '*Amal Jamā'ī*' dalam menjalankan operasi mereka.

3.14.1 '*Amal Jamā'ī*' Berbentuk Material

AWM sentiasa membantu usahawan untuk terus mengembang pengetahuan dan memantapkan lagi perniagaan ke arah kejayaan diri, keluarga dan masyarakat. Sistem yang digunakan oleh AWM seperti MLM bukannya bersandarkan kepada sistem *money game* atau *pyramid*. Kualiti barang atau produk diambil kira dalam perniagaan. AWM mensasarkan hasil jualan kepada masyarakat untuk sama-sama mengecapi produk halal dan yang dijamin oleh syarak. AWM dibawah HPA tidak mencari keuntungan material dengan memeras, memaksa, menipu daya dan sebagainya demi mengejar keuntungan. Justeru, barangan buatan bumiputera Muslim dikongsi bersama agar produk halal menjadi kelaziman dalam kehidupan harian mereka. Keusahawanan AWM HPA hanya untuk memberi kefahaman, galakkan dan tujuan sebenar HPA beroperasi kepada masyarakat tanpa ada perkara yang tersirat dan tersurat di sebalik produk yang ada.

³¹ Panduan Pekerja, 2006.

Hasratnya, agar usahawan dan pengguna sama-sama memperjuangkan dan menggunakan produk halal yang berupa makanan, minuman dan barangan kegunaan harian. AWM tidak memperdaya pelanggan dengan mengambil kesempatan ke atas mereka yang jahil untuk menjadi usahawan. Mereka tidak diikat dengan perjanjian tertentu seperti yang terdapat di dalam sistem piramid sedia ada, yang mensyaratkan setiap usahawan menjadi pengedar. Selain itu, AWM juga memberi galakan kepada masyarakat agar turut sama menjadi usahawan mengedar barangan Muslim. Setiap aktiviti yang berkaitan pengedaran, tidak dikenakan syarat yang melanggar batas syarak. Bahkan, jika seseorang itu tidak menjadi pengedar, keusahawanannya tidak terbatal dan masih berfungsi seumur hidup. Konsep yang diguna pakai adalah merujuk kepada usaha dan kemahuannya bekerja. Selain itu, AWM menyediakan bonus kepada pengedar tersebut yang melakukan kerja yang selayak dengannya. Kedudukan seseorang yang rajin bekerja akan sentiasa berubah bukan disebabkan beliau berjaya mencari *down line* di bawahnya dengan memanipulasi orang tersebut. Ringkasnya, dia layak mendapat hak yang diusahakan. Seseorang itu tidak dibebankan dengan sesuatu melainkan apa yang termampu dilakukan olehnya. Cara ini adalah bersesuaian dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Al-Baqarah 2:286

Terjemahan: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya atau yang mampu dilakukannya.”

Justeru, elemen yang cuba diterapkan oleh AWM HPA ialah mengajak masyarakat kepada membudayakan hidup dengan barangan halal lagi berkat. Maka konsep mengajak

(membantu) kepada yang makruf dan meninggalkan sesuatu yang mungkar dapat direalisasikan. AWM juga membantu masyarakat dengan membeli hasil, malah segala tanaman, ternakan dan perkilangan (seperti roti, aiskrim dan lain-lain) yang diperlukan oleh HPA, maka AWM akan membantu mereka memasarkan barangan tersebut. Selain itu, AWM di bawah HPA menubuhkan koperasi bagi membantu usahawannya melabur dan memperolehi keuntungan daripada operasi syarikat.

Misi koperasi AWM HPA ialah untuk berkembang sehingga menjadi sebuah bank seperti mana Bank Rakyat. Apa yang pasti ianya tidak menyimpang daripada kehendak syarak dan usahawan akan mendapat wang yang halal lagi diberkati. Konsep '*Amal Jamā'ī*' yang berbentuk material ini mencakupi semua pihak termasuk staf, usahawan, pengguna serta sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak. AWM sentiasa berkembang dari hari ke hari sehinggalah mewujudkan peluang pekerjaan kepada segenap lapisan masyarakat samada berpelajaran ataupun tidak. Mereka diambil bekerja sesuai dengan kebolehan mereka. Syarat yang paling diberi keutamaan ialah mereka yang sentiasa dekat dengan Allah seperti mana yang akan dijelaskan dalam bahagian berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang berbentuk spiritual.³²

3.14.2 '*Amal Jamā'ī*' Berbentuk Spiritual

Konsep '*Amal Jamā'ī*' yang berbentuk spiritual juga diamalkan oleh AWM HPA. Ianya bertujuan untuk sama-sama mengajak manusia kepada prinsip mentauhidkan Allah. Dalam perubatan JAWI, kaedah ihsan, ubat-ubatan yang halal, perubatan yang tidak membawa

³² Buku Panduan MLM Syariah: 2009

mudharat, perkara yang jauh dari syirik dan kaedah berikhtiar serta bertawakal dengan mencari yang terbaik berdasarkan kaedah Islam yang sesuai dengan syariat diguna pakai dalam perubatan. Setiap penyakit yang dirawat adalah bersandarkan kepada Allah yang Maha penyembuh. Tidak sekadar perubatan JAWI sahaja, AWM HPA sentiasa memastikan warganya yang menyediakan makanan, minuman dan barangan mestilah bersih jasmani dan rohaninya. Pekerja dan usahawan dimestikan berwuduk dan berkeadaan bersih ketika melakukan kerja yang diamanahkan. Kefahaman terhadap setiap rezeki yang halal itu akan menghasilkan manusia yang bertakwa kepada Allah.

AWM sentiasa memastikan warganya hampir dengan Allah SWT. Setiap orang yang bekerja dengan AWM diwajibkan mengikuti aktiviti kerohanian yang telah diatur oleh syarikat. Aktiviti kerohanian seperti bacaan *Ma'thurat*, solat *Duha*, majlis *Ta'lim*, tadarus al-Quran, solat berjamaah dan usrah mingguan diberi keutamaan. Bagi mereka yang gagal mengikutinya, diminta supaya menunjukkan surat tunjuk sebab kenapa tidak melakukan perkara yang telahpun ditetapkan. Inilah yang diberi perhatian oleh AWM HPA bagi memastikan hubungan di antara warganya dengan Allah sentiasa berterusan. Bukan sekadar memenuhi keperluan material semata-mata, malah spiritual juga diberi keutamaan. AWM amat memahami sesuatu kejayaan untuk membangunkan syarikat dan kemanusiaan bukan sekadar memiliki wang dan produk yang banyak, malah keseimbangan di antara jasmani dan rohani mestilah diberi keutamaan. Konsep '*Amal Jamā'ī*' yang diamalkan secara tidak langsung membantu sesama muslim merealisasikan konsep *ta'abudiyyah* di antara hamba dengan tuhanNya, manusia sesama manusia dan manusia dengan makhluk yang lain. Ringkasnya, AWM sentiasa berperanan mentarbiah warganya, usahawan, pengguna dan pengedar agar memberi keutamaan kepada kerjasama dan tolong menolong di antara satu

sama lain. Inilah yang diharapkan oleh AWM dalam menjana perniagaan yang akhirnya mampu melahirkan usahawan yang berjaya dan memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh Islam³³. AWM HPA juga telah menerapkan 10 prinsip kepada warganya demi memelihara hubungan di antara hamba dengan Tuhannya. Prinsip-prinsip tersebut menyentuh tentang kefahaman dan penghayatan terhadap Islam berdasarkan syariat dan roh perjuangan Islam dalam memperkenalkan halal dan haram kepada masyarakat. Selain itu, elemen-elemen yang berkaitan sifat-sifat mukmin diterapkan dalam kehidupan warganya seperti ikhlas, amanah, disiplin, keterampilan saksiah, berilmu, ukhuwah, mahabbah dan bersederhana dalam hidup merupakan suatu kekuatan kepada syarikat dan individu muslim itu sendiri. Perkara inilah yang menyerlahkan lagi konsep '*Amal Jamā'ī*' dalam syarikat AWM HPA demi memacu warga, usahawan dan pengguna kepada membina saksiah muslim yang berjaya dalam setiap amalan dan pekerjaan mereka³⁴. AWM juga, turut menjadikan elemen '*Amal Jamā'ī*' sebagai pemangkin kepada perniagaan mereka.

3.14.3 Kepercayaan

Bagi memastikan operasi al-Wahida berjalan dengan lancar, elemen kepercayaan merupakan satu-satunya konsep penting yang menjadi penggerak utama kepada pihak pengurusan al-Wahida dan usahawan. Ianya dapat dilihat, apabila pihak pengurusan AWM memberikan sepenuhnya kepercayaan kepada usahawan untuk menggunakan apa sahaja kaedah bagi memasarkan barangan HPA, asalkan tidak bertentangan dengan syarak. Pihak pengurusan turut menyakini kemampuan usahawan menggunakan strategi-strategi tertentu bertujuan memajukan perniagaan mereka. Setiap perkara berkaitan pengurusan dan

³³ Panduan Pekerja, HPA Industries Sdn Bhd, 1 Januari 2006, 8.

³⁴ Panduan Pekerja, HPA Industries Sdn Bhd, 1 Januari 2006, 8.

perniagaan yang dilakukan mendapat sokongan pihak pengurusan, asalkan perkara tersebut dilaksanakan dengan betul dan tidak menyeleweng. Selain itu, kepuasan pelanggan juga turut diberi keutamaan bagi melahirkan kepercayaan terhadap barangan keluaran bumiputera Muslim. Bukan hanya kepercayaan yang berbentuk material menjadi pegangan mereka, malah kepercayaan yang berbentuk spiritual juga menjadi asas kepada perniagaan mereka.

Para usahawan mendapat suntikan semangat yang bersandarkan produk Islam sebagai motivasi kepada perniagaan mereka. Para usahawan percaya bahawa setiap yang baik akan dibalas kebaikannya. Ini kerana, tanggungjawab memartabatkan produk Islam adalah satu tuntutan fardu kifayah yang hanya mampu difahami oleh mereka yang menyakini terhadap janji Allah SWT. Kepercayaan yang diterapkan kepada usahawan supaya mencari rezeki yang halal dan mempunyai hubungkait di antara dosa dan pahala diberi keutamaan. Slogan produk halal tanggungjawab bersama menjadi kayu ukur kepada mereka, agar setiap tindakan yang diambil menepati kehendak syarak. Persedian ke arah itu sentiasa dikenal pasti agar kepercayaan yang wujud di kalangan usahawan dapat dikongsi bersama tentang keperluan yang berbentuk rohani. Konsep saling percaya mempercayai sesama mereka, dibentuk bukan sekadar menghasilkan produk, malah membentuk diri mereka yang sentiasa berkongsi keinginan dan kemahuan berteraskan kehendak syarak.

3.14.4 Perkongsian

Al-Wahida menggunakan pendekatan *Syura* (berkongsi) dengan usahawan dalam menghadapi setiap permasalahan yang timbul. Para usahawan sentiasa diajak untuk

berkongsi setiap permasalahan oleh pihak pengurusan. Ini terbukti, melalui seminar dan perjumpaan berkala yang dilakukan hampir setiap bulan bagi mendengar setiap permasalahan yang timbul. Persediaan untuk menghadapi permasalahan yang berlaku bukan hanya dilakukan oleh pihak usahawan semata-mata, malah dibantu oleh para peguam dan panel syariah yang dilantik oleh pihak AWM HPA. Tugas mereka memantau, mengkaji dan melihat setiap tindak tanduk yang dilakukan oleh pihak pengurusan dan usahawan dalam menjalankan perniagaan mereka. Perkongsian yang dilakukan adalah melibatkan prosedur-prosedur yang mesti dipatuhi sama ada yang berbentuk material mahupun spiritual. Selain itu, perkongsian yang dilakukan oleh AWM adalah bertujuan membantu masyarakat memperolehi ganjaran yang berupa faedah kepada mereka seperti perkongsian pintar dalam mengusahakan apa sahaja produk sama ada berkaitan makanan, minuman, ubat-ubatan dan barangan. AWM akan berkongsi dengan petani melalui kaedah *Muḍarabah* (iaitu orang yang mempunyai modal akan berkongsi dengan orang yang mempunyai kepakaran) bagi memasarkan barangan mereka.

3.14.5 Komitmen

Kesungguhan para usahawan al-Wahida melaksanakan tanggungjawab mereka memasarkan produk HPA dapat dilihat, apabila mereka tidak mengenal erti penat lelah, malu dan segan mempromosikan barangan-barangan HPA sama ada melalui saluran biasa dan media massa seperti akhbar, laman web, radio dan televisyen. Oleh yang demikian, tujuan AWM mempelbagaikan kaedah pemasaran perniagaan mereka, agar usahawan sentiasa menghayati serta komitmen terhadap kerja berpasukan dalam organisasi mereka. Ini merupakan formula yang sangat berkesan dan dipraktikkan oleh AWM agar mendapat

keberkatan serta rahmat daripada Allah SWT. Dengan kefahaman yang jelas, maka lahirlah individu-individu yang sanggup memberi komitmen terhadap usaha dan matlamat AWM. Mereka memberi komitmen yang sepenuhnya kepada syarikat, apabila sesetengah usahawan sanggup meletakkan jawatan mereka sama ada dalam badan kerajaan mahupun swasta bagi memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada organisasi al-Wahida HPA.

3.15 Kesimpulan

AWM adalah sebuah syarikat bumiputera Islam yang menjalankan perniagaan berasaskan produk Islam. Prinsip syariah digunakan dalam perniagaan mereka. Usahawan dididik supaya menghayati konsep '*Amal Jamā'ī*' dalam perniagaan mereka. Elemen utama yang melibatkan kepercayaan menjadi pemangkin kepada gerak kerja mereka dalam memasarkan barangan Islam. AWM melalui usahawan juga, sentiasa berkongsi keuntungan, keperluan barangan halal, tanggungjawab dan amanah yang melibatkan material dan spiritual. Setelah memahami bahawa tanggungjawab memperkenalkan produk Islam sebagai satu kefarduan, maka usahawan sentiasa komitmen dalam melaksanakan tanggungjawab mereka memasarkan produk yang dikeluarkan oleh HPA. Pelbagai kaedah yang digunakan AWM bagi memasarkan produk tersebut seperti memberi kursus insentif kepada usahawan, perjumpaan mingguan dan bulanan bagi memastikan setiap produk sampai kepada sasaran. AWM memastikan pemasaran produk halal dapat disalurkan kepada semua muslim di pasaran dalam negeri khususnya dan membangunkan lebih ramai usahawan bumiputera untuk sama-sama berjaya di dalam bidang ini.

AWM melihat potensi projek ini untuk jangka masa yang panjang di mana ia akan membuka lebih banyak peluang kepada AWM untuk mencapai objektif, misi dan visi di masa hadapan. Pembekalan stok produk yang mencukupi dapat memastikan semua pelanggan dapat menerima produk halal dengan mudah. Hal ini dapat membantu untuk membangunkan tahap ekonomi negara. AWM komited untuk membangunkan dan meningkatkan tahap kredibiliti di dalam industri farmaseutikal herba traditional dan industri makanan dan minuman di Malaysia.

AWM yang menjadi penyubur kepada lahirnya kefahaman tentang barangan halal kepada umat Islam di Malaysia serta keperluan mencari sesuatu yang dihalalkan oleh Allah SWT dan Rasulullah S.A.W. Ianya bertepatan dengan tuntutan Islam seperti mana Sabda Nabi S.A.W:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: طَلَبُ الْحَالِلِ فَرِيضَةٌ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ

Terjemahan: Menuntut yang halal itu adalah suatu kefarduan selepas kefarduan.³⁵

Sebuah syarikat yang dibangunkan atas dasar dan matlamat bagi memastikan umat Islam khususnya menikmati barangan halal, AWM memastikan barangan HPA dijadikan alternatif kepada produk kegunaan harian masyarakat Islam. Ini kerana, produk yang dihasilkan mengikut piawaian sama ada yang ditetapkan oleh pihak kerajaan, mahupun yang ditetapkan oleh syariat Islam. Fungsi yang dimainkan oleh AWM bukan hanya mencari keuntungan duniawi, malah ukhrawi juga diambil kira sebagai keuntungan yang kekal. Konsep mengajak orang lain melakukan kebaikan dan berlumba-lumba ke arah itu dipraktikkan oleh AWM.

³⁵ Abū al-Qasim Sulayman ibn Ahmad ibn al-Tabarani, *Mu'jam al-Kabīr* (Kaherah: Maktabah ibnu Taimiyyah, 1998), 8:400.

Apa yang pasti, setiap perkara yang boleh mendatangkan manfaat kepada umat Islam diperjuangkan oleh AWM. Ianya bersesuaian dengan firaman Allah SWT:

فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ

Al-Maidah 5:48.

Terjemahan: Berlumba-lumbalah kamu melakukan kebaikan.

University of Malaya

BAB 4

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, penulis membincangkan dapatan kajian yang dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif terhadap dapatan kajian. Analisis secara kualitatif adalah bagi menghuraikan objektif kajian berkaitan konsep '*Amal Jamā'ī*' yang merupakan landasan teori terhadap kajian ini. Seterusnya, pengkaji menghuraikan dan menjelaskan hadith-hadith '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat pada dua sumber, iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Muslim* secara kualitatif. Penjelasan secara kualitatif ini membantu penyelidik mengenal pasti hadith-hadith '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat pada dua sumber tersebut. Perbincangan disusun dalam dua bahagian.

Bahagian pertama membincangkan dapatan kajian bagi objektif pertama, iaitu konsep '*Amal Jamā'ī*' yang terdapat dalam pengurusan Islam dan konvensional serta penelitian terhadap elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen dan objektif kedua, menganalisis *Fiqh Hadith* berkaitan kerja berpasukan ('*Amal Jamā'ī*') dalam *Ṣaḥīḥayn* dan penelitian terhadap elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Bahagian kedua pula, membincangkan mengenai objektif ke tiga, iaitu aplikasi konsep '*Amal Jamā'ī*' dalam kalangan usahawan MLM Al-Wahida Marketing Sdn. Bhd. (AWM) meliputi aspek kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

4.2 Bahagian Pertama: Dapatan Kajian Mengenai Konsep dan Penilaian Terhadap '*Amal Jamā'ī*'

Bahagian pertama membincangkan dapatan kajian mengenai konsep dan penilaian terhadap '*Amal Jamā'ī*' secara keseluruhan. Ianya terbahagi kepada dua objektif, iaitu:

4.2.1 Objektif Pertama

Membincangkan dapatan secara kualitatif mengenai konsep '*Amal Jamā'ī*'. Justeru, konsep '*Amal Jamā'ī*' difahami sebagai salah satu sistem pengurusan organisasi yang bersistematik yang dibentuk untuk pekerja melaksanakan tugas dengan berpanduan prosedur yang telah ditetapkan oleh organisasi. Prosedur itu pulak dibentuk secara bersama, sama ada organisasi berteraskan Islam ataupun konvensional. Setiap arahan yang diberikan mampu difahami serta diaplikasikan dengan sempurna. Dapatan kajian juga, menjelaskan konsep '*Amal Jamā'ī*' yang boleh dikategorikan kepada dua iaitu konsep yang berteraskan Islam dan konsep yang berteraskan konvensional. Sebenarnya, terdapat perbezaan matlamat antara konsep '*Amal Jamā'ī*' yang berteraskan Islam dan konvensional. Ini kerana Islam meletakkan pendekatan tauhid sebagai pengikat kepada kerja secara berpasukan, manakala konvensional pula, menggunakan pendekatan material sebagai pengikat kepada kerja secara berpasukan.

Apabila dirujuk kepada konsep kerja berpasukan yang berteraskan Islam, maka ia adalah suatu kerja yang dikira sebagai ibadah. Ibadah di dalam Islam, merangkumi ibadah khusus dan umum. Ibadah khusus berkaitan solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya, manakala ibadah umum melibatkan semua aktiviti selain daripada ibadah khusus seperti bekerja,

menceburi bidang perniagaan, usahawan dan lain-lain. Agama Islam melalui panduan Nabi S.A.W memperkenalkan setiap amalan dan pekerjaan hendaklah berlandaskan kaedah yang khusus. Kaedah tersebut adalah suatu konsep yang berlandaskan hubungan di antara *Khaliq* dan makhluk. Oleh yang demikian, keterikatan hubungan antara manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia melahirkan satu tanggungjawab melaksanakan '*Amal Jamā'ī*' di atas dasar Tauhid. Justeru, hubungan dengan pencipta dipelihara, sebaliknya hubungan sesama manusia pula dipereratkan dengan tujuan dan matlamat yang sama tentang kehidupan ini, iaitu menjadi khalifah serta bertanggungjawab memakmurkan bumi ini. Justeru, melalui konsep ini maka lahirah '*Amal Jamā'ī*' yang berteraskan duniawi dan ukhrawi. Pencapaian tersebut adalah berbentuk material, fizikal dan spiritual. Akhirnya, kesemua perkara yang bersangkutan dengan '*Amal Jamā'ī*' yang dilakukan adalah untuk mencari keredaan Allah (*Mardatillah*).

Sebaliknya, konsep '*Amal Jamā'ī*' yang berteraskan konvensional pula menjadikan teori tertentu sebagai landasan kepada tindakan yang dilakukan. Terdapat kaedah khusus, seperti mana konsep yang berteraskan Islam. Ianya melibatkan kajian dan dapatan yang telah dipraktikkan oleh mana-mana individu yang telah membuat kajian dan penerokaan terhadap organisasi yang dipilih. Konsep ini juga, melibatkan hubungan yang berteraskan manusia sesama manusia dalam melakukan kerja secara berpasukan. Seterusnya, pencapaian dapat dilihat pada mana-mana individu yang berjaya mengendalikan kerja secara berpasukan. Kejayaan dan pencapaian kerja berpasukan dilihat kepada mereka yang berjaya menaikkan imej dan prestasi kerja dalam organisasi. Penilaian hanya dilakukan berdasarkan kejayaan yang berbentuk duniawi semata-mata. Justeru, kejayaan diukur terhadap apa yang sahaja pencapaian yang berbentuk fizikal dan material. Akhirnya, kerja yang dilakukan mendapat

anugerah dan pujian manusia terhadap pencapaian yang diperolehi. Para sarjana sama ada Islam ataupun konvensional sependapat dalam menyatakan kepentingan '*Amal Jamā'ī*' dalam kehidupan dan penghuraian mengenainya dilakukan dalam pelbagai bentuk. Mereka meletakkan '*Amal Jamā'ī*' adalah sesuatu yang penting bagi merealisasikan matlamat serta cita-cita yang ingin dicapai oleh mana-mana organisasi (jamaah) dalam melaksanakan sesuatu tugas yang melibatkan keseluruhan aspek kehidupan.

Dapatan kajian selanjutnya, menunjukkan bahawa terdapat tiga elemen penting dalam kerja berpasukan. Elemen tersebut berfungsi menggerak, mengawal dan menyelia setiap gerak kerja yang dilakukan secara berpasukan. Elemen ini dijadikan sebagai elemen utama '*Amal Jamā'ī*'. Ini terhasil daripada inspirasi pengkaji terhadap hadith Rasulullah S.A.W yang menunjukkan bagaimana kepercayaan antara individu dengan individu yang lain membolehkan '*Amal Jamā'ī*' dilakukan dengan jayanya. Justeru, setiap kepercayaan akan lahir daripada perkongsian yang merujuk kepada setiap perlakuan, tindakan dan pelaksanaan suatu kerja. Seterusnya, pekerja akan sentiasa berkomitmen dengan kerja yang dilakukan, hasil daripada kepercayaan dan perkongsian yang diberikan oleh rakan sekerja dan organisasi.

4.2.2 Objektif Kedua

Menganalisis *fiqh hadith* '*Amal Jamā'ī*' dalam *al-Ṣaḥīḥayn* dan penelitian terhadap aspek kepercayaan, perkongsian dan komitmen secara kualitatif. Secara umumnya, hadith Nabawi menjawab permasalahan semasa dalam semua keadaan dan masa, tidak kira di zaman Rasulullah S.A.W sendiri mahupun selepas Baginda sehinggalah di zaman ini. Setiap

permasalahan yang berlaku ditangani dengan baik oleh Rasulullah S.A.W. Sarjana Islam di zaman selepas zaman Nabi S.A.W menghuraikan setiap maksud hadith secara terperinci dengan menggunakan kaedah-kaedah yang berperanan sebagai pemudah cara bagi memahami sesuatu perkara. Para sarjana mengklasifikasinya kepada hadith yang berbentuk *Mustalah al-Ḥadīth*, *ʿUlūm al-Ḥadīth*, *Ḥadīth Tahlīlī*, dan *Ḥadīth Mawḍūʿī*. Hadith *al-Bukhārī* dan *Muslim* sebenarnya berpotensi memaparkan kaedah kerja secara berjemaah atau *ʿAmal Jamāʿī*. Ini kerana, jika dibahaskan dari sudut *Mawḍūʿ* kita akan dapati pelbagai kaedah dan cara dalam organisasi yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W bermula dari Hijrah sehinggalah pembinaan Madinah. Dalam suasana tersebut, Rasulullah S.A.W mengenengahkan satu teknik *ʿAmal Jamāʿī* yang berkesan bukan hanya dari sudut material bahkan dari sudut spiritual.

Berdasarkan kepada hasil kajian, pengkaji mendapati bahawa hadith-hadith berkaitan *ʿAmal Jamāʿī* boleh didapati di bawah tajuk *jamaʿah* dan di bawah tajuk hadith yang menunjukkan gerak kerja secara berpasukan. Ianya merujuk kepada setiap perlakuan Baginda S.A.W sama ada perkataan, perbuatan, pengakuan, tingkah laku dan sifat kejadian seperti mana yang disepakati oleh para ulama hadith. Selain itu, pengkaji mendapati hadith berkaitan *ʿAmal Jamāʿī* boleh didapati dalam hadith yang pelbagai merangkumi aspek sosial, politik dan ekonomi. Jika dilihat daripada lafaz yang khusus, kita dapati galakan supaya bekerja secara berjemaah amatlah dituntut oleh Islam sama ada di dalam al-Qurʿan mahupun al-Ḥadīth. Sarjana Islam seperti Dr. Ramdhan Ishāq al-Zayyan, Dr. Abdul Hayy al-Farmawi, Dr. Muṣṭafa Muslim dan Dr. Abdul Jalil Abdul Rahim¹ memperakui bahawa

¹Ramdan Ishak al-Zayyan, “al-Ḥadīth al-Mawḍūʿī : Dirasah al-Nazariyyah”, 213, ‘Abd Hayy al-Farmawi. *Al-Bidayah fi al-Tafsir al-Mawḍūʿī*, 52. Mustaffa Muslim, *Mabahith fi al-Tafsir al-Mawḍūʿī*, 30. ‘Abd al-Sattar Fath Allah Saʿīd, *al-Madkhal fi al-Tafsir al-Mawḍūʿī*, 20. ‘Abd al-Jalil ‘Abd al-Rahim, *Al-Tafsir al-Mawḍūʿī fi Kaffatay*, 24.

mana-mana hadith yang memaparkan sesuatu tajuk perbincangan sama ada berbetulan dengan lafaz ataupun maknanya serta kupasan tersebut adalah mengikut metod pengajian hadith, maka ia tergolong dalam kalangan hadith *Mawḍū'ī*. Selain itu, ia juga memaparkan sesuatu hadith yang membincangkan berkaitan '*Amal Jamā'ī*' yang dapat dilihat melalui perlaksanaan semangat dan roh Nabawi yang menonjolkan satu-satu perspektif atau lebih.

Kedudukan hadith berkaitan '*Amal Jamā'ī*' di dalam *al-Ṣaḥīḥayn* amatlah banyak cuma perbahasan yang cuba diketengahkan oleh pengkaji adalah berkisar tentang bagaimana Rasulullah S.A.W dan para Sahabat bekerja secara '*Amal Jamā'ī*' dan mengatur kaedah bagi merealisasikan tuntutan Allah memakmurkan bumi ini dengan manhaj Ilahi. Idea yang cuba diketengahkan bagi menjawab permasalahan dan objektif yang kedua adalah berkisar tentang hadith hijrah Rasulullah S.A.W bersama Saidina Abu Bakar yang menjadi inspirasi pengkaji. Baginda memilih Abu Bakar sebagai orang yang boleh dipercayai bagi merencana misi hijrah yang telahpun dirancang sebelum itu. Kepercayaan yang diletakkan kepada Abu Bakar adalah berdasarkan kriteria beliau adalah merupakan orang yang pertama di kalangan lelaki Quraisy yang memeluk Islam dan orang yang paling akrab dan dipercayai oleh Rasulullah S.A.W. Setiap permasalahan dan kekangan yang dihadapi oleh Baginda akan dikongsi bersama dengan Abu Bakar. Selain itu, komitmen yang ditunjukkan oleh Abu Bakar telah menyakinkan Rasulullah S.A.W sehingga disebut di dalam hadith yang berbunyi:

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَوْ كُنْتُ
مُتَّخِذًا مِنْ أُمَّتِي خَلِيلًا لَاتَّخَذْتُ أَبَا بَكْرٍ وَلَكِنْ أَخِي وَصَاحِبِي

Terjemahan: Daripada Ibn 'Abbas r.a, dari Nabi S.A.W beliau bersabda, jika sekiranya aku dibenarkan untuk menjadikan umatku

sebagai kekasih nescaya aku jadikan Abu Bakar sebagai kekasihku tetapi sebenarnya Abu Bakar sebagai saudaraku dan sahabatku².

Apabila dianalisis mengenai *Fiqh al-Hadīth* tentang '*Amal Jamā'ī*' di dalam al-*Ṣaḥīḥayn*, maka didapati hadith yang diketengahkan boleh dikategorikan sebagai hadith Tematik yang merangkumi tiga bahagian utama. Kesemua hadith tersebut disandarkan kepada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat tingkah laku Rasulullah S.A.W. Ini kerana setiap pergerakan Baginda dalam apa keadaan sekalipun, kesemuanya menjadi dalil kepada sesuatu pekerjaan yang dilakukan. Apabila membincangkan berkaitan dengan kepercayaan Baginda menyerahkan sepenuhnya kepada Abu Bakar serta keluarganya bagi menjayakan satu matlamat. Ianya bermula dari Abu Bakar sendiri, diikuti oleh anak lelakinya bernama Abdullah.

Seterusnya, anak perempuan Abu Bakar iaitu Aishah dan Asma' turut terlibat menjayakan misi tersebut. Bukan sekadar anak-anak, malah hamba juga turut menjadi penggerak kepada misi hijrah. Ini bermakna seorang ketua yang percaya kepada pekerjanya sudah mempunyai pengetahuan dan analisis yang mendalam terhadap orang bawahannya. Seheinggakan orang bawahan memahami makna yang tersurat dan tersirat di sebalik kehendak dan maksud seorang ketua yang benar-benar menaruh kepercayaan kepada dirinya. Kepercayaan bukan hanya dinyatakan secara perkataan semata-mata bahkan ia turut direalisasikan oleh Rasulullah S.A.W melalui sikap yang bersungguh-sungguh meraikan, mengiktiraf serta meletakkan kepercayaan kepada para Sahabatnya di tempat yang selayaknya bagi melakukan sesuatu misi dan visi organisasi yang dilancarkan oleh

²Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Fadail Ashab al-Nabi, Bab Qawl al-Nabi law Kunt Mutkhiz Khalil, no. Hadith 3656. lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari" dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Dar Salam, 2000), 297.

Baginda S.A.W sendiri. Perkara ini boleh dirujuk kepada hadith Rasulullah S.A.W yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ
الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

Terjemahan: Daripada Abdullah r.a beliau berkata, “Sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda, sebaik-baik manusia adalah daripada kurunku, kemudian kurun selepas kurunku, kemudian kurun yang seterusnya³.”

Kepercayaan juga digambarkan oleh Rasulullah S.A.W kepada para Sahabat yang lain melalui tindak tanduk Baginda terhadap mereka yang telah diberi kepercayaan melalui perintah, galakan dan suruhan yang sesuai dengan kebolehan mereka. Kadang-kadang dikumpulkan dalam satu hadith berkaitan kerja secara *'Amal Jamā'ī* yang melibatkan semua keadaan, suasana dan ketika. Apabila dinyatakan tentang kepercayaan, maka hadith yang berkaitan dihimpun berdasarkan apa yang dipercayai oleh baginda terhadap kerja yang dilakukan bersama para Sahabat. Kepercayaan juga dikaitkan dengan keimanan yang merupakan tunjang kepada orang yang beriman, malah merupakan motivasi yang amat kuat terhadap kerja dan kerjaya mereka. Mereka sering kali diperingatkan bahawa ketika menjalani kehidupan ini, mereka sentiasa disuruh mencari keredaan Allah. Islam sebagai matlamat hidup dan pengorbanan demi agama itulah yang lebih utama. Seterusnya, barulah diikuti dengan pekerjaan dan amalan yang lain. Apabila dilihat fiqh hadith berkaitan perkongsian maka boleh dikaitkan setiap kepercayaan disertai oleh perkongsian yang melibatkan gerak kerja secara berjemaah. Perkongsian yang dilakukan melibatkan sahabat-

³Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Fadail Ashab al-Nabi, Bab Fadail Ashab al-Nabi, no. Hadith 3651. lihat Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari” dalam *Mawsu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Dar Salam, 2000), 297.

sahabat yang cuba dididik oleh Rasulullah S.A.W dengan sifat-sifat *maḥmudah* seperti *Qanā'ah* dengan nikmat dan pemberian Allah.

Perkongasian yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W melibatkan perkongsian yang meliputi kesenangan yang berbentuk material seperti pemberian harta, harta rampasan perang dan pembahagian tanah. Selain itu, perkongsian yang melibatkan semangat, keikhlasan dan kebersamaan yang bersandarkan kepada spiritual melalui janji-janji yang pasti seperti pahala dan syurga terhadap gerak kerja berjemaah yang dilakukan oleh mereka. Dosa pahala adalah janji-janji yang mengikat seseorang hamba, agar sentiasa memperbaiki diri serta dalam masa yang sama mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang. Inilah bentuk perkongsian yang cuba diterapkan oleh Rasulullah S.A.W agar insan yang bergelar hamba sentiasa mengetahui matlamat dan visi yang sebenar sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Perkongsian yang dilakukan juga sentiasa diperbaharui dengan motivasi serta ransangan yang mampu menyuntik kekuatan dan semangat kepada para Sahabat. Apa yang istimewanya dapat dikupas daripada *fiqh hadith 'Amal Jamā'ī* yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W ialah, baginda sendiri melaksanakan perkongsian yang melibatkan bukan hanya kata-kata, malah turut sama menyumbang tenaga bersama-sama para Sahabat. Perkara ini turut dijelaskan dalam hadith Rasulullah S.A.W yang berbunyi:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْمُثَنَّى وَابْنُ بَشَّارٍ وَاللَّفْظُ لِابْنِ الْمُثَنَّى قَالَ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ
حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ أَبِي إِسْحَقَ قَالَ سَمِعْتُ الْبَرَاءَ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ يَوْمَ الْأَحْزَابِ يَنْقُلُ مَعَنَا الثَّرَابَ وَلَقَدْ وَارَى الثَّرَابُ بَيَاضَ بَطْنِهِ وَهُوَ يَقُولُ
وَاللَّهِ لَوْ لَا أَنْتَ مَا اهْتَدَيْنَا وَلَا تَصَدَّقْنَا وَلَا صَلَّيْنَا فَأَنْزَلَنَّا سَكِينَةً عَلَيْنَا إِنَّ الْأُلَى قَدْ أَبَوْا
عَلَيْنَا قَالَ وَرُبَّمَا قَالَ إِنَّ الْمَلَأَ قَدْ أَبَوْا عَلَيْنَا إِذَا أَرَادُوا فِتْنَةً أَبَيْنَا وَيَرْفَعُ بِهَا صَوْتَهُ

Terjemahan: Muḥammad bin al-Muthanna dan Ibn Basyar telah telah meriwayatkan kepada kami dan lafaz hadith adalah melalui Ibn al-Muthanna, mereka berdua berkata, “Muḥammad bin Ja’far telah meriwayatkan kepada kami, katanya: Shu’bah telah meriwayatkan kepada kami daripada Abī Ishāq, beliau berkata: Saya telah mendengar al-Bara’ berkata: “Rasulullah S.A.W. pada hari Ahzab ketika beliau memungguh tanah bersama-sama kami dan tanah telah pun menutupi putih perutnya sambil Baginda mengucapkan: “Demi Allah! Jika tidak kerana-Mu nescaya kita tidak mendapat petunjuk dan kita tidak tahu bersedekah, tidak tahu bersembayang. Turunkanlah ketenangan kepada kami, sesungguhnya mereka itu enggan menerima kami”. Perawi berkata: “Kadang-kadang Nabi berkata: “Pembesar-pembesar Quraish enggan menerima kami, bila mereka mahu melakukan fitnah (kekufuran), kami tidak mahu menerimanya”. Dalam keadaan Nabi mengangkat suaranya⁴.”

Para Sahabat juga dididik dengan perkongsian yang menjiwai hati nurani mereka sehinggalah perangai dan tingkah laku mereka diresapi dengan sifat-sifat *maḥmudah* yang diwarisi melalui tarbiah Rasulullah S.A.W. Mereka memahami perkongsian di atas nama Islam, membawa mereka kepada satu kefahaman yang betul. Justeru, kesemua perkara tersebut dilaksanakan berdasarkan kehendak Allah SWT termasuklah soal rezeki, susah senang dan sebagainya turut dikongsi bersama. Melalui perkongsian ini juga, mereka diajar dengan sifat rajin berusaha walaupun mereka sentiasa diberi galakan untuk berkongsi dalam apa jua keadaan. Oleh yang demikian, perkongsian itu bukan bererti membuka peluang untuk mereka mengambil kesempatan dengan mengharapkan bantuan, kemudahan dan kesenangan daripada orang lain. Mereka bukan hanya diajak berkongsi malah menggunakan pemikiran yang ada bagi mengkaji setiap gerak kerja yang dilakukan agar bersesuaian dengan suasana serta keadaan bagi mencapai matlamat. Perkongsian yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W membawa erti yang amat besar bagi dunia pengurusan,

⁴ Hadith riwayat Muslim, Kitab Jihad wa al-Sayr, Bab Qazwah al-Ahzab, no hadith 4670. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim” dalam *Mawsu’at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh, (Riyadh : Dar Salam, 2000), 1000.

ketika melaksanakan kerja secara berjemaah (*team work*). Kelainan yang cuba dipaparkan adalah mengambil kira kesenangan duniawi dan ukhrawi. Agama dijadikan teras hidup dalam menghadapi apa jua keadaan dan suasana yang mendatang.

Keseimbangan perkongsian di antara perkara yang berkait dengan material dan juga spiritual telah diketengahkan oleh Rasulullah S.A.W. Ianya menyumbang kepada kesan yang mendalam terhadap para Sahabat. Perkongsian yang dipaparkan turut dirangsang dengan kebijaksanaan dan kepintaran memahami kehendak sesama mereka sebelum tugas yang dirancang itu dilaksanakan. Sesuatu yang mengagumkan, apabila perkongsian itu turut dipraktikkan secara menyeluruh dalam sesebuah keluarga seperti Abu Bakar, iaitu melibatkan tenaga, harta benda dan anak pinak. Bukan setakat itu sahaja, hamba juga menjadi taruhan demi menjayakan misi hijrah. Perkongsian yang ditunjukkan oleh para Sahabat berjaya membuka lembaran baru apabila lahirnya sifat kasih sayang, hubungan persaudaraan dan penerapan sifat ihsan sesama manusia. Ianya mula meresapi dalam kehidupan mereka ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Setiap kaedah yang boleh mendatangkan semangat kepada para Sahabat telah diterapkan oleh Rasulullah S.A.W melalui proses perkongsian yang menggunakan pendekatan berhibur yang tidak melalaikan (*bersyair*) turut dipraktis bagi menghilangkan perasaan penat, jemu dan sebagainya ketika melakukan tugas yang mencabar demi mempertahankan organisasi seperti berperangan. Selain itu, perkongsian yang cuba diterapkan oleh Rasulullah S.A.W dalam '*Amal Jamā'ī*' adalah mengenyampingkan status pangkat dan darjat dalam melaksanakan tugas. Justeru, seorang ketua berperanan menarik minat dan kesungguhan anak buahnya dalam melaksanakan sesuatu tugas. Konsep bekerja bersungguh-sungguh dengan disertai tawakkal kepada Allah SWT menjadikan seseorang itu

dapat menerima segala ketentuan Allah kepadanya. Dengan demikian, Ia dapat melahirkan *'Amal Jamā'ī* yang mantap dan berupaya menggambarkan dunia pengurusan Islam yang sebenar. Kefahaman dan semangat kerja secara *'Amal Jamā'ī* terus mengalir dalam diri para Sahabat walaupun setelah Rasulullah S.A.W wafat. Kekuatan iman menjadi tunjang kepada mereka dalam melaksanakan tugas secara berjemaah walaupun terpaksa menghadapi pelbagai rintangan dan ujian hidup. Perkongsian yang dilakukan oleh Baginda melibatkan keseluruhan sistem sosial sama ada ketika berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara.

Seterusnya, apabila diteliti kepada *fiqh al-ḥadīth* tentang komitmen ataupun *Istiqamah*, maka dapat diambil beberapa penelitian yang menggambarkan para Sahabat sentiasa melakukan tugas dengan tekun sehingga berjaya memenuhi impian yang dicita-citakan. Hadith berkaitan hijrah jelas menunjukkan bahawa, Rasulullah S.A.W dan para Sahabat telah melaksanakan kerja mereka secara *'Amal Jamā'ī* dan mampu memahami tugas masing-masing. Setiap orang berperanan mengikut kebolehan masing-masing dan menunjukkan komitmen yang bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas mereka sama ada ketika senang mahupun ketika menghadapi kesukaran. Mereka sanggup menempa bahaya ketika menghadapinya meskipun terpaksa meletakkan nyawa sebagai taruhan. Inilah sifat *istiqamah* dan komitmen generasi awal Islam melaksanakan tugas mereka. Komitmen yang wujud ketika itu telah mewarnai kehidupan mereka sehingga lahirnya sifat berani, tegas dalam kelembutan, bijaksana dalam merancang dan berjaya mencapai matlamat yang dituju. Mereka sanggup berganding bahu dan berpadu dalam melaksanakan tugas yang diberikan dengan komitmen yang sangat mantap dan teratur. Komitmen yang ditunjukkan adalah berterusan merangkumi keseluruhan hidup mereka. Apabila gerak kerja

dilakukan melibatkan masalah aqidah, merekalah orang yang paling beristiqamah, apabila bercakap soal ibadah merekalah orang yang paling beristiqamah, apabila bercakap tentang tuntutan jihad merekalah orang yang paling beristiqamah. Boleh dikatakan setiap yang dirancang dengan sesuatu perancangan mereka juga turut memberi komitmen yang menampakkan kesungguhan dan keikhlasan mereka. Allah SWT merakamkan hati budi mereka di dalam al-Qur'an:

وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Al-Hashr 28:9

Terjemahan: Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat.

Semangat yang ditunjukkan oleh mereka, menggambarkan komitmen yang lahir daripada kesepaduan di antara jasmani dan rohani. Sifat-sifat mahmudah menjiwai kehidupan mereka dengan dokongan kekuatan rohani yang menjadi benteng kepada kekuatan dan semangat '*Amal Jamā'ī*' yang ditunjukkan oleh mereka. Hubungan sesama mereka mantap, diikuti pula hubungan mereka dengan Allah SWT yang sentiasa berterusan dengan kepercayaan dan keyakinan yang tinggi menggambarkan ada suatu kelainan yang akan dicapai apabila meletakkan agama sebagai panduan hidup. Istiqamah dan komitmen yang tinggi mengikat kehidupan mereka dari semasa ke semasa. Penglibatan dalam '*Amal Jamā'ī*' juga melibatkan golongan wanita yang menunjukkan komitmen yang tinggi di waktu golongan lelaki memerlukan bantuan mereka, sama ada ketika perang apatah lagi di waktu yang tidak melibatkan suasana tersebut. Pengorbanan dan komitmen para Sahabat yang menjangkau pemikiran normal manusia dari sudut keserlahan dan kekuatan mereka. Setiap

perlakuan mereka menzahirkan mereka adalah golongan yang selayaknya mendapat pujian daripada Allah SWT dan Rasulullah S.A.W.

Oleh yang demikian, jika diteliti dengan mendalam didapati betapa mantapnya jalinan kepercayaan, perkongsian dan komitmen dalam hidup mereka bermula dari rumah, masyarakat dan negara. Justeru, istilah golongan Ansar dan Muhajirin sudah cukup menggambarkan elemen-elemen yang dinyatakan di atas sebagai satu kekuatan yang tersendiri yang diketengahkan oleh Rasulullah S.A.W dalam melaksanakan kerja secara *'Amal Jamā'ī*. Mana tidaknya, apabila perkataan Muhajirin itu sendiri membawa maksud orang yang berhijrah dengan tidak mempunyai sebarang bekalan dan keperluan sepertimana lazim kebanyakan orang yang bermusafir, tetapi apa yang berlaku terhadap mereka adalah nilai-nilai insan yang kukuh dengan iman yang mantap. Ianya berfungsi mengikat kepercayaan, perkongsian dan komitmen dalam diri mereka sendiri. Kekuatan tersebut tidak terhenti begitu sahaja, malah diperkuatkan dengan golongan Ansar yang sanggup memberi pertolongan dalam apa jua bentuk. Ianya memperlihatkan kedua-dua istilah ini (Ansar dan Muhajirin) menyediakan pakej *'Amal Jamā'ī* yang sempurna kepada mereka. Inilah organisasi yang mantap pernah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W yang boleh menjadi bahan bernilai dalam sejarah organisasi Islam.

Kadang-kadang istilah atau gelaran yang dipadankan kepada para Sahabat sudah cukup menggambarkan kehendak dan kemahuan seseorang dalam melaksanakan tugas mereka. Penjelasan yang terang dan mantap telah diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada para Sahabat dalam pembentukan sesebuah organisasi. Mereka diajar supaya berdisiplin dalam melaksanakan tugas mereka dan mengamalkan sifat amanah serta bertanggungjawab ke

atas segala perancangan yang hendak dilaksanakan. Kepercayaan, perkongsian dan komitmenlah yang mengikat mereka ketika melaksanakan tugas yang diperintahkan oleh Rasulullah S.A.W. Elemen-elemen ini merupakan teras yang kukuh terbina dalam jiwa mereka sehingga ia mampu memperkukuhkan ikatan persaudaraan yang tidak mampu ditandingi oleh generasi selepas mereka. Tidak terlakar dalam sejarah selepas itu, bahawa kehebatan yang ada pada para Sahabat dalam membentuk semangat '*Amal Jamā'ī*' yang melibatkan tuntutan material dan spiritual.

4.3 Bahagian Kedua: Aplikasi Konsep '*Amal Jamā'ī*' dalam Kalangan Usahawan MLM AWM.

Bahagian ini memaparkan tentang objektif ke tiga yang berkaitan analisis kajian aplikasi yang melibatkan Usahawan MLM al-Wahida Marketing Sdn Bhd. Justeru, bahagian ini memperihalkan dapatan secara deskriptif merangkumi profil responden, ciri-ciri usahawan MLM AWM, kefahaman usahawan terhadap MLM Syariah dan kefahaman khusus berkaitan kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Dapatan kajian pada bab ini, melibatkan soal selidik, temu bual dan pemerhatian yang di lakukan terhadap usahawan MLM al-Wahida Marketing Sdn Bhd.

4.3.1 Profil Responden

Responden yang dipilih adalah di kalangan mereka yang terlibat secara langsung dalam MLM AWM. Mereka adalah terdiri daripada kalangan yang berpangkat biasa dan yang berpangkat seperti Pengarah Jati Setia (PJS) dan Pengarah Jati Emas (PJE) di seluruh Malaysia. Selain itu, mereka juga terdiri daripada golongan yang terawal berjawatan

Pengarah Jati Setia dan pangkat lain yang bersama-sama syarikat al-Wahida Marketing Sdn. Bhd sejak dari awal penubuhannya. Seramai 144 orang responden terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 68 orang lelaki (47.2 %) dan 76 orang perempuan (52.8 %) dengan purata umur 32.6 tahun. Kategori umur paling ramai ialah, 45 orang yang terdiri daripada 41-50 tahun (31.3 %), diikuti seramai 43 orang (29.9 %) dengan purata umur 20-30 tahun. Seterusnya seramai 36 orang (25.0 %) dengan purata umur 31-40 tahun. Manakala 17 orang (11.8%) pula, terdiri daripada mereka yang berumur 51-60 tahun. Selebihnya, terdapat 3 orang (2.1%) adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Kebanyakan responden telah berkahwin, iaitu seramai 123 orang (85.4 %), diikuti seramai 12 orang (8.3%) terdiri daripada mereka yang belum berkahwin, manakala 6 orang (4.2%) adalah janda dan selebihnya adalah duda seramai 3 orang (2.1 %). Profil terperinci responden adalah seperti di Jadual 4.1.

Jadual 4.1. Profil Responden Mengikut Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan (n=144)

Profil	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	68	47.2
Perempuan	76	52.8
Umur		
20 – 30	43	29.9
31 - 40	36	25.0
41 – 50	45	31.3
51 – 60	17	11.8
Lebih 60	3	2.1
(Min = 32.6, Sisihan Piawai = 20.1)		
Taraf Perkahwinan		
Belum Berkahwin	12	8.3
Berkahwin	123	85.4
Janda	6	4.2
Duda	3	2.1

Hampir separuh daripada responden mempunyai tahap pendidikan yang baik dengan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seramai 62 orang (43.1%), diikuti mereka yang mempunyai sarjana muda seramai 22 orang (15.3 %) dan seramai 20 orang (13.9 %) memiliki diploma. Mereka yang memiliki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pula, seramai 14 orang (9.7 %). Seterusnya, mereka yang memiliki SRP dan sarjana masing-masing seramai 8 orang (5.6 %). Terdapat 7 orang (4.9 %) responden mempunyai sijil kemahiran daripada pelbagai institusi kemahiran yang ada di negara ini. Namun, terdapat 2 orang (1.4 %) responden memiliki sijil sekolah rendah dan diikuti hanya 1 orang responden memiliki ijazah doktor falsafah (0.7 %).

Sebaliknya, bagi tahap pendidikan agama tertinggi sebahagian besar responden tiada memiliki tahap tersebut secara formal. Justeru, penelitian terhadap tahap pendidikan agama tertinggi, mendapati seramai 94 orang (65.3 %) responden tidak mempunyai sijil kelayakan agama secara formal. Terdapat seramai 36 orang (25.0 %) responden mengikuti pengajian agama secara formal sehingga peringkat menengah tetapi tidak menamatkan pengajian di peringkat menengah agama berkenaan. Seterusnya, 6 orang (4.2 %) responden memiliki sijil empat *Sanawi/Syahadah*, diikuti seramai 5 orang (3.5 %) mendapat pendidikan agama dari institusi pondok dan hanya 3 orang (2.1 %) sahaja, mempunyai Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Jadual 4.2. Profil Responden Mengikut Tahap Pendidikan (n-144)

Profil	Kekerapan	Peratus
Tahap Pendidikan Tertinggi		
Sekolah Rendah	2	1.4
SRP/PMR	8	5.6
SPM	62	43.1
STPM	14	9.7
Diploma	20	13.9

Sarjana Muda	22	15.3
Sarjana	8	5.6
Doktor Falsafah	1	0.7
Lain-Lain	7	4.9
Tahap Pendidikan Agama Tertinggi		
Tiada	94	65.3
Pondok	5	3.5
Tidak Tamat Sekolah Menengah Agama (SMA)	36	25.0
Empat Sanawi/syahadah	6	4.2
Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)	3	2.1

4.4 Ciri-Ciri Usahawan MLM AWM

Ciri-ciri usahawan MLM AWM yang diperolehi adalah berdasarkan pendapatan tetap bulanan, pengalaman sebagai usahawan, minat kepada keusahawanan, kedudukan dan pencapaian dalam HPA, dan tahap kefahaman terhadap MLM syariah HPA.

4.4.1 Pendapatan Tetap Bulanan

Responden kajian memperolehi pendapatan tetap setiap bulan yang dibayar oleh AWM. Merujuk kepada Jadual 4.3, pendapatan ini dikategorikan kepada dua jenis oleh syarikat, iaitu pendapatan usahawan biasa (di bawah RM1,000 sebulan) dan pendapatan usahawan berpangkat (melebihi RM1,000 sebulan). Pendapatan ini tidak termasuk bonus hasil jualan yang berjaya diperolehi setiap bulan. Hasil kajian menunjukkan, majoriti mereka adalah usahawan biasa, iaitu seramai 98 orang (68.1 %), manakala selebihnya adalah usahawan yang berpangkat seramai 46 orang (31.9 %). Hakikatnya, para usahawan ini mempunyai pendapatan lumayan hasil bonus jualan setiap bulan, namun mereka tidak bersedia melaporkan nilai bonus yang diperolehi hasil daripada peniagaan yang berteraskan MLM Syariah ini.

Jadual 4.3. Ciri Keusahawanan Mengikut Pendapatan Tetap Bulanan (n-144)

Ciri Keusahawanan	Kekerapan	Peratus
Pendapatan Tetap Bulanan		
Usahawan Biasa (kurang RM1000)	98	68.1
Usahawan Berpangkat (lebih RM1000)	46	31.9

4.4.2 Pengalaman Sebagai Usahawan

Majoriti responden mempunyai pengalaman sebagai usahawan di antara 1 hingga 5 tahun, iaitu seramai 104 orang (72.2 %), manakala seramai 19 orang (13.2 %) mempunyai pengalaman di antara 6 hingga 11 tahun. Seterusnya, diikuti oleh responden dalam kategori pengalaman 11 hingga 16 tahun dan lebih daripada 21 tahun, masing-masing mempunyai pengalaman sebagai usahawan seramai 8 orang (5.6 %) dan diikuti seramai 5 orang (3.5 %) sahaja mempunyai pengalaman di antara 17 hingga 21 tahun. Oleh kerana AWM hanya beroperasi bermula pada tahun 1995, maka kategori usahawan yang berpengalaman melebihi 19 tahun (berdasarkan tahun semasa) berkemungkinan pernah menjadi usahawan bersama syarikat lain sebelum menyertai syarikat ini (rujuk Jadual 4.4).

Jadual 4.4. Ciri Usahawan Mengikut Pengalaman Sebagai Usahawan (n-144)

Ciri Usahawan	Kekerapan	Peratus
Pengalaman Sebagai Usahawan		
1 hingga 5 Tahun	104	72.2
6 hingga 11 Tahun	19	13.2
11 hingga 16 Tahun	8	5.6
17 hingga 21 Tahun	5	3.5
Lebih 21 Tahun	8	5.6

4.4.3 Minat dalam Bidang Keusahawanan

Diri sendiri merupakan faktor utama yang mendorong responden meminati bidang keusahawanan, apabila seramai 108 orang (75.0 %) menceburi bidang ini. Seramai 19 orang (13.2 %) pula, menunjukkan minat mereka adalah disebabkan oleh faktor keluarga. Manakala faktor lain, yang menimbulkan minat mereka terhadap bidang usahawan adalah disebabkan hasil yang lumayan, iaitu seramai 8 orang (5.6 %). Seterusnya, pengaruh rakan sebaya seramai 7 orang (4.9 %) dan diikuti 2 orang (1.4 %) sahaja disebabkan oleh desakan hidup.

Jadual 4.5. Ciri Usahawan Mengikut Minat Dalam Bidang Keusahawanan (n-144)

Ciri Usahawan	Kekerapan	Peratus
Minat dalam bidang keusahawanan		
Diri sendiri	108	75.0
Keluarga	19	13.2
Hasil lumayan	8	5.6
Rakan sebaya	7	4.9
Desakan hidup	2	1.4

4.4.4 Kedudukan Pencapaian dalam HPA

Responden yang mendominasi kedudukan pencapaian biasa, ialah seramai 99 orang (68.8 %), diikuti seramai 32 orang (22.2 %) dalam kedudukan 100 terbaik. Seterusnya, 10 orang (6.9 %) berada pada kedudukan 10 terbaik, diikuti 2 orang (1.4 %) berada pada kedudukan 50 terbaik dan seorang sahaja (0.7 %) berada pada kedudukan 20 terbaik.

Jadual 4.6. Ciri Usahawan Mengikut Kedudukan Pencapaian Dalam HPA (n-144)

Ciri Usahawan	Kekerapan	Peratus
Kedudukan Pencapaian Dalam HPA		
Biasa	99	68.8
100 Terbaik	32	22.2
10 Terbaik	10	6.9
50 Terbaik	2	1.4
20 Terbaik	1	0.7

4.5 Penguasaan Kefahaman Terhadap MLM Syariah HPA

Majoriti responden menguasai kefahaman Terhadap MLM Syariah HPA melalui pembacaan buku MLM HPA, iaitu seramai 66 orang (45.8 %), diikuti oleh pengamalan prinsip MLM HPA seramai 59 orang (41.0 %) dan penglibatan dalam menyampaikan modul MLM HPA kepada peserta kursus seramai 19 orang (13.2 %).

Jadual 4.7. Ciri Usahawan Mengikut Penguasaan Kefahaman Terhadap MLM Syariah HPA (n-144)

Ciri Usahawan	Kekerapan	Peratus
Penguasaan kefahaman terhadap MLM Syariah HPA		
Saya membaca buku MLM HPA	66	45.8
Saya mengamalkan prinsip MLM HPA	59	41.0
Saya menyampaikan modul MLM HPA kepada peserta kursus	19	13.2

4.6 Penelitian Konsep Kerja Berpasukan

Penelitian konsep kerja berpasukan adalah berdasarkan kefahaman responden mengenai konsep berkenaan dan perbincangan dibahagikan secara khusus terhadap elemen yang melibatkan kerja berpasukan iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen.

4.6.1 Elemen Kepercayaan dalam Kerja Berpasukan

Hasil analisis yang dilakukan berkaitan elemen kepercayaan, didapati item kepercayaan yang berteraskan keikhlasan mendominasi senarai item-item yang lain. Ini menunjukkan bahawa usahawan AWM mempunyai kefahaman yang baik tentang kepercayaan yang melibatkan unsur spiritual. Justeru, seramai 121 orang (84.0 %) menyatakan sangat setuju bahawa kepercayaan lahir daripada keikhlasan seseorang, manakala seramai 21 orang (14.6 %) menyatakan setuju terhadap item yang melibatkan keikhlasan itu penting dalam kerja berpasukan dan diikuti 2 orang (1.4 %) sahaja menyatakan pandangan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Selain itu, kepercayaan merupakan elemen penting bagi seseorang memotivasikan diri mereka untuk terus bekerja secara berpasukan. Seramai 119 orang (82.6 %) menyatakan kepercayaan adalah motivasi untuk terus melaksanakan kerja berpasukan, manakala seramai 22 orang (15.3 %) menyatakan sangat setuju terhadap kenyataan demikian dan hanya 3 orang (2.1 %) sahaja menyatakan pandangan yang sederhana setuju terhadap item yang dinyatakan.

Bagi item yang melibatkan peluang keemasan digunakan terhadap kepercayaan yang diberikan, terdapat seramai 118 orang (81.9 %) responden menyatakan sangat setuju terhadap item tersebut. Ini diikuti, oleh seramai 24 orang (16.7 %) menyatakan setuju dengan item berkenaan dan hanya 2 orang (1.4 %) sahaja menyatakan pandangan yang sederhana setuju terhadap item yang melibatkan peluang keemasan digunakan terhadap kepercayaan yang diberikan. Seterusnya, item kepercayaan sebagai pembuka jalan kepada kerja berpasukan. Terdapat seramai 121 orang (84.0 %) responden menyatakan sangat setuju dengan item tersebut, diikuti seramai 20 orang (13.9 %) responden menyatakan

setuju terhadap item yang melibatkan kepercayaan sebagai pembuka jalan kepada kerja berpasukan dan hanya 3 orang (2.1 %) responden, masing-masing menyatakan sederhana setuju, tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap item tersebut. Dapatan yang seterusnya, menunjukkan bahawa kepercayaan dalam pasukan wujud melalui kepimpinan adil. Justeru, seramai 121 orang (84.0 %) responden menyatakan sangat setuju dengan item tersebut, diikuti seramai 18 orang (12.5 %) responden menyatakan setuju terhadap item yang melibatkan kepercayaan dalam pasukan wujud melalui kepimpinan yang adil dan 4 orang (2.8 %) responden, menyatakan pandangan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Hanya 1 orang (0.7 %) responden sahaja, yang menyatakan tidak bersetuju terhadap item tersebut. Selanjutnya, kepercayaan merupakan asas utama kepada kerja berpasukan. Seramai 117 orang (81.3 %) responden menyatakan sangat setuju dengan item tersebut, diikuti seramai 24 orang (16.7 %) responden menyatakan setuju terhadap item yang melibatkan kepercayaan merupakan asas utama kepada kerja berpasukan dan hanya 3 orang (2.1 %) sahaja, menyatakan pandangan sederhana setuju terhadap item yang tersebut.

Apabila dilihat kepada item mempercayai kepada kepimpinan yang mempunyai matlamat yang jelas dalam pasukan, terdapat seramai 112 orang (77.8 %) responden sangat bersetuju terhadap item tersebut, manakala 27 orang (18.8 %) menyatakan setuju dengan item yang dinyatakan, diikuti seramai 4 orang (2.8 %) responden, menyatakan pandangan sederhana setuju terhadap item yang dipilih dan hanya 1 orang (0.7 %) sahaja menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dipilih. Seterusnya, item yang memaparkan kepercayaan rakan sekerja penting dalam kerja berpasukan. Ia dapat dilihat, apabila seramai 115 orang (79.9 %) menyatakan sangat setuju terhadap item yang dipilih, diikuti seramai 18 orang (12.5 %) menyatakan setuju terhadap item tersebut dan seramai 11 orang (7.6 %)

memberikan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang telah dinyatakan. Selanjutnya, kepercayaan melahirkan kakitangan yang setia, apabila seramai 110 orang (76.4 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 27 orang (18.8 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan hanya 7 orang (4.9 %) sahaja mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item kepercayaan boleh melahirkan kakitangan yang setia. Dapatan yang seterusnya, menunjukan kepercayaan adalah keyakinan yang penuh terhadap keupayaan dan kekuatan seseorang. Ini dapat dilihat pada dapatan kajian yang menunjukkan seramai 108 orang (75.0 %) responden menyatakan sangat setuju dengan item tersebut, diikuti dengan 32 orang (22.2 %) bersetuju dengan item yang dimaksudkan dan 3 orang (2.1 %) responden memberi jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Hanya seorang sahaja (0.7 %) responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dinyatakan.

Kajian juga, mendapati item kepercayaan boleh mencetuskan sifat-sifat yang baik. Ini dapat dilihat pada dapatan kajian yang menunjukkan seramai 108 orang (75.0 %) responden menyatakan sangat setuju dengan item tersebut, diikuti dengan 30 orang (20.8 %) bersetuju dengan item demikian dan hanya 6 orang (4.2 %) responden memberi jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Apabila dilihat kepada item yang menggambarkan kepercayaan adalah satu cara menghormati orang lain, kajian mendapati seramai 105 orang (72.9 %) responden menyatakan sangat setuju terhadap item tersebut, diikuti dengan 35 orang (24.3 %) bersetuju dengan item tersebut. Sebaliknya, hanya 4 orang (2.8 %) sahaja menyatakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang menggambarkan kepercayaan adalah satu cara menghormati orang lain. Kajian selanjutnya, mendapati bahawa responden menghargai kepercayaan yang diberikan kepadanya oleh syarikat dan

rakan-rakan. Justeru, kajian mendapati bahawa seramai 106 orang (73.6 %) responden menyatakan sangat setuju terhadap item tersebut, diikuti dengan 32 orang (22.2 %) bersetuju dengan item yang dimaksudkan dan sejumlah 5 orang (3.5 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item yang telah dinyatakan, manakala hanya 1 orang (2.8 %) sahaja menyatakan jawapan tidak bersetuju terhadap item tersebut. Dapatan yang seterusnya, menunjukkan bahawa setiap perkongsian lahir daripada kepercayaan yang tinggi. Ini dapat dilihat pada dapatan kajian yang menunjukkan seramai 104 orang (72.2 %) menyatakan sangat setuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 34 orang (23.6 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan hanya 6 orang (4.2 %) sahaja mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang telah dinyatakan.

Dapatan kajian yang selanjutnya, memaparkan bahawa kepercayaan adalah penting bagi mewujudkan persekitaran yang produktif. Kajian mendapati seramai 101 orang (70.1 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 35 orang (24.3 %) responden bersetuju dengan item tersebut, manakala 6 orang (4.2 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang menunjukkan kepercayaan adalah penting bagi mewujudkan persekitaran yang produktif. Kajian yang selanjutnya juga, mendapati bahawa kepercayaan dalam pasukan wujud apabila diberikan kebebasan berkomunikasi. Ini dapat dilihat, apabila seramai 98 orang (68.1 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 36 orang (25.0 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan seramai 9 orang (6.3 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Hanya 1 orang (0.7 %) sahaja tidak bersetuju dengan item yang sedemikian. Merujuk kepada dapatan yang memaparkan bahawa kepercayaan dalam pasukan wujud, apabila ada penyeliaan yang peka

kepada suasana persekitaran. Justeru, seramai 98 orang (68.1 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 35 orang (24.3 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan hanya 9 orang (6.3 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item berkenaan dan hanya 2 orang (1.4 %) sahaja tidak bersetuju terhadap item yang telah pun dinyatakan. Kajian seterusnya, menunjukkan bahawa responden membantu ahli pasukan supaya mereka mempercayai antara satu sama lain. Ianya menjadi kenyataan, apabila seramai 91 orang (63.2 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 47 orang (32.6 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan hanya 6 orang (4.2 %) sahaja mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Selanjutnya, kajian mendapati bahawa responden menunaikan janji kerana kepercayaan yang diberikan.

Kajian mendapati, seramai 93 orang (64.6 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 46 orang (31.9 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan hanya 3 orang (2.1 %) sahaja mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Manakala 2 orang (1.4 %) sahaja responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang menyatakan menunaikan janji kerana kepercayaan yang diberikan. Apabila dilihat kepada dapatan kajian yang berikutnya, responden percaya bahawa semua ahli bekerja dalam satu pasukan, bila mereka merasakan diri mereka diberi pengharapan dan kepercayaan. Terdapat seramai 91 orang (63.2 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 41 orang (28.5 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan 10 orang (6.9 %) mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dimaksudkan dan hanya 2 orang (1.4 %) responden sahaja, masing-masing menyatakan sangat tidak bersetuju dan setuju terhadap item yang

tersebut. Oleh yang demikian, kajian selanjutnya mendapati bahawa kepercayaan yang diberikan oleh ahli pasukan membolehkan responden dihargai, apabila seramai 85 orang (59.0 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 47 orang (32.6 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan 8 orang (5.6 %) mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Manakala, 4 orang (2.8 %) responden, masing-masing menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap kepercayaan yang diberikan oleh ahli pasukan yang membolehkan responden dihargai. Analisis yang terakhir terhadap item yang dibuat, memperlihatkan bahawa kepercayaan ahli pasukan membolehkan responden dihormati oleh rakan-rakan. Dapatan kajian menunjukkan seramai 82 orang (56.9 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 46 orang (31.9 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan hanya 13 orang (9.0 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item kepercayaan yang membolehkan responden dihormati oleh rakan-rakan. Bagi memahami item-item ini, seperti mana yang telah dijelaskan, maka gambaran secara keseluruhannya dapat dilihat pada paparan dalam jadual di bawah:

Jadual 4.8. Elemen Kepercayaan Dalam Kerja Berpasukan (n=144)

<i>Bil</i>	<i>Item</i>	<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>SDS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>
1	Kepercayaan lahir dari keikhlasan seseorang (b15)	-	-	2 (1.4)	21 (14.6)	121 (84.0)	4.83	.415
2	Kepercayaan motivasi untuk teruskan kerja (b3)	-	-	3 (2.1)	22 (15.3)	119 (82.6)	4.81	.447
3	Akan gunakan sebaiknya peluang keemasan daripada kepercayaan yang diberikan (b9)	-	-	2 (1.4)	24 (16.7)	118 (81.9)	4.81	.431
4	Kepercayaan pembuka jalan kerja berpasukan (b2)	1 (0.7)	1 (0.7)	1 (0.7)	20 (13.9)	121 (84.0)	4.80	.549
5	Kepercayaan dalam pasukan wujud melalui kepimpinan adil (b23)		1 (0.7)	4 (2.8)	18 (12.5)	121 (84.0)	4.80	.510
6	Kepercayaan asas utama kerja berpasukan (b4)	-	-	3 (2.1)	24 (16.7)	117 (81.3)	4.79	.456
7	Mempercayai kepimpinan yang matlamat jelas (b12)	-	1 (0.7)	4 (2.8)	27 (18.8)	112 (77.8)	4.74	.542
8	Kepercayaan rakan sekerja penting (b7)			11 (7.6)	18 (12.5)	115 (79.9)	4.72	.597

9	Kepercayaan melahirkan kakitangan setia (b19)	-	-	7 (4.9)	27 (18.8)	110 (76.4)	4.72	.550
10	Kepercayaan adalah keyakinan yang penuh terhadap keupayaan dan kekuatan seseorang (b13)		1 (0.7)	3 (2.1)	32 (22.2)	108 (75.0)	4.71	.578
11	Kepercayaan pencetus sifat-sifat baik (b20)	-	-	6 (4.2)	30 (20.8)	108 (75.0)	4.71	.540
12	Kepercayaan satu cara menghormati orang lain (b16)	-	-	4 (2.8)	35 (24.3)	105 (72.9)	4.70	.517
13	Saya menghargai kepercayaan yang diberikan kepada saya (b1)		1 (0.7)	5 (3.5)	32 (22.2)	106 (73.6)	4.68	.611
14	Setiap perkongsian lahir dari kepercayaan tinggi (b17)	-	-	6 (4.2)	34 (23.6)	104 (72.2)	4.68	.550
15	Kepercayaan penting untuk wujudkan persekitaran produktif (b18)	-	2 (1.4)	6 (4.2)	35 (24.3)	101 (70.1)	4.63	.634
16	Kepercayaan pasukan wujud bila diberi kebebasan berkomunikasi (b14)	-	1 (0.7)	9 (6.3)	36 (25.0)	98 (68.1)	4.60	.639
17	Kepercayaan dalam pasukan wujud bila ada penyeliaan peka kepada suasana persekitaran (b24)	-	2 (1.4)	9 (6.3)	35 (24.3)	98 (68.1)	4.59	.673
18	Saya membantu ahli pasukan supaya mereka mempercayai satu sama lain (b5)	-	-	6 (4.2)	47 (32.6)	91 (63.2)	4.59	.572
19	Menunaikan janji kerana kepercayaan yang diberikan (b 10)		2 (1.4)	3 (2.1)	46 (31.9)	93 (64.6)	4.58	.674
20	Saya percaya bahawa semua ahli bekerja dalam satu pasukan bila mereka sedar diberi pengharapan dan kepercayaan (b6)	1 (0.7)	1 (0.7)	10 (6.9)	41 (28.5)	91 (63.2)	4.53	.719
21	Kepercayaan ahli pasukan membolehkan saya dihargai (b21)	1 (0.7)	3 (2.1)	8 (5.6)	47 (32.6)	85 (59.0)	4.47	.757
22	Kepercayaan ahli pasukan membolehkan saya dihormati rakan-rakan (b22)	1 (0.7)	2 (1.4)	13 (9.0)	46 (31.9)	82 (56.9)	4.43	.772

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, SDS=Sederhana setuju Setuju, S=Setuju, SS=Sangat Setuju; Nilai dalam kurungan = peratus; Min Skor keseluruhan = 79.34; Sisihan Piawai Keseluruhan = 6.07

4.6.2 Elemen Perkongsian Dalam Kerja Berpasukan

Hasil kajian yang telah dilakukan terhadap elemen perkongsian, didapati item yang melibatkan perkongsian yang berbentuk spiritual mendominasi item-item yang lain. Item yang dipaparkan membuktikan bahawa usahawan mempunyai pengetahuan dan kefahaman agama yang jelas berkaitan elemen perkongsian. Justeru, mereka rela berkongsi kesenangan sesama mereka. Ini menunjukkan mereka faham terhadap tuntutan hidup yang berkaitan spiritual dan material. Oleh yang demikian, dapatan kajian menunjukkan seramai 104 orang (72.2 %) responden sangat bersetuju bahawa perkongsian adalah satu nikmat dan

rahmat, diikuti seramai 27 orang (18.8 %) responden menyatakan bersetuju terhadap item yang dimaksudkan dan 12 orang (6.9 %) mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item tersebut. Selebihnya, hanya 1 orang (0.7 %) responden sahaja, menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dimaksudkan.

Seterusnya, terdapat seramai 65 orang (45.1 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang menerangkan bahawa perkongsian wujud setelah responden mendapat kepercayaan dari rakan sekerja dan ketua, diikuti seramai 56 orang (38.9 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan 16 orang (11.1 %) mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dimaksudkan. Hanya 7 orang (4.9 %) responden sahaja, masing-masing menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap item yang tersebut. Selain itu, responden menyatakan suka merealisasikan kesenangan yang dapat dikongsi bersama. Justeru, seramai 53 orang (36.8 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 48 orang (33.3 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan 34 orang (23.6 %) mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dimaksudkan. Terdapat 5 orang (3.5 %) responden, menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dimaksudkan dan diikuti seramai 4 orang (2.8 %) menyatakan sangat tidak bersetuju terhadap item yang tersebut.

Seterusnya, di sebalik merealisasikan kesenangan yang boleh dikongsi bersama, responden juga turut menyatakan tentang merealisasikan kesusahan yang boleh dikongsi bersama. Dapatan menunjukkan bahawa, seramai 43 orang (29.9 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 45 orang (31.3 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan 35 orang (24.3 %) responden mengemukakan jawapan yang

sederhana setuju terhadap item yang dimaksudkan. Seramai 9 orang (6.3 %) responden, menyatakan tidak bersetuju dengan item yang tersebut dan diikuti seramai 12 orang (8.3 %) responden menyatakan sangat tidak bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan. Namun, jumlah ini tidaklah menggambarkan kecacatan terhadap kajian yang melibatkan item merealisasikan kesenangan dan kesusahan yang dikongsi bersama. Dapatan kajian yang seterusnya, menggambarkan bahawa responden sanggup berkongsi sesuatu dalam semua keadaan. Ini kerana, seramai 32 orang (22.2 %) responden sangat bersetuju dengan item tersebut, diikuti 44 orang (30.6 %) responden bersetuju dengan item yang demikian dan seramai 33 orang (22.9 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item tersebut.

Sebaliknya, terdapat seramai 17 orang (11.8 %) dan 18 orang (12.5 %) responden tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap item yang disarankan. Seterusnya, responden mempunyai kefahaman agama yang baik dan wujud kemahuan untuk berkongsi dengan mana-mana individu walaupun terpaksa mengabaikan kepentingan diri sendiri. Kajian mendapati lebih daripada separuh responden cenderung kepada mengutamakan kepentingan menaikkan nama syarikat dan perpaduan di kalangan mereka. Justeru, seramai 33 orang (22.9 %) responden sangat bersetuju terhadap item tersebut, diikuti seramai 35 orang (24.3 %) responden bersetuju dengan item yang dimaksudkan dan 41 orang (28.5 %) mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Seramai 15 orang (10.4 %) responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang telah disarankan, diikuti seramai 20 orang (13.2 %) responden sangat tidak bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan. Hanya 35 orang (24.3 %) sahaja, daripada jumlah keseluruhan responden memberi jawapan bahawa, kepentingan peribadi itu lebih utama daripada yang lain. Ia berkemungkinan, merujuk kepada tahap kefahaman agama mereka, suasana persekitaran

dan desakkan hidup. Dapatan bagi item ini, disokong hadith Bukhari yang menunjukkan manusia di zaman ini, sudah tentu banyak kekurangannya tidak sepertimana manusia di zaman para Sahabat. Rasulullah S.A.W memprakui keadaan ini, seperti mana sabda Baginda yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ
الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

Terjemahan: Daripada Abdullah r.a berkata, “Sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda, sebaik-baik manusia adalah daripada kurunku, kemudian kurun selepas kurunku, kemudian kurun yang seterusnya⁵.”

Selanjutnya, responden menyatakan pandangan mereka berdasarkan dua keadaan. Pertamanya, mereka sangat bersetuju dan bersetuju terhadap item yang memaparkan perkongsian adalah satu retorik. Keduanya, mereka tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap item yang memaparkan perkongsian adalah satu retorik. Ini kerana, berkemungkinan item yang dinyatakan itu benar dan dalam masa yang sama tidak semua keadaan menggambarkan maksud item yang dinyatakan. Oleh yang demikian, hampir separuh responden meletakkan diri mereka pada skala sederhana setuju. Ini bermakna, setiap kenyataan yang dikemukakan melihat kepada situasi gerak kerja berpasukan, fungsi usahawan dan syarikat dalam menjalankan operasi perniagaan mereka. Jawapan yang diberikan juga, adalah berdasarkan pemerhatian responden terhadap perkara tersebut. Justeru, dapatan menunjukkan seramai 15 orang (10.4 %) responden sangat bersetuju dengan item tersebut, diikuti 31 orang (21.5 %) mengemukakan jawapan yang bersetuju terhadap item yang dimaksudkan, manakala seramai 67 orang (46.5 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item yang dipaparkan. Sebaliknya, seramai 8 orang

⁵ Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, 297.

(5.6 %) responden tidak bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 23 orang (28.5 %) responden sangat tidak bersetuju dengan item tersebut.

Dapatan seterusnya, menunjukkan responden menyatakan sangat setuju iaitu seramai 27 orang (18.8 %) terhadap item yang menggambarkan perkongsian wujud dalam bentuk spiritual, diikuti mereka yang bersetuju iaitu seramai 27 orang (18.8 %) dan mereka yang menyatakan sederhana setuju seramai 39 orang (27.1 %) terhadap item berkenaan. Manakala seramai 25 orang (17.4 %) responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dinyatakan dan 26 orang (18.1 %) responden pula menyatakan sangat tidak bersetuju terhadap item yang dimaksudkan. Dapatan ini, memaparkan seramai 93 orang responden memberikan jawapan pada skala sangat setuju, setuju dan sederhana setuju memperakui item perkongsian wujud dalam bentuk spiritual.

Bagi item 9 hingga 12, kajian mendapati kecenderungan responden menjawab item yang berbentuk negatif dan berlawanan dengan jawapan yang sebelumnya. Ini kerana, soalan yang dibentuk adalah soalan yang berbentuk negatif bagi melihat apakah responden peka dengan suasana dan keadaan semasa. Ia juga, menggambarkan bahawa responden mempunyai semangat kebersamaan dalam pasukan dan syarikat. Justeru, mereka menolak item-item yang dikemukakan tersebut kerana item-item itu menafikan konsep perkongsian yang dipraktikkan oleh mereka setiap masa dalam kalangan usahawan. Oleh yang demikian, seramai 46 orang (31.9 %) responden mengemukakan jawapan sangat tidak bersetuju terhadap item perkongsian wujud dalam bentuk material, diikuti seramai 25 orang (17.4 %) responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item tersebut. Bagi mereka yang menjawab sederhana setuju pula, terdapat seramai 37 orang (22.7 %) responden

menyatakan pendirian mereka terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 23 orang (16.0 %) responden bersetuju dengan item tersebut dan 13 orang (9.0 %) mengemukakan jawapan yang sangat bersetuju terhadap item yang dimaksudkan. Seterusnya, seramai 49 orang (34.0 %) responden menyatakan sangat tidak bersetuju dan menolak item yang menggambarkan perkongsian adalah sesuatu yang memeritkan, diikuti seramai 30 orang (20.8 %) responden pula, menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang tersebut. Terdapat seramai 36 orang (25.7 %) responden menyatakan sederhana bersetuju dengan item tersebut. Sebaliknya, seramai 14 orang (9.7 %) responden mengemukakan jawapan setuju terhadap item yang dimaksudkan dan 15 orang (10.4 %) responden menyatakan sangat setuju terhadap item tersebut. Ini kerana, latar belakang responden adalah pelbagai yang memungkinkan mereka tidak memahami konsep perkongsian secara mendalam seperti yang dikehendaki dalam Islam.

Dapatan yang selanjutnya, menunjukkan seramai 54 orang (37.5 %) responden sangat tidak bersetuju terhadap item yang menyatakan berkongsi adalah perkara yang kurang menyenangkan, diikuti seramai 28 orang (19.4 %) responden tidak bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan seramai 23 orang (16.0 %) responden menyatakan sederhana setuju dengan item tersebut. Sebaliknya, seramai 28 orang (19.4 %) responden mengemukakan jawapan setuju terhadap item yang dimaksudkan dan 11 orang (7.6 %) responden menyatakan sangat setuju terhadap item yang tersebut.

Dapatan yang terakhir pula, menunjukkan seramai 58 orang (40.3 %) responden sangat tidak bersetuju terhadap item yang menyatakan perkongsian dalam kalangan usahawan berlaku disebabkan kekayaan responden. Terdapat seramai 18 orang (12.5 %) responden

menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang tersebut, manakala 39 orang (27.1%) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item tersebut. Sebaliknya, seramai 17 orang (11.8 %) responden menyatakan setuju terhadap item yang dipaparkan, diikuti 12 orang (8.3 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang menggambarkan perkongsian disebabkan kekayaan responden. Bagi memahami dengan lebih jelas, maka dapatan kajian dapat dilihat dalam jadual 4.9 di bawah:

Jadual 4.9. Elemen Perkongsian Dalam Kerja Berpasukan (n=144)

<i>Bil.</i>		<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>SDS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>
1	Perkongsian sesuatu nikmat dan rahmat (c5)	1 (0.7)	12 (8.3)	27 (18.8)	104 (72.2)	-	4.63	.668
2	Perkongsian wujud setelah saya mendapat kepercayaan dari rakan saya dan ketua (c7)	2 (1.4)	5 (3.5)	16 (11.1)	56 (38.9)	65 (45.1)	4.23	.883
3	Suka merealisasikan kesenangan yang dikongsi bersama (c20)	4 (2.8)	5 (3.5)	34 (23.6)	48 (33.3)	53 (36.8)	3.98	1.000
4	Suka merealisasi kesusahan yang dikongsi bersama (c19)	12 (8.3)	9 (6.3)	35 (24.3)	45 (31.3)	43 (29.9)	3.68	1.204
5	Sanggup berkongsi dalam semua keadaan (c12)	18 (12.5)	17 (11.8)	33 (22.9)	44 (30.6)	32 (22.2)	3.38	1.295
6	Berkongsi dengan mana-mana individu walau terpaksa abaikan kepentingan diri (c8)	20 (13.9)	15 (10.4)	41 (28.5)	35 (24.3)	33 (22.9)	3.32	1.315
7	Perkongsian dalam syarikat satu retorik (c6)	23 (16.0)	8 (5.6)	67 (46.5)	31 (21.5)	15 (10.4)	3.05	1.155
8	Perkongsian wujud dalam bentuk spiritual (c9)	26 (18.1)	25 (17.4)	39 (27.1)	27 (18.8)	27 (18.8)	3.03	1.358
9	Perkongsian wujud dalam bentuk material (c10)	46 (31.9)	25 (17.4)	37 (25.7)	23 (16.0)	13 (9.0)	2.53	1.327
10	Perkongsian sesuatu yang memeritkan (c13)	49 (34.0)	30 (20.8)	36 (25.0)	14 (9.7)	15 (10.4)	2.42	1.325
11	Berkongsi perkara yang kurang menyenangkan (c3)	54 (37.5)	28 (19.4)	23 (16.0)	28 (19.4)	11 (7.6)	2.40	1.360
12	Orang sanggup berkongsi disebabkan kekayaan saya (c11)	58 (40.3)	18 (12.5)	39 (27.1)	17 (11.8)	12 (8.3)	2.35	1.335

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, SDS=Sederhana setuju Setuju, S=Setuju, SS=Sangat Setuju; Nilai dalam kurungan = peratus, Min Skor keseluruhan = 38.99; Sisihan Piawai Keseluruhan = 7.69

4.6.3 Elemen Komitmen dalam Kerja Berpasukan

Hasil analisis yang dilakukan terhadap elemen komitmen maka pengkaji mendapati bahawa item yang berbentuk spiritual masih lagi mendominasi item-item yang lain. Ini kerana item keikhlasan adalah menjadi penyebab utama yang membolehkan usahawan berkomitmen dengan organisasi. Selain itu, keseimbangan di antara aspek material dan spiritual dapat dilihat pada item 2, 3, 4 dan 5. Oleh yang demikian, kajian mendapati seramai 123 orang (85.4 %) responden sangat bersetuju terhadap item keikhlasan sebagai nadi kepada komitmen seorang usahawan, diikuti seramai 19 orang (13.2 %) responden bersetuju dengan item yang dimaksudkan dan hanya 2 orang (1.4 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan.

Kajian juga mendapati, responden akan memberikan komitmen yang tinggi jika Islam diberikan keutamaan. Terdapat seramai 124 orang (86.1 %) responden sangat bersetuju dengan item yang dinyatakan, diikuti 17 orang (11.8 %) mengemukakan jawapan setuju terhadap item yang dikemukakan dan 2 orang (1.4 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item yang telah dipaparkan. Hanya 1 orang sahaja (0.7 %) responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dimaksudkan. Seterusnya, seramai 122 orang (84.7 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang menunjukkan responden gembira jika komitmen yang diberikan menaikkan status peniaga Islam, diikuti seramai 20 orang (13.9 %) responden menyatakan setuju terhadap item yang telah dinyatakan dan hanya 2 orang (1.4 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Kajian seterusnya, mendapati bahawa komitmen lahir dari keimanan yang mendalam. Terdapat seramai 121 orang (84.0 %) responden

bersetuju dengan item yang dinyatakan, diikuti 22 orang (15.3 %) mengemukakan jawapan setuju terhadap item yang dikemukakan dan hanya 1 orang (0.7 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item yang telah dipaparkan. Dapatan kajian yang selanjutnya, menunjukkan responden sanggup memberi komitmen dalam semua perkara demi Islam. Oleh yang demikian, kajian mendapati seramai 121 orang (84.0 %) responden sangat bersetuju dengan item yang dinyatakan, diikuti 19 orang (13.2 %) mengemukakan jawapan setuju terhadap item yang dikemukakan dan 3 orang (2.1 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item yang telah dipaparkan. Hanya 1 orang (0.7 %) sahaja responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item yang dimaksudkan.

Dapatan seterusnya, seramai 120 orang (83.3 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang memaparkan komitmen terhadap barangan Islam mengatasi barangan-barangan yang lain, diikuti seramai 22 orang (15.3 %) responden bersetuju terhadap item tersebut dan hanya 2 orang (1.4 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Dapatan selanjutnya, menunjukkan seramai 120 orang (83.3 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang menjelaskan komitmen adalah merupakan elemen yang penting dalam perniagaan MLM Syariah, diikuti seramai 19 orang (13.2 %) responden bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan seramai 5 orang (3.5 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item tersebut. Seterusnya, dapatan memaparkan bahawa item kejayaan tidak akan tercapai tanpa komitmen. Justeru, terdapat 124 orang (86.1 %) responden menyatakan sangat setuju terhadap item tersebut, diikuti 17 orang (11.8 %) responden bersetuju dengan item yang dimaksudkan dan 2 orang (1.4 %) responden menyatakan sederhana setuju terhadap item yang telah disarankan. Sebaliknya, hanya 1 orang (0.7 %) sahaja responden tidak bersetuju terhadap item yang

telah dinyatakan. Dapatan selanjutnya, menunjukkan seramai 117 orang (81.3 %) responden sangat bersetuju terhadap item yang menyatakan komitmen adalah jalan terbaik bagi mencapai kejayaan, diikuti seramai 25 orang (17.4 %) responden bersetuju dengan item yang dimaksudkan dan hanya 2 orang (1.4 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Hasil kajian seterusnya, memaparkan seramai 114 orang (79.2 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang menggambarkan responden memberi sepenuh komitmen kepada MLM syariah HPA, diikuti seramai 26 orang (18.1 %) responden bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan hanya 4 orang (2.8 %) sahaja responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan.

Merujuk kepada jawapan yang diberikan oleh responden, kajian mendapati bahawa kejayaan organisasi adalah bersandarkan kepada komitmen seseorang. Terdapat seramai 113 orang (78.5 %) responden sangat bersetuju dengan item yang dinyatakan, diikuti 26 orang (18.1 %) responden mengemukakan jawapan setuju terhadap item yang dikemukakan dan hanya 2 orang (1.4 %) responden masing-masing menyatakan sederhana setuju dan tidak bersetuju terhadap item yang telah dipaparkan. Dapatan yang selanjutnya, menunjukkan seramai 110 orang (76.4 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang memaparkan bahawa komitmen adalah salah satu elemen yang perlu berterusan dalam gerak kerja berpasukan, diikuti seramai 30 orang (20.8 %) responden bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan hanya 4 orang (2.8 %) sahaja mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Responden juga, memberikan jawapan bahawa komitmen mestilah menjadi amalan yang berterusan dalam hidup. Oleh itu, seramai 108 orang (75.0 %) responden menyatakan sangat bersetuju

terhadap item yang memaparkan bahawa komitmen mestilah menjadi amalan yang berterusan dalam hidup, diikuti seramai 31 orang (21.5 %) responden bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan hanya 3 orang (2.1 %) sahaja mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Manakala 2 orang (1.4 %) responden, masing-masing menyatakan sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju terhadap item yang dimaksudkan. Dapatan seterusnya, seramai 106 orang (73.6 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang meletakkan komitmen responden terhadap perniagaan Islam mengatasi segala-galanya, diikuti seramai 32 orang (22.2 %) responden bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan 5 orang (3.5 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Hanya 1 orang (0.7 %) sahaja responden tidak bersetuju dengan item yang dimaksudkan.

Selanjutnya, responden sanggup memberikan komitmen bila memahami matlamat yang jelas. Ini dapat dilihat apabila seramai 105 orang (72.9 %) responden menyatakan sangat bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan, diikuti seramai 33 orang (22.9 %) responden bersetuju terhadap item yang telah dinyatakan dan 4 orang (2.8 %) responden mengemukakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dikemukakan. Hanya 2 orang (1.4 %) sahaja responden tidak bersetuju dengan item yang dimaksudkan. Melihat kepada dapatan yang selanjutnya, responden meletakkan item komitmen adalah berpunca daripada hasil kepercayaan dan perkongsian di kalangan mereka. Justeru, seramai 103 orang (71.5 %) responden mengemukakan jawapan sangat bersetuju terhadap item kepercayaan dan perkongsian yang lahir daripada komitmen kerja pasukan di kalangan usahawan. Seramai 29 orang (20.1 %) responden pula, menyatakan bersetuju terhadap item yang telah disarankan, diikuti seramai 10 orang (6.9 %) responden mengemukakan jawapan sederhana setuju terhadap item yang telah dinyatakan. Hanya 2 orang (1.4 %) responden,

masing-masing menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap item tersebut. Dapatan terakhir pula, menggambarkan responden tidak memandang kepada ganjaran bonus bagi memberi komitmen kepada MLM syariah HPA. Ini dapat dilihat pada paparan item yang menunjukkan seramai 101 orang (70.1 %) responden bersetuju dengan item yang dinyatakan, diiringi seramai 30 orang (20.8 %) responden menyatakan jawapan bersetuju terhadap item yang dikemukakan. Seramai 8 orang (5.6 %) responden pula, menyatakan jawapan yang sederhana setuju terhadap item yang dinyatakan. Sebaliknya, 4 orang (2.8 %) responden menyatakan tidak bersetuju terhadap item tersebut, diikuti hanya 1 orang (0.7 %) sahaja. Justeru, elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen saling berkaitan di antara satu sama lain bagi memenuhi matlamat kerja secara berpasukan. Lihat jadual 4.10 di bawah:

Jadual 4.10. Elemen Komitmen Dalam Kerja Berpasukan (n=144)

<i>Bil.</i>		<i>STS</i>	<i>TS</i>	<i>SDS</i>	<i>S</i>	<i>SS</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>
1	Keikhlasan nadi kepada komitmen seorang usahawan (d15)	-	-	2 (1.4)	19 (13.2)	123 (85.4)	4.84	.404
2	Komitmen tinggi jika Islam diutamakan (d 7)		1 (0.7)	2 (1.4)	17 (11.8)	124 (86.1)	4.83	.458
3	Gembira jika komitmen yang diberi menaikkan peniaga Islam (d18)	-	-	2 (1.4)	20 (13.9)	122 (84.7)	4.83	.410
4	Komitmen lahir dari keimanan yang dalam (d8)	-	-	1 (0.7)	22 (15.3)	121 (84.0)	4.83	.392
5	Sanggup komitmen dalam semua perkara demi Islam (d 3)		1 (0.7)	3 (2.1)	19 (13.2)	121 (84.0)	4.81	.492
6	Komitmen terhadap barangan Islam mengatasi segala-gala (d16)	-	-	2 (1.4)	22 (15.3)	120 (83.3)	4.82	.422
7	Komitmen elemen penting dalam perniagaan MLM syariah (d11)	-	-	5 (3.5)	19 (13.2)	120 (83.3)	4.80	.482
8	Kejayaan tak tercapai tanpa komitmen (d5)	-	1 (0.7)	2 (1.4)	17 (11.8)	124 (86.1)	4.80	.437
9	Komitmen jalan terbaik capai kejayaan (d4)	-	-	2 (1.4)	25 (17.4)	117 (81.3)	4.80	.438
10	Memberi sepenuh komitmen kepada MLM Syariah HPA	-	-	4 (2.8)	26 (18.1)	114 (79.2)	4.76	.487

	(d14)							
11	Kejayaan organisasi merujuk kepada komitmen seseorang (d 12)	1 (0.7)	1 (0.7)	3 (2.1)	26 (18.1)	113 (78.5)	4.73	.606
12	komitmen perlu berterusan (d13)	-	-	4 (2.8)	30 (20.8)	110 (76.4)	4.73	.503
13	Komitmen amalan berterusan dalam hidup (d 10)	1 (0.7)	1 (0.7)	3 (2.1)	31 (21.5)	108 (75.0)	4.69	.618
14	Komitmen terhadap perniagaan Islam mengatasi segala-gala (d20)	-	1 (0.7)	5 (3.5)	32 (22.2)	106 (73.6)	4.67	.583
15	Komitmen bila memahami matlamat yang jelas (d 1)		2 (1.4)	4 (2.8)	33 (22.9)	105 (72.9)	4.66	.671
16	Komitmen lahir dari kepercayaan dan perkongsian (d2)	1 (0.7)	1 (0.7)	10 (6.9)	29 (20.1)	103 (71.5)	4.61	.711
17	Tidak memandang kepada bonus dalam memberi komitmen kepada MLM Syariah HPA (d17)	1 (0.7)	4 (2.8)	8 (5.6)	30 (20.8)	101 (70.1)	4.57	.781

Nota: STS=Sangat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, SDS=Sederhana setuju Setuju, S=Setuju, SS=Sangat Setuju; Nilai dalam kurungan = peratus, Min Skor keseluruhan = 57.35; Sisihan Piawai Keseluruhan = 3.84

4.7 Perbandingan Keutamaan Antara Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen Kerja Berpasukan

Perbandingan di antara ketiga-tiga elemen kerja berpasukan menunjukkan elemen komitmen (min=4.78, S.Piawai=0.32) merupakan elemen utama yang menjadi penentu kepada kejayaan kerja berpasukan, diikuti oleh elemen kepercayaan (min=4.67, S.Piawai=0.35) dan perkongsian (min=3.25, S.Piawai=0.64). Dapatan ini, menunjukkan responden mempunyai komitmen dan kepercayaan yang tinggi dalam menjelaskan konsep kerja berpasukan (*'Amal Jamā'ī*). Manakala bagi elemen perkongsian, responden menunjukkan kecenderungan yang sederhana bagi menjelaskan konsep tersebut. Secara keseluruhannya, konsep *'Amal Jamā'ī* terbentuk dari ketiga-tiga elemen pada tahap yang tinggi (Min=4.23, S.Piawai=0.31).

Jadual 4.11. Perbandingan Keutamaan Antara Aspek Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen Dalam Kerja Berpasukan (n=144)

<i>Elemen Kerja Berpasukan</i>	<i>Min</i>	<i>Sisihan Piawai</i>
Komitmen	4.78	0.32
Kepercayaan	4.67	0.35
Perkongsian	3.25	0.64
'Amal Jamā'ī	4.23	0.31

4.8 Gambaran Kedudukan Tahap Penghayatan Kerja Berpasukan dalam Kalangan Usahawan MLM al-Wahida Marketing Sdn. Bhd.

Hasil kajian menunjukkan kedudukan tahap penghayatan kerja berpasukan yang dilakukan oleh usahawan al-Wahida yang mencakupi elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Dapatan kajian menunjukkan bahawa usahawan yang memiliki kepercayaan dalam kerja berpasukan, mereka memiliki penghayatan yang tinggi iaitu seramai 143 orang (99.3 %) responden, diikuti seramai 140 orang (97.2 %) responden mempunyai penghayatan yang tinggi terhadap kerja berpasukan apabila komitmen menjadi salah satu penghayatan mereka dalam kerja berpasukan. Hasil kajian juga, mendapati bahawa elemen perkongsian berada pada tahap yang sederhana iaitu seramai 106 (73.6%) responden. Ini kerana, organisasi yang dikaji adalah organisasi yang berorientasikan pengeluaran produk makanan dan minuman. Justeru, sudah tentu wujud jurang perkongsian yang berbentuk material dan spiritual. Lihat jadual 4.12 di bawah:


Jadual 4.12. Tahap Penghayatan Kerja Berpasukan dalam Kalangan Usahawan Al-Wahida yang melibatkan Elemen Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen

<i>Kerja Berpasukan</i>	<i>Rendah</i>		<i>Sederhana setuju</i>		<i>Tinggi</i>	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Kepercayaan	-	-	1	0.7	143	99.3
Komitmen	-	-	4	2.8	140	97.2
Perkongsian	10	6.9	106	73.6	28	19.4

4.9 Model 'Amal Jamā'ī

Ketiga-tiga elemen kerja berpasukan ini menyumbang kepada pembentukan model 'Amal Jamā'ī yang baik. Pembentukan model 'Amal Jamā'ī ini dihasilkan menggunakan perisian SmartPLS 3.0. Berdasarkan rajah 4.1 di bawah elemen kepercayaan dan komitmen merupakan penyumbang utama iaitu sebanyak 75.7% (0.757) dan 75.5% (0.755). Manakala elemen perkongsian menyumbang sebanyak 10.2% (0.102). Model 'Amal Jamā'ī yang dihasilkan menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen berperanan penting dalam menjelaskan konsep 'Amal Jamā'ī.

Rajah 4.1 : Model 'Amal Jamā'ī Berdasarkan Elemen Kepercayaan, Komitmen dan Perkongsian



Sumber: Diolah daripada SmartPLS melalui sesawang <http://www.smartpls.de/>.

4.10 Pandangan Peribadi Usahawan

Bagi memantapkan lagi dapatan kajian yang telah dipaparkan di atas, pengkaji telah menemubual mereka yang berpangkat dan tidak berpangkat dalam rangkaian MLM AWM. Hasilnya, pengkaji membahagikannya kepada beberapa kategori yang boleh menggambarkan kefahaman usahawan berkaitan kerja berpasukan yang dipraktikkan oleh mereka dalam AWM. Kategori tersebut adalah berkaitan:-

- (i) Kefahaman berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dalam kalangan usahawan MLM AWM.
- (ii) Pandangan peribadi usahawan berhubung dengan kepercayaan, perkongsian dan komitmen mereka dalam pasukan.
- (iii) Kepentingan membentuk usahawan MLM AWM yang bersandarkan kepada elemen seperti kepercayaan, perkongsian dan komitmen.
- (iv) Cadangan penambahbaikkkan bagi memantapkan kepentingan '*Amal Jamā'ī*' kepada usahawan MLM AWM dalam menjayakan organisasinya.

4.10.1 Kefahaman Berkaitan '*Amal Jamā'ī*' dalam Kalangan Usahawan MLM AWM

Responden memahami bahawa bekerja secara *Amal Jamā'ī* adalah merupakan satu tuntutan dalam Islam. Setiap gerak kerja yang dilakukan adalah merujuk kepada kepentingan Islam dan mengikut undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak. Responden juga memahami bahawa konsep kerja secara *Amal Jamā'ī* adalah perlu dan elemen-elemen pengukuhan terhadap kerja secara berpasukan seperti kepercayaan, perkongsian dan komitmen adalah menjadi tunjang kepada kekuatan organisasi. Mereka melihat setiap kerja yang baik lagi bermanfaat adalah dituntut supaya

dilakukan secara berjemaah demi mencari keredaan Allah SWT. Ianya bukan hanya memfokuskan kepada aktiviti yang berbentuk material semata-mata malah melibatkan juga aktiviti-aktiviti yang bersifat spiritual. Perkara ini dapat dibuktikan apabila kerja yang dilakukan adalah berdasarkan unsur keimanan yang dijadikan sebagai pedoman. Syariah pula, dijadikan landasan dan responden berkeyakinan hanya jalan yang dicadangkan oleh Islam mampu mencapai kejayaan dan boleh dijadikan sandaran. Mereka tidak hanya melihat kepada keuntungan material semata-mata, malah kerja yang dilakukan adalah berkaitan kebajikan (amal soleh) terhadap agama, diri sendiri, masyarakat dan negara.

Walaupun MLM itu adalah merupakan gagasan yang diperkenalkan oleh konvensional tetapi responden lebih mengharapkan MLM berlandaskan syariat mendapat tempat dan mengantikannya dengan kaedah Islam sebagai gagasan yang utama berbanding dengan MLM yang berorientasikan konvensional. Responden juga tetap memilih sifat-sifat mahmudah seperti ikhlas, jujur dan amanah sebagai pengukur kepada pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Dengan demikian sifat-sifat mazmumah dapat dibendung serta dihindari daripada membelenggu dalam kehidupan mereka sebagai usahawan. Dapatan ini diperkukuhkan lagi melalui kajian yang dilakukan oleh Knutton dan Ireson⁶ menyatakan bahawa kerja berpasukan perlu ada kesefahaman sesama-sama ahli, agar setiap program atau projek yang dilaksanakan itu dapat dijayakan atas dasar kesefahaman yang baik. Taylor dan Mc Kenzie⁷ berpendapat bahawa kerja berpasukan akan melahirkan semangat setia kawan yang mampu sama-sama menjayakan organisasi mereka. Menurut Losen dan

⁶Knutton dan Ireson, *Team, Teamwork & Teambuilding: The Manager's Complete Guide To Team In Organization* (New York : Prentice Hall, 1996), 23.

⁷Taylor dan Mc Kenzie, *The Team Development Matrix* (New York: The Wings Group, 2001), 123.

Beverly Scoot⁸ gabungan idea, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki oleh individu dapat memperkukuhkan sesuatu pasukan kerja. Menurut Robbin⁹ pasukan kerja adalah satu kumpulan kerja yang saling berkerjasama dalam usaha mencapai matlamat yang telah ditetapkan oleh organisasi mereka. Greenberg¹⁰ mendefinisikan kerja berpasukan sebagai pasukan yang saling bergantung di antara satu sama lain, berhubung dan sentiasa mempengaruhi sesama sendiri bagi mencapai matlamat yang ditetapkan bersama. Menurut Shek Kwai Fun¹¹ perasaan percaya-mempercayai yang ada di kalangan ahli dalam pasukan akan memudahkan proses komunikasi yang akan melahirkan perkongsian bahan dan maklumat organisasi, di samping komitmen yang mantap daripada ahli dalam pasukan. Menurut Owens¹², kerja berpasukan adalah merujuk kepada sekumpulan individu yang sentiasa bekerjasama secara berterusan dan berkongsi matlamat sesama ahli dalam pasukan.

Ab. Rahim Ab. Hamid¹³ turut menyatakan kerja berpasukan adalah satu sistem kerja berpasukan yang dilakukan oleh sekumpulan ahli yang merancang, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Mereka juga, mempunyai pengetahuan dan faham tentang kerja yang dilakukan, percaya mempercayai dan sentiasa berkongsi maklumat organisasi. Seterusnya, menurut Katzenbach dan Smith¹⁴ kerja berpasukan banyak bergantung pada

⁸ Losen dan Beverly Scoot, *Leadership : Theory, Application & Skill Development* (United States: South Western College Publishing, 2001), 75.

⁹ Robbin, *Managing Today*, ed ke-2 (United State: San Dieogo State University, 2000), 304-318

¹⁰ Greenberg, *How To Increase Teamwork In Organization Training Quality* (London : Prentice -Hall, 1997), 26-29.

¹¹ Shek Kwai Fun, *Keberkesanan Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia dalam Jabatan Bahasa dan Sains Sosial di Sekolah Menengah Daerah Pontian*, 43.

¹² R.G. Owens, *Organizational Behavior in Education* (Boston: Allyn and Bacon Inc, 1998), 33.

¹³ Ab Rahim Ab Hamid. *Hubungan Antara Elemen-Elemen Budaya Organisasi, Kepuasan Kerja dan Sistem Kerja Berpasukan di Kalangan Staf Sokongan Bank Pertanian Malaysia*, 20.

¹⁴ Katzenbach J R dan Smith D.K, *The Wisdom of the Teams : Creating The High Performance Organization*, Boston, MA : Harvard Business School Press, 11.

kemahiran dan pengalaman yang pernah dilalui seseorang. Mc Kenzie¹⁵ menyatakan bahawa semangat kerjasama dapat meningkatkan kualiti sesuatu perkara yang hendak dilakukan. Gurcharan Singh¹⁶ dalam kajiannya mengemukakan beberapa elemen pasukan kerja, antaranya adalah kerjasama, pengendalian konflik dan kebebasan pendapat. Ab Aziz Yusof¹⁷ menyatakan pasukan kerja adalah gabungan sebilangan individu yang mempunyai kompetensi yang saling bergantung sama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan. Menurutnya lagi, pasukan yang mempunyai prestasi tinggi bukan setakat mereka yang berbakat malah kekuatan pasukan bergantung kepada penstrukturan pasukan kerja seperti penentuan dan pembahagian tugas, peraturan, prosedur dan pelaksanaan yang dilakukan.

Martinson & Wilkening¹⁸ dalam kajian mereka, mendapati bahawa kerja berpasukan mempunyai keberkesanan jika ada hubungkait dengan agama yang membataskan seseorang dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Struktur pasukan kerja akan hanya berkesan jika pasukan itu mempunyai pembahagian tugas, prosedur, tanggungjawab, tahap autoriti, sumber-sumber dan sistem pelajaran. Selain itu, menurut Balderson¹⁹ kerja berpasukan memerlukan kuasa kepakaran yang ada kepada seseorang pemimpin. Pendapat ini disokong oleh Cherington²⁰ yang menegaskan bahawa kejayaan kerja berpasukan bergantung pada pemimpin yang baik. Koontz²¹ menyatakan bahawa kerja berpasukan juga dapat

¹⁵ Mc Kenzie, *Teaching Groups To Become Teams*, Journal of Education for Business (UK: Taylor & Francis Ltd, 2000), 75:5, 227-293.

¹⁶ Gurcharan singh a/l Bulbir Singh, *Semangat Berpasukan di Kalangan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Pendidikan di Negeri Perak* (Sintok: Universiti Utara Malaysia, 1997), 88.

¹⁷ Ab Aziz Yusof, *Mengurus Pasukan Kerja Berprestasi Tinggi* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn Bhd., 2003), 53.

¹⁸ Martinson & Wilkening, *Team Roles at Work*. (Oxford: Butterworth-Heinemann, 1996), 58

¹⁹ Balderson, *Team Building: A Structured Learning Approach*. Florida (USA : St. Lucie Press, 1997), 45

²⁰ Cherington, *Organizational Behaviour : A Skill Building Approach* (Australia: Irwin and McGraw-Hill, 1998), 200.

²¹ Koontz, *Contingency Anlysis of Managerial Function*, ed. ke-6 (New York: McGraw-Hill, 1976), 70.

melahirkan suasana yang boleh mengembirakan setiap orang dan mereka mampu melakukan sesuatu kerja yang diberi dengan baik. Menurut Losen dan Beverly Scoot²² gabungan idea, kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki oleh individu dapat memperkukuhkan sesuatu pasukan kerja. Lussier dan Achua²³ menyatakan kerja berpasukan sebagai satu pemahaman dan komitmen ahli dalam pasukan bagi mencapai matlamat yang direncanakan dalam pasukan. Ron²⁴ juga, menyatakan bahawa kerja berpasukan perlu ada kesefahaman sesama-sama ahli, agar setiap program atau projek yang akan dilaksanakan itu dapat dijayakan atas dasar kesefahaman yang baik.

Perkara ini, ada pada diri Baginda S.A.W yang diutus sebagai Rasul yang mempunyai sifat *faṭānah* (bijaksana) dan sebagai pemimpin yang baik. Baginda mengatur langkah dan gerak kerja yang rapi sehingga mengembirakan para Sahabat dan mengecewakan pihak musuh. Bertepatan dengan perintah dan firman Allah SWT kepada baginda dan umatnya yang berbunyi:

وَاَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Āli ‘Imrān 3:103

Terjemahan: Dan berpegang teguhlahkamu dengan tali Allah dan janganlah kamu bercerai berai.

Melihat kepada dapatan dan fakta yang dikemukakan di dalam kajian yang lalu, maka dapatlah diperhatikan bahawa *Amal Jamā’ī* adalah satu gabungan tenaga, kefahaman, kepercayaan, perkongsian, kemahiran, komitmen, kepakaran dan tanggungjawab yang bersepadu dalam merealisasikan matlamat dan cita-cita. Kerja berpasukan dapat melahirkan

²² Losen dan Beverly Scoot, *Principles of Team Leader Stress* (US: Knoxville, 1992), 91.

²³ Lussier, R. N. & Achua, C.F. *Leadership: Theory, Application, Skill*. (United States: South Western College Publishing, 2001), 28.

²⁴ Ron J.R. *Ron Archer with Janet Bond Wood on Teams*. (Chicago, IL : Irwin Professional Publishing 1996), 60.

suasana kerja yang kondusif, bersefahaman, memuaskan hati ahli dan dapat meniup semangat bekerja di kalangan ahli. Kajian-kajian yang lalu juga menunjukkan bahawa semangat berpasukan adalah menjadi kayu ukur kepada kejayaan sesebuah organisasi.

4.10.2 Pandangan Peribadi Usahawan Berhubung dengan Kepercayaan, Perkongsian dan Komitmen Mereka dalam Pasukan.

Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden memberikan komen yang positif terhadap hubungkait elemen kerja berpasukan dengan keusahawanan mereka. Pengkaji memperincikan komen serta pandangan mereka secara terperinci dan mengikut keutamaan dan urutan yang signifikan dengan kajian. Berikut adalah pandangan mereka berkaitan elemen yang telah dinyatakan sebelum ini:

4.10.2.1 Pandangan Peribadi Usahawan Berkaitan dengan Kepercayaan.

Responden secara jujur, menyatakan bahawa kepercayaan adalah satu elemen yang amat penting dan mampu memperhebatkan lagi jaringan usahawan mereka. Mereka menyatakan bahawa setiap kerja yang dilakukan demi untuk Islam hendaklah diberi sokongan, bahkan sifat-sifat mazmumah hendaklah dikesampingkan demi memelihara kepercayaan dalam pasukan. Kefahaman terhadap kepercayaan adalah suatu yang sehati dengan hidup mereka apabila Islam diutamakan, berbanding habuan yang lumayan seperti bonus diletakkan pada prioriti yang kedua. Sifat-sifat terpuji hendaklah disematkan dalam diri mereka agar kerja buat mereka sentiasa diawasi dan mendapat bimbingan serta panduan agama. Sifat ikhlas, jujur dan amanah merupakan tunjang yang mesti bertapak kuat dalam

diri usahawan bahkan merupakan nadi utama bagi melahirkan kepercayaan dalam diri usahawan. Kepercayaan bagi usahawan adalah amanah Allah yang mesti dipelihara. Namun kepercayaan berteraskan panduan Islam sahaja yang mesti diberikan keutamaan. Dengan sendirinya, usahawan akan bertambah yakin dengan kesempurnaan Islam sebagai panduan dan matlamat hidup. AWM sebagai sebuah syarikat pemasaran, maka responden menyatakan perlunya kepercayaan dari semua pihak yang terlibat dan berkepentingan. Ianya, bertujuan untuk memantapkan lagi kekuatan syarikat tersebut. Setiap ahli sentiasa berhubung di antara satu sama lain dan wujudnya kemesraan serta kebersamaan di kalangan mereka. Orang yang memimpin dan yang dipimpin juga, sentiasa bekerjasama bagi mencapai matlamat. Hubungan yang akrab di antara pemimpin dan usahawan melahirkan kepercayaan yang tinggi di kalangan mereka. Mereka meletakkan kepercayaan sebagai indikator bagi melahirkan sesuatu kejayaan dalam organisasi mereka seperti perjalanan organisasi mengikut lunas syarak, kunci kejayaan adalah pada kepercayaan yang disuburkan di kalangan mereka dan kepercayaan mengikat tali persaudaran di kalangan mereka.

Semangat serta kekuatan bekerja secara berpasukan lahir daripada kepercayaan yang tinggi di kalangan mereka dan merupakan motivasi yang sentiasa membakar semangat mereka untuk terus bersama-sama organisasi. Responden meletakkan kepercayaan sebagai asas penting dan mampu menjadi elemen yang memperkukuhkan sesebuah organisasi. Mereka menyatakan seluruh bentuk kehidupan di dunia ini adalah perlu kepada kepercayaan yang tinggi di kalangan mereka sama ada dalam kekeluargaan, kemasyarakatan, organisasi dan kerajaan berserta rakyatnya. Ini adalah kunci kepada kehidupan seseorang insan yang inginkan kejayaan di dunia dan akhirat.

Dapatan kajian ini disokong dengan data yang menunjukkan elemen kepercayaan merupakan suatu perkara yang penting dalam kerja berpasukan. Ianya dapat dilihat pada dapatan yang menunjukkan bahawa kepercayaan adalah merupakan motivasi kepada seseorang untuk terus bekerja. Seramai 119 (86.6 %) responden dan 22 orang (15 %) responden menyatakan sangat setuju dan setuju berkaitan elemen kepercayaan sebagai salah motivasi yang penting kepada para pekerja. Lihat Jadual 4.13 di bawah:

Jadual 4.13. Taburan Kepercayaan Merupakan Motivasi kepada Kerja Berpasukan

Kepercayaan Responden Merupakan motivasi kepada Kerja Berpasukan	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	119	82.6
Setuju	22	15.3

Tidak cukup dengan dapatan yang dikemukakan, pengkaji turut memperolehi data yang amat signifikan dengan kerja berpasukan apabila elemen kepercayaan merupakan asas utama kerja berpasukan. Justeru, seramai 116 orang (80.6 %) dan 25 orang (17.4 %) responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa kepercayaan merupakan suatu yang amat penting dalam kerja berpasukan. Lihat Jadual 4.14 di bawah:

Jadual 4.14. Taburan Kepercayaan Merupakan Asas Utama kepada Kerja Berpasukan

Kepercayaan Responden Merupakan Asas Utama Kepada Kerja Berpasukan	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	116	80.6
Setuju	25	17.4

Sebenarnya wujud perkaitan antara elemen kepercayaan dengan hak seseorang untuk berkomunikasi antara satu dengan yang lain. Ini kerana, pengkaji mendapati bahawa

seramai 97 orang (67.4 %) responden sangat bersetuju dan seramai 35 orang (25.7 %) bersetuju bahawa hak kebebasan berkomunikasi ataupun bersuara diberi ruang yang sebaiknya kepada mereka. Lihat jadual 4.15 di bawah:

Jadual 4.15. Taburan Kepercayaan Pasukan Wujud Apabila Kebebasan Komunikasi Diberikan

Kepercayaan Responden Pasukan Wujud Apabila Kebebasan Komunikasi Diberikan	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	97	67.4
Setuju	35	25.7

Dapatan ini turut disokong oleh hadith di bawah, apabila Baginda S.A.W sendiri mempraktikkan perkara ini dan memberi kepercayaan yang tinggi kepada Abu Bakar. Sebaliknya, Abu Bakar pula turut membalas kepercayaan yang diberikan dengan sepenuh hati sehingga sanggup mempertaruhkan segala-galanya termasuk harta benda dan keluarga. Ini menggambarkan kepercayaan dan komunikasi yang baik dalam pasukan telah diketengahkan oleh Baginda S.A.W selaku ketua dalam pasukan kerja yang efektif. Aishah pernah meriwayatkan hadith Baginda S.A.W:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ هَاجَرَ نَاسٌ إِلَى الْحَبَشَةِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَتَجَهَّزَ أَبُو بَكْرٍ مُهَاجِرًا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رِسْلِكَ فَإِنِّي أَرْجُو أَنْ يُؤْذَنَ لِي فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ أَوْ تَرْجُوهُ بِأَبِي أَنْتَ

Terjemahan: Daripada Aishah berkata: “Telah berhijrah orang-orang Islam ke Habshah dan bersedialah Abu Bakar untuk berhijrah bersama-sama mereka, kemudian bersabda Nabi S.A.W untuk menjadikan Abu Bakar sebagai teman “Engkau tunggu dahulu kerana aku berharap sampai masanya akan diizinkan kepadaku untuk berhijrah.” Abu Bakar lantas berkata, “Aku tebus kamu dengan ayahku

(Abu Bakar sanggup menggantikan bapanya kerana Rasulullah S.A.W).^{25,}

Hadith di atas menjelaskan bahawa, seorang ketua berjaya menilai kebolehan yang dimiliki oleh orang bawahannya. Orang bawahan pula, merasa gembira apabila dirinya diberi kepercayaan yang sepenuhnya oleh orang atasan.

Allah SWT merakamkan perkara ini di dalam al-Qur'an:

وَيُؤْتِرُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ

Surah al-Hashr 28:9

Terjemahan: Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat-sangat berhajat.

Ayat ini jelas menunjukkan bagaimana para Sahabat berjaya ditarbiyyah oleh baginda sehingga mereka lebih mengutamakan pasukan (jamaah) berbanding diri sendiri walaupun terpaksa menghadapi kesulitan hidup. Oleh kerana kepercayaan dan keyakinan yang tinggi terhadap janji Allah dan RasulNya menyebabkan tiada nilai material yang mampu melunturkan semangat mereka. Mereka mempunyai harga diri dan keimanan yang kukuh sebagai benteng dalam menempuhi kehidupan mereka. Semangat pasukan yang diresapi dengan spiritual yang tinggi menyebabkan wujudnya pengorbanan, kesetiaan dan kepercayaan.

Dapatan ini turut disokong oleh Mahoney dan Thor²⁶ yang menyatakan terdapat beberapa ciri pasukan kerja yang efektif antaranya ialah tahap kepercayaan yang tinggi wujud di kalangan ahli pasukan dan diberi peluang untuk menunjukkan bakat dan kreatif. Morgan

²⁵ Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", 495.

²⁶ Mahoney dan Thor, *Measurement of Teamwork Skills. A Trait Teamwork Questionnaire*. Presst Conferense: September 10 (California: t.p., 1994), 65.

dan Murgatroyd²⁷ menyatakan bahawa pasukan kerja yang berprestasi memiliki beberapa ciri penting, antaranya ialah kepercayaan dan tolak ansur di kalangan ahli dan rasa hormat menghormati sesama sendiri. Taylor dan Mc Kenzie²⁸ berpendapat bahawa kerja berpasukan akan melahirkan semangat setia kawan yang mampu sama-sama menjayakan organisasi mereka. Mounon²⁹ menekankan bahawa kerja berpasukan bergantung kepada individu yang berterus terang dan ikhlas. Dassler³⁰ menyatakan bahawa keberkesanan kerja berpasukan adalah bergantung kepada sikap hormat-menghormati ahli dalam pasukan tanpa melihat faktor umur dan kedudukan. Greenberg³¹ mendefinisikan kerja berpasukan sebagai pasukan yang saling bergantung di antara satu sama lain, berhubung dan sentiasa mempengaruhi sesama sendiri bagi mencapai matlamat yang ditetapkan bersama. Gurcharan Singh³² dalam kajiannya mengemukakan beberapa elemen pasukan kerja antaranya adalah kepercayaan, kebebasan pendapat, sokongan pemimpin dan kerjasama.

4.10.2.2 Pandangan Peribadi Usahawan Berkaitan dengan Perkongsian.

Kebanyakan responden berpendapat bahawa perkongsian mampu melahirkan kejayaan kepada organisasi. Namun, perkongsian juga ada baik buruknya, jika perkara itu dilakukan dengan niat yang berbeza. Perkongsian adalah suatu yang baik jika menggunakan Islam sebagai model dalam setiap urusan pekerjaan mereka. Setiap yang digariskan oleh Islam dijadikan peraturan jika berlaku sebaliknya, ianya tidak diamal dan dilaksanakan. Responden mengemukakan pandangan bahawa perkongsian merupakan asas kepada

²⁷ Morgan dan Murgatroyd, *Work Team in Schools*, Educational Managerment: Eric Digest, 1993), 103.

²⁸ Taylor dan Mc Kenzie, *Organizational Behavior in Education*. Allyn and Bacon, 1997), 72.

²⁹ Mounon, *Team Building: A Structured Learning Approach-Solution Manual* (USA : St. Lucie Press, 1964), 56.

³⁰ Dassler, *Cross-Functional Teams: Working With Allies, Enemies and other Strangers* (San Francisco: Jossey-Bass Publisher, 1996), 56.

³¹ Greenberg, *Teamwork and Team Leadership. Team Performance Manegement*, (London : Prentice Hall, 1997), 2(1). 9-13.

³² Gurcharan Singh (1997) op.cit, h. 43.

pekerjaan mereka. Justeru, dengan mempraktikkan kerjasama di kalangan mereka, maka akan melahirkan usahawan yang sentiasa berkongsi semua perkara yang melibatkan kepentingan organisasi. Mereka juga, memahami bahawa perkongsian adalah suatu yang diperlukan untuk memartabatkan Islam sebagai asas kepada perniagaan mereka. Setiap perkongsian adalah perjuangan yang mampu mengutuhkan jemaah serta organisasi itu sendiri. Setiap masalah mampu diselesaikan melalui perkongsian apabila Islam diletakkan pada tempat yang sepatutnya. Mereka berkeyakinan bahawa Allah sangat meredai setiap perkara yang dilakukan secara bersama atau berjemaah. Responden berpegang kepada pepatah Melayu (bersatu teguh bercerai roboh)³³ yang mengaitkan kerjasama, tolong menolong dan bantu membantu bagi memperkukuhkan kerja secara berpasukan, apabila perkongsian difahami sebagai asas kejayaan. Tuntutan tentang kewajipan berkongsi dalam Islam difahami dengan baik oleh responden. Mereka yakin bahawa, keikhlasan perlu dalam perkongsian bertujuan mendapat keredaan Allah SWT. Perkongsian juga, mampu untuk memindahkan maklumat serta ilmu di kalangan mereka.

Apabila perkongsian menjadi budaya di kalangan mereka, maka setiap manfaat yang diperolehi dapat dinikmati bersama. Sikap membina dan memperkasa diri serta *amar makruf nahi mungkar* difahami dengan baik oleh usahawan AWM. Justeru, matlamat responden jelas tentang perkongsian dan mereka menyatakan kesanggupan mereka berkongsi demi Islam. Islam adalah segala-galanya bagi mereka dalam mendepani cabaran hidup di dunia ini. Dapatan kajian ini dikuatkan dengan data yang menunjukkan bahawa perkongsian adalah merupakan suatu yang penting dalam sesebuah organisasi. Ini kerana setiap gerak kerja yang dilakukan mestilah dikongsi bersama bagi menghadapi setiap

³³ Tenas Effendy, *Kesatuan dan Semangat Melayu*, 158.

kesusahan dan juga kesenangan. Perkongsian juga, membolehkan mereka mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di kalangan mereka. Malah terdapat perkaitan di antara elemen kepercayaan dan perkongsian. Ini dapat dibuktikan apabila majoriti responden menyatakan bahawa setiap perkongsian yang dilakukan oleh mereka adalah lahir daripada kepercayaan yang tinggi. Kepercayaan adalah merupakan pembuka jalan kepada perkongsian yang komited dan sempurna. Oleh yang demikian, seramai 104 orang (72.2 %) dan seramai 34 orang (23.6 %) responden menyatakan sangat bersetuju dan bersetuju bahawa perkongsian perlu kepada kepercayaan seseorang terlebih dahulu, apatah lagi perkara yang melibatkan organisasi. Lihat jadual 4.16 di bawah:

Jadual 4.16. Taburan Perkongsian Lahir daripada Kepercayaan yang Tinggi

Perkongsian Lahir daripada Kepercayaan yang Tinggi	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	104	72.2
Setuju	34	23.6

Dapatan ini juga, disokong oleh perkongsian yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W terhadap kerja berpasukan. Baginda S.A.W sendiri melibatkan diri dengan sama-sama bersusah payah melakukan kerja-kerja yang telah dirancang dan disepakati bersama dengan para Sahabat. Sebagai seorang ketua, Baginda S.A.W memastikan perkongsian itu dapat dihayati dan dirasakan bersama oleh para Sahabat. Perkongsian di kalangan mereka lahir daripada kepercayaan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan. Abi Ishaq telah meriwayatkan Hadis Nabi S.A.W:

عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ قَالَ سَمِعْتُ الْبَرَاءَ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْأَحْزَابِ يَنْقُلُ مَعَنَا التُّرَابَ وَلَقَدْ وَارَى التُّرَابُ بَيَاضَ بَطْنِهِ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَوْ لَا

أَنْتَ مَا اهْتَدَيْتَنَا * وَلَا تَصَدَّقْنَا وَلَا صَلَّيْنَا * فَأَنْزَلْنَا سَكِينَةً عَلَيْنَا * إِنَّ الْأُلَى قَدْ أَبَوْا عَلَيْنَا قَالَ وَرُبَّمَا قَالَ إِنَّ الْمَلَأَ قَدْ أَبَوْا عَلَيْنَا إِذَا أَرَادُوا فِتْنَةً أَبَيْنَا وَيَرْفَعُ بِهَا صَوْتَهُ

Terjemahan: Daripada Abi Ishaq, beliau berkata: Saya telah mendengar al-Bara' berkata: "Rasulullah S.A.W. pada hari Ahzab ketika beliau memungguh tanah bersama-sama kami dan tanah telah pun menutupi putih perutnya sambil Baginda mengucapkan: "Demi Allah! Jika tidak kerana-Mu nescaya kita tidak mendapat petunjuk dan kita tidak tahu bersedekah, tidak tahu bersembayang. Turunkanlah ketenangan kepada kami, sesungguhnya mereka itu enggan menerima kami". Perawi berkata: "Kadang-kadang Nabi berkata: "Pembesar-pembesar Quraisy enggan menerima kami, bila mereka mahu melakukan fitnah (kekufuran), kami tidak mahu menerimanya." Dalam keadaan Nabi mengangkat suaranya³⁴.

Dapatan ini disokong oleh dapatan yang lain apabila responden memperakui bahawa perkongsian wujud setelah kepercayaan diberikan oleh rakan-rakan. Dengan demikian wujud sikap saling percaya mempercayai dan berkongsian di kalangan mereka. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan yang menunjukkan bahawa seramai 65 orang (45.1 %) dan seramai 56 orang (38.9 %) responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa perkongsian itu wujud apabila rakan sepasukan dan ketua memberikan kepercayaan yang sepenuhnya kepada responden. Lihat Jadual 4.17 di bawah:

Jadual 4.17. Taburan Perkongsian Wujud Setelah Mendapat Kepercayaan Dari Rakan dan Ketua

Perkongsian Wujud Setelah Mendapat Kepercayaan Dari Rakan dan Ketua	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	65	45.1
Setuju	56	38.9

³⁴ Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim", 187.

Dapatan yang seterusnya juga, turut memperkukuhkan dapatan yang telah dinyatakan di atas apabila seramai 118 orang (81.9 %) dan seramai 17 orang (11.8 %) responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa, mereka sanggup berkongsi di atas dasar agama Islam. Ini menggambarkan elemen agama adalah suatu yang penting bagi responden untuk melakukan sesuatu kerja secara berpasukan. Perkongsian mampu memantapkan lagi kerjasama dan rasa kekitaan dalam organisasi mereka. Lihat Jadual 4.18 di bawah:

Jadual 4.18. Taburan Kesanggupan Berkongsi kerana Islam

Kesanggupan Berkongsi kerana Islam	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	118	81.9
Setuju	17	11.8

Dapatan ini disokong oleh Hadith berikut:

عَنْ نَافِعٍ قَالَ قَالَ ابْنُ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا رَجَعْنَا مِنَ الْعَامِ الْمُقْبِلِ فَمَا اجْتَمَعَ مِنَّا
اثنانِ عَلَى الشَّجَرَةِ الَّتِي بَايَعْنَا تَحْتَهَا كَانَتْ رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ فَسَأَلْتُ نَافِعًا عَلَى أَيِّ
شَيْءٍ بَايَعَهُمْ عَلَى الْمَوْتِ قَالَ لَا بَلْ بَايَعَهُمْ عَلَى الصَّبْرِ

Terjemahan: Daripada Nafi' berkata, "Suatu hari Ibn Umar R.A.H telah bercerita tentang bai'ah, beliau berkata, "kami telah pulang dari mengerjakan haji dan berkumpul dua orang daripada kami di bawah pohon yang mana berlakunya bai'ah di bawahnya dan ia merupakan rahmat dari Allah, aku telah bertanya kepada Nafi' di atas apakah mereka berbai'ah apakah tentang kematian? jawabnya tidak, tetapi mereka telah berbai'ah di atas kesabaran³⁵.

Hadith ini juga disokong oleh dapatan pada Jadual 4.19 yang menunjukkan bahawa seramai 94 orang (65.3 %) dan seramai 37 orang (25.7 %) responden menyatakan sangat bersetuju

³⁵ 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", 238.

dan bersetuju berkaitan kejayaan akan tercapai apabila sesuatu perkara yang dilakukan melalui perkongsian yang menyeluruh dalam sesebuah organisasi.

Jadual 4.19. Taburan Kejayaan Akan Tercapai Apabila Wujud Perkongsian

Kejayaan akan Tercapai Apabila Wujud Perkongsian	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	94	65.3
Setuju	37	25.7

Dapatan ini pula disokong oleh sarjana Islam dan konvensional, antaranya ialah Ibrahim Abu Sin³⁶ yang menyatakan bahawa kerja berpasukan adalah merupakan sesuatu pekerjaan yang dilaksanakan dengan dirancang kegiatannya dan dihayati bersama bagi mencapai satu-satu tujuan. Selain itu, menurut Iverson dan Roy³⁷, kepimpinan rakan sekerja adalah merupakan elemen yang penting bagi menarik ahli di dalam organisasi bekerjasama dan saling bantu-membantu sebagai satu pasukan.

Robert B. Maddux³⁸ berpendapat bahawa keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi adalah bergantung kepada penyesuaian iklim dan struktur dalam sesebuah organisasi. Ia akan melahirkan budaya kerja yang tinggi, kepuasan kerja yang tinggi, tahap komitmen dan impak kerja berpasukan yang baik serta bersistematik. Alaudin Sidal³⁹ pula menyatakan sesuatu organisasi yang dilengkapi teknologi termoden dan sistem canggih tidak akan bermakna sekiranya sifat kemanusiaan tidak dikongsi dan dihayati bersama dalam

³⁶ Ibrahim Abu Sin, *Pengurusan dalam Islam* (Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1991), 15.

³⁷ Iverson & Roy, *Teams Who Needs* (Houston Texas: Gulf Publishing Company, 1994), 121.

³⁸ Robert B. Muddux, *Membina Semangat Berpasukan: Latihan Kepimpinan* (Johor : Penerbit Pelangi Sdn. Bhd., 1993), 35.

³⁹ Alaudin Sidal, *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi*.(Kuala Lumpur: INTAN, 2003),5.

melakukan pekerjaan. Manakala Jay. R.⁴⁰ menyatakan antara faktor utama untuk mengawal kemahiran dan gaya pengurusan gerak kerja adalah nilai moral dan agama.

4.10.2.3 Pandangan Peribadi Usahawan Berkaitan dengan Komitmen.

Salah satu elemen penyudah bagi gerak kerja secara berpasukan adalah terletak pada komitmen yang mantap terhadap perancangan, visi dan misi usahawan dalam mendepani cabaran semasa sebagai seorang usahawan. Islam dijadikan sebagai panduan oleh responden dalam memberikan sepenuhnya komitmen terhadap perniagaan berasaskan Islam. Kesanggupan memberi ruang dan masa untuk berkomitmen demi Islam adalah menjadi keutamaan. Inilah yang dikatakan salah satu jalan untuk menaikkan imej Islam dan memberi kefahaman kepada *mad'ū* (yang didakwah) tentang keindahan sistem perniagaan berlandaskan Islam. Sifat ikhlas, sabar, jujur dan istiqamah mestilah diberi keutamaan jika inginkan kegemilangan Islam bersinar dalam kehidupan mereka sebagai orang yang memperjuangkan perniagaan berteraskan Islam. Responden meletakkan elemen komitmen pada tahap yang utama dan terpenting bagi menempa setiap kejayaan yang diceburi oleh mereka. Komitmen yang mantap mampu menjadikan kerja secara berpasukan mencapai kejayaan duniawi dan ukhrawi. Kefahaman yang mendalam berkaitan tujuan dan matlamat sebagai usahawan muslim, membolehkan responden memberi komitmen yang baik kepada operasi perniagaan yang dijalankan. Responden memahami setiap tuntutan yang perlu dilaksanakan oleh mereka sebagai seorang muslim yang inginkan keredaan Allah. Mereka juga, memahami bahawa setiap tindak tanduk dalam kehidupan ini berkait rapat dengan

⁴⁰ Jay. R, *Membina Pasukan Hebat* (Selangor: Pearson Prentice Hall. Jeromi S., 2002),35.

elemen rohani dan jasmani seseorang insan. Setiap perkara yang baik pasti dihitung amalannya oleh Allah SWT di akhirat kelak.

Komitmen kerja adalah merupakan teras kepada kejayaan individu dan organisasi yang dipimpin. Tanpa komitmen setiap kerja yang dilaksanakan tidak menjadi, bahkan fokus kepada setiap kerja yang dilakukan akan tersasar daripada maksud yang sebenar. Oleh yang demikian, dapatan di atas disokong dengan data kajian yang menunjukkan bahawa komitmen adalah suatu yang penting apabila matlamat organisasi atau perancangan yang bakal dilaksanakan adalah jelas. Terdapat seramai 105 orang (72.9 %) dan 33 orang (22.9 %) responden menyatakan sangat setuju dan setuju bahawa memahami matlamat yang jelas akan meningkatkan komitmen terhadap organisasi. Lihat Jadual 4.20 di bawah:

Jadual 4.20. Taburan Komitmen Apabila Memahami Matlamat yang Jelas

Komitmen Apabila Memahami Matlamat yang Jelas	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	105	72.9
Setuju	33	22.9

Perkara ini, diperkukuhkan lagi melalui kisah perjalanan hijrah Rasulullah S.A.W ke Madinah. Abu Bakar tidak pernah mempersoalkan Nabi S.A.W tentang kehidupan di Madinah setelah tiba di sana. Apa yang pasti beliau mempercayai janji Allah dan Rasulnya. Jika Abu Bakar hendak mengajukan persoalan, sudah tentu beliau mempunyai ruang untuk mengajukan seribu persoalan tetapi Saidina Abu Bakar tetap komitmen dan istiqamah sebagai seorang Sahabat dan pekerja yang menunaikan tanggungjawab yang sepenuhnya terhadap amanah serta tugas yang diberikan. Beliau memahami bahasa dan kemahuan Nabi, lalu diambil tindakan yang lebih awal sebelum hijrah dengan memelihara dan mengurus dua ekor unta sebagai persediaan mereka untuk berhijrah.

Matlamat yang jelas sudah difahami dan dihayati sebagai seorang yang hampir dengan Nabi S.A.W. Kesemua maksud ini berjaya diterjemahkan oleh Abu Bakar kerana ia lahir daripada kepercayaan dan perkongsian Rasulullah S.A.W terhadap beliau. Dapatan di atas diperkuatkan lagi menerusi jawapan yang diberikan oleh responden kajian, apabila seramai 103 orang (71.5 %) dan 29 orang (20.1 %) responden menyatakan sangat bersetuju dan bersetuju terhadap item komitmen adalah lahir dari kepercayaan dan perkongsian kerja berpasukan yang dilaksanakan. Lihat Jadual 4.21 di bawah:

Jadual 4.21. Taburan Komitmen Lahir dari Kepercayaan dan Perkongsian

Komitmen Lahir dari Kepercayaan dan Perkongsian	Kekerapan (n=144)	Peratus
Sangat Setuju	103	71.5
Setuju	29	20.1

Dapatan ini disokong oleh hadith di bawah:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ جَعَلَ الْمُهَاجِرُونَ وَالْأَنْصَارُ يَحْفَرُونَ الْخَنْدَقَ حَوْلَ الْمَدِينَةِ وَيَنْقُلُونَ التُّرَابَ عَلَى مُتُونِهِمْ وَيَقُولُونَ نَحْنُ الَّذِينَ بَايَعُوا مُحَمَّدًا عَلَى الْإِسْلَامِ مَا بَقِيَْنَا أَبَدًا وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُجِيبُهُمْ وَيَقُولُ اللَّهُمَّ إِنَّهُ لَا خَيْرَ إِلَّا خَيْرُ الْآخِرَةِ فَبَارِكْ فِي الْأَنْصَارِ وَالْمُهَاجِرَةِ

Terjemahan: Daripada Anas, dia telah berkata orang-orang Muhajirin dan Ansar yang sedang mengali parit di sekeliling Madinah dan memindahkan tanah-tanah di atas bahu-bahu mereka lalu mereka berkata ” kami adalah orang yang berbaiah dengan Nabi S.A.W di atas Agama Islam, moga kami kekal di dalamnya selamanya. Nabi S.A.W menjawab kepada mereka dengan berdoa “Ya Allah sesungguhnya tidak ada sebarang kebaikan melainkan kebaikan akhirat, Ya Allah berikanlah keberkatan kepada orang-orang Ansar dan Muhajirin.⁴¹”

⁴¹ Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, 228.

عَنْ أَسْمَاءَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ صَنَعْتُ سَفْرَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ حِينَ أَرَادَ أَنْ يُهَاجِرَ إِلَى الْمَدِينَةِ قَالَتْ فَلَمْ نَجِدْ لِسُفْرَتِهِ وَلَا لِسِقَائِهِ مَا نَرَبِّطُهُمَا بِهِ فَقُلْتُ لِأَبِي بَكْرٍ وَاللَّهِ مَا أَحَدٌ شَيْئًا أَرَبُّطُ بِهِ إِلَّا نَطَاقِي قَالَ فَشُقِّهِ بَانْتَيْنِ فَاَرَبِّطِيهِ بِوَاحِدِ السَّقَاءِ وَبِالْآخِرِ السُّفْرَةَ فَفَعَلْتُ فَلِذَلِكَ سُمِّيَتْ ذَاتَ النَّطَاقَيْنِ

Terjemahan: Daripada Asma', beliau berkata, "aku telah menyediakan bekalan makanan kepada Rasulullah S.A.W di rumah Abu Bakar ketika mana mereka hendak keluar berhijrah ke Madinah, Asma' menambah bahawa, kami tidak dapati sesuatupun yang boleh mengikat bekalan makanan dan bekalan minuman untuk mereka berdua, lalu aku pun berkata kepada Abu Bakar, demi Allah tidak ada bagiku sesuatu untuk mengikat bekalan itu, melainkan sehelai kain yang mengikat pinggangku sahaja, lalu Abu Bakar berkata kepada Asma' carikkan kain itu kepada dua bahagian, sehelai untuk diikatkan pada bekalan makanan dan yang satu lagi pada bekalan minuman. Aku pun melakukan apa yang diperintah olehnya. Semenjak itu, aku dikenali sebagai pemilik dua kain ikatan pinggang⁴².

Dapatan ini diperkukuhkan oleh kajian Davis dan Newston⁴³ (1985) yang menyatakan kerja berpasukan adalah satu proses untuk mendapat kerjasama, penyertaan dan penglibatan ahli dalam organisasi bagi mencapai matlamat dan objektif yang telah dirangka. Mahoney dan Thor⁴⁴ (1994) pula menyatakan bahawa seseorang yang bersama pasukan mestilah mempunyai iltizam (komitmen) yang tinggi terhadap setiap keputusan yang dibuat dan berusaha memperbaiki kualiti kerja secara berterusan. Selain itu, persetujuan dibuat secara bersama dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan tugas yang diberi. Jelaslah di sini, bahawa kerja berpasukan memerlukan kepada beberapa prinsip yang perlu diberi perhatian. Sebagai contoh seorang insan, apabila diberi kepercayaan untuk mengendalikan sesuatu perkara, maka menjadi suatu kebanggaan kepadanya kerana dirinya diberi penghormatan dan pengiktirafan.

⁴² Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", 239.

⁴³ Davis dan Newston, *How to Increase Teamwork in Organization Training Quality* (Boston: Mc Graw Hill, 1985), 5(1). 26-29.

⁴⁴ Mahoney dan Thor (1992). *Principles of Team Leadership Under Stress*. TN : Knoxville. h .87.

Dalam masa yang sama, beliau diajak untuk berbincang, berkongsi dan mengemukakan pandangan terhadap sesuatu perkara itu. Maka dengan sendirinya, kerja-kerja yang akan dilakukan itu dilaksanakan dengan penuh komitmen dan istiqamah bagi mencapai cita-cita yang menjadi sasaran kepada sesebuah organisasi. Menurut Gardner dan Losen,⁴⁵ untuk mengharungi cabaran masa kini, maka setiap organisasi mestilah mengamalkan konsep kerja berpasukan. Oleh yang demikian, menurut Chand, Sunil & Holm⁴⁶ dalam kajiannya mendapati bahawa kerja berpasukan adalah penting dalam usaha memperbaiki kualiti di dalam sesebuah organisasi, malah merupakan satu kaedah yang paling berkesan bagi melaksanakan sesuatu misi dan tugas yang dipertanggungjawabkan. Selain itu, beliau mendapati kerja tersebut memerlukan komitmen daripada semua peringkat dan melibatkan semua ahli secara menyeluruh dalam organisasi. Menurut Katzenbach dan Smith⁴⁷, kerja berpasukan banyak bergantung pada kemahiran dan pengalaman yang pernah dilalui seseorang. Mc Kenzie⁴⁸ menyatakan bahawa semangat kerjasama dapat meningkatkan kualiti sesuatu perkara yang hendak dilakukan.

Saidina Abu Bakar dan peristiwa Hijrah sebagai contoh berada dalam situasi ini, kerana setiap pergerakan Rasulullah S.A.W, sudah tentu Abu Bakarlah orang yang diberi kepercayaan dan mampu berkongsi masalah yang dihadapi serta orang yang komited dengan perancangan yang dibuat. Bukan sekadar itu sahaja, peranan serta fungsi Abu Bakar, anak-anak serta hambanya dapat dijemakan melalui gerak kerja yang bertanzim dan

⁴⁵ Gardner dan Losen, *What Is Team Work*. (Adelaide : Universiti of South Australia Flexible Learning Centre. 2000), 63.

⁴⁶ Chand, Sunil & Holm, *Manerging for Result Through Teams*. Community College Journal of Reearch &Practies: 22.4, 363-380.

⁴⁷ Katzenbach dan Smith, *On Point: on Working Together Group Work, Teamwork and Collaboration Work Among Teacher*. (Oregon: Education Development Center, 2001), 77.

⁴⁸ Mc Kenzie, *How to Lead Workteam : Facilitation Skills* (USA: Preiffer and Co., 1991), 121.

mampu membuahkan hasil yang memuaskan. Peristiwa ini juga diikonvensionalkan sebagai satu pasukan kerja *ad-hock* atau kabinet sementara yang dibentuk bagi merealisasikan matlamat dan agenda mereka. Rasulullah tidak berseorangan dalam merancang perkara ini, tetapi disertai oleh mereka yang mampu memberikan kerja sama yang baik dalam menjayakan misi pertama baginda iaitu mencari penempatan baru. Komitmen yang diberikan oleh Abu Bakar dan Sahabat mampu memperkukuhkan kedudukan umat Islam pada masa itu. Perkara ini dijelaskan secara terperinci di dalam hadith Baginda S.A.W:

قَالَ ابْنُ شِهَابٍ فَأَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلْمُسْلِمِينَ إِنِّي أُرِيتُ دَارَ هِجْرَتِكُمْ ذَاتَ نَخْلٍ بَيْنَ لَابَتَيْنِ وَهُمَا الْحَرَّتَانِ فَهَاجَرَ مَنْ هَاجَرَ قَبْلَ الْمَدِينَةِ وَرَجَعَ عَامَّةٌ مَنْ كَانَ هَاجَرَ بِأَرْضِ الْحَبَشَةِ إِلَى الْمَدِينَةِ وَتَجَهَّزَ أَبُو بَكْرٍ قَبْلَ الْمَدِينَةِ فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى رِسْلِكَ فَإِنِّي أَرْجُو أَنْ يُؤْذَنَ لِي فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ وَهَلْ تَرْجُو ذَلِكَ بِأَبِي أَنْتَ قَالَ نَعَمْ فَحَبَسَ أَبُو بَكْرٍ نَفْسَهُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَصْحَبَهُ وَعَلَفَ رَاحِلَتَيْنِ كَانَتَا عِنْدَهُ وَرَقَ السَّمَرِ وَهُوَ الْخَبَطُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ قَالَ ابْنُ شِهَابٍ قَالَ عُرْوَةُ قَالَتْ عَائِشَةُ فَبَيْنَمَا نَحْنُ يَوْمًا جُلُوسٌ فِي بَيْتِ أَبِي بَكْرٍ فِي نَحْرِ الظَّهِيرَةِ قَالَ قَائِلٌ لِأَبِي بَكْرٍ هَذَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَفَنِّعًا فِي سَاعَةٍ لَمْ يَكُنْ يَأْتِينَا فِيهَا فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ فِدَاءُ لَهُ أَبِي وَأُمِّي وَاللَّهِ مَا جَاءَ بِهِ فِي هَذِهِ السَّاعَةِ إِلَّا أَمْرٌ قَالَتْ فَجَاءَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَ فَأُذِنَ لَهُ فَدَخَلَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَبِي بَكْرٍ أَخْرِجْ مَنْ عِنْدَكَ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ إِنَّمَا هُمْ أَهْلُكَ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ فَإِنِّي قَدْ أُذِنَ لِي فِي الْخُرُوجِ فَقَالَ أَبُو بَكْرٍ الصَّحَابَةُ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ أَبُو بَكْرٍ فَخُذْ بِأَبِي أَنْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِحْدَى رَاحِلَتَيَّ

هَاتَيْنِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالثَّمَنِ قَالَتْ عَائِشَةُ فَجَهَّزْنَاهُمَا أَحَتْ
الْجِهَارِ وَصَنَعْنَا لَهُمَا سُفْرَةً فِي جِرَابٍ فَقَطَعَتْ أَسْمَاءُ بِنْتُ أَبِي بَكْرٍ قِطْعَةً مِنْ
نِطَاقِهَا فَرَبَطَتْ بِهِ عَلَى فَمِ الْجِرَابِ فَبِذَلِكَ سُمِّيَتْ ذَاتَ النِّطَاقَيْنِ قَالَتْ ثُمَّ لَحِقَ
رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو بَكْرٍ بَغَارٍ فِي جَبَلٍ ثَوْرٍ فَكَمْنَا فِيهِ ثَلَاثَ لَيَالٍ
يَبِيتُ عِنْدَهُمَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي بَكْرٍ وَهُوَ غُلَامٌ شَابٌّ تَقِفٌ لَقِنٌ فَيُدْلِجُ مِنْ عِنْدِهِمَا
بِسَحَرٍ فَيُصْبِحُ مَعَ قُرَيْشٍ بِمَكَّةَ كَبَائِتٍ فَلَا يَسْمَعُ أَمْرًا يُكْتَادَانِ بِهِ إِلَّا وَعَاهُ حَتَّى
يَأْتِيَهُمَا بِخَبَرِ ذَلِكَ حِينَ يَخْتَلِطُ الظُّلَامُ وَيَرْعَى عَلَيْهِمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ مَوْلَى أَبِي
بَكْرٍ مَنُوحَةً مِنْ غَنَمٍ فَيُرِيحُهَا عَلَيْهِمَا حِينَ تَذْهَبُ سَاعَةٌ مِنَ الْعِشَاءِ فَيَبِيتَانِ فِي رِسْلٍ
وَهُوَ لَبَنٌ مَنُوحَتُهُمَا وَرَضِيفُهُمَا حَتَّى يَنْعَقَ بِهَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ بَعْلَسٍ يَفْعَلُ ذَلِكَ فِي
كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ تِلْكَ اللَّيَالِي الثَّلَاثِ وَاسْتَأْجَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبُو
بَكْرٍ رَجُلًا مِنْ بَنِي الدَّيْلِ وَهُوَ مِنْ بَنِي عَبْدِ بْنِ عَدِيِّ هَادِيَا خَرِيَّتَا وَالْخَرِيْتُ الْمَاهِرُ
بِالْهَدَايَةِ قَدْ غَمَسَ حِلْفًا فِي آلِ الْعَاصِ بْنِ وَائِلٍ السَّهْمِيِّ وَهُوَ عَلَى دِينِ كُفَّارٍ
قُرَيْشٍ فَأَمَنَاهُ فَدَفَعَا إِلَيْهِ رَاِحِلَتَيْهِمَا وَوَعَدَاهُ غَارَ ثَوْرٍ بَعْدَ ثَلَاثِ لَيَالٍ بِرَاِحِلَتَيْهِمَا
صُبْحَ ثَلَاثٍ وَأَنْطَلَقَ مَعَهُمَا عَامِرُ بْنُ فُهَيْرَةَ وَالِدَيْهِمَا فَأَخَذَ بِهِمْ طَرِيقَ السَّوَاكِحِلِ

Terjemahan: Ibn Syihab berkata, Ibn 'Urwah pernah memberitahu kepada aku bahawa 'Aishah isteri Rasulullah S.A.W pernah meriwayatkan hadith baginda berkaitan peristiwa Hijrah. Beliau berkata bahawa Nabi S.A.W pernah berkata kepada orang-orang Islam pada hari-hari sebelum hijrah dengan menyebut “Sesungguhnya aku telah bermimpi melihat negeri hijrah itu, ia adalah sebuah kebun yang terletak di antara dua kawasan berbatu hitam.” Setelah itu berhijrahlah sesiapa yang mahu berhijrah ke Madinah. Kebanyakan orang-orang yang telah berhijrah ke bumi Habsyah kembali ke Madinah. Abu Bakar juga ingin berangkat ke Madinah. Rasulullah S.A.W berkata kepadanya, "Engkau tunggu dahulu kerana aku berharap sampai masanya akan diizinkan kepadaku untuk berhijrah". Abu Bakar lantas berkata, “Aku tebus kamu dengan ayahku dan ibuku (Abu Bakar sanggup menggantikan ibu dan bapanya kerana Rasulullah S.A.W).” Adakah engkau berharap demikian? Jawab Baginda S.A.W ‘ya’. Oleh yang demikian, Abu Bakar menangguhkan perjalanannya ke Madinah kerana ingin bersama-sama Nabi S.A.W nanti. Beliau memberi makan kepada dua ekor unta kepunyaannya dengan daun Samur selama 4 bulan. Ibnu Syihab berkata, Ibn 'Urwah memberitahu

bahawa 'Aishah terus bercerita, berkaitan peristiwa hijrah Baginda S.A.W dan Abu Bakar. Pada suatu hari, ketika kami sedang duduk-duduk di rumah Abu Bakar pada waktu tengah hari, tiba-tiba ada orang berkata kepada Abu Bakar, 'Itu Rasulullah S.A.W datang pada waktu yang tidak pernah beliau berbuat demikian sebelum ini". Abu Bakar berkata " Demi Allah? aku tebuskan ibu dan bapaku kerana engkau. Pasti ada perkara penting yang mendorong beliau datang pada waktu begini. 'Aishah menceritakan, Rasulullah S.A.W pun sampai. Baginda meminta izin untuk masuk. Lalu diizinkan kepada Baginda S.A.W untuk masuk seraya berkata kepada Abu Bakar, "keluarkanlah sesiapa yang ada dalam rumahmu." Abu Bakar menjawab "tiada orang lain, mereka ahli keluargaku." "Ku tebuskan engkau dengan Ayahku wahai Rasulullah!." Rasulullah S.A.W pun berkata "sesungguhnya aku telah diizinkan untuk keluar berhijrah." Abu Bakar pun membalas kata-kata Baginda S.A.W, "Kutebuskan engkau dengan ayahku. Wahai Rasulullah S.A.W, Adakah engkau mahukan saya bersama kamu?" Rasulullah S.A.W menjawab, 'Ya'. Abu Bakar berkata," Kalau begitu ambillah salah satu dari dua ekor unta saya ini, wahai Rasulullah! Kutebus engkau dengan ayahku". Rasulullah S.A.W berkata, "Dengan dibeli". Aishah berkata, "Kamipun menyediakan keperluan-keperluan perjalanan untuk mereka berdua dengan segera dan kami masukkan makanan untuk mereka ke dalam satu bungkusan. Asma' membelah dua tali pinggangnya lalu mengikat bungkusan itu dengannya (satu untuk bungkusan bekalan makanan dan yang satu lagi untuk minuman) kerana itulah beliau dikenali dengan "perempuan yang mempunyai dua tali pinggang" (*Zat al-Nitaqain*). Kata Aishah, "Kemudian Rasulullah S.A.W dan Abu Bakarpun meneruskan perjalan hingga sampai ke sebuah gua di Jabal Thur. Di situlah mereka bersembunyi (mengatur kaedah) selama tiga malam dengan ditemani oleh Abdullah. Beliau adalah salah seorang anak Abu Bakar. Ketika itu beliau masih muda belia, sangat pintas dan cerdas. Beliau keluar dari tempat itu sebelum fajar. Di waktu pagi beliau sudah berada di Mekah bersama Quraisy, seolah-olah dia juga bermalam di Mekah. (Peranan beliau sebagai pengintip atau *Mukhabkonvensional*). Setiap berita yang boleh membawa ancaman kepada Rasulullah S.A.W dan ayahnya akan diceritakan kepada mereka di malam hari. Amir bin Fuhairah, hamba kepada Abu Bakar pula menternak kambing dan melepaskannya ke kawasan itu pada waktu isyak, dengan itu Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar bermalam dalam keadaan kenyang kerana meminum susu-susu kambing itu. Bila tiba waktu dinihari, Amir bin Fuhairah menghalau kambing-kambing itu ke kawasan lain. Demikianlah dilakukannya pada setiap tiga malam itu (Rasulullah dan Abu Bakar ketika di Gua Thur). Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar telah mengupah seorang lelaki (Abdullah Bin Uraiqait) dari Bani Dil sebagai pemandu jalan mereka. Dia merupakan sekutu keluarga 'As bin Wail Al-Sahmi dan pada ketika itu beliau masih beragama orang-orang Quraisy. Walau bagaimanapun, beliau adalah orang yang boleh dipercayai dan mereka menyerahkan dua ekor unta kepadanya dengan perjanjian dia akan

datang ke Gua Thsur. Pada pagi hari ketiga selepas itu, Amir bin Fuhairah dan pemandu tadi berangkat bersama Rasulullah S.A.W dan Abu Bakar. Mereka di bawa mengikut jalan tepian pantai⁴⁹.

Seterusnya, pengkaji dapat simpulkan melalui kajian yang dijalankan ini, maka didapati elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen adalah suatu yang utama dalam kerja berpasukan. Pengkaji mendapati bahawa elemen-elemen ini adalah pencetus kepada kejayaan di dalam organisasi. Elemen-elemen ini mantap, jika sekiranya agama dijadikan acuan dalam melaksanakan tugas mereka. Bagi responden hanya dengan acuan agama sahaja, mereka mampu mengembelingkan tenaga bagi memperkukuhkan kepercayaan, diikuti dengan perkongsian bersama dan dipadukan dengan komitmen yang berterusan dalam mempraktikan *Amal Jamā'ī*. Islam dijadikan sebagai pedoman dalam semua hal agar sesuatu yang diinginkan dalam apa bentukpun tidak tersasar daripada matlamat yang sebenar iaitu mencari keredaan Allah. Bagi mereka spiritual dan material adalah dua gagasan yang perlu digabungkan demi kejayaan duniawi dan ukhrawi.

4.11 Kepentingan Membentuk Usahawan MLM AWM yang Bersandarkan kepada Elemen Percaya, Kongsi dan Komitmen.

Responden memprakui bahawa kerja berpasukan dalam menjayakan cita-cita memertabatkan perniagaan secara Islam adalah bersandarkan kepada satu proses perkembangan yang melibatkan kaedah yang dirancang dengan baik. Setiap organisasi mestilah mempunyai perancangan yang rapi dalam mengharungi setiap *mehnah* dan *tribulasi* hidup. Oleh yang demikian, responden pada asasnya bersetuju bahawa elemen-

⁴⁹ Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, "Sahih al-Bukhari", 317

elemen seperti percaya, kongsi dan komitmen mampu membentuk usahawan MLM AWM yang berjaya. Ada di kalangan mereka berpendapat bahawa elemen-elemen ini adalah nadi penggerak kepada kejayaan organisasi.

Kejayaan akan dikecapi dengan mudah apabila sikap dan sifat seseorang muslim mengenali diri dan memahami bahawa setiap perkara adalah bersandarkan kepada perintah Allah. Mereka memperakui wujudnya perkaitan di antara elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Elemen-elemen ini saling melengkapi di antara satu sama lain. Sebagai contoh, seseorang itu hanya mampu berkongsi apabila mempercayai seseorang dan melihat kepada komitmen yang diberikan. Kekuatan AWM adalah berdasarkan kepada elemen-elemen ini, apabila situasi suka dan duka itu dihadapi bersama sepanjang kebersamaan mereka dengan syarikat. Responden memahami ada perkaitan kehidupan duniawi mereka dengan ukhrawi mereka. Setiap yang dilakukan tidak hanya terhenti setakat dunia malah akan diambil kira di hari akhirat nanti. Sifat *mahmudah* juga dikaitkan dengan elemen-elemen ini sebagai pengukuh dan pemantap terhadap kekuatan organisasi mereka. Beramal atau bekerja untuk kepentingan umat, dalam masa yang sama menjadikan setiap amal jariah yang dilakukan akan menjadi bekalan kepada mereka di akhirat nanti sesudah mati. Unsur-unsur keIslaman yang dibawa menambahkan lagi keyakinan mereka dengan AWM.

Melalui wadah atau perjuangan memartabatkan produk yang mengambil kira suci, bersih dan halal sebagai matlamat, itulah yang diidam-idamkan. Pembentukan usahawan berteraskan elemen-elemen ini mestilah berterusan bagi mendidik generasi yang ingin menjadi usahawan Islam yang berjaya. Justeru pengaplikasian terhadap kerja berpasukan berlandaskan *Ṣaḥīḥayn* adalah bertepatan dan mengikut kaedah yang digunakan oleh

Baginda dan para Sahabat. Cuma penghayatan dan kefahaman tidaklah bertepatan seratus peratus seperti generasi awal Islam yang ditarbiah secara langsung oleh Rasulullah S.A.W. Generasi awal mendapat pengiktirafan dan diperakui oleh Nabi S.A.W di dalam hadithnya yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ خَيْرُ النَّاسِ قَرْنِي ثُمَّ
الَّذِينَ يَلُونَهُمْ ثُمَّ الَّذِينَ يَلُونَهُمْ

Terjemahan: Daripada Abdullah r.a berkata, “Sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda, sebaik-baik manusia adalah daripada kurunku, kemudian kurun selepas kurunku, kemudian kurun yang seterusnya⁵⁰.”

Pengkaji seterusnya, mendapati bahawa para usahawan memahami tuntutan kerja berpasukan. Responden melihat setiap kerja yang baik lagi bermanfaat adalah dituntut supaya dilakukan secara berjemaah demi mencari keredaan Allah SWT. Ianya bukan hanya memfokuskan kepada aktiviti yang berbentuk material semata-mata malah melibatkan juga aktiviti-aktiviti yang bersifat spiritual. Perkara ini dapat dibuktikan apabila kerja yang dilakukan adalah berdasarkan unsur keimanan yang dijadikan sebagai pedoman.

4.12 Cadangan Penambahbaikkan bagi Memantapkan Kepentingan ‘Amal Jamā’ī kepada AWM

Responden memberi komen bahawa bagi memperkukuhkan lagi kerja berpasukan dalam AWM para usahawan hendaklah dididik dan diasuh dengan kursus-kursus kepimpinan dan pengurusan bagi memantapkan lagi organisasi mereka. Perjumpaan yang kerap juga diperlukan oleh mereka bagi memastikan pihak pengurusan sentiasa mendapat maklumat

⁵⁰ Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ismail al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, 297.

terkini daripada ahli. Begitu juga sebaliknya, pihak atasan mestilah menerima komen-komen serta teguran yang membina demi kebaikan organisasi itu sendiri. Setiap kekurangan dan kelemahan dapat ditampung dan diperbaiki dengan mudah. Selain itu, ia juga membolehkan rangkaian usahawan sentiasa berkomunikasi di antara satu dengan yang lain. Responden juga berpandangan bahawa program yang dapat meningkatkan lagi kefahaman tentang kerja berpasukan dilakukan secara berkala, agar yang diutarakan oleh pihak pengurusan atasan mencapai matlamat mereka. Responden mencadangkan agar sesi motivasi secara berkala dilaksanakan terhadap usahawan. Ia bertujuan memberi kefahaman dan ransangan terhadap usahawan supaya sentiasa komitmen terhadap organisasi. Pihak pengurusan juga, disarankan agar meneliti kerja berpasukan usahawan secara berterusan dalam AWM. Mereka juga berharap pihak atasan mengadakan seminar bagi memantapkan lagi organisasi melalui kefahaman kerja secara berpasukan dalam AWM. Sikap prihatin pihak atasan terhadap kebajikan orang bawahan adalah perlu bagi meningkatkan hasil dan pendapatan mereka. Sesi pertemuan dan taklimat berkaitan organisasi hendaklah sentiasa dilakukan oleh pihak pengurusan terhadap mereka yang terlibat secara langsung sebagai usahawan AWM secara berterusan.

Responden mengharapkan pihak pengurusan al-Wahida sentiasa memberi taklimat dan sesi penerangan secara berkala tentang perniagaan yang dijalankan berdasarkan tuntutan syarak agar perniagaan berteraskan Islam dapat difahami. Kefahaman tentang kerja secara berpasukan adalah perlu dan sentiasa diberi pemantauan agar sifat mazmumah tidak bertapak di hati usahawan. Ia mampu melahirkan generasi yang tidak mementingkan diri sendiri. Semangat untuk meletakkan Islam di tempat yang selayaknya hendaklah diberi keutamaan. Responden mengharapkan program memperkasakan kaedah membentuk

pasukan yang mantap serta mereka yang benar-benar memahami Islam khususnya sebagai usahawan seperti yang dituntut oleh Islam. Pihak pengurusan juga perlu menghargai ahli atau usahawan yang memberi komitmen yang tinggi. Mereka menghendaki setiap yang baik dan yang dianjurkan oleh Islam mestilah didaulat dan dimartabatkan dalam kehidupan mereka sama ada ketika menjadi usahawan ataupun tidak. Memastikan setiap gerak kerja berlandaskan syariat dimartabatkan.

Responden juga, mengharapkan pihak pengurusan sentiasa mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh memperkemarkan hubungan persaudaraan dan ukhuwah di kalangan usahawan MLM AWM. Semangat dan ukhuwah di kalangan usahawan hendaklah sentiasa dipereratkan agar sentiasa mantap, bersepadu dan jelas kefahaman mereka terhadap tuntutan Islam. Kefahaman tentang MLM syariah perlu diperhebatkan taklimat dan penerangannya kepada usahawan yang berkaitan. Sifat *mazmumah* seperti hasad dengki, sombong, penipu, pengkhianat dan lain-lain hendaklah dihindarkan dari berakar umbi dalam diri usahawan. Responden mengharapkan kebangkitan Islam yang pernah cemerlang suatu ketika dahulu, pernah melahirkan usahawan yang berjaya sehingga disegani dan digeruni kawan dan lawan.

4.13 Kesimpulan

Hasil kajian berkaitan kerja berpasukan dapat disimpulkan sebagai satu konsep kerja yang bersistematik dalam organisasi. Konsep kerja berpasukan menurut Islam dan konvensional berbeza dari sudut matlamat dan kaedah pencapaian. Namun, kepentingan kerja berpasukan dalam organisasi adalah satu keperluan yang diperakui oleh sarjana, sama ada Islam

mahupun Konvensional. Seterusnya, kajian menyimpulkan bahawa Rasulullah S.A.W dan para Sahabatnya mempraktikkan konsep ‘*Amal Jamā’ī*’ dalam organisasi yang pernah dibentuk oleh Baginda. Elemen yang utama dalam kerja berpasukan seperti kepercayaan, perkongsian dan komitmen menjadi teras kepada gerak yang dilakukan. Ia melibatkan ‘*Amal Jamā’ī*’ secara sementara (ketika hijrah) dan juga ketika di Madinah (wujudnya organisasi). Apabila konsep ‘*Amal Jamā’ī*’ diaplikasikan kepada usahawan al-Wahida, didapati para usahawan mampu memahami dan menghayati ketiga-tiga konsep yang pernah dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W.

Kerja secara berpasukan yang dilakukan oleh usahawan mempunyai kaitan dan kesinambungan dengan kerja pasukan yang pernah dilakukan oleh para Sahabat. Oleh yang demikian, kerja berpasukan kini dianggap sebagai pra syarat utama untuk mencapai kejayaan organisasi ini.⁵¹ Hasil dapatan menunjukkan bahawa kesinambungan di antara kefahaman tentang kerja berpasukan itu wujud cuma beberapa kekurangan perlu diperbaiki agar ia bertepatan dengan kehendak Islam. Manusia di akhir zaman sudah semestinya ada kekurangan, namun yang demikian tidak bolehlah dijadikan alasan oleh mereka. Ini kerana agama Islam mempunyai acuannya yang tersendiri. Setiap mereka yang berpegang dengannya pasti tidak akan sesat selama-lamanya iaitulah al-Quran dan al-Hadith. Sabda Nabi S.A.W berbunyi:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُم بِهِمَا : كِتَابَ اللَّهِ ، وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

Terjemahan: Rasulullah S.A.W bersabda, “Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, jika sekiranya kamu berpegang dengannya, nescaya tidak sesat selama-lamanya iaitu Kitab Allah dan Sunnah Nabi S.A.W⁵².

⁵¹ Mohd Anuar Abdul Rahman, *Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia*, 55.

⁵² Hadith riwayat Imam Malik, *Kitab al-Jami'*, Bab al-Nahy ‘An al-Qawl bi al-Qadr, no. hadith 3338. Imam Malik mengatakan hadith ini adalah sahih dan baginya Shawahid seperti Imam Hakim, Baihaqi, Haithami

BAB 5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini adalah bahagian yang terakhir dalam laporan kajian ini. Bahagian ini akan mengemukakan rumusan yang meliputi huraian, analisis dan perbincangan secara keseluruhan berdasarkan kajian yang terdahulu daripada bab-bab yang lalu. Seterusnya, beberapa cadangan penyelidikan serta langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak untuk meningkatkan lagi kefahaman tentang '*Amal Jamā'ī*' menurut *Sunnah al-Nabawī*. Selain itu, ilmu yang berkaitan dengan pengurusan Islam perlu digali serta diketengahkan dari sumber yang asli. Sepatutnya, sumber inilah yang patut dibanggakan berbanding sumber konvensional yang bersandarkan pemikiran dan logik akal semata-mata. Secara praktikalnya, sunnah itu perlu diletakkan sebagai rujukan utama bagi memantapkan lagi keberkesanaan perjalanan organisasi yang bersumberkan rujukan Islam yang sahih.

Gerak kerja yang melibatkan '*Amal Jamā'ī*' adalah suatu yang dituntut oleh agama Islam. Malah, pendedahan terhadap '*Amal Jamā'ī*' yang pernah dipraktikkan oleh Rasulullah S.A.W dan para Sahabat yang menampakan agama Islam itu tidak pernah ketandusan idea bagi merealisasikan tuntutan sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi ini dengan suruhan dan perintah Allah. Allah SWT menjadikan kita sudah tentu, akan memilih penyampai yang boleh mempraktikkan setiap kemahuan dan kekendakNya. Bahkan tidak dapat dinafikan baginda adalah utusan Allah yang menjadi ikutan yang baik dalam semua perkara. Firman Allah SWT:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ

Al-Aḥzāb 33:21

Terjemahan: Sesungguhnya bagi diri kamu terhadap Rasulullah S.A.W sebagai ikutan yang baik.

Hadith-hadith berkaitan *'Amal Jamā'ī* banyak terdapat di dalam hadith Rasulullah S.A.W. Penjelasan tentang konsep *'Amal Jamā'ī* tidaklah dinyatakan secara bertajuk (tajuk yang jelas seperti hadith berkaitan hudud) tetapi perjalanan sesuatu gerak kerja itu menggambarkan bahawa Rasulullah S.A.W adalah orang yang hebat dan mantap gerak *'Amal Jamā'ī* yang dilakukan oleh Baginda S.A.W dan para sahabat. Tidak dapat dinafikan bahawa pengutusan Baginda S.A.W jelas membawa ajaran yang lengkap dari segenap aspek kehidupan.

Justeru, konsep kerja secara *'Amal Jamā'ī* yang dilakukan adalah merupakan ajaran serta tunjuk ajar yang dipraktik sendiri oleh Baginda S.A.W dan diteladani oleh para Sahabat semenjak permulaan hijrah lagi. Oleh yang demikian, setiap pergerakan dan perlakuan baginda yang berkaitan percakapan, perbuatan, pengakuan dan sifat-sifat tingkahlaku baginda akan dipraktikkan oleh para Sahabat r.a. Seterusnya, setiap situasi tersebut akan dijadikan panduan oleh mereka. Firman Allah Ta'ala:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا

Al-Hashr 59:7

Terjemahan: Setiap apa yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W hendaklah kamu ambil dan setiap apa yang dilarang olehnya hendaklah kamu tinggalkan.

Maka, setiap hadith berkaitan *'Amal Jamā'ī* dihimpun dan dikumpul dari sumber yang sahih. Ini kerana pemilihan hadith sahih sebagai sumber utama rujukan adalah suatu

perkara yang penting dalam dunia pengurusan kini, bertujuan mempamerkan kesyumulan dan keperhatian Islam terhadap pengurusan duniawi yang perlu diberi perhatian serius oleh umat ini. Apabila sistem hidup yang berkaitan duniawi hebat secara tidak langsung, sistem hidup itu menjadi bekalan kepada kehidupan ukhrawi. Dengan ini, ternafilah kefahaman sesetengah pihak yang menyatakan bahawa tidak wujud sumber yang mantap dalam Islam atau sumber yang kuat bagi memperkatakan tentang ilmu pengurusan yang dibanggakan kini. Pendedahan tentang sumber ini akan menambahkan lagi kehebatan dan kejelasan tentang konsep '*Amal Jamā'ī*' sepertimana yang dilakukan oleh Baginda dan para Sahabat r.a. Konsep '*Amal Jamā'ī*' yang dipraktikkan oleh Baginda S.A.W adalah melalui *tanzim* dan gerak kerja yang mempunyai visi dan misi yang diperjelaskan mengikut kesesuaian masa, tempat, dan suasana semasa.

Menjadi kewajipan kepada para pengkaji untuk menggali, mengkodifikasi dan mempersembahkan khazanah yang tinggi nilainya ini, untuk difahami dan dijadikan panduan kepada kehidupan generasi kini dan generasi akan datang. Hasil penggalian sumber-sumber ini bukan hanya untuk dijadikan sebagai alternatif kepada pengurusan semasa tetapi sebagai sumber yang utama dan yang perlu dibanggakan oleh umat Islam itu sendiri. Pemfokusan sumber yang dikehendaki oleh Islam menjadi terarah, terkawal dan tidak dicemari oleh sumber yang meragukan. Sumber yang meragukan boleh mendatangkan kekeliruan kepada umat Islam itu sendiri. Dengan adanya sumber yang sahih, maka akan timbul perasaan yakin terhadap sumber itu sendiri. Justeru, kemulian Islam itu mampu diserlahkan lagi melalui sumber yang diiktiraf oleh Allah melalui Rasulullah S.A.W. Firman Allah Ta'ala:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۚ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ

Terjemahan: Muhammad tidak bercakap mengikut hawa nafsunya tetapi apa yang diperkatakan itu adalah menurut wahyu yang diwahyukan kepadanya.

5.2 Pencapaian Kajian

Kajian yang dilakukan ini, dapat dirumuskan kepada beberapa pencapaian yang boleh menggambarkan keseluruhan kajian. Pencapaian tersebut adalah:-

5.2.1. Pencapaian Objektif Pertama

Konsep '*Amal Jamā'ī*' adalah satu sistem kerja yang melibatkan kumpulan manusia yang bekerjasama dalam sesebuah organisasi bagi menjayakan matlamat yang dicita-citakan. Sarjana Islam dan konvensional mengemukakan pandangan yang selari di antara mereka berkaitan konsep '*Amal Jamā'ī*' bagi menjayakan sesebuah organisasi. Islam menjadikan konsep '*Amal Jamā'ī*' adalah kerja yang melibatkan ibadah dan juga mementingkan kejayaan yang berbentuk material, fizikal dan spiritual. Sebaliknya, konsep yang diperkenalkan oleh konvensional lebih mementingkan kejayaan yang berbentuk fizikal dan material.

Selain itu, konsep hubungan yang diketengahkan oleh Islam lebih menjurus kepada konsep tiga hubungan iaitu manusia sesama manusia, manusia dengan Allah dan manusia dengan makhluk yang lain. Adapun konsep yang diperkenalkan oleh konvensional hanya melibatkan hubungan antara manusia sesama manusia. '*Amal Jamā'ī*' dalam Islam bertujuan mencari keredaan Allah, sebaliknya kerja berpasukan yang diperkenalkan oleh konvensional berakhir dengan pujian dan sanjungan manusia.

Pencapaian yang seterusnya, memperlihatkan elemen '*Amal Jamā'ī*' yang diketengahkan oleh pengkaji iaitu kepercayaan, perkongsian dan komitmen adalah selari dengan pandangan sarjana Islam dan konvensional. Kajian ini diperkukuhkan lagi melalui dua sumber utama dalam Islam iaitu al-Quran dan hadith. Kedua-duanya memperjelaskan lagi konsep '*Amal Jamā'ī*' yang merupakan tuntutan penting dalam kehidupan harian manusia yang melibatkan organisasi, syarikat, persatuan dan sebagainya.

5.2.2. Pencapaian Objektif Kedua

Kajian berkaitan hadith *mawdū'ī* dapat dicapai bukan hanya melalui kajian berdasarkan tajuk atau tema tertentu semata-mata, malah melalui pendekatan lafaz dan makna bagi setiap gerak kerja yang dilakukan oleh Baginda S.A.W. Perbincangan tentang hadith *mawdū'ī* / tematik kontemporari adalah lebih luas dan memfokuskan kepada tajuk-tajuk berkaitan pemikiran, sosial, politik, kemasyarakatan, perekonomian, alam sejagat, alam maya atau mencakupi segala lapangan ilmu pengetahuan yang menjadi tuntutan semasa. Seterusnya, kajian yang khusus berkaitan hadith '*Amal Jamā'ī*' di dalam al-Sahihayn dicapai melalui kaedah kodifikasi ataupun *taqnin* yang merujuk kepada takrif hadith itu sendiri, iaitu hadith yang bersandarkan kepada perkataan, perbuatan, pengakuan dan sifat kejadian serta tingkahlaku Nabi S.A.W.

Kebanyakan hadith yang menceritakan tentang peristiwa tertentu seperti hijrah, peperangan, harta rampasan perang, kelebihan para Sahabat Nabi S.A.W, pekerjaan harian dan sebagainya memperjelaskan lagi konsep '*Amal Jamā'ī*' yang bertunjangkan elemen kepercayaan, perkongsian dan komitmen. Elemen tersebut berfungsi sebagai penggerak '*Amal Jamā'ī*' yang pernah dilakukan oleh Nabi S.A.W dan para Sahabat. Tidak dinafikan elemen selain daripada ketiga-tiga elemen tersebut juga penting sebagai

penggerak kepada '*Amal Jamā'ī*', namun ketiga-tiga elemen ini mendominasi sebahagian besar elemen-elemen lain. Sebagai contoh bagi ketiga-tiga elemen tersebut yang mempengaruhi elemen lain:-

1. Elemen kerjasama dan elemen persefahaman akan lahir setelah mendapat kepercayaan daripada rakan sekerja.
2. Elemen kebersamaan dan pemuafakatan akan lahir daripada perkongsian di kalangan rakan sekerja.
3. Elemen motivasi dan elemen penghargaan majikan, akan melahirkan komitmen yang berterusan daripada pekerja.

5.2.3. Pencapaian Objektif Ketiga

Al-Wahida Marketing merupakan syarikat bumiputera yang beroperasi dengan mengambil kira habuan yang berbentuk material dan spiritual dalam perniagaan mereka. Pemahaman serta penghayatan usahawan terhadap Islam menjadi agenda kepada operasi perniagaan mereka. Elemen penting '*Amal Jamā'ī*' yang merangkumi kepercayaan, perkongsian dan komitmen difahami dengan baik oleh usahawan. Unsur material sama ada berkaitan dengan produk, pemasaran produk, mahupun kepuasan pelanggan diambil kira dalam perniagaan mereka. Selain itu, perkara yang melibatkan unsur kerohanian (spiritual) juga diberikan keutamaan apabila sifat *mahmudah* seperti ikhlas, cintakan agama dan keberkatan hidup menjadi teras kepada perniagaan mereka. Secara umumnya, konsep '*Amal Jamā'ī*' berjaya diaplikasikan oleh usahawan al-Wahida. Cuma tahap pemahaman serta penghayatan tidaklah sehebat generasi awal Islam yang ditarbiyyah secara langsung oleh Rasulullah S.A.W. Sabda Nabi S.A.W:

إِنَّ الْأَشْعَرِيِّينَ إِذَا أَرْمَلُوا فِي الْعَزْوِ ، أَوْ قَلَّ طَعَامُ عِيَالِهِمْ بِالْمَدِينَةِ ، جَمَعُوا مَا
كَانَ عَنْدهُمْ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ ، ثُمَّ اقْتَسَمُوهُ بَيْنَهُمْ فِي إِثْنَاءِ وَاحِدٍ بِالسَّوِيَّةِ ، فَهُمْ
مِنِّي وَأَنَا مِنْهُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya kaum al-Ash'ariyyin, apabila perempuan mereka menjadi janda disebabkan peperangan atau kekurangan makanan keluarga mereka di Madinah, maka mereka akan mengumpulkan apa sahaja yang ada di sisi mereka dalam sebuah kain, kemudian mereka bahagikan di kalangan mereka dalam satu bekas sama rata (agar dapat dinikmati bersama) lalu Nabi S.A.W mengatakan mereka adalah dari aku dan aku adalah dari kalangan mereka.¹

5.3 Cadangan dan Saranan

Setiap kesimpulan kajian selalunya diiringi dengan cadangan dan saranan, bertujuan untuk memantapkan lagi kajian yang telah dilakukan dan kajian susulan. Setiap kajian yang telah dilakukan tidaklah bererti berakhirnya sesuatu kajian itu, bahkan kajian dari semasa ke semasa perlu diteruskan bagi menjawab kehendak dan tuntutan semasa itu sendiri. Selagi namanya kajian, selagi itulah pembaharuan dan penemuan dibuat bersesuaian dengan suasana dan ketika. Pengkajian yang melibat pemikiran dan idea daripada manusia sudah tentu mempunyai banyak kekurangan dan kelemahan yang berlaku.

Pengkaji terpenggil untuk memberikan beberapa cadangan berserta saranan agar kajian yang lebih baik dan mantap daripada apa yang dikaji oleh pengkaji dapat dilakukan pada masa yang akan datang. Cadangan yang ingin diutarakan oleh pengkaji adalah meliputi beberapa pihak yang terlibat, iaitu pengkaji di kalangan pelajar bidang pengajian Islam dan aliran biasa; institusi pengajian tinggi di Malaysia; pihak berwajib

¹ Hadith riwayat Muslim, Kitab Fadail al-Sahabah, Bab Min Faḍāil al-Ash'ariyyin, no. hadith 2500. Lihat Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007), 4: 1944.

yang terdiri daripada Jabatan Kerajaan seperti JAKIM, Majlis Agama Islam dan lain-lain; dan kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

5.3.1 Pengkaji di Kalangan Pelajar Bidang Pengajian Islam dan Aliran Biasa

Kajian berkaitan pengurusan Islam perlu diperluaskan lagi di kalangan pelajar aliran pengajian Islam dan aliran biasa bertujuan mencungkil semula khazanah yang berharga dalam Islam. Ia bertepatan dengan kaedah:

الحكمة ضالة المؤمن، فحيث وجدها فهو أحق بها

Terjemahan: Kebijaksanaan itu adalah barang yang tercicir milik orang yang beriman, di mana sahaja kamu dapati barang yang tercicir itu hendaklah kamu mengambilnya)².

Amat malang kepada umat Islam menjadikan Barat sebagai sumber rujukan mereka sedangkan dalam masa yang sama sumber Islam yang kaya dan berharga masih tersimpan dalam khazanah tanpa digali oleh pengkaji-pengkaji Islam. Pengiktirafan Allah, Rasul dan orang beriman sudah tentu menggambarkan kesyumulan Islam tidak hanya terletak kepada slogan semata-mata, malah secara teori dan praktikalnya mampu mengenengahkan sistem pengurusan yang lebih baik dan berkesan. Pengkaji menyarankan agar para pelajar di bidang pengajian Islam perlu mengenengahkan kajian berkaitan dengan pengurusan Islam yang sudah semestinya kaya dengan sumbernya seperti pepatah ada menyebut:

الإسلام يعلو ولا يعلى عليه.

Terjemahan: Islam itu tinggi dan tiada yang lebih tinggi daripadanya (boleh mengatasinya)³.

² ‘Abd al-Rahman bin Abi Bakar bin Muhammad Jalal al-Din al-Suyuti, *al-Jami’ al-Saghir fi Ahadith al-Bashir al-Nazir* (Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: t.t.), 6462.

Apa yang perlu dicungkilkan dan diketengahkan oleh para pelajar dan pengkaji adalah sumber utama selepas al-Qur'an yang mesti dilihat mampu mengatasi setiap permasalahan dalam kehidupan terutamanya berkaitan organisasi. Masih banyak yang belum dikaji dan diketengahkan dalam bidang pengurusan terutamanya yang berkaitan hadith-hadith pengurusan yang melibatkan praktis Rasulullah S.A.W. Pengkaji hanya menyentuh salah satu daripada elemen pengurusan iaitu *'Amal Jamā'ī* dalam Islam. Kajian yang berkaitan motivasi kerja, pemimpin organisasi, rakan sekerja, kepuasan kerja dan lain-lain yang memerlukan sumber Islam khususnya daripada perspektif hadith Nabawi. Ianya diperlukan bagi menzahirkan kehebatan Islam sepertimana yang dicanang dan bukannya satu igauan dan khayalan. Sumber yang sahih adalah ditagih bagi memastikan setiap perkara yang dilakukan benar-benar berorientasikan sumber Islam yang sebenar. Secara tidak langsung, dapat memaparkan bagaimana Rasulullah S.A.W dan para Sahabat mempraktikkannya dalam kehidupan mereka.

5.3.2 Pihak Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia

Pihak universiti perlu memperbanyakkan bidang pengajian yang melibatkan kajian tentang pengurusan yang melibatkan al-Quran dan Hadith. Bidang-bidang yang mampu melahirkan generasi yang celik agama dalam pelbagai bidang terutamanya pengurusan dalam Islam seperti yang dilakukan oleh mereka yang menceburi bidang tahfiz al-Qur'an dan sains yang tumbuh bagaikan cendawan kini. Pengkaji merasakan, jika sekiranya mereka yang bertanggungjawab melaksanakan tuntutan ini, maka masa depan Islam lebih gemilang dengan semua masyarakat mengidolakan sumber rujukan Islam

³ Abū Husayn Muslim bin Hajjāj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, "Ṣaḥīḥ Muslim" dalam *al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, ed. al-Nawāwī, Abū Zakaria Yahya bin Sharf al-Dīn, (Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1994), 227.

sebagai asas kepada pekerjaan mereka. Ia bukan sahaja dikira melibatkan tuntutan ibadah yang umum, dalam masa yang sama kehebatan Islam itu terserlah apabila membentuk masyarakat Islam dengan sistem muamalahnya. Kebaikkan yang terdapat dalam sumber yang lain itu tidak dinafikan kepentingannya. Ia boleh dijadikan rujukan selagi tidak bercanggah dan bertentangan dengan aqidah Islam. Pihak universiti juga boleh mempromosikan bidang ini sepertimana mereka mempromosikan bidang yang lain. Kenapa sumber orang lain yang kita banggakan sedangkan sumber kita sendiri terpampang di hadapan mata tidak digunakan. Pihak universiti boleh mewujudkan bidang pengurusan hadith dan al-Qur'an yang khusus berkaitan pengurusan Islam. Selain itu, bidang yang melibatkan sirah Nabi dan para Sahabat yang dilihat dari aspek pengurusan juga patut diwujudkan.

5.3.3 Pihak Berwajib yang Terdiri daripada Jabatan Kerajaan seperti JAKIM, Majlis Agama Islam dan Lain-lain

Pihak berwajib perlu memperbanyakkan seminar, kursus, dialog dan sebagainya bertujuan mewawarkan kehebatan pengurusan Islam khususnya yang melibatkan sumber utama Islam itu sendiri terutamanya di bumi majoriti penduduk Islam. Melahirkan kakitangan yang sedia ada dengan diberi kursus dan bimbingan kepada kakitangan tentang kepentingan '*Amal Jamā'ī*' dari sudut Islam yang bersumberkan hadith Nabawi. Memberi kesedaran kepada mereka yang bekerja secara '*Amal Jamā'ī*' bukan hanya untuk menaikkan nama organisasai sahaja, malah bekerja secara '*Amal Jamā'ī*' adalah untuk menguatkan kesatuan umat Islam samada dari sudut fizikal mahupun spiritual. Jakim sendiri boleh mengeluarkan dana kepada kakitangan akademik dan para pelajar bagi memperbanyakkan kajian-kajian empirikal yang sesuai dengan tuntutan zaman. Majlis agama Islam pula menyediakan biasiswa yang khusus kepada mana-mana pelajar

yang mahu melanjutkan pengajian dan pelajaran dalam bidang pengurusan Islam yang mencungkil ilmu-ilmu pengurusan yang pernah diterapkan oleh Rasulullah S.A.W kepada para sahabat.

5.3.4 Kerajaan dibawah Jabatan Perdana Menteri

Pihak kerajaan perlulah menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang mengambil jurusan bidang pengurusan Islam, seperti bidang sains dan sains teknologi. Pihak kerajaan perlu sedar bukan hanya pelajar yang bijak di dalam bidang sains tulen dan sains teknologi sahaja yang mampu menggalas tanggungjawab mereka selaku orang yang mampu mengharumkan nama negara, malah mereka juga perlu disemati dengan ilmu pengurusan Islam yang bersumberkan hadith dan sirah Nabawi. Mereka bukan sahaja melahirkan generasi yang pakar dalam bidang yang diceburi malah menguasai ilmu-ilmu Islam terutamanya yang melibatkan sumber utama dalam Islam. Selain itu, ianya mampu melahirkan orang yang mementingkan kehidupan yang berbentuk duniawi dan juga ukhrawi. Menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka yang mahir dalam pengurusan agar amanah dan tanggungjawab yang diberikan dipikul dengan baik. Pihak kerajaan perlu sedar untuk melahirkan orang yang bijak adalah mudah sebaliknya untuk melahirkan orang yang bijak dan memahami tuntutan dan larangan dalam Islam itu suatu proses yang mesti digapai dengan pelan dan strategi yang mantap. Akhirnya, generasi yang bakal dilahirkan mampu mendisiplinkan diri kepada tuhan yang esa serta mempunyai semangat pengorbanan yang tinggi.

Oleh yang demikian, kefahaman luaran sahaja tidak cukup tetapi memerlukan kepada kefahaman dalaman, bertujuan memperkukuhkan peribadi dan jiwa mereka seperti golongan Muhajirin dan Ansar yang sentiasa utuh dan kukuh pegangan mereka. Pihak

kerajaan juga boleh melaksanakan tawaran dan peluang pekerjaan kepada mana-mana siswa ataupun pelajar yang pernah mengikuti dan memiliki kemahiran dalam bidang pengurusan ini. Perkara ini penting kerana negara kita sekarang tidak terlepas daripada dihindangi dengan masalah rasuah, ketirisan, pecah amanah dan lain-lain gejala yang tidak menguntungkan kerajaan serta mana-mana pihak.

5.4 Kesimpulan

Kajian yang berterusan perlu dilakukan dari masa kesemasa demi melangsungkan kesinambungan dan tuntutan Islam terhadap kerja untuk mencari nafkah umumnya dan kerja secara '*Amal Jamā'ī*' khusus bagi merealisasikan hakikat manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi. Konsep kerja secara '*Amal Jamā'ī*' mampu melahirkan umat yang bersatu padu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Selain itu, kekuatan umat Islam dapat ditonjolkan melalui kerja secara berjemaah. Inilah manhaj yang dikehendaki oleh Allah kepada setiap insan yang memakmurkan bumi secara berjemaah. Justeru, secara tidak langsung manusia menyedari bahawa mereka tidak mampu melakukan sesuatu perkara secara bersendirian. Firman Allah SWT:

واعتصموا بحبل الله جميعا ولا تفرقوا

Al- 'Imran 3:103

Terjemahan: Berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan jangan berpecah belah.

BIBLIOGRAFI

- Al-Qur'an al-Karim. Basmih, Abdullah bin Muhammad Basmih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri, 1968.
- Al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali bin Hajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1986.
- _____. *Fath al-Bārī bi Sharḥ al-Imām Abī 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1985.
- Al-'Ayni Badr al-Dīn. *'Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 2006.
- Al-A'jluni, *Kashful Khafa'*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Al-Aṣḥabānī, Abī Nā'im. *Tathbit al-Imāmah wa al-Tartīb al-Khilāfah. Mawqī' Jāmi' al-Ḥadīth*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Abū al-Ḥasan 'Ali bin Khalaf bin 'Abd Al-Malik bi Baṭal. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭal*. Al-Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2003.
- Al-Banna Hasan. *Majmu'ah al-Rasā'il*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himayah Huquq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2003.
- Al-Baghāwī, Abī Muḥammad al-Ḥusayn bin Mas'ūd. *Tafsīr al-Baghāwī: Ma'ālim al-Tanzīl*. Riyadh: Dār al-Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1997.
- Al-Bukhārī, Abū 'Abd Allah Muhammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm bin Mughirah. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih*. Beirut: Dār Thawq al-Najah, 2000.
- Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dar Fikr, 2004.
- _____. *Ṣaḥīḥ al-Bukhari*. Jeddah: Dār Thawq al-Najah, 2004.
- Al-Būṭī, Muḥammad Sa'id Ramadhān. *Fiqh al-Sirah*. Terj. Mohd Darus Sanawi Ali. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 258-259, 2000.
- Al-Daylāmī, 'Abd al-Wahab. *Al-'Amal al-Jamā'ī Mahasinuh wa Jawānib al-Naqsh fīh Sona'*: Dār al-Hijrah, 1991.
- Al-Farmāwī, 'Abd al-Hayy, *Al-Bidāyah fī al-Tafsīr al Mawḍū'ī*. Kaherah: Matba'ah al-Hadharah al-'Arabiyyah, t.t..
- Al-Gharnati, Abī Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā bin Muḥammad al-Lakhmi al-Shāṭibī. *Al-Ibtisam ed. Sayyid Muḥammad Rashid Rida*. Kaherah: Maktabah al-Tijāriyyah al-Kubrā, t.t.

- Al-Hakim. *Al-Mustadrak*. Jil. ke-12. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Ibn Kathīr, Abū Fidā' Ismā'īl bin 'Umar. *Tafsīr al-Qur'an al-'Aẓīm*. Sa'udi al-Arabiyyah: Dār al-Taybah li al-Nashr wa al-Tawzi', 1999.
- Ibn Manẓūr. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1997.
- Ibrahim Mustafa. et.al.. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Istanbul: Dār al-Da'wah, 1980.
- Ibn Hanbal, Ahmad. *Musnad Ahmad*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- _____. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan Tirmidhī*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, t.t..
- _____. *Musnad Ahmad*. Beirut: Dār al-Fikr, 1990.
- _____. *Al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turath al-'Arabī, 1971.
- Al-Manawī, Zainuddin 'Abd al-Raūf. *Taisīr bi al-Sharḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Jil. ke-5. Riyadh: Maktabah Imām al-Shāfi'ī, 1988.
- Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qushayrī al-Naysabūrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 1996.
- Mustaffa Muslim. *Mabāhith fī al-Tafsīr al-Mawḍū'ī*. Damsiyiq: Dar al-Qalam, 1989.
- Muhammad Lutfi al Sabbagh. *Al-Ḥadīth: Mustalahuh wa balaghatuh wa Kutubuh*. Beirut: al-Maktab al-Islamiy, 1990.
- Muhammad al-Taib al-Najjar. *al-Qawl al-Mubīn fī Sirat Sayyid al-Mursalin*. Beirut: Dār al-Nadwah al-Jadid, t.t..
- Muhammad bin Ishak. *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. Abu Dabbi: Mawqī' al-Awraq, t.t.
- Muslim, Imām Abū Ḥusayn Muslim bin Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Naysabūrī. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Majd al-Dīn Abi al-Sa'adah al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari, Ibn al-Athir. *al-Nihayah fī Gharib al-Hadith wa al-Athar*. t.t.p: al-Maktabah al-Islamiyyah, 1963.
- Muḥammad bin Futūḥ al-Ḥamīdī. *Al-Jam'u Bayna al-Ṣaḥīḥayn al-Bukhārī wa Muslim*. Beirut: Dār Ibn Hazm, 2002.
- Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman al-Zahabi, Sayr 'Alam ' al-Nubala'. Riyadh: Muassasah al-Risalah, 2001.

- Muḥammad bin Jarīr al-Ṭabarī, *Jamī' al-Bayan fī Ta'wīl al-Qur'an*. Riyadh: Muassasah al-Risalah, 2000.
- Muḥammad Abdullah al-Khāṭib. *Risālah Ta'līm*, ed. Mohd Nizam. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, 2001.
- Mahmud Shit Khattab, *al-Rasul al-Qā'id*. Beirut: Dār al-Fikr, 1989.
- Muṣṭafā Mashhur. *al-'Amal al-Jamā'ī*, terj. Abdullah Abd Hamid. Alor Setar: Pustaka Ikhwan, 1985.
- _____. *Mu'jam al-Kabīr*. Kaherah: Maktabah ibnu Taimiyyah, 1998.
- _____. *Mu'jam al-Kabir*. Jil. ke-10. Al-Mausul: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam, 1983.
- Al-Nasafī, 'Abd Allah bin Aḥmad Abū Barakāt. *Tafsīr al-Nasafī: Madārik al-Tanzīl Wa Haqāiq al-Ta'wīl*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Ḥuqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Al-Nasā'ī, Abī 'Abd Raḥman Aḥmad bin Shu'ayb. *Sunan a-Nasā'ī*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Ḥuqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Al-Nawawī, Abū Zakaria Yaḥya bin Sharf al-Dīn, *al-Minhaj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī, 1994.
- Al-Qarḍawī, Yūsuf. *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1991.
- Qaradawi, Yusuf. *Harakah Islāmiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, 2000.
- Al-Qurṭubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr bin Farah al-Anṣārī. *Tafsīr al-Qurṭubī*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Ḥuqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.
- Al-Rāzī, Abū Muḥammad 'Abd al-Raḥman bin Abī Ḥatim. *Tafsir Ibn Abi Hatim*. Kaherah: Maktabah al-'Aṣriyyah, t.t.
- Rohi al-Ba'labaki, *Al-Mawrid Qāmūs 'Arabī-Injilizī*. Beirut: Dār al-Ilmi li al-Malayin, 1995.
- _____. *Riāḍ al-Ṣāliḥīn*, ed. Muḥammad Nasaruddin al-Albānī. Beirut: Maktabah al-Islamiyyah, 1983.
- Sa'īd Hawwā. *Memahami Prinsip-Prinsip Amal Islami*, terj. Darus Sanawi. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2006.
- Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbini. *Tafsīr Sirāj al-Munīr*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t..

_____. *Al-Sunan al-Kubrā*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.

Sulayman bin Ash'ath al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.

Al-Shatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad. *al-I'tisam*. Riyadh: Dar Ibn 'Affan, 1992.

Sayyed Muḥammad Nūḥ. *Tawjihāt Nabawiyyah 'Ala al-Tarīq*. Al-Mansurah: Dār al-Yaqīn, 1998.

Al-Ṣabūnī, Muḥammad 'Alī. *Al-Sunnah al-Nabawiyyah: Qism min al-Waḥy al-Ilāhī al-Munazzal*. Makkah: Rabitah al-'Alam al-Islāmī, 1989.

Al-Sanadī, Nuruddin bin 'Abd Hadi Abu Hasan. *Hashiyah al-Sanadī 'alā al-Nasā'ī*. Halab: Maktab al-Maṭbu'āt al-Islāmiyyah, 1986.

Al-Shawkānī, Muḥammad bin 'Alī. *Fath al-Qadīr*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, 2007.

Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr bin Muhammad. *al-Ashbah wa al-Nazair*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.

Al-Shaybānī, Aḥmad bin Muhammad bin Hanbal. *Faḍā'il al-Ṣaḥābah*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1993.

Sa'id, Abd al-Sattar Fath Allah. *Al Madkhal fī al-Tafsīr al Mawḍū'ī*. Kaherah: Dār al Tibā'ah wa al Nashr al-Islāmiyyah, 2005.

Al-Turki, 'Abd Allah bin Abdul al-Muhsin, *al-Tafsīr al-Muyassar*. Kaherah: Muassasah al-Maktabah al-Shāmilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah, t.t.

_____. *Al-Jāmi' al-Aḥkām al-Qur'an*. Riyadh: Dār 'Alim al-Kutub, 2003.

Al-Ṭabrānī, Sulaymān bin Aḥmad. *Mu'jam al-Awṣāṭ li al-Ṭabrānī*. Kaherah: Dār- al-Haramayn, 1994.

Al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Isā bin Saurah. *Al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ Sunan al-Tirmidhi*, Jilid ke-8. Beirut: Dār al-Fikr, 1980.

Al-Ṭanṭāwī, Rifā'ah Rāfi'. *Al-Dawlah al-Islāmiyyah Nizhamuh wa 'Umalatuh*. Kaherah: Maktabah al-Adab, 1990.

Al-'Uthaimin, Muḥammad bin Ṣāliḥ bin Muammad. *Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Sa'udi Arabia: Mauqi' Jāmi' al-Ḥadīth al-Nabawī, 2000.

Yasir Faruq Husain, *Mut'ah al-'Amal Ma'an*. Kaherah: Dar al-Nashr liljami'at, 2009.

- Al-Zayyan, Ramdan Ishāq. *Al-Ḥadīth al Mawḍūʿī; Dirasah Naẓariyyah*, Majallah al Jami'ah al-Islamiyyah, Ghazah: Palestin, 1989.
- Ab Rahim Ab Hamid. *Hubungan Antara Elemen-Elemen Budaya Organisasi, Kepuasan Kerja dan Sistem Kerja Berpasukan di Kalangan Staf Sokongan Bank Pertanian Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2002.
- Ab. Aziz. Yusof. *Mengurus Pasukan Kerja Perstasi Tinggi*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn, Bhd., 2003.
- Abdullah Azzam al-Syahid. *Kewajipan Gerak Kerja dalam Jama'ah Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn.Bhd, 2003.
- Abdul Ghafar.et.al. *Kaitan Antara Kepimpinan Kerja Berpasukan Pengetua Dengan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Di Daerah Kluang*. Journal Of Educational Management,1(6).pp.1-16. ISSN 2231-7341, 2011.
- Abdul Jalil Abdul Rahim. *Al-Tafsīr al-Mawḍūʿī fī Kaffatai al-Mizan*. Amman: Jordan, 1992.
- Abu Bakar Sarpon. *Kajian Pengurusan Baitulmal Malaysia: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pertugas Daripada Perspektif Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2005.
- Ahmad Adnan Bin Fadhil. *Soal Jawab MLM Syariah HPA*. Kuala Lumpur: Islamic Book Store Teknologi HPA Sdn. Bhd, 2010.
- Ahmad Fadzli Yusof. *Mengurus Kerja Berpasukan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd., 2004.
- Ahmad Surianshah Bin Muhammad. *Model Budaya Kerja Berkualiti: Kajian Kes Di Universiti Lambung Mangkurat, Banjarmasin*. Tesis Kedoktoran. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2010.
- Alauddin Sidal, *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi*. Kuala lumpur: Institut Tadbiran Awam Malaysia. (INTAN), 2004.
- Ahmad Zahiruddin Idrus. *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti Transformasi Dan Cabaran UTM 2001*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 2001.
- A.M.Ayob, *Kaedah Penyelidikan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007.
- Asmadi Mohammad Naim. *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*.Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, 2003.
- Bibi Kasmawati Abdullah. *Team Working As Practised By Personnel In The Sarawak State Service*. Selangor: Universiti Putra Malaysia, 1999.
- E. Babbie, *The Practice Of Sosial Research*, ed. ke-9. Belmont: Wadsworth, 2001.

- Balderson. *Team Building: A Structured Learning Approach*. Florida: St. Lucie Press, 1997.
- Beverly Scoot, *Principles of Team Leader Stress*. TN: Knoxville, 1992.
- Chan, A.P. C, Scott, D & Chan, A.P.L. Factors Afecting The Success Of Constructruction Project. *Construction Engineering And Management*, 2004.
- Creative Education Faundation. Fortune 500 Company Job-Skills Required For The 21st Century. Buffalo, NY : Creative Education Foundation, 1990.
- Cherington. *Organizational Behaviour: A Skill Building Approach*. Australia: Irwin and McGraw-Hill, 1998.
- Chand, Sunil & Holm. *Manerging for Result Through Teams*. Community College Journal of Research & Practice: 22.4. 363-380, 1998.
- _____. Dewan Redaksi Ensiklopedi Islam. *Ensiklopedia Islam*. Jakarta: Ikthtiar Baru Van Hoeve, 1994.
- Daft R.L. *Leadership:Theory and Practise*. Orlando FL: HarCourt Brace College Publishers, 1999.
- D. Francis, & D, Yong. *Improving Work Group*. Tucson, AZ: University Associates, 1979.
- Davis & Newston. *Human Behavior At Work : Organization Behavior*. New York : McGraw-Hill International Edition, 1985.
- Dassler. *Cross-Functional Teams: Working With Allies, Enemies and other Strangers*. San Francisco: Jossey-Bass Publisher, 1996.
- Fields. J. C. *Total Quality For Schools: A Suggestion for American Schools*. Wisconsin: ASQC Quality Press, 1993.
- Fellows, F. & Anita M. M. Liu, *Research Methods for Construction*. London: Blackwell Science., 1997.
- Greg L. Stewart, et.al. *Team Work And Group Dynamics*. United States Of America : John Wiley & Sons, Inc, 1999.
- Greenberg & Baron. *Behavior in Organization*. c. 6. New Jersey: Prentice-Hall Inc, 1997.
- Greenberg. *How To Increase Teamwork In Organization*. Traning Quality, 1997.
- Greenberg. *Teamwork and Team Leadership. Team Performance Manegement*. 2(1). 9-13, 1997.
- Gurcharan Singh a/l Bulbir Singh. *Semangat Berpasukan di Kalangan Pengawai Pengawai Perkhidmatan Pendidikan di Negeri Perak*. Universiti Utara Malaysia, 1997.

- Gardner dan Losen. *What Is Team Work*. Universiti of South Australia Flexible Learning Centre, 2000.
- Haron Taib. *Berbilang-bilang Jamaah Sebab-sebab dan Beberapa Saranan Untuk Mengatasinya*. Selangor: Lajnah Tarbiah dan Latihan Kepimpinan Pas Pusat, 1992.
- Hisyam al-Talib. *Panduan Latihan Bagi Petugas Islam*. Wan Izzuddin Wan Sulaiman (terj.), c.1. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, 1992.
- Huszczo, G.E. *Tools for Team Excellence: Getting Your Team into High Gear and Keeping it There*. California: Davies Black Publishing, 1996.
- Hair, J.F, Black, W.C., Babin, B. J., & Anderson, R.E *Multivariate Data Analysis* (7th ed) Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, 2010.
- Ibrahim Abu Sin. *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Ismail bin Ahmad. *Cacatan Pengarah Urusan HPA Sdn. Bhd.* <http://www.facebook.com/notes/catatan-pengarah-urusan-hpa/bingkisan-hari-aya>, 2011.
- Ismail Hashim. *HPA Satu Dekad 1997-2007*. Arau Perlis: HPA Industries Sdn. Bhd., 2007.
- Iverson & Roy. *Teams Who Needs*. Houston Texas: Gulf Publishing Company, 1994.
- Jones, S..*The Analysis of Depth Interview*. Dalam R. Walker (Ed.), *Applied Qualitative Research*. Hants: Gower, 1985.
- Joyce M. Hawkins. *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*. ed. 4. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2007.
- John R. Katzenbach dan Douglas K. Smith. *The Wisdom of the Team: Creating the High Performance Organization*. United State of Amerika: Mc Kinsey and Company, Inc., 1993.
- Jay. R. *Membina Pasukan Hebat*. Selangor: Pearson Prentice Hall, 2002.
- Jeromi S.Davis dan Newston. *How to Increase Teamwork in Organization*. Traning Quality, 1985.
- Knutton dan Ireson. *Team, Teamwork & Teambuilding: The Manager's Complete Guide To Team In Organization*. New York: Prentice Hall, 1996.
- Koontz. *Contingency Anlysis of Managerial Function*. (6th.ed) New York: McGraw-Hill, 1976.
- Knutton dan Ireson. *Ten Criteria for Effective Team Building*. Health Care Financial Management, 1995.

- Kazemark, E. *Ten Criteria for Effective Team Building*. Health Care Financial Management, 1991.
- K.H. Sirajuddin Abbas, *I'tiqad ahlussunnah Wal-Jamaah*, Jakarta: Penerbit Pustaka Tarbiyyah, 2002.
- Kenneth Stott dan Allan Walker, Team, *Teamwork and Teambuilding: The Manager's Complete Guide to Teams in Organization*, New York: Prentice Hall, 1996.
- Lussier, R. N., & Achua, C.F. *Leadership: Theory, Application, Skill*. Cincinnati, OH : South- Western College Publishing, 2001.
- Losen dan Beverly Scoot. *Leadership: Theory, Application & Skill Development*. United States: South Western College Publishing, 2001.
- Machael A. West. *Effective Teamwork*. United Kindom: MPG Books Ltd. Bodmin, 1994.
- Majalah Sinar Rohani, November (2003) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.<http://www.islam.gov.my/sites/default/files/17.rundingcara.pdf>.
- Mohd Anuar Abdul Rahman. *Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja Berpasukan Peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia*. Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Mahoney dan Thor, *Principles of Team Leadership Under Stress*. TN: Knoxville, 1992.
- Mounon. *Team Building: A Structured Learning Approach-Solution Manual*. USA: St. Lucie Press, 1964.
- Mahoney dan Thor. *Measurement of Teamwork Skills. A Trait Teamwork Questionnaire*. Presst Conference, September 10. Los Angeles: California, 1994.
- Morgan dan Murgatroyd. *Work Team in Schools*. Educational Management: Eric Digest.
- Mc Kenzie. *Teaching Groups To Become Teams*. Jurnal of Education For Business, 75:5. 227-293, 1993.
- Martinson & Wilkening. *Team Roles at Work*. Oxford: Butterworth-Heinemann.
- Mohd Shukri bin Hanafi. *Tasawur Pembangunan Dalam al-Quran: Kajian Tafsir al-Mawdu'i*. Tesis Kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 2011.
- Mohd Anuar Bin Abdul Rahman. *Keberkesanan Dan Kepimpinan Kerja berpasukan peringkat Jabatan Sekolah Menengah Di Malaysia*. Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. *Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*, Pembentangan kertas kerja di IKIM, Dewan Besar IKIM : Kuala Lumpur, 2005.

- Marans, R. W. Survey Research. (R. Betchel, et.al. eds). *Method In Environ And Behavioral Research*. New York: Van Nostrand Reinhold, 2007.
- Miles, M.B.& Huberman, A.M. *Qualitative Data Analysis*. Beverly Hills: Sage Pup, 1984.
- Muhammad Syafii Antonio. *The Super Leader Super Manager*. Jakarta: Tazkia Multimedia, 2007.
- Mustafa Masyhur. *Amal Jamaei*, terj. Abu Ridha. Jakarta: Al-I'tisom, 2001.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. *Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan*, Pementangan kertas kerja di IKIM, 14-15 Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Besar IKIM, 2005.
- Nik Mustafa bin Nik Hassan. *Etika dan Profesionalisme Dalam Pembangunan Kerjaya*, Pementangan kertas kerja di IKIM, 14-15 Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Besar IKIM, 2005.
- Nor Azmi Johari. *A Study of Team Effectiveness In The Police Department for The District Of Kangar, Perlis*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 2004.
- Naoum, S. G. *Dessertation Research and Writing for Construction Students*. Ed. ke-4. Oxford: Butteworth-Heinemann, 2007.
- Othman Lebar. *Penyelidikan Kuantitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007.
- Owens. R.G. *Organizational Behaviour in Education*. Boston: Allyn and Bacon Inc, 1998.
- _____Panel Syariah HPA. MLM Syriah HPA Sdn. Bhd. Perlis: HPA Industries Sdn. Bhd, 2009.
- _____Portal Rasmi Fatwa Malaysia. Bahagian Pengurusan Fatwa. Wilayah Persekutuan Putrajaya: Selangor. <http://www.e-fatwa.gov.my/kategori/muamalat/ekonomi>, 2006.
- _____Portal Dar al-lifta al-Misriyyah. *Hukum al-Taamul Maa' Syarikah Shinil al-Sinniyyah* (MLM) Kaherah: Kaherah .<http://www.Dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=523&text=MLM>, 2007.
- Patton, M.Q. *Qualitative Evolusion and Research Methods*(2nd. Edit). London:Suge Pub, 1990.
- Pfaffenberger, B. *Microcomputer Application in Qualitative Research*. Calofornia: Sage Pub, 1998.
- Pallant, J. *SPS: Survival Manual*. London: McGraw Hill, Open University Press, 2007.
- Robbins, S.P. *Organizational Behavior: Concept, Controversies And Aplications*. London: Prentice Hall International. Inc, 2001.

- Robert B. Maddux. *Membina Semangat Berpasukan: Latihan Kepimpinan*. Johor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd., 1993.
- Robbins, S.P. *Organizational Behavior*. New Jersey: Prentice Hall, International. Inc A Simon And Schuster Company, 1998.
- Robbin. *Managing Today*. ed. ke-2. United State: San Diego State University, 2000.
- Rusniyati Binti Mahiyaddin. *Hubungan Etika Kerja Islam Dengan Komitmen Organisasi: Kajian Di Kalangan Kakitangan Lembaga Urusan Tabung Haji*. Disertasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2009.
- Schmidt, M. *Understanding and Using Statistics*. Lexington: D.C. Health & Co., 1984.
- Shek Kwai Fun, *Keberkesanan Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Panitia dalam Jabatan Bahasa dan Sains Sosial di Sekolah Menengah Daerah Pontian*. Disertasi, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, 2007.
- Smith, K. *Teamwork Content*. ALL. Statistic Canada, 2000.
- Sidik Baba. *Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan* (Kertas Kerja Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan) di IKIM, 14-15 Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Besar IKIM, 2005.
- Siti Zulaikha Hj. Mohd. Noor. *Rundingcara: Jalan Mengatasi Masalah Keluarga*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.
- Swetnam, D. *Writing Your Dissertation*. (3rd edit). Oxford: Howtobooks, 2004.
- Nachmias, C & Nachmias, D. *Research Method in The Social Sciences* (5th edit). London : Edward Arnold, 2000.
- Sidik Baba. *Konsep Khalifah dan Komunikasi Dalam Pasukan*, (Kertas Kerja Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan di IKIM, 14-15 Jun 2005), 2005.
- Sharifah Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy. *Permasalahan Dalam Pasukan Langkah-Langkah Mengatasinya: Pendekatan Islam*, (Kertas Kerja Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan di IKIM, 14-15 Jun 2005), 2005.
- Shahrol Aman bin Ahmad. *Analisis ke atas Faktor- Faktor Penentu kepada Komitmen Organisasi: Kajian Kes di Pusat Matrikulasi Universiti Utara Malaysia*. Disertasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 1997.
- Subberi Ramli, *Persepsi Guru Terhadap Penentu Kejayaan Kerja Berpasukan dalam Organisasi Sekolah di Daerah Kulim*. Sintok: Universiti Utara Malaysia, 1998.

- Salim bin Sulaiman. *Peranan Pengetua dan Pasukan Kerja untuk Meningkatkan Kecemerlangan Pendidikan: Kajian Persepsi Guru-Guru Sekolah Menengah di Daerah Kemaman*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.
- _____. *Al-Sunan al-Tirmidhī*. jil. ke-5. Kaherah: Muassah al-Maktabah al-Shamilah, Maktab Himāyah Huqūq al-Milkiyyah al-Makriyyah.
- Tenas Affendy. H., *Kesatuan dan Semangat Melayu*. Riau: Tenas Effendy Foundation, 2012.
- Taylor dan Mc Kenzie. *The Team Development Matrix*. New York: The Wings Group, 2001.
- Taylor dan Mc Kenzie. *Organizational Behavior in Education*. Allyn and Bacon, 1997.
- Tabachnick B. G., & Fidell, L. S. *Using Multivariate Statistics (5th. Ed)*. Boston: Pearson Education, 2007.
- Walker, R. *An Introduction To Applied Qualitative Research* (R. Walker, Ed.), Applied Qualitative Research. Hants: Gower, 1985.
- Yasmin Kamarudin. *Kajian Persepsi Para Guru dan Pengetua Terhadap Semangat Kerja Berpasukan yang Efektif di Kalangan Guru Di Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1998.
- Yusuf Hj Othman. *Struktur dan Prinsip Sebuah Pasukan* (Kertas Kerja Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan di IKIM, 14-15 Jun 2005. Kuala Lumpur: Dewan Besar IKIM, 2005.
- Yeop Hussin Bidin. *Kerja Berpasukan*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2003.
- Yusof Qaradawi. *Harakah Islamiyyah Satu Tuntutan*, terj. Abdul Ghani Shamsuddin. Selangor: Institut Teknologi Mara, 1981.
- Yusuf Hj Othman. *Struktur dan Prinsip Sebuah Pasukan* (Kertas Kerja Bengkel Islam Hadhari–Hikmah Bekerja Sebagai Satu Pasukan di IKIM, 14-15 Jun 2005, 2005.
- Zainal Ariffin Ahmad. *Perlakuan Organisasi*. Shah Alam: Fajar Bakti, 1998.
- Zalika Adam & Faridah Kassim. *Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*. Gombak: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2008.
- Mohd Asri Zainal Abidin, “Jangan Salahgunakan Agama Untuk Kepentingan”, laman sesawang *Minda Tajdid*, artikel diterbitkan pada 21 September 2008, dicapai 5 April 2015, <http://drmaza.com/home/>.
- Junhairi Alyasa, “MLM Tidak Patuh Syariat Islam” laman sesawang *Kosmo*, dicapai 5 April 2015, http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2011&dt=1004&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_10.htm.

<http://www.smartpls.de/>

[http:// hpa.com.my/08/](http://hpa.com.my/08/).

<http://www.duniaherba.net/default.asp>.

<http://duniaherbahpa.com/profail-syarikat>.

<http://jawiherbshop.blogspot.com/2008/08/anugerah-perdana.html>, 13 ogos 2008.

<http://duniaherbahpa.com/2009/06/hpa-terima-anugerah-inovasi-jaya-2009/>

<http://www.hpa.com.my/buletin/index.php?news>. 2/mei/2007.

<http://www.utusan.com.my>, 12/ogos / 2008.(Kopi Radix menang anugerah PM).

<http://jawiherbshop.blogspot.com/search/label/Berita%20HPA>, 2 /Januari/2009.

<http://jawiherbshop.blogspot.com/search/label/Berita%20HPA>, 28/ Januari/2009.

Panduan Pekerja: 2006.

Buku Panduan MLM Syariah: 2009.

Panduan Pekerja, HPA Industries Sdn Bhd, 1 Januari 2006.